ISU-ISU KONTROVERSI DALAM SEJARAH PEMERINTAHAN KHULAFA' AL-RASYIDIN*



* Anda hanya dapat membaca sahaja buku ini dalam bentuk PDF (fasilitas print dan text search telah di non aktifkan). Walau bagaimanapun, ijab kabul yang berlaku iaitu peminjaman buku sahaja (saya meminjamkan kepada anda). Lebih baik lagi bila anda membeli buku aselinya. Jazakumullahu khairan.

RESENSI

Suasana penulisan sejarah Islam sebagai salah satu ruang pengamat, terdedah kepada semua elemen sama ada positif mahupun negatif dan amat mudah dicemari atau dikelirukan oleh pihak-pihak tertentu yang sememangnya berniat untuk memusuhi Islam. Perbuatan ini dilakukan juga oleh mereka yang mendakwa komited dengan Islam tetapi tidak sedar bahawa dalam masa yang sama mereka sebenarnya sedang menjadi ejen kepada golongan anti Islam. Dengan menjaja segala fakta keliru ciptaan musuh yang kononnya itulah fakta sejarah Islam yang sebenar.

Menyadari keadaan ini buku "Isu-isu Kontroversi dalam Sejarah Pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin ini cuba menampilkan beberapa contoh peristiwa dan isu yang melibatkan generasi terunggul daripada umat ini. Generasi yang menjadi sasaran musuh, agar para muslimin kebelakangan mudah pula memandang serong dan mencemuh mereka. Padahal mereka merupakan pewris Nabi Muhammad s.a.w. dalam usaha meneruskan risalah Islam yang suci. Penyelesaian terhadap isu-isu kontroversi tersebut dikemukakan dengan hujah-hujah dari sumber yang mu'tabar.

Bahagian pertama buku ini membicarakan latar belakang dan konsep Khilafah Islamiyah menurut mazhab-mazhab dalam Islam, termasuk juga bidang kuasa para khalifah.

Bahagian kedua menghuraikan isu perlantikan Abu Bakar al-Siddiq r.a. menjadi khalifah yang pertama. Ini berdasarkan pandangan Ahlu al-Sunnah wa al-Jama'ah dan al-Syi'ah yang disusuli dengan penilaian dan analisis.

Manakalah bahagian ketiga pula berkisar di sekitar isu-isu yang ditimbulkan pada zaman Khalifhah 'Uthman bin 'Affan r.a. dan disusuli dengan penjelasan sebenar kedudukan fakta yang berkaitan.

Sementara bahagian keempat pula, perbincangan tertumpu kepada situasi dalam pemerintahan Khalifah Ali bin Abu Talib k.w., khususnya kontroversi yang berpunca dari Perang Jamal, Perang Siffin dan peranan golongan al-Saba'iyah sebagai unsure perosak, serta penilaian terhadap tokoh-tokoh yang terlibat sebagai jalan melihat kebenaran siapakah sebenarnya mereka.

Akhir sekali, dalam kesimpulan, beberapa rumusan dan saranan dibuat secara ilmiah yang dikira wajar bagi mengatasi kekaburan isu-isu keliru dan kontroversi dalam fakta penulisan sejarah Islam yang berlarutan hingga hari ini.

Profesor Madya Dr. Marzuki Haji Mahmood ialah pensyarah di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau yang berkelulusan Ph. D. dari Universiti al-Azhar, Mesir, merupakan salah seorang pakar Sejarah dan Tamadun Islam, di Malaysia.

KANDUNGAN

PENDAHULUAN

Bismillahi al-Rahman al-Rahim

Segala pujian dan ta'zim khusus bagi Allah Yang Maha Kuasa, Selawat dan Salam khusus bagi Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya yang terbukti berjuang dan berbakti ke jalan Allah semata-mata.

Buku ini lebih merupakan hasil kajian ke atas fakta-fakta sejarah awal Islam yang melibatkan ramai sahabat Nabi Muhammad s.a.w. terutamanya yang dikenali sebagai "Khulafa al-Rasyidin." Dorongan untuk menilai semula kedudukan fakta-fakta sejarah awal Islam itu, terbit dari rasa, ada sesuatu yang kurang tepat mungkin berlaku secara terancang atau kebetulan, hingga seolah-olah kemurnian sejarah generasi awal Islam itu sudah benar-benar dicemari.

Antara persoalan yang sering bermain di kepala pencinta "Sejarah dan Tamadun Islam" ialah: Apakah semua maklumat, laporan dan catatan sejarah Islam yang sampai ke tangan para pembaca hingga kini dikira tepat, muktamad dan tidak perlu dinilai semula ...? Adakah segala fakta dan bahan yang termuat di dalam sumber-sumber bacaan sejarah itu, sudah menepati kehendak interpretasinya sebagai sejarah kepada umat yang diredai Allah ini? Ataukah terdapat banyak resapan-resapan tidak sihat dan pencemaran-pencemaran tertentu yang telah menutupi kemurnian wajah sejarah dan tokoh-tokoh Islam sepanjang zaman itu? Dan perlukah ia dibersihkan semula?

Bertitik tolak daripada persoalan-persoalan seperti inilah, satu kajian berbentuk penilaian semula dirasakan terlalu perlu. Ini kerana kita sendiri kadang-kadang terasa keliru dengan bahan-bahan yang disajikan, terutamanya sebagai seorang Islam yang perlu memahami pelbagai bidang ilmu yang mencakup keperluan asas, seperti ilmu-ilmu fiqh, Hadith, tafsir, usuluddin, sejarah dan sebagainya. Jika seseorang membataskan dirinya dengan satu disiplin ilmu sahaja antara ilmu-ilmu ini, mungkin kurang terasa kontroversinya. Akan tetapi apabila cuba melangkah ke beberapa disiplin yang lain sebagai usaha mencakup keperluan Islam, mulalah terasa banyak percanggahan maklumat, dan timbul kontroversi di sana sini.

Contohnya seseorang yang terlibat dengan disiplin sejarah umpamanya, waktu ia berhadapan dan bergelumang dengan hanya buku-buku dan bahan sejarah semata-mata tanpa menyentuh sumber lain, ia akan berhadapan dengan huraian-huraian sejarah yang dikiranya cukup sempurna dan menepati keadaan sebenar. Ambil saja contoh sejarah perlantikan Abu Bakar al-Siddiq r.a. menjadi khalifah selepas wafat Nabi s.a.w., rata-rata buku sejarah, sama ada yang dikarang oleh kalangan orientalis barat mahupun yang dikarang oleh kalangan Islam sendiri, kerapkali menggambarkan Saiyidina Ali bin Abi Talib r.a., menunjukkan amarah dan protesnya, kerana diketepikan daripada mendapat jawatan agung itu, sedangkan ia sendiri menantu Nabi s.a.w. dan dikatakan mendapat wasiat istimewa daripada Nabi s.a.w. Oleh itu, baginda merupakan pilihan utama daripada seluruh muslimin. Gambaran sejarah selanjutnya menunjukkan Abu Bakar r.a. dan teman-teman rapatnya dari awal-awal lagi merancang untuk membolot jawatan itu.

Ketika teraju negara berpindah ke tangan Saiyidina Uthman bin Affan r.a. pula, rata-rata sejarah menggambarkan tentang keburukan peribadi ini, kerana terlalu banyak berlaku penyelewengan, salah guna harta negara, diskriminasi, penguasaan keluarga dan penindasan, sebab itu baginda dibunuh. Secara kebetulan pula baginda dari keturunan Bani Umaiyah. Zaman Saiyidina Ali r.a. mula memerintah, keadaan

menjadi lebih aneh dan gawat, ramai sahabat-sahabat besar Nabi s.a.w. bangkit mengangkat senjata menentangnya termasuk isteri kesayangan Nabi s.a.w. sendiri, Saiyidatuna Aisyah r.a. yang mengepalai penentangan terhadap Khalifah Ali r.a., semata-mata bermotifkan balas dendam, dengan melibatkan puluhan ribu para sahabat Rasulullah s.a.w. sendiri. Akan tetapi kalau kita panjangkan pengamatan ke disiplin yang lain pula, Hadith, fiqh dan tauhid umpamanya gambaran yang diberi terhadap individu-individu yang sama amat berlainan sekali. Mereka digambarkan sebagai wira, pejuang, penyambung perjuangan Nabi s.a.w., bahkan dari keringat dan jasa bakti merekalah kemurnian Islam itu terpelihara dan selamat diwarisi hingga ke zaman kini dan zaman akan datang.

Bertolak dari sinilah fikiran akan mula kacau, yang mana satukah betul ...? Catatan dan laporan sejarah itukah yang betul, atau maklumat-maklumat fiqh, Hadith dan usuluddin itukah yang betul ...? Kedua-dua disiplin mengulas tentang individu yang sama. Mengapakah berlaku percanggahan ...? Andainya laporan dan maklumat sejarah itu yang betul, maka bagaimanakah pula kita boleh mewarisi dan mengambilIslam daripada orang-orang yang berperibadi buruk dan jijik seperti itu ...? Lebih gawat daripada itu, bagaimanakan pula melalui al-Qur'an, Allah s.w.t. sering memuji dan meredai individu-individu dari golongan ini, dan melalui Hadith-hadith sahih pul.a, Rasulullah s.a.w. sering memuji, menyanjung dan mengasihi orang-orang ini ...?

Sebagai orang Islam yang beriman dengan al-Qur'an dan Hadith Nabi s.a.w., sudah tentu tidak meragui segala perakuan al-Qur'an dan Hadith-hadith berkenaan kerana semuanya tepat dan muktamad. Lalu bertolak dari sini, nyatalah, unsur-unsur keraguan itu berada pada maklumat, fakta dan bahan-bahan ilmu sejarah itu sendiri. Maka sebagai salah satu usaha untuk menjernihkan kembali fenomena sejarah masyarakat dan institusi Islam di peringkat Khulafa al-Rasyidin khasnya, sejajar dengan tarafnya sebagai generasi yang terunggul di sisi Islam, dan supaya ia dapat diserasikan dengan prinsip yang digambarkan oleh ilmu-ilmu Islam yang lain, maka inilah dikemukakan satu kajian awal, dengan segala kelemahan dan kelonggarannya, bersama harapan akan menyusul kajian-kajian yang lain tentang tajuk yang sama oleh ahli-ahli yang pakar dalam bidang berkenaan.

Satu hal yang patut disyukuri dan dianggap sebagai unsur rangsangan ke arah melaksanakan objektif mumi daripada kajian ini, ialah terdapat banyak Hadith Nabi s.a.w. yang menyentuh secara nyata kedudukan biografi, latar diri dan keistimewaan individu-individu yang terbabit dengan gambaran kontroversi dalam kajian ini. Sebahagian daripada Hadith-hadith ini dikira sebagai salah satu penyelesaian yang muktamad dan tidak boleh diragui lagi.

Akhir kata, sebagai satu kajian awal, sudah tentu terdapat kekurangan dan kelemahan yang tersendiri dalam buku ini, hanya kepada Allah s.w.t. dipohon hidayah dan taufiq.

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi

Januari 1994

PENGHARGAAN

Segala pujian dan ta'zim khusus bagi Allah Maha Kuasa, selawat dan salam khusus bagi Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabatnya yang terbukti berjuang dan berbakti ke jalan Allah.

Melalui penyelidikan serba ringkas ini, penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia, kerana dengan penuh tanggungjawab meluluskan cuti sabatikal, kira-kira sembilan bulan yang berakhir pada 31 Mac 1991, bagi membolehkan penulis menyiapkan penyelidikan ini.

Terima kasih juga ditujukan kepada Timbalan Naib Canselor Bahagian Akademik yang telah memberikan rangsangan khusus, agar peluang cuti sabatikal seperti ini, digunakan sebaik-baiknya oleh para pensyarah untuk kerja-kerja menyelidik, mengkaji dan membongkar khazanah ilmu yang begitu banyak mengikut bidang masing-masing, kerana manfaatnya kelak akan dapat dinikmati oleh semua generasi.

Seterusnya terima kasih khusus ditujukan kepada Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam serta anggota-anggotanya yang bermurah hati membincang dan menimbangkan permohonan cuti bagi menyiapkan penyelidikan ini, kemudian meluluskannya walaupun dalam rasa keberatan, memandangkan dalam masa yang sama tenaga di jabatan agak terhad, berikutan seorang dua tenaga kontrak menamatkan perkhidmatan masing-masing.

Terima kasih selanjutnya kepada pihak Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Khas Fakulti Pengajian Islam, UKM dan orang-orang perseorangan yang memiliki bahan-bahan ilmiah yang berkaitan secara peribadi, yang banyak dapat dimanfaatkan dalam penyelidikan ini.

Seterusnya jutaan terima kasih diucapkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana bersedia menerbitkan buku ini dan kepada Encik Mohammad Hashim Jamaludin editor yang telah menyunting buku ini juga diucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Kerjasama, simpati dan bantuan semua pihak yang berkenaan, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih, dan kepada Allah Azzawajalla jua sudahnya dimohonkan ganjaran untuk semua!

Sekian.

Salam hormat daripada;

Prof. Madya Dr. Marzuki Haji Mahmood
Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam.

PERTAMA : LATAR BELAKANG KHILAFAH ISLAMIYAH

Period awal dalam sejarah Islam, iaitu mulai dari zaman Nabi Muhammad s.a.w. mendakwah ke jalan Allah s.w.t., hingga tertegaknya sebuah kekuasaan Islam di Madinah dan seterusnya sehingga baginda wafat; merupakan period paling ideal dalam sejarah manusia amnya, dan period paling keemasan dalam sejarah Islam khasnya. Keseluruhan period ini merangkumi dua peringkat yang sepadu, dan peristiwa hijrah menjadi penyambung di antara dua peringkat sejarah ini berlainan mengikut world view masing-masing.

Kebanyakan golongan orientalis barat, umpamanya, melihat kelainan yang cukup ketara di antara kedua-dua peringkat ini, lalu dikonklusikan bahawa kedua-Duanya tidak bersepadu, malahan berasingan sama sekali. H.A.R Gibb, dalam kajiannya memutuskan bahawa Muhammad bersama risalah agamanya berubah sekali selepas peristiwa hijrah. Ini kerana kalau sebelum itu di Makkah ia betul-betul menepati kerja agama, tetapi selepas berpindah ke Madinah ia bertukar menjadi satu gagasan politik. Gerak laku Muhammad juga berubah daripada pasif kepada agresif.[1]

Sebenarnya, pemikir-pemikir seperti ini tidak melihat Islam melalui kaca mata Islam itu sendiri, akan tetapi lebih menggunakan kaca mata yang asing daripada Islam, lalu terjadilah apa yang sering disebut sebagai pemikir-pemikir yang berorientasikan "sekularisme". Penularan pemikiran begini banyak pula mempengaruhi penulis-penulis Islam sendiri, sehingga ada yang mengatakan kekuasaan Nabi s.a.w., tidak ada kena mengena dengan pemerintahan atau politik.[2]

Bahagian pertama period ini merupakan peringkat mencambah benih bagi masyarakat Islam; yang lebih menumpu kepada aspek pengukuhan kaedah-kaedah asas Islam, manakala peringkat kedua merupakan peringkat penyempurnaan dan pembangunan menyeluruh masyarakat.[3] Ini bererti, kedua-dua bahagian period Nabi Muhammad s.a.w. adalah merangkum peringkat pengasasan dan pembangunan menyeluruh bagi kehidupan umat Islam dengan meletakkan asas-asas umum yang menjadi peraturan buat memandu umat ini di sepanjang sejarahnya.[4]

Walaupun banyak persoalan yang ditimbulkan tentang; apakah Islam itu mempunyai hubungan dengan urusan pemerintahan, atau ia hanya tidak lebih daripada sistem ibadah semata-mata. Persoalan-persoalan seperti ini merupakan salah satu usaha untuk mengelirukan sesuatu hakikat yang sudah cukup jelas. Tanpa merujuk kepada fakta-fakta sejarah Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. pun ia sudah cukup nyata. Kenyataan beberapa orang pemikir barat tentang hal ini menjelaskan persoalan tersebut:

---

[1] H.A.R. Gibb, Mohammedanism, in the series, (H.U.L.) 1949, hlm. 27.

[2] Lihat karangan ‘Ali Ab. Raziq, Syeikh. al-Islam wa Usul al-Hukm, Beirut cet. 1966. hlm. 82-83 dan 126, 142.

[3] Dr. Mohammad Dhiyauddin al-Rais, al-Nazariyyat al-Siasiyyah al-Islamiyyah, The Anglo - Egyption Book Shoop, Cairo, 1960, hlm. 11.

[4] Dr. M.S. al-'Iwa, fi al-Nizam al-Siasiy Liddaulah al-Islamiyah, al-Ahram al-Tijariyya, Cairo, 1975, hlm. 25.

1. R. Strothmann secara berani menyatakan bahawa Islam ialah sistem agama dan politik. Ini kerana pengasasnya ialah seorang Nabi. Ia juga merupakan tokoh politik yang berwibawa atau dengan kata-kata lain seorang negarawan.[5]
2. Dr. Schacht pula menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan Islam adalah lebih luas daripada satu agama. Ia juga merangkumi teori-teori perundangan dan politik. Secara keseluruhannya dapat dikatakan bahawa Islam ialah sistem budaya hidup manusia yang lengkap merangkum agama dan pemerintahan secara sepadu.[6]
3. Sir T. Arnold menjelaskan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. itu dalam waktu yang sama ialah seorang ketua agama dan seorang ketua negara.[7]
4. D.B. MacDonald pula menyebut bahawa pada zaman itu terbentuklah sebuah negara Islam yang pertama di Madinah dengan meletakkan prinsip-prinsip asas perundangan Islam.[8]

Walaupun di sini tidak dibentangkan pendapat para ulama Islam bagi mengukuhkan bukti bahawa Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w., mencakupi agama dan pemerintahan secara sepadu, tetapi pendapat sebahagian penulis barat yang tidak Islam itu adalah cukup untuk membuktikan itu semua. Ini kerana jika diketengahkan pandangan ulama-ulama Islam sahaja, maka ramai akan menuduh bahawa itu pendapat pihak Islam sendiri, pasti menyebelahi Islam.

Dari aspek sejarah, aspirasi daripada kedua-dua bai'ah Aqabah pertama dan Aqabah kedua, terutamanya Aqabah kedua itu di antara Nabi Muhammad s.a.w., dengan perwakilan Madinah mengandungi pengertian politik yang besar. Ini kerana bai'ah itu menjadi asas ke arah penubuhan "Negara Islam pertama" di Madinah.[9] Antara kandungan utama dalam bai'ah Aqabah kedua itu ialah pengakuan perwakilan Madinah untuk beriman dengan Allah, Rasul, taat setia, bersedia mempertahankan Islam dan Rasul dan sedia berperang mempertahankan maruah dan kesucian Islam.[10] Jika diteliti kandungan perjanjian Aqabah itu, ternyata benar bahawa objektif Rasulullah s.a.w., ke arah meningkatkan daya usaha bagi menghadapi sebarang tindakan perseteruan ke atas Islam yang dibawanya, sekalipun terpaksa berperang. Daya usaha begini merupakan kerja-kerja politik yang sering dilakukan dalam sesebuah masyarakat yang teratur atau boleh disebut sebagai masyarakat berpolitik.[11]

Bertitik tolak daripada ba’iah Aqabah yang merupakan asas kepada sistem pemerintahan Rasulullah s.a.w., dan kemudian disusuli dengan penghijrahan baginda dari Makkah ke Yathrib (Madinah) , bermulalah sebuah kuasa Islam yang syumul iaitu dimulai dengan penerimaan para penduduk terhadap Rasulullah s.a.w., sebagai ketua tertinggi di Yathrib. Di Yathriblah diturunkan ayat-ayat wahyu yang mencakupi segala bidang pemerintahan dan perundangan (Tasyri’). Ayat-ayat tersebut menjadi asas mewujudkan perlembagaan negara secara teratur. Para muslimin merujuk kepada Rasulullah s.a.w. bagi menyelesaikan seluruh permasalahan hidup. Maka atas dasar

---

[5] The Encyclopaedia of Islam, jil. 14, hlm. 350.
[6] Encyclopaedia of Sciences, jil. VIII, hlm. 383.
[7] Sir. T. Arnold, The Caliphate, Oxford, 1924, hlm. 60.
[8] D.B. MacDonald, Development of Muslim Theology, Jurisprudence, and Constitution Theory, New York, 1930, hlm. 67.
[9] Dr. M.S. al-'lwa, fi Nizam, hlm. 23.
[10] Ibn Hisyam, Sirah, bersama Syarh: al-Raud al-Unuf, jil. I. Kaherah. 1914, hlm. 274-278.
[11] Dr. Mohammed Taha Badawi, Frudh Ilmiyyah fi Tafsir Alaqat al-Harb wa al-Salam, Universiti of Beirut, 1974, hlm. 9.

itu, Rasulullah sebagai ketua tertinggi, menguasai seluruh bidang kuasa perundangan, perlaksanaan dan kehakiman.[12]

Walaupun terdapat perbezaan tertentu di kalangan mazhab atau kelompok-kelompok dalam Islam tentang teori politik, terutamanya di kalangan kelompok besar seperti Ahli al-Sunnah dan Syi'ah umpamanya, tetapi keseluruhan kelompok Islam sependapat bahawa Nabi s.a.w., semasa hidupnya menguasai dua bidang kuasa terbesar iaitu bidang kuasa keagamaan dan politik/pemerintahan. Atas dasar inilah diasaskan kaedah-kaedah yang bersangkutan dengan Negara Islam. Dalam kontrak ini, kerajaan merupakan sebuah institusi besar yang mengatur hubungan individu dengan masyarakat, kemudian dalam masa yang sama menghubungkan mereka dengan Khaliq (Allah).[13] Bermula dengan hubungan-hubungan dengan Allah s.w.t., yang bakal ditentukan balasannya pada hari akhirat, maka terbinalah pemikiran bermasyarakat dan bernegara dalam Islam. Ini merupakan rahsia pengutusan Rasul, Kitab dan tanggungjawab bagi memantapkan hubungan-hubungan tersebut.[14] Ini kerana manusia tidak akan dibiarkan tanpa sistem yang teratur dalam perjalanan menemui Allah s.w.t.

Semua ini membuktikan bahawa Rasulullah s.a.w., ialah Nabi dan ketua negara yang berdaulat. Baginda berperanan mengatur kehidupan seluruh muslim ke arah kebaikan untuk agama dan dunia mereka. Dalam hal-hal pembangunan, baginda mengatur perhubungan antara individu dan masyarakat. Melaksanakan urusan sivil mahupun jenayah. Menentukan peruntukan-peruntukan dalam urusan hak milik, termasuk urusan keselamatan dan pertahanan. Oleh itu, semua permasalahan yang menyangkut urusan negara terdapat dalam syariat Islam yang dikemukakan oleh Rasulullah s.a.w. Antara persoalan yang paling pokok termasuklah urusan peperangan, perdamaian, perjanjian, urusan tawanan, bait al-mal (perbendaharaan negara), pentadbiran, kehakiman, penggubalan undang-undang dan hukuman.[15]

Keseluruhannya membuktikan bahawa Rasulullah s.a.w., telah menegakkan sebuah negara yang bersistem dan cukup sempurna. Semua ini merujuk kepada kesempurnaan Islam itu sendiri yang merupakan aqidah, ibadah dan sistem (nizam). Malahan tidak dapat disangkal bahawa sistem yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, sebenarnya telah dilengkapi dengan persediaan-persediaan untuk dilaksanakan, kalau tidak ia hanya sistem yang berbentuk teori semata-mata. Tidak ada nilai dari aspek perlaksanaan, dan keadaan ini tidak lojik sama sekali. Berasaskan kepada realiti Sirah Nabi, begitu jelas bahawa Rasulullah s.a.w., telah mengasaskan kaedah-kaedah bagi sebuah negara yang bersistem, dan cukup sempurna. Kesemuanya berdasarkan keperluan, dan perlaksanaan arahan wahyu yang diturunkan, serta mengikut kepentingan umum yang difikirkan oleh Rasul.[16]

INSTITUSI KHILAFAH ISLAMIYAH

Menurut Ensiklopedia dan kamus-kamus bahasa seperti Lisan al-Arab, al-Taj, al-Sihah, al-Faiq, al-Nihayah dan lain-lain, istilah khilafah berasal dari kata dasar khalafa

---

[12] Anuar al-Rifaei, al-lslam fi Hadharatihi wa Nuzumihi, Dar al-Fikr, Damsyiq, cet. 11, 1982, hlm. 70.
[13] Dr. Mustafa Hilmi, Nizam al-Khilafah fi al-Fikr al-lslami, Dar al-Ansar. Kaherah, 1977. hlm. 3.
[14] *Ibid*
[15] Muhammad al-Tahir bin Asyar, Naqd Ilmiy li Kitab al-lslam wa Usul al-Hukm, Kaherah, hlm. 24.
[16] Zafir al-Qasimy, Nizam al-Hukm fi al-Syariah wa al-Tarikh jil. 1 Dar al-Nafais, Beirut, 1974, hlm. 46, 47.

bererti orang yang menyusul selepas orang terdahulu, atau pengganti kepada orang yang lalu.[17] Seterusnya lahirlah istilah khalifah iaitu pemimpin atau ketua tertinggi. [18] Maka atas dasar itu, orang yang menggantikan Rasulullah s.a.w., dalam aspek pimpinan dan perlaksanaan hukum syarak digelar khalifah.[19]

Dalam al-Qur'an terdapat dua tempat yang menyebut istilah khalifah secara jelas, iaitu:

1. Maksud firman Allah; ...dan ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat, sesungguhnya Aku mahu jadikan di bumi itu khalifah.[20]
2. Maksud firman Allah. Wahai Daud! “Sesungguhnya Kami jadikan kamu itu khalifah di ruang bumi ini, maka perintahkanlah seluruh manusia itu dengan kebenaran."[21]

Dalam al-Qur'an terdapat istilah khalifah dalam bentuk jamak, iaitu beberapa orang khalifah, antaranya maksud firman Allah, ... dan Dialah yang menjadikan beberapa khalifah di bumi ini.[22]

Walau bagaimanapun Khilafah dalam konteks yang lebih luas, ialah pimpinan bagi negara Islam. Ia diberikan berbagai-bagai definisi yang berlainan gaya bahasa tetapi memberi persamaan erti.[23] Beberapa pemikir Islam temama turut menghuraikan pengertian Khilafah, antaranya:

1. Ibn Khaldun: Menurut beliau Khilafah ialah tanggungjawab kepimpinan ke atas seluruh masyarakat berdasarkan pandangan syarak, dalam urusan keakhiratan dan keduniaan mereka. Ini kerana seluruh tindak laku di dunia dalam perhitungan syarak mempunyai kaitan dengan keadaan yang bakal ditemui di akhirat. Sebab ia merupakan tanggungjawab dari Allah dalam memelihara agama dan politik dunia.[24]
2. Al-Mawardi: Bagi beliau Khilafah ialah urusan pimpinan yang diperuntukkan bagi menggantikan tugas kenabian dalam memelihara agama dan politik dunia.[25]
3. Ibn Hazm: Menurut beliau perkataan Imam sekiranya disebut secara tunggal, ia pasti bermaksud "Imam Agung" iaitu khalifah, tetapi sekiranya mahu dimaksudkan dengan imam-imam yang lain, maka perlu dipadukan dengan perkataan-perkataan lain supaya maksudnya khusus, seperti imam sembahyang, imam agama dan sebagainya.[26]

ANTARA SISTEM KHILAFAH DAN SISTEM-SISTEM YANG LAIN

Kalau dibandingkan secara menyeluruh di antara sistem Khilafah yang dikemukakan oleh Islam dengan sistem-sistem pemerintahan yang lain yang pernah dikenali oleh masyarakat manusia, terutama sistem empayar atau sistem kisra yang lahir semasa, maka terdapat ciri-ciri perbezaan yang amat ketara. Antaranya, sistem Khilafah merangkumi dua bidang kuasa yang utama iaitu keagamaan dan politik keduniaan.

---

[17] Dr. A.H. al-Khurboutly, al-Hadarah al-Arabiyyah al-Islamiyah, Maktabah al-Khanji, Kaherah, 1975, hlm. 3.
[18] Anwar al-Rifaie. al-Islam, hlm. 77.
[19] Dr. A.H. al-Khurboutly, al-Hadarah, hlm. 3.
[20] Al-Qur'an surah al-Baqarah, 2:30.
[21] Al-Qur’an surah Sad, 38:26.
[22] Al-Qur'an surah al-An’am, 6:165.
[23] Zafir al-Qasimy, Nizam, hlm. 119.
[24] Ibn Khaldun, Muqaddimah, Kaherah, 1284, hlm. 158-159.
[25] Al-Mawardi. al-Ahkam al-Sultaniya. Mustafa al-Babi al-Halabi. Kaherah, 1966 Cet. II, hlm. 5.
[26] Ibn Hazm, al-Fasl fi al-Milal wa al-Nihal. Kaherah.

Sedangkan sistem empayar dan lain-lainnya mempunyai kuasa yang terbatas, dalam tanggungjawab ke atas seluruh rakyat, berasaskan kepada pemikiran semata-mata, bagi mencapai kepentingan duniawi.[27]

Dengan kata-kata lain, kebanyakan pemerintah di dunia yang bertamadun ini, menjalankan pemerintahan menggunakan undang-undang politik yang diputuskan oleh ahli-ahli fikir dan pembesar negara, membuat semua orang patuh dan tunduk pada hukuman tersebut. Manakala sistem Khilafah, ia diikat rapat oleh undang-undang agama bersifat syarak, di mana khalifah mentadbir umat sebagai menggantikan Rasul s.a.w., pembawa syariat itu. Dari aspek ini Khilafah merangkumi asas-asas pimpinan.[28] Walau bagaimanapun, orientalis T. Arnold cuba mengemukakan kajian perbandingannya tentang sistem Khilafah di Timur dengan Empayar Romania suci di Barat, katanya, "Kedua-kedua sistem berdasarkan kekuatan agama, cuma empayar suci bukanlah sesuatu yang baru lahir, bahkan ia adalah lanjutan daripada Empayar Wathani (keberhalaan) yang lalu juga.[29] Di Barat juga terdapat dua pemerintah, pertama pemerintah duniawi iaitu Maharaja, dan kedua, pemerintah rohani (spiritual), iaitu Pope. Sedangkan khalifah ialah pemerintah politik yang menguasai kedua-dua bidang kuasa duniawi dan rohani (keagamaan). Walaupun demikian kuasa keagamaan di sekitar memelihara perlaksanaan kesucian agama, menghukum para pesalah, mengisytiharkan jihad dan mengimamkan solat. Berlainan pula dengan Pope yang dianggap manusia suci yang paling tinggi, sehingga boleh mengampun segala dosa orang-orang yang berdosa. Dialah sumber rujukan paling tinggi bagi hal-hal keagamaan.[30]

Walau bagaimanapun keadaan ini amat ketara perbezaannya dengan khalifah Islam. Ini kerana sumber hukum paling tinggi bagi institusi Khilafah ialah al-Qur'an dan al-Sunnah.[31] Ini bererti khalifah dalam konteks Islam tidaklah mempunyai apa-apa keistimewaan peribadi. Jawatan yang disandang tidak meletakkan ia sebagai orang yang paling tinggi atau paling istimewa di hadapan Tuhan, kerana ukuran tinggi rendah seseorang muslim, sama ada pemerintah atau rakyat biasa ialah taqwa. Ini berasaskan maksud firman Allah s.w.t., “Sesungguhnya yang paling mulia kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa, sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui lagi Maha Bijak".[32] Antara kandungan ucapan Rasulullah s.a.w. dalam “Hajjatu al-Wada." menjelaskan, “Tuan-tuan sekalian! apakah tidak Tuhan Kamu itu Esa, apakah tidak bapa keturunan kamu satu, apakah tidak ada sebarang kelebihan bagi seseorang berbangsa Arab, dari seorang bukan Arab, tidak pula yang berkulit merah, ke atas yang berkulit hitam melainkan dengan taqwa."[33] Penjelasan ini membuktikan bahawa pangkat dan kedudukan tidaklah menjadi pengukur tinggi rendah atau hina mulia seseorang dari perspektif Islam. Malahan yang menjadi penentu sebenarnya ialah tahap ketaqwaan dan iman seseorang kepada Allah s.w.t.. Semuanya menunjukkan dasar persamaan yang digariskan oleh Islam untuk menjamin erti keadilan dan keharmonian sebenar. Kita lihat penghayatannya begitu jelas daripada kandungan ucapan dasar Khalifah Abu Bakar r.a. ketika menggariskan masa depan pemerintahannya ketika mula-mula dilantik menjadi ketua negara, antaranya: "...orang-orang yang lemah pada anggapan kamu, adalah ia kuat pada anggapanku,

---

[27] Dr. A.H. Khurboutly, al-Hadarah. hlm. 4.
[28] Jurji Zaidan. Tarikh al-Tamadun al-Islami. jil. II, cet. al-Hilal. Kaherah. hlm. 127
[29] T. Arnold: The Caliphate. Oxford. 1924. hlm. 10.
[30] Ibid.
[31] A.A. Mansor, Nuzum al-Hukm Wa al-Idarah fi al-Syariah al-Islamiyah, Beirut, cet. II, 1971. hlm. 43.
[32] Al-Qur’an, surah al-Hujurat 49:13.
[33] Musnad Imam Ahmad, Jil. 3. Beirut, 1978/1938, cet. 2, hlm. 313. Lihat juga Hamidullah. al-Wathaiq al-Siasiyyah.

maka aku mesti menunaikan haknya. Sebaliknya orang-orang yang kamu sangka kuat itu, sebenarnya ia lemah buatku, hingga aku bersedia mengambil haknya."[34]

PENDAPAT MAZHAB-MAZHAB DALAM ISLAM TENTANG INSTITUSI KHILAFAH

Bertolak daripada fakta sejarah, bahawa seluruh muslimin tanpa melihat kepada perbezaan mazhab, kefahaman, aliran politik dan kecenderungan, sama-sama berpendapat, bahawa melantik seorang pengganti Nabi s.a.w., sebagai pemimpin dan ketua negara merupakan suatu kemestian. Ini bererti menegakkan sistem Khilafah adalah wajib dan satu kewajipan suci dari segala kewajipan yang lain, kerana dalam peristiwa Saqifah (Saqifah: ialah balai Bani Saidah, sebuah dewan tempat perhimpunan di Madinah, paling terkenal setelah digunakan sebagai tempat pemilihan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a. menjadi ketua negara Islam selepas wafat Rasulullah s.a.w., pada tahun 11 H/632M.), seluruh kaum muslimin sama ada Muhajirin mahupun Ansar, sama-sama sepakat tentang pentingnya melantik ketua negara bagi menggantikan Rasulullah.[35]

Cuma titik permasalahan yang sering menjadi pertikaian di kalangan mazhab-mazhab atau kumpulan-kumpulan Islam dari dahulu hingga kini ialah bagaimanakah cara pemilihan seseorang khalifah itu. Apakah harus dipilih secara bebas, atau terdapat sesuatu ketentuan tertentu yang dijelaskan oleh al-Qur'an atau al-Sunnah Rasulullah s.a.w., sejak dahulu ...?

Di kalangan mazhab-mazhab Islam, terdapat dua kumpulan besar yang begitu menonjol dan mempertahankan pandangan masing-masing. Kumpulan tersebut ialah Syi’ah dan Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah.

PENDAPAT SYI'AH

1. Menegakkan Imamah atau Khilafah adalah wajib kerana ia adalah rukun agama.
2. Seseorang Imam/khalifah tidak boleh dipilih secara bebas, kerana Nabi s.a.w. pernah menyebutkan (menentukan) perkara tersebut.
3. Saiyidina Ali bin Abi Talib, tokoh pertama yang dinaskan sebagai ganti Rasulullah s.a.w.
4. Seseorang Imam/khalifah wajib bersifat maksum.[36]

Tujuan golongan Syi'ah pada permulaannya ialah menuntut hak Ali bin Abi Talib r.a. sebagai khalifah selepas Rasulullah s.a.w.. Akan tetapi apabila Saiyidina Ali r.a. menjadi khalifah, mereka melakukan sedikit perubahan, iaitu Ali sebagai penerima wasiat, dan Imam; dengan berhujjahkan, bahawa Imamah bukanlah semata-mata permasalahan kepentingan yang berhubungkait dengan pemilihan umum, tetapi ia adalah masalah usul aqidah, ia merupakan rukun agama yang tidak harus sama sekali

---

[34] Ibn al-Athir, al-Kamil fi al-Tarikh, jil. 2, Kaherah, 1349, hlm. 224-225.
[35] Dr. Ibrahim Ahmad al-Adawi, al-Nuzum al-Islamiyah. Anglo al-Misriyah, Kaherah, 1972, hlm. 140.
[36] Zafir al-Qasimi, Nizah al-Hukm, hlm. 397. Petikan dari “Kitab Ayah al-Syiah” karangan Mohsen al-Amin, dalam tajuk: Itikad mereka tentang Imamah dan Khilafah, jil. I: “Bahawa Imam selepas Rasulullah s.a.w., ialah sepupunya Ali bin Abi Talib, kerana ia naskan begitu dalam peristiwa al-Ghadir; dengan perintah Allah." Lihat juga, Syeikh Mohammad Hussain al-Zain, al-Syiah fi al-Tarikh. Beirut, 1979, hlm. 45.

diabai atau dilupakan oleh Rasulullah s.a.w., dan tidak munasabah Rasul menyerahkan urusan tersebut kepada budi bicara masyarakat umum.[37]

PENDAPAT AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Rata-rata kumpulan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah pada peringkat awal mengandungi golongan Muhajirin dan Ansar. Keseluruhan Ahl al-Sunnah berpendapat bahawa Rasulullah s.a.w., tidak pernah menyatakan secara terang tentang siapakah di kalangan para pengikutnya yang dicadangkan sebagai penggantinya kelak. Baginda juga tidak menyatakan kaedah yang wajib digunakan dalam pemilihan seorang pemerintah atau yang dikenali selepas itu sebagai khalifah.[38]

Begitu juga Baginda Rasulullah s.a.w. tidak pernah menentukan secara tepat syarat atau kriteria terperinci yang harus dipenuhi oleh bakal-bakal calon khalifah. Cuma yang boleh disebut sebagai arahan Rasulullah s.a.w., dalam konteks ini ialah kaedah-kaedah am yang wajib diambil kira oleh seseorang pemerintah Islam dalam menjalankan pemerintahan. Ini termasuk mengambil kira ciri-ciri moral dan kesopanan Islam yang wajib dipegang secara bersama di antara pihak pemerintah dengan pihak yang kena perintah (rakyat).[39] Bukan sahaja al-Qur'an, malahan al-Sunnah juga tidak mengemukakan sesuatu yang terperinci tentang format sistem yang mesti diutarakan dalam negara Islam.[40] Apa yang diterangkan ialah kaedah-kaedah am sahaja. Sebagai contoh, dalam al-Qur'an banyak ayat membayangkan cara pemerintahan yang baik, antaranya; maksud firman Allah s.w.t. “Taatlah akan Allah dan taatlah akan Rasul, dan pemimpin-pemimpin dari kalangan kamu".[41] Walaupun dalam kumpulan yang sama, golongan Muhajirin berbeza pendapat dengan golongan Ansar dari aspek tanggapan dan penilaian kelayakan. Kalangan Muhajirin merasa mereka lebih layak daripada orang lain. Alasan yang dipegang ialah mereka merupakan orang pertama beriman dengan Nabi s.a.w. sebelum orang lain berbuat begitu. Mereka orang pertama menanggung sabar menerima kezaliman bersama-sama Rasulullah s.a.w.. Mereka tidak gentar walaupun bilangan mereka masih kecil. Mereka juga berketurunan Quraisy yang bererti sepanjang masa menjadi pemimpin.[42] Sekiranya pemimpin dipilih dari kumpulan lain, sudah tentu kumpulan-kumpulan lain juga akan bangun bersaing, lalu akan meletus kekacauan dalam negeri.[43]

---

[37] Al-Syaharastani, al-Milal wa al-Nihal, jil. I, Maktabah al-Hussain al-Tijariyah, Kaherah, 1948, hlm. 234.
[38] A. Ali Mansor, Nuzum al-Hukm, hlm. 245. Lihat juga: Dr. M.S. al-Iwa, dlm. fi al-Nizam al-Siasi, hlm. 39.
[39] Ibid.
[40] Ibid.
[41] Al-Qu'.an surah al-Nisa' 4:56, huraian oleh Dr. A.H. al-Khurboutly, dlm. al-Hadarah al-Arabiyah. hlm. 6-7.
[42] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul wa al-Muluk. (Tahqiq Muhammad Abu al-Fadhl, Kaherah, 19, jil. III, hlm. 309.
[43] Anuar al-Rifaie, al-Islam fi Hadharatihi, hlm. 79.

PENDAPAT GOLONGAN AL-KHAWARIJ*

Jawatan khalifah hendaklah dibuat secara pilihan bebas. Jika seseorang muslim dipilih menjadi khalifah, ia tidak boleh meletakkan jawatannya. Seseorang khalifah juga tidak semestinya berbangsa Quraisy, malahan jawatan tersebut boleh dipegang oleh sesiapa sahaja walaupun oleh seorang hamba yang berkulit hitam.[44] Seseorang yang dipilih menjadi khalifah wajib mematuhi perintah selengkapnya; kalau tidak, ia wajib dipecat.[45] Dengan demikian golongan Khawarij mempunyai teori yang berlainan daripada Syi'ah yang mengkhususkan jawatan khilafah hanya bagi kalangan keluarga Nabi s.a.w. sahaja. Ia juga mempunyai teori yang berlainan dengan kalangan Ahl al-Sunnah yang kebanyakannya menetapkan syarat berbangsa Quraisy.[46] Walau bagaimanapun, dalam banyak kumpulan, kumpulan Khawarij ini terlalu ekstrim, kerana bersikap segera mengkafirkan orang-orang yang tidak sealiran dengan mereka. Selepas peristiwa Tahkim mereka mengkafirkan Saiyidina Ali bin Abi Talib, dan Mu'awiyah bin Abi Sufian. Mereka juga mengkafirkan Talhah, al-Zubair, dan Saiyidatuna Aisyah r.a.[47] Mereka juga mewujudkan beberapa syarat ke atas khalifah, antaranya, sekiranya khalifah menyeleweng dari jalan yang baik, dan lari daripada kebenaran, ia wajib dipecat atau dibunuh.

Mereka mengharuskan dunia ini berjalan tanpa mempunyai ketua langsung, sekiranya perlu dilantik, ia boleh dilantik daripada seorang hamba atau merdeka atau nabat** atau Quraisy.[48] Risiko daripada teori Khawarij yang memungkinkan rakyat memecat atau membunuh ketua negara yang dirasakan telah melakukan penyelewengan, banyak meninggalkan kesan negatif kepada perlembagaan politik Islam selepas pemerintahan khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a. Seorang penulis Pakistan, Khuda Bukhsh berpendapat, bahawa kesan teori ini menggerakkan para pemberontak bertindak membunuh khalifah Uthman bin Affan r.a. apabila disangkakannya dia telah mengubah dan menukar politiknya.[49]

PENDAPAT GOLONGAN AL-MURJIAH

Golongan al-Murjiah ialah kumpulan yang bersikap tidak menyebelahi mana-mana pihak. Tidak bersama kerajaan dan tidak pula menentangnya.[50] Mereka tidak mengkafirkan seseorang yang berperang untuk mendapat kuasa seperti sikap

---

* Al-Khawarij ialah kumpulan Islam yang ada kaitan dengan tragedi "Perang Siffin" antara Ali bin Talib dengan Mu'awiyah bin Abi Sufian pada tahun 37H. Pada peringkat awal, al-Khawarij adalah kalangan tentera Saiyidina Al,. tetapi akhirnya berpecah meninggalkan barisan, konon tidak berpuas hati dengan kedudukkan tahkim antara Ali dan Mu'awiyah. Buat permulaannya, Khawarij lebih merupakan kumpulan politik, tetapi meningkat menjadi kefahaman agama. Antara prinsipnya, ialah mengkafirkan orang-orang Islam yang tidak sehaluan dengan mereka, hingga ke tahap mengkafirkan Saiyidina Ali, Mu'awiyah, Amru al-As dan lain-lain, serta menghalalkan darah mereka.

[44] Ibid., hlm. 80.

[45] Ibid.

[46] Ibid.

[47] Dr. A.H. Khorboutly, al-Hadarah, hlm. 8.

** Satu suku bangsa bukan berdarah Arab yang merupakan imigran ke kawasan negeri Iraq pada zaman purba.

[48] Al-Syaharstani, al-Milal wa al-Nihal, jil. II, Kaherah 1948/1368, hlm. 174.

[49] Khuda Bukhsh, Contributions to the History of Islamic Civilization, Calcutta, 1930, jil. II, hlm. 159.

[50] Anwar al-Rifaie, al-Islam fi Hadharatihi, hlm. 81.

golongan Khawarij. Pada mereka, khalifah-khalifah semuanya mukmin, tidak boleh ditentang. Alasannya, kerana kita tidak dapat menentukan yang mana yang betul. Kita harus menyerahkan urusan mereka keseluruhannya kepada Allah semata-mata.[51] Golongan Murjiah berpendapat bahawa golongan Khawarij, Syi'ah dan Bani Umaiyah semuanya beriman, kerana sesetengahnya betul dan sesetengahnya salah. Tetapi sukar untuk dipastikan yang mana satu. Oleh itu menyerah saja urusan mereka kepada hari kiamat.[52] Maka atas dasar sedemikianlah klta dapati sikap mereka terhadap pemerintahan Bani Umaiyah lebih mirip ke arah menyokong, tetapi sokongan negatif bukan positif.[53]

PENDAPAT GOLONGAN AL-MU'TAZILAH

Pada peringkat awalnya, golongan Mu'tazilah semata-mata lahir sebagai kumpulan agama, tidak menyentuh soal politik. Ini berbeza daripada Khawarij, Syi'ah atau Murjiah. Cuma pada dekad-dekad berikutnya barulah mereka mulai mencampuradukkan doktrin agama dengan beberapa prinsip politik, khususnya permasalahan Khilafah atau Imamah.[54]

Menyentuh permasalahan Khilafah atau Imamah, golongan Mu'tazilah berpegang kepada prinsip bahawa manusia mempunyai kebebasan. Umat berhak memilih ketua mereka, kerana al-Qur'an tidak pernah menyentuh tentang sifat yang mesti ada pada pemerintah Islam secara terperinci. Walau bagaimanapun mereka tidak sekata tentang syarat berbangsa Quraisy bagi seseorang ketua. Mereka berhujah bahawa Hadith yang bermaksud, "Imam-imam itu hendaklah berbangsa Quraisy", tidak mutawatir, kerana kalau ia betul-betul mutawatir, sudah tentu golongan Ansar tidak cuba bersaing dengan Muhajirin dalam soal Khilafah.[55] Malahan Saiyidina Umar bin al-Khattab sendiri mengharuskan perlantikan ketua dari kalangan hamba, katanya, "kalau sekiranya Salim hamba kepada Huzaifah masih hidup nescaya aku melantiknya."[56] Secara keseluruhannya pandangan golongan Mu'tazilah dalam pemilihan ketua seperti yang dirumuskan oleh al-Mas'udi, iaitu bahawa pemimpin adalah pilihan ummah. Ini kerana Allah tidak menentukan jawatan tersebut kepada seseorang. Cuma terserah kepada ummah memilih seseorang bagi melaksanakan perintah-perintah-Nya. Tanpa mengambil kira sama ada ia daripada golongan Quraisy atau bukan yang penting ia beragama Islam, adil dan beriman. Mereka tidak mengambil kira persoalan nasab (keturunan). Dan semua orang bagi seluruh zaman mesti berbuat demikian.[57]

BIDANG KUASA KHALIFAH

Khalifah sebagai ketua negara mempunyai bidang kuasa yang cukup luas, lebih-lebih lagi ia merangkumi kedua-dua bidang kuasa agama dan politik. Jika dirujuk kepada sejarah khulafa al-Rasyidin, bidang kuasa yang pernah diamanahkan sekurang-kurangnya enam bidang, iaitu:

---

[51] Ibid.
[52] Ibn al-Ibri, Tarikh Mukhtasar al-Dual, al-Matba'ah al-Katholikiyah, Beirut, 1890, hlm. 166.
[53] Anwar al-Ridaei, al-Islam fi Hadharatihi, hlm. 81.
[54] Dr. A.H. Khorboutly, al-Hadarah al-Arabiyah, hlm. 10.
[55] Anwar al-Rjfaie, al-lslam fi Hadharatihi.
[56] Zafiral-Qasimi, Nizam al-Hukm, hlm. 197.
[57] Al-Ma'udi, Muruj al-Zahab wa Maadin al-Jawhar, jil. III, hlm. 155.

1. Memelihara dan menjaga agama, merangkumi urusan solat, zakat, puasa, haji, tindakan ke atas gejala murtad, pelampau dan mengisytiharkan jihad, umumnya mempertahankan kesucian agama dan umatnya.[58]
2. Melaksanakan hudud dan pengadilan. Bagi tujuan ini, khalifah menjalankan tugas di ibu negara. Bagi daerah-daerah yang jauh, pegawai-pegawai kanan khalifah yang biasanya dikenali sebagai Wali atau Amil mewakili khalifah menjalankan tugas.
3. Urusan pertahanan dan keselamatan. Sebagai khalifah yang juga panglima agung angkatan bersenjata negara, seseorang khalifah bertanggungjawab ke atas semua urusan pertahanan dan keselamatan negara.
4. Pemungutan cukai dan perbelanjaan negara. Sistem dan arahan pemungutan cukai negara adalah mengikut arahan khalifah, begitu juga dengan agihan dan perbelanjaan. Oleh sebab khalifah merupakan ketua negara Islam yang dipilih berasaskan pada kekuatan iman dan taqwa, maka tugas khalifah yang melibatkan ekonomi dan kewangan tidak memerlukan pengawas tertentu, kecuali agamanya dan juga kadangkala rakyat jelata.
5. Perlantikan kakitangan kerajaan. Ini termasuk perlantikan para menteri, hakim, Gabenor, dan sebagainya, begitu juga urusan pemecatan pegawai berkenaan sekiranya perlu.
6. Mengawal perjalanan seluruh petugas-petugas negara, dan biasanya khalifah dibantu oleh kakitangan tertentu bagi mendapat maklumat lengkap tentang seluruh keadaan dalam negara.[59]

Segala bidang kuasa khalifah yang disebutkan itu dalam masa yang sama, merupakan objektif bagi sesebuah kerajaan Islam. Ini kerana apa yang sering disebut oleh para fuqaha Islam, objektif utama pemerintahan Islam ialah menegakkan agama dan mentadbir kepentingan rakyat jelata.[60] Oleh itu, menyelesai permasalahan dan melaksanakan kepentingan rakyat, sama ada muslim atau bukan muslim dikira sebagai tugas terpenting seseorang pemerintah Islam. Lalu, nilainya tidak kurang daripada tanggungjawab menegakkan agama. Ini kerana rata-rata dalam al-Qur'an, apabila Allah s.w.t. menjelaskan tentang kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat, ia sering dihubungkaitkan dengan tahap ketaatan kepada-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Dalam konteks ini, pemerintah selaku orang yang diberi kuasa, wajib memperlihatkan tindak-tanduk yang mengarah rakyat kepada kebaikan bagi kedua-dua dimensi, duniawi dan ukhrawi. Sesuai dengan pemerintah memikul tugas mewujudkan kemaslahatan rakyat dan menolak keburukan yang menimpa mereka.[61]

Sebenarnya, kalau dilihat kepada keseluruhan bidang kuasa khalifah dalam Islam atau yang disebut sebagai matlamat atau objektif pemerintahan Islam, maka akan jelas betapa unik dan unggulnya keadaan-keadaan yang bakal dicapai melalui sistem Khilafah, kerana apa jua permasalahan yang timbul dalam negara yang mengamalkan sistem Khilafah pada dasamya dirujuk kepada al-Qur'an dan al-Sunnah. Jadi, sudah pasti kedua-dua asas rujukan ini cukup sempuma dan tidak ada kelemahan apa pun, sebab ia datang dari Allah yang Maha Sempuma dan di bawah pemeliharaan-Nya. Maksud firman Allah, "Kamilah yang menurunkan al-Zikr (al-Qur'an) dan Kamilah yang memeliharanya."[62]

---

[58] Dr. Mustafa al-Fafeiy, Hadarah al-Arab fi al-Usur al-Islamiyah, al-Zahirah, Dar al-Kitab al-Lubnan, 1968, hlm. 114.
[59] Ibid., hlm. 14-115. Lihat juga, al-Mawardi, al-Ahkam, hlm. 15-16.
[60] Dr. M.S. al-Iwa, fi al-Nizam, hlm. 96.
[61] Izzu al-Din bin Ab. Salam, Qawaid al-Ahkam, Kaherah. 1968, hlm. 11.
[62] Al-Qur'an, surah al-Hijr, 15:9

KEDUA: ISU-ISU KONTROVERSI

PENDAHULUAN

Terdapat berbagai-bagai pendapat yang dikemukakan oleh pengkaji, pemikir, ahli politlk dan penganalisis sistem pemerintahan terhadap kerajaan Khulafa al-Rasyidin, bermula daripada khalifah Abu Bakar al-Siddiq, Umar bin al-Khattab, Uthman bin Affan dan Ali bin Ali Talib r.a. Apa yang sering menjadi fokus para pengkaji sejarah pemerintahan Islam ialah di sekitar pimpinan dan pemilihan pemimpin (Imam/khalifah) bagi sesuatu peringkat pemerintahan Islam. Bukan sesuatu yang aneh sekiranya para pengkaji menumpukan pada permasalahan Imamah atau Khilafah, kerana apa yang jelas daripada sejarah pemerintahan Islam selepas Rasulullah s.a.w., bibit-bibit perselisihan umat Islam, pada akhirnya rata-rata berpunca daripada persoalan Khilafah atau pimpinan. Al-Imam Abu Hassan al-Asy'ari menjelaskan, banyak perkara yang diperselisihkan orang selepas Nabi mereka, menyebabkan mereka berpuak-puak, cuma Islam sahaja mampu menyatukan mereka kembali. Perkara pertama perselisihan di kalangan muslimin selepas Nabi mereka ialah perselisihan tentang pimpinan.[63]

Pendapat yang hampir sama dikemukakan oleh al-Syahrastani, yang menyatakan bahawa perselisihan paling sengit berlaku di antara umat Islam ialah perselisihan tentang pimpinan, kerana tidak berlaku hunusan pedang dalam Islam yang berpunca daripada asas keagamaan seperti yang pernah dihunuskan atas soal pimpinan bagi sefiap Zaman.[64]

ISU PERLANTIKAN ABU BAKAR AL-SIDDIQ

Antara isu-isu awal yang sering menjadi bahan penyelidikan para ahli, ialah sejauh manakah kesahihan perlantikan Abu Bakar al-Siddiq r.a. yang diangkat menjadi pemimpin Islam menggantikan Rasulullah s.a.w. dan bergelar khalifah ? Satu persoalan yang cukup sengit dan kompleks untuk dicari penyelesaian. Seperti biasa apabila permasalahan melibatkan identiti umat Islam, maka ia mudah menjadi bahan sepak terajang, bukan sahaja di kalangan pemikir-pemikir Islam, tetapi yang paling ghairah ialah kalangan orientalis yang fanatik. Platform penyelidikan ilmiah digunakan bagi meluahkan objektif sebenar yang tersirat. laitu mencungkil ciri-ciri negatif yang terdapat dalam perlaksanaan sistem Islam, lalu didedahkan dalam bentuk yang lebih terbuka dengan menggunakan metodologi penyelidikan yang menarik. Hingga akhirnya, apabila sesuatu hasil penyelidikan itu dibuat oleh kalangan orientalis Barat, maka melalui penggunaan istilah 'Barat' semata-mata sudah cukup untuk mengabui mata dan mempengaruhi pemikiran orang ramai, lebih-lebih lagi ke atas orang Islam sendiri yang kerap terperangkap dengan kejutan kemajuan barat, disebabkan kelonggaran nilai. Akhirnya, orang-orang Islam seperti ini mudah menjadi alat,

---

[63] Abu al-Hassan al-Asyari, Maqalat al-lslamiyin wa Ikhtilaf al-Musallin, II jilid. Tahqiq Mohammad Muhyiddin Abd. Hamid. Al-Nahahah al-Misriyah, Kaherah, jil. 1, hlm. 2.

[64] Al-Syahrastani, al-Milal, jil. 1, hlm. 30

walaupun apa yang mereka kagumi itu benar-benar merugikan Islam yang mereka anuti. Sikap-sikap rapuh orang Islam yang mudah terjerat dengan perangkap musuh, khususnya dari barat, sebenarnya sesuatu yang telah dimaklumi oleh Rasulullah s.a.w. sejak dahulu lagi. Maka atas dasar amaran, baginda s.a.w. pernah bersabda, maksudnya "Kamu pasti akan terus mengikuti perjalanan orang-orang asing sebelum kamu, secara sedepa demi sedepa dan sehasta demi sehasta, hingga sekalipun orang-orang itu masuk ke lubang biawak pasir pun, kamu tetap mengikuti mereka juga. Kami (para sahabat yang mendengar) bertanya, "Wahai Rasulullah, Apakah Tuan bermaksud, mereka itu Yahudi dan Nasrani:" (Kristian) ...? Baginda menjawab, "Maka siapa lagi ...?![65] Al-Imam Ibn Hajar menyatakan, bahawa sebenarnya kebanyakan amaran Rasulullah s.a.w. itu sudah pun terjadi dan pasti banyak lagi yang akan terjadi.[66]

Dalam soal perlantikan Abu Bakar al-Siddiq r.a. menjadi khalifah yang pertama selepas Rasulullah s.a.w. wafat, sejak awal-awal lagi ia menjadi isu yang hangat dibincangkan terutama oleh orang-orang yang terlibat dalam pengajian sejarah dan sistem pemerintahan Islam. Persoalan yang timbul antaranya, adakah boleh seseorang khalifah itu dipilih secara bebas ? atau adakah jawatan khalifah itu mesti disandang oleh orang-orang atau golongan tertentu ? dan adakah terdapat apa-apa bukti daripada nas atau sebagainya yang menjelaskan perkara tersebut ...? akhirnya, apakah perlantikan Abu Bakar r.a. itu dikira sah atau sebaliknya ...?

Bagi memecahkan kebuntuan berhubung persoalan seperti itu, terdapat beberapa golongan yang terang-terang bercanggah pendapat. Antara yang paling terkemuka ialah dua golongan besar di kalangan umat Islam iaitu golongan Syi'ah, golongan Ahli al-Sunnah (Sunni) di samping golongan lain di luar perbatasan Islam seperti orientalis Barat dan sebagainya.

PENDAPAT GOLONGAN SYI'AH

Antara kumpulan Syi'ah yang paling menonjol membicarakan tentang pemimpin atau yang selalu disebut "Imam" ialah kumpulan Syi'ah Imamiyah. Antara dasar pegangan Syi'ah Imamiyah ini ialah mempercayai Imam adalah wajib.[67] Kefahaman buat kumpulan Syi'ah, bahawa Imam atau ketua negaralah yang akan menguruskan keadilan, mengepalai masyarakat, memimpin ketenteraan, mengimamkan solat, menguruskan kewangan negara, menyelengga rakan kepentingan negara, yang diatur pula oleh peraturan-peraturan tertentu yang disiarkan dan dijalankan oleh pembantu-pembantunya. [*]

Apabila kepercayaan yang sedemikian sampai ke tahap wajib, maka ia sudah menjadi salah satu rukun agama bagi fahaman golongan Syi'ah. Oleh itu, sering disebut bahawa mazhab Syi'ah Imamiyah ini telah menetapkan bahawa mempercayai Imam menjadi sebagai rukun agama.[68] Ekoran itu, golongan Syi'ah berpendapat bahawa disebabkan persoalannya begitu penting, maka Nabi s.a.w. berkewajipan

---

[65] Al-Bukhari, Fath al-Bari i Syarh al-Bukhari, Mesir, 1959, jil. 17, hlm. 63-64. Lihat juga Muslim, jil. 16, hlm. 219-220.
[66] Ibn Hajar, Syihab al-Din Abu al-Fadhl, al-Asqalani, Fath al-Bari Bi Syarh al- Bukhari, Mesir, 1959, jil. 17, hlm. 64.
[67] Aboe Bakar Atieh, Siri Perbandingan Mazhab Shiah Rasionalisme dalam Islam, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. 1980, hlm. 23.
[*] Kumpulan Syi'ah yang terkenal dalam sejarah mazhab-mazhab ialah: Saba'iyah, Ghurabiyah, Kaisaniyah, Khatabiyah, Mughiriyah, Bayaniyah, Zaidiyah, Ismailiyah dan Imamiyah.
[68] Ahmad Shalabi, Sejarah dan Kebudayaan Islam, terj. Muhammad Labib Ahmad, jil. 2, Pustaka Nasional, Singapura 1982, hlm. 169.

menentukan Imam yang akan menerajui negara selepas Baginda s.a.w.. Imam berkenaan pula wajib menetapkan seseorang untuk menggantikannya kelak. Apabila keadaan ini dapat dilaksanakan dengan sempuma, maka diharapkan apabila seseorang Imam (Ketua Negara) meninggal dunia, ia akan menemui Tuhan dengan perasaan lega dan tidak khuatir tentang masalah dan kepentingan rakyatnya lagi.[69] Sebenarnya kemungkinan-kemungkinan yang di luar jangkaan boleh berlaku setiap kali ketika melantik pemimpin baru. Perkara ini dijadikan alasan yang rasional oleh golongan Syi'ah. Ini kerana antara tugas utama seseorang imam ialah menghindar dan menyelesaikan perselisihan yang berlaku di kalangan rakyat. Oleh itu, sekiranya masalah pemilihan Imam itu sendiri menjadi salah satu punca pergaduhan, maka tidak patut perkara itu diberi ruang. Oleh itu, tidak logik masalah Imam itu diserah begitu sahaja kepada rakyat tanpa menentukan atau menunjukkan sesiapa penggantinya terlebih dahulu, kerana dikhuatiri rakyat menggunakan pendapat masing-masing yang pasti menimbulkan pertelagahan dan ini akan menimbulkan perbezaan sikap dan tindakan di kalangan mereka.[70]

NAS AL-QUR'AN DAN AL-HADITH

Pemimpin yang layak dan berwibawa merupakan penyelamat ummah dalam Islam. Oleh itu, di kalangan masyarakat Islam pada zaman awal, anggota keluarga Rasulullah s.a.w. menjadi pilihan utama menjadi pemimpin sama ada dari segi keturunan, ketokohan, kebolehan, keilmuan, ketaqwaan, kesediaan dan sebagainya. Mereka dikenali sebagai Ahl al-Bait. Menurut penilaian semasa di kalangan keluarga Rasulullah s.a.w. atau Ahl al-Bait itu pula, tokoh yang terkanan yang bakal menggantikan Rasulullah s.a.w. ialah Saiyidina Ali bin Abi Talib r.a.. Selain pilihan Allah s.w.t., Saiyidina Ali r.a. merupakan orang yang pertama memeluk Islam di dunia ini di kalangan kanak-kanak,[71] dibesarkan di rumah Rasulullah s.a.w. di bawah didikan baginda.[72] Menjadi suami kepada puteri kesayangan Nabi, Fatimah al-Batul.[73] Selain itu, Ali r.a. juga satu-satunya dari kalangan sahabat Nabi s.a.w. yang berhak menerima anugerah Allah dengan Imamah kerana beliau tidak pernah menyembah selain Allah, atau dengan kata-kata lain beliau tidak pernah membongkok kepada berhala.[74] Mungkin ada yang cuba mempertikaikan kelebihan dari aspek ini, sebab Islam tidak mengambil kira perkara lalu. Apa pun jua, pasti terdapat perbezaan yang sangat besar di antara seseorang yang pernah musyrik, kemudian bertaubat, dengan seorang lain yang selama-lamanya bersih lagi suci, seluruh hidupnya tidak pernah kenal Tuhan yang lain, kecuali hanya Allah.[75] Ini bererti, Imam Ali bin Abi Talib merupakan Imam seluruh muslimin dengan penentuan dan pilihan Allah. Sebenarnya Allah telah mewahyukan kepada Rasul-Nya supaya melantik Ali, agar menjadi lambang bagi seluruh manusia. Dan Nabi telah melantiknya. Ia membuktikannya kepada semua orang di Ghadir Khum selepas Hajjat al-Wada'.[76]

---

[69] Ibid.
[70] Ahmad Amin, Fajral-Islam. cet. 10, Maktabah al-Nahdhah, Kaherah. 1965, hlm. 267.
[71] Muhammad bin Saad, al-Tabaqat al-Kubra. jil. 00 Dar al-Tahrir, Kaherah, 1968, hlm.72.
[72] Abbas Mahmud al-Aqqad, Abqariat al-Imam, Kaherah: Dar al-Hilal, 1970 hlm. 120.
[73] Hassan Mallarji, al-Rasul al-Azam, hlm. 49. Lihat juga Dr. Hassan Ibrahim, Tarikh, jil. 1, hlm. 266.
[74] Dr. Mohammad al-Tijaniy, al Samewi, Laakuna Ma'a al-Sadiqin, al-Busyra, Paris, cet.III, 1987, hlm. 30.
[75] Ibid.
[76] Ibid., hlm. 28.

Dalam al-Qur'an sendiri terdapat ayat-ayat yang menerangkan penentuan Ali r.a. menjadi pemimpin selepas Rasulullah s.a.w., antaranya, firman Allah:[77]

Terjemahan: "Sesungguhnya pemimpin kamu ialah Allah dan Rasul-Nya dan mukminin yang mendirikan solat dan mengeluarkan zakat padahal mereka tunduk/ruku'. Dan sesiapa yang menjadikan Allah dan Rasul-Nya dan orang beriman sebagai pemimpin, maka sesungguhnya kumpulan parti Allahlah yang akan menang."

Kebanyakan ahli-ahli tafsir yang masyhur telah sepakat bahawa ayat-ayat yang tersebut diturunkan Allah s.w.t. sebagai jawapan kepada soalan yang dikemukakan tentang siapakah kelak yang harus ditaati dan dipatuhi. Kebetulan pada waktu itu, antara para sahabat Nabi s.a.w. yang sedang tunduk rukuk ialah Saiyidina Ali bin Abi Talib r.a. Lalu dengan itu dibuat keputusan bahawa penentuan imam/pemimpin yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. itu adalah terang-terang satu nas yang bukan merupakan penerangan secara diskripsi.[78] Imam Abi Ishak al-Thabali dalam tafsir al-Kabirnya dengan sanad kepada Abu Zar al-Ghifari r.a. berkata: “Bahawa aku dengar dan aku lihat kedua-dua ayat tersebut melalui Rasulullah s.a.w., walhal ia bersabda, Ali ialah ketua orang baik-baik, pembunuh golongan kafir, pembela orang yang menyokongnya, penghapus orang yang mengecewakannya. Sebenarnya aku, telah solat bersama-sama Rasulullah s.a.w. suatu hari, seseorang telah meminta sesuatu kepadanya di dalam masjid, maka tiada diberi apa-apa. Waktu itu Ali juga sedang rukuk, maka ia mengisyaratkan dengan jari telunjuknya yang memang sedia tersarung sebentuk cincin. Lalu si peminta tampil dan mengambil cincin dari jarinya itu. Maka terus Rasulullah s.a.w. berdoa pada Allah Azza wajalla, sesungguhnya saudaraku Musa pernah memohon pada-Mu katanya: “Tuhanku lapangkanlah dadaku; dan permudahkanlah urusanku, rongkailah simpulan pada lidahku, berilah mereka faham penerangganku. Dan kurniakanlah seorang menteri/pembantu dari kalangan keluargaku. Ini saudaraku Harun, kukuhkanlah aku dengan bantuannya, dan sertailah dia di dalam tugasku, agar kami dapat mentasbih dan mengingati-Mu sebanyak-banyaknya. " Maka Engkau telah mewahyukan kepadanya, "Sesungguhnya Aku telah penuhi apa yang engkau minta, wahai Musa" Ya Allah! sesungguhnya aku hamba-Mu, dan Nabi-Mu, maka lapangkanlah dadaku, dan permudahkanlah tugasku, dan kurniakan padaku seorang pembantu (wazir) iaitu Ali dari kalangan keluargaku, agar ia mampu mengukuhkan perjuanganku. Abu Zar berkata, demi Allah sebaik sahaja Rasulullah s.a.w. menyudahkan percakapannya, maka Jibril pun turun membaca ayat tersebut; sesungguhnya hanya pemimpin kamu."[79]

Berdasarkan nas ini bererti tidak terdapat perselisihan pun di kalangan golongan Syi'ah bahawa ayat dari surah al-Maidah itu diturunkan khusus bagi menyatakan kedudukan Ali bin Abi Talib r.a., kerana sumbernya merujuk kepada imam-imam daripada ahli al-bait yang kebanyakannya termuat dalam kitab-kitab autoriti Syi'ah antaranya:

1. Bihar al-Anwar oleh al-Majlisi
2. Ithbat al-Hudah oleh al-Amili
3. Tafsir al-Mizan oleh al-Tabatabai
4. Tafsir al-Kasyip oleh Jawad
5. Al-Ghadir oleh al-Amini[80]

[77] Al-Qur’an surah al-Maidah 5:55
[78] Ahmad Shalabi, Sejarah dan Kebudayaan Islam, hlm. 169
[79] Dr. M.T. al-Samawi, La Akuna, hlm. 36, rujukan kepada, Sahih al-Nasai, Musnad Ahmad.
[80] Ibid., hlm. 36,37.

Ulama-ulama Ahl al-Sunnah, khususnya u!ama tafsir juga tidak kurang ramai yang menyatakan ayat itu turunnya pada Ali bin Abi Talib r.a., antaranya:

1. Tafsir al-Kassyaf oleh al-Zamakhsari
2. Tafsir al-Tabari oleh al-Tabari
3. Tafsir al-Qurtubi (6) oleh al-Qurtubi
4. Tafsir al-Fakhrurrazi oleh al-Fakhrurrazi
5. Tafsir al-Nasafi oleh al-Nasafi
6. Asbab al-Nuzul oleh al-Wahidi
7. Ahkam al-Qur'an oleh al-Jassan[81]

Begitu juga penjelasan Rasulullah s.a.w. tentang penentuan Ali r.a. sebagai gantinya, menurut peristiwa yang berlaku di kawasan "Ghadir Khum" iaitu sebaik sahaja turun ayat "Tabligh", wahai Rasul sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu, kalau engkau tidak lakukan, maka bererti kamu tidak sampaikan perintah-Nya. Dan Allah sedia melindungimu daripada kejahatan manusia,[82] dan apabila Nabi s.a.w. sampai di sana, lalu baginda bersabda, "Sesiapa yang Aku ini diakui menjadi walinya, maka hendaklah mengakui Ali menjadi walinya."[83]

Merujuk kepada nas yang berupa Hadith-hadith Nabi s.a.w. seperti yang berlaku di "Ghadir Khum" itu, sebenarnya golongan Syi'ah bergantung kuat kepada Hadith-hadith yang dikatakan mempunyai urutan langsung dengan keluarga Rasulullah s.a.w. atau ahli al-Bait, termasuk sebuah Hadith riwayat Buraidah, maksudnya, "Daripada Buraidah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda; setiap Nabi mempunyai washiy dan waris, dan washiy serta warisku ialah Ali bin Abi Talib."[84]

Daripada ungkapan-ungkapan yang melambangkan sesuatu yang berupa nas yang menyentuh masalah Imamah (kepimpinan) begini, adalah menjadi dasar timbulnya konsep wasiat. Ini kerana Saiyidina Ali merupakan satu-satunya tokoh yang diwasiatkan oleh Rasulullah s.a.w. agar menjawat jawatan khalifah langsung selepas Baginda s.a.w. bukan secara pilihan atau undian. Ini bererti tiap-tiap imam adalah washiy daripada imam yang terdahulu. Perkara washiy ini menjadi popular di kalangan mazhab Syi'ah.[85] Kenyataan-kenyataan Rasulullah s.a.w. dalam banyak peristiwa yang secara khusus menonjolkan Saiyidina Ali r.a. sebagai layak dan akur sebagai pengganti baginda. Antaranya, sabda Rasulullah s.a.w., "yang paling saksama hukumannya di antara kamu ialah Ali." Ini bermakna bahawa Imamah/pimpinan tidak mempunyai apa-apa nilai, kecuali ia berada pada orang yang paling saksama dan adil hukumannya ketika mengadili pergaduhan.[86] Terdapat nas yang penting dalam kitab al-Kafi karangan al-Kulaini. Kitab ini dianggap sebagai salah sebuah kitab Hadith Sahih di kalangan Syi'ah. Ia mencatat Ali bin Abi Talib sebagai washiy Nabi s.a.w. yang terkandung dalam ungkapan "Syahadah", iaitu "Bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah Yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya, dan bahawa Muhammad itu hamba-Nya dan Rasul-Nya, penghulu segala Nabi, dan Ali Amir al-Mukminin, penghulu segala orang yang diwasiatkan."[87] Bukti-bukti lain termasuk Hadith al-Thaqalain (dua barang berharga), Rasulullah s.a.w. bersabda: "Agaknya Allah akan

---

[81] Ibid., hlm. 37
[82] Al-Qur'an surah al-Maidah: 5:67.
[83] Ahmad Ibn Hambal, Musnad, jil. 4, hlm. 372.
[84] A. Syarifuddin al-Musawi, Dailog Sunnah Syi'ah, terj. al-Baqir, cet. 2, Bandung, Mizan, 1983, hlm. 304.
[85] Ahmad Amin, Fajr, hlm. 366
[86] Al-Syahrastani, al-Milal, hlm. 318
[87] Dr. Mustafa Hilmi, Nizam al-Khilafah, hlm. 189. Petikan dari: al-Kulaini, dalam al-Kafiy, jil. 1 manuskrip M. al-Baladiyah No.1290.

memanggil aku kepada-Nya, dan aku harus memenuhi panggilan-Nya. Tetapi aku meninggalkan padamu dua barang berharga (al-Thaqalain), Kitab Allah dan Keluargaku (ahl al-Bait). Hati-hatilah kamu memperlakukan kedua-duanya. Kedua-dua barang berharga tersebut tidak akan berpisah antara satu sama lainnya sampai kedua-duanya bertemu denganku di Kawthar. Hadith ini berasal daripada Zaid bin Arqam dan ia terdapat dalam banyak kitab Sunni.[88] Dalam suasana yang lain Abdullah bin Abbas r.a. pernah bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: "Siapakah ahl al-Bait yang wajib disayangi oleh kaum muslimin ? Rasulullah s.a.w. menjawab, 'Ali, Fatimah, Hasan dan Husain."[89] Perkara yang sama terdapat dengan cukup jelas dalam Hadith Safinah, Ibn Abbas r.a. berkata; "Nabi bersabda: Keluargaku seperti bahtera Nabi Noh, sesiapa yang masuk ke dalamnya akan selamat, dan sesiapa yang meninggalkannya akan tenggelam."[90]

Berasaskan ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan dalam berbagai suasana, secara khusus menyentuh Saiyidina Ali r.a. begitu juga banyak Hadith Nabi s.a.w. yang diucapkan di hadapan umat Islam dalam berbagai-bagai peristiwa, adalah membuktikan ia sebagai nas-nas atau data-data yang kukuh buat pegangan bagi golongan Syi'ah, khasnya Syi'ah Imamiyah, bahawa satu-satunya tokoh yang berhak menggantikan Rasul s.a.w. selepas baginda wafat ialah, Ali bin Abi Talib r.a.

Walau bagaimanapun jawatan khalifah selepas Rasulullah s.a.w. jatuh kepada Abu Bakar, kemudian Umar dan kemudian Uthman, selepas itu barulah Ali bin Abi Talib r.a., cuma menurut pandangan golongan Syi'ah yang sederhana, bahawa Ali bin Abi Talib r.a. hanya merungut, antaranya, "orang ramai memilih Abu Bakar r.a. sedangkan aku lebih utama dan berhak daripadanya. Maka aku mengambil sikap taat dan setia, kerana takut orang ramai menjadi kafir semula, membunuh antara satu sama lain. Kemudian orang ramai memilih pula Umar, sedangkan aku demi Allah, lebih layak dan berhak daripadanya, maka aku cuma patuh dan setia, kerana bimbang nanti orang ramai kembali kafir, dan berbunuh-bunuhan. Kemudian orang ramai mahu melantik Uthman, oleh itu aku juga taat dan setia, dan orang ramai memasukkan aku bersama lima orang yang lain, aku yang keenamnya, sedangkan mereka tidak tahu kelebihan aku mengatasi yang lain-lain ..."[91]

Bertolak daripada petikan di atas, jelas sekali memperlihatkan sikap kepimpinan yang dimiliki oleh Saiyidina Ali r.a. yang jelas berwibawa. Ini kerana beliau sanggup membelakangkan kepentingan dirinya sendiri, demi kemaslahatan umum yang lebih besar, iaitu perpaduan ummah. Walau bagaimanapun sikap yang ditunjukkan, kemungkinan besar bertolak daripada prinsip Taqiyah* yang menjadi pokok pegangan kepada golongan Syi'ah, terutama Imamiyah yang berpegang bahawa taqiyah digunakan bagi mengelakkan kemudaratan terhadap diri, harta dan kehormatan diri, sekiranya tidak dilaksanakan prinsip taqiyah akan mendatangkan bencana kepada aspek-aspek yang tersebut itu.[92] Ini bererti prinsip taqiyah bukanlah boleh digunakan sewenang-wenangnya, kerana ia hanya digunakan dalam keadaan

---

[88] Ibn Kathir, al-Bidayah Wa al-Nihayah, jil. VII, hlm. 209.

[89] 0. Hashem, Saqifah: Awal Perselisihan Ummat, YAPI, Padang, Lampung, Sumatera, cet. I, 1987, hlm. 144. Petikan dari: Sulaiman Ibrahim, dalam Yanabie al-Mawaddah, hlm. 301.

[90] Ibid., hlm. 144.

[91] Dr. Mustafa Hilmi, Nizam al-Khilafah, hlm. 191. Petikan daripada Muhammad bin Ali al-Syawkani, al-Fawaid al-Mahmu'ah fi al-Ahadith al-Maudhuah, hlm. 384.

* Taqiyah bermakna, seseorang boleh memperlihatkan (menzahirkan) perkataan dan perbuatan yang berlainan daripada isi hati, supaya terjamin keselamatan diri, harta benda dan kehormatan. Lihat, Prof. Ahmad Shalaby, dlm. Sejarah dan Kebudayaan Islam, hlm. 171.

[92] Muhammad Jawad Mughniyah, al-Syi'ah fi al-Mizan, Beirut, Dar al-Ta'arif Li al-Matbuah, 1979, hlm. 48

seseorang itu benar-benar menghadapi keadaan yang cukup kritikal dan bahaya yang tidak mampu menghindarinya atau melawannya.[93]

Dalam keadaan-keadaan sedemikian, pelaksanaan taqiyah adalah satu keperluan, iaitu sebagai mengikuti apa yang ditunjukkan oleh para imam ahl al-bait. Riwayat daripada imam Jaafar al-Siddiq, yang berkata, "Taqiyah adalah dasar agamaku dan dasar agama nenek moyangku". Beliau juga berkata: "Sesiapa yang tidak berpegang kepada taqiyah, ia tidak beragama".[94] Sebenarnya taqiyah adalah lambang bagi imam-imam ahl al-bait kerana menolak kemudaratan diri, para pengikut dan peminat setia mereka. Juga untuk mengelak pertumpahan darah serta menjamin perpaduan muslimin yang banyak terduga kerana agama mereka, sebagaimana dugaan yang dihadapi oleh Ammar bin Yasir.[95]

SIKAP ALI BIN ABI TALIB R.A.

Pandangan-pandangan golongan Syi'ah dan orang-orang yang pro Syiah tentang pimpinan atau jawatan Khilafah dikatakan menyambung sikap Saiyidina Ali r.a. yang ditunjukkan ketika peristiwa Saqifah, apabila Abu Bakar al-Siddiq r.a. dilantik menjadi khalifah yang pertama selepas Rasulullah s.a.w. Terdapat bukti-bukti sejarah yang tercatat dalam sumber-sumber pentingnya terutama sumber Syi'ah, bahawa Abu Bakar r.a. telah merampas jawatan khalifah daripada Ali r.a. secara tidak hak, padahal Rasulullah s.a.w. sudah naskan kepada Ali r.a. tentang hal itu.[96] Sikap-sikap protes Ali r.a. seperti yang berikut:

1. Khutbah-khutbah dan surat-surat Saiyidina Ali r.a. yang termuat di dalam kitab Nahju al-Balaghah, antaranya, “Demi Allah putera Abi Quhafah (Abu Bakar) telah mengambil jawatan khalifah itu, padahal ia mengetahui dengan yakin bahawa kedudukan saya sehubungan dengan perkara itu, sama seperti hubungan sumbu dengan roda. Air bah mengalir ke bawah dari saya, dan siapa pun tidak dapat melampaui ilmu saya. Saya memasang tirai terhadap kekhalifahan itu, dan melepaskan diri daripadanya.
   Saya pun berfikir apakah saya akan menyerang ataukah saya harus menangguna cubaan sengsara kegelapan yang membutakan itu hingga orang dewasa menjadi daif, orang muda menjadi tua, dan mukmin yang salih hidup dalam kongkongan sampai ia mati. Saya pun berpendapat bahawa adalah lebih bijaksana untuk menanggungnya dengan tabah. Saya lalu menempuh jalan kesabaran. Walaupun mata saya tertusuk-tusuk dan kerongkong rasa tercekik, saya menyaksikan perampasan terhadap warisan saya hingga yang pertama (Abu Bakar) sampai pada ajalnya, namun ia menyandarkan kekhalifahan itu kepada Ibn Khattab sendiri... [97]
   Ini bermakna Saiyidina Ali r .a. memang tidak bersetuju dengan perlantikan Abu Bakar al-Siddiq r.a. yang dilantik menjadi khalifah menggantikan Rasulullah s.a.w., dan tetap memprotesnya. Cuma kerana mahu memelihara perpaduan Islam ia tetap memilih sikap sabar. Walaupun ada pihak-pihak tertentu yang cupa memperolok dan menaikkan darahnya supaya bangun bertindak, tetapi

[93] Muhsin al-Amin, Ayam al-Syi'ah, jil. I, Bhg. 1, Beirut: Matba'ah al-Insaf, 1960, hlm. 39.
[94] Dr. M.T. al-Samawi, La Akuna, hlm. 58.
[95] Ibid. Lihat juga Dr. Mustafa Hilmi, Nizam al-Khilafah, hlm. 40.
[96] Dr. Mustafa Hilmi, Nizam al-Khilafah, hlm. 30. Lihat juga Ahmad Amin, Fajr al-Islam.
[97] 0. Hashem, Saqifah Awal Perselisihan Ummat, cet. I. Bandar Lampung, 1987, hlm. 114-115, petikan dari Nahju al-Balaghah, oleh Syarif al-Radhi.

Saiyidina Ali tetap dengan sikap memilih jalan selamat. Kenyataan ini dapat dilihat daripada catatan al-Tabari yang menggambar detik-detik kritikal selepas sahaja Abu Bakar r.a. dilantik menjadi khalifah, “Apabila orang ramai berkumpul untuk menyampaikan ikrar taat setia kepada Abu Bakar r.a., Abu Sufyan pun datang, sambil berkata, “Demi Allah, aku melihat asap hitam yang tak mungkin padam, melainkan dengan darah!, Wahai keturunan Ab. Manaf (keluarga Ali), apa ada pada Abu Bakar dalam urusan kamu ini! Ke mana perginya dua orang yang dihinakan ? laitu Ali dan al-Abbas? Abu al-Hassan, (gelaran kepada Ali) hulurkan saja tanganmu!", maka Ali r.a. menolak permintaan itu.”[98]

2. Saiyidina Ali r.a. tidak menyerahkan bai’ahnya (kesetiaan/ketaatan) kepada Khalifah Abu Bakar r.a. , sebagai pernyataan protesnya. Keadaan ini berterusan kira-kira enam bulan lamanya, sehinggalah kematian isterinya Fatimah al-Zahra' r.a. Itupun disebabkan bahawa Saiyidina Ali menyedari betapa selepas kematian isterinya orang ramai sedikit demi sedikit mulai renggang dan kurang menghormatinya lagi.[99] Maka tidak ada jalan lain, kecuali berbaik-baik semula dengan Khalifah Abu Bakar r.a.[100] Dalam banyak hal, Khalifah Abu Bakar dan Khalifah Umar bin al-Khattab r.a. memang menyedari tentang tuntutan Ali bin Abi Talib r.a., bagi jawatan penting itu. Apalagi kedudukannya di samping Rasulullah s.a.w. sebagai Harun bagi Musa.[101] Maka atas dasar itu Abu Bakar dan Umar r.a. telah memerintahkan serombongan sahabat memanggil Ali r.a. untuk membai’ah Abu Bakar r.a. di masjid. Setelah Ali menolak untuk datang membai’ah, Umar menasihatkan Abu Bakar r.a. untuk segera bertindak, agar tidak terlambat. Umar lalu mengepung rumah Ali dengan sekumpulan orang bersenjata, dan mengancam akan membakar rumah tersebut.[102]

   Antara fakta yang menjelaskan sikap Umar r.a. yang serius menggugut Ali r.a. dan keluarganya supaya segera membai’ah Abu Bakar r.a. ialah catatan Ibn Qutaibah yang menyatakan bahawa Umar r.a. beria-ia benar untuk bertindak keras sekalipun diberitahu waktu ia memegang obor, untuk membakar rumah Fatimah. Antara pemberitahuan itu, “Wahai Abu Hafsin (Umar), sesungguhnya Fatimah berada di dalam rumah itu" Umar menjawab tegas, “Sekalipun begitu!"[103]

   Banyak juga penulis menceritakan adanya dialog di antara Umar dan Abu Bakar di satu pihak dengan Ali sebelum Fatimah keluar. Pada garis besarnya Ali menyatakan haknya terhadap kekhalifahan. Tatkala ia diseret, Ali mengatakan, “Saya hamba Allah dan saudara Rasul," Umar menjawab, “Tentang hamba Allah, ya, tetapi tentang saudara Rasul, tidak." Umar juga mengatakan bahawa ia tidak akan meninggalkan Ali sebelum Ali mengikutnya. Ali menjawab. “Engkau sedang memerah susu untuk Abu Bakar dan dirimu sendiri. Engkau bekerja untuknya hari ini, dan esok ia akan mengangkat engkau menjadi penggantinya. Demi Allah saya tidak akan mendengar kata-katamu, hai Umar, dan saya tidak akan membai’ah Abu Bakar,” Abu Bakar kemudian berkata, “Saya tidak akan

[98] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul Wa al-Muluk, jil. III, Tahqiq, Muhammad Abu al-Fadhl Ibrahim. Cet. 2. Dar al-Ma’arif, Mesir 1969. hlm. 209.
[99] Al-Tabariy, Tarikh al-Rusul, hlm. 208. Lihat juga: al-Syaikhan (Bukhari/Muslim), dalam al-Lukluk wa al-Marjan.
[100] Ibid.
[101] Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Maghazi. Jil. V, al-Taba'ah al-Sultaniyyah, 1315 H. hlm. 129. Lihat juga dalam Fadhail al-Sahabah, dari, Sahih Muslim. jil. VII. hlm. 120
[102] Al-Yaakubi, Tarikh al-Yaakubi. jil. II. Lihat juga, al-Balazyuri, dalam Ansab al- Asyraf, jil. I.
[103] Ibn Qutaibah, al-lmamah wa al-Siasah, Jil. I. cet. II. 1963/1982, Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, Kaherah.

memaksa anda menyetujui saya."[104] Daripada kedua-dua bukti sejarah ini, jelas menunjukkan bahawa Ali bin Abi Talib r.a. mengakui haknya ke atas jawatan khalafah selepas Rasulullah s.a.w. dan terus memprotes perlantikan Abu Bakar al-Siddiq r.a. dengan tidak menurunkan bai'ahnya, sekalipun diugut dengan kekerasan. Walau bagaimanapun setelah kematian isterinya Fatimah al-Zahra, anakanda kepada Rasulullah s.a.w., barulah beliau memberi bai'ah itu, itu pun setelah melihat situasi sudah meminta beliau berbuat demikian.

PANDANGAN AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Bertolak daripada huraian yang lalu, rata-rata pandangan golongan Syi'ah, khususnya Syi'ah Imamiyah begitu mempertikaikan tentang kesahihan perlantikan Abu Bakar r.a. menjadi khalifah yang pertama, malahan apabila perkara itu sudah terjadi, mereka menganggap pemilihannya ke jawatan itu sebagai satu keterlanjuran belaka.[105]

Sekiranya teori golongan Syi'ah yang mendakwa Saiyidina Ali r.a. sebagai calon sebenar yang patut menggantikan Rasulullah s.a.w. berdasarkan nas dan penentuan daripada Rasulullah s.a.w. sendiri, maka tidak kurang pula golongan Ahl al-Sunnah yang mempertahankan kesahihan perlantikan Abu Bakar al-Siddiq r.a. sebagai calon yang paling layak selepas Rasulullah s.a.w. Perkara ini merujuk kepada asas pentadbiran Rasulullah s.a.w., iaitu Syura dan Bai'ah.[106] Perlantikan Abu Bakar r.a. juga adalah hasil daripada perhimpunan syura yang berlaku di Balai Bani Saidah itu.

Bertolak daripada kenyataan ini dengan berdasarkan pula kepada perkembangan yang berlaku di Balai Bani Saidah, adalah jelas bahawa pemilihan Abu Bakar al-Siddiq r.a. itu sah dan tidak harus dipertikaikan lagi oleh mana-mana pihak. Ini kerana pemilihan itu benar-benar menepati semangat ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w., iaitu menepati konsep Syura dan Bai'ah. Fenomena perbincangan pemilihan ketua negara atau khalifah yang berlangsung di Balai Bani Saidah itu, dapat disimpulkan kepada beberapa perkara, antaranya:

1. Pemilihan Abu Bakar r.a. sebagai khalifah berlangsung secara persetujuan ramai ijma' di antara, perwakilan Muhajirin dan Ansar. Meskipun seorang tokoh dari golongan Ansar, iaitu Saad bin Ubbadah menentang perlantikan itu, tetapi penentangan daripada seorang peserta tidaklah menjejaskan, lagipun penentangan itu berdasarkan kepada motif individu, iaitu kerana kecewa tidak dapat merebut jawatan itu untuk diri sendiri.[107]
2. Pemilihan itu dilakukan dalam dua sesi, pertamanya di Balai Bani Saidah yang disertai oleh elit khas muslimin sahaja, dan keduanya berlangsung di atas mimbar masjid Nabawi, Madinah, dengan kehadiran seluruh muslimin dari

[104] 0. Hashem, Saqifah, hlm. 92. Petikan daripada Ibn Abil Hadid, dalam Syarh Nahjul Balaghah, jil. IV, hlm. 501. Lihat juga Ibn Qutaibah dalam, al-Imamah wa al-Siasah, jil. I, hlm. 18.
[105] M.T. Al-Samawi, La Akuna, hlm. 71
[106] Dr. Mustafa Hilmi, Nizam al-Khalifah. hlm. 15-16. Lihat juga Ahmad bin Abi Yaakob, al-Yaakobi, dalam Tarikh al-Yaakubi. jil. II, Beirut, 1960, him. 123, 124.
[107] Ibid., hlm. 28, petikan dari al-Qadhi Abd. Jabbar, dalam, Al-Mughni, jil. 20, bhg. I, Bab Tauhid dan Adl, Tahqiq Dr. Ab. Halim Mahmood dan Dr. Sulieman Dunia, 1386 H./1866 M.

semua peringkat. Ia dikenali dengan Bai'ah Ammah, atau Bai'ah Kubra (Bai'ah Agung).[108]

3. Perlantikan Abu Bakar al-Siddiq r.a. menjadi khalifah berlaku secara aman, dan tidak ada sebarang kekerasan atau paksaan. Bahkan ia adalah hasil daripada suatu perbincangan terbuka di antara dua golongan utama umat Islam pada dekad itu, iaitu Muhajirin dan Ansar. Semua peserta diberi kebebasan yang cukup untuk mengemukakan pendapat. Sekiranya diimbas kembali sesi perbincangan di Saqifah Bani Saidah, ia benar- benar mewakili pelbagai sudut pandangan (world view).[109]

   Kerapian perjalanan perbincangan itu mengagumkan penulis-penulis Barat sendiri, antaranya. D.B. MacDonald, yang menyifatkan bahawa perhimpunan tersebut benar-benar meningkatkan secara menyeluruh sebuah perhimpunan politik, kerana segala perbincangan berjalan sejajar dengan kaedah-kaedah moden.[110]

4. Perbincangan memilih ketua negara di Saqifah Bani Saidah itu, memperlihatkan satu metod permesyuaratan yang amat unik, tidak wujud pada perhimpunan-perhimpunan lain walau dalam masyarakat mana sekalipun. Ini kerana terdapat ciri-ciri pembangkang yang cukup keras dalam mengutarakan penentangannya. Akan tetapi apabila segala hujah sama ada penyokong dan pembangkang dipertemukan pada satu paksi yang bersifat semangat agama atau persaudaraan Islam, maka dengan mudah pula kata sepakat dapat dicapai, tanpa sebarang keraguan atau tidak puas hati, kerana mereka sama-sama memahami bahawa sasaran perdebatan itu ialah untuk mempertahankan kemuliaan Islam, bukan untuk kepentingan diri.

DASAR KESAHIHAN ABU BAKAR AL-SIDDIQ SEBAGAI KHALIFAH

Terdapat beberapa peristiwa yang terjadi pada diri Rasulullah s.a.w. ketika hayatnya yang jelas memberi petanda langsung, bahawa sahabatnya Abu Bakar al-Siddiq r.a. merupakan tokoh utama yang wajar menggantikannya apabila baginda wafat. Walaupun pada umumnya Ahl al-Sunnah menyimpulkan bahawa perlantikan Abu Bakar r.a. berjalan secara pemilihan bebas (ikhtiar), namun sebagai tindak balas kepada teori Syi'ah yang lalu, terdapat juga kalangan Ahl al-Sunnah yang memilih jalan yang sama. Iaitu perlantikan Abu Bakar r.a. ke jawatan itu juga adalah secara nas. Cuma bezanya, nas itu mungkin dibuat secara langsung atau tidak langsung oleh Rasulullah s.a.w.

Antara peristiwa yang dikira mempunyai kaitan langsung dengan pencalonan atau penentuan Abu Bakar r.a. sebagai bakal pengganti Rasulullah s.a.w. ialah:

1. Ketika Rasulullah s.a.w. sedang gering yang terakhir yang membawa kepada kewafatannya, Abu Bakar al-Siddiq r.a. diminta secara serius untuk mengambil tempat menggantikan baginda sebagai imam solat bersama-sama seluruh muslimin. Catatan al-Tabari seperti yang berikut:[111]

---

[108] Dr. I.A. al-A'Adawi, Al-Nuzum Al-Islamiyyah, hlm. 139. Lihat juga Dr. H.I. Hassan, dalam Tarikh al-Islam, jil. I. 1964, Cet. 7, hlm. 205.
[109] Dr. M.D. El-Rayes, Al-Nazariyyat, hlm. 25.
[110] D.B. Mac Donald, Development of Muslim Teology, Jurispredence and Constitutional Teory. hlm. 13.
[111] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. III, hlm. 197.

"Daripada Aisyah r.a. yang telah menjelaskan, ketika Rasulullah s.a.w. sedang gering, iaitu kegeringan yang membawa kepada kewafatannya, maka apabila masuk waktu solat lalu diazankan orang. Maka Nabi bersuara, "Suruhlah Abu Bakar, supaya dialah yang bersembahyang bersama-sama orang ramai" (menjadi imam).* Maka berkata Aisyah, aku mencelah, "Sebenarnya Abu Bakar itu (ayahandanya) seorang lelaki yang amat halus perasaannya dan sekiranya ia mengambil tempat Tuan (Rasulullah) pasti ia tidak mampu meneruskan." Maka Nabi terus menghalang, "Suruhlah Abu Bakar bersembahyang dengan orang ramai," kata Aisyah aku terus mengulangi kata-kata yang lalu. Maka Nabi pun naik marah, seraya menyergah, "Begitulah kamu kaum wanita, betul-betul seperti saudara mara Nabi Yusuf (suka menyampuk), suruhlah Abu Bakar bersembahyang dengan orang ramai." Lalu Nabi keluar dengan keadaan terhuyung-hayang. Apabila sampai dekat Abu Bakar, lalu ia semacam mahu berundur ke belakang, maka Rasulullah s.a.w. lantas mengisyaratkan supaya Abu Bakar terus di tempatnya. Maka Nabi pun terus bersembahyang secara duduk bersebelahan dengan Abu Bakar.

2. Dalam salah satu peristiwa penting yang menyentuh masa depan umat Islam, iaitu peristiwa hijrah Rasulullah s.a.w. dari Makkah ke Madinah. Rasulullah s.a.w. memilih Abu Bakar al-Siddiq r.a. satu-satunya sahabat di kalangan ramai sahabat terkanan waktu itu, untuk sama-sama menempa satu tahap terpenting dalam era pengembangan Islam serta berhadapan dengan kemuncak cabaran yang tidak ada tandingnya. Menyentuh hal ini, Allah berfirman:[112]

   "Jika kamu tidak mahu menolongnya, maka sesungguhnya Allah telah menolong dia. Waktu orang-orang kafir keluarkan dia. Padahal dia yang kedua dari yang dua (Abu Bakar jadi orang pertama dan Nabi orang yang kedua) dalam gua. Ia berkata kepada temannya, "Usahlah berduka, sesungguhnya Allah bersama kita."

   Dinilai dari semua aspek, ternyata peristiwa hijrah Rasulullah s.a.w. mempunyai implikasi tersendiri dalam seluruh perkembangan Islam pada zaman apa pun. Pemilihan Abu Bakar r.a. menjadi rakan perjuangan sehidup semati mempunyai erti yang tersendiri, dan seperti memberi aspirasi untuk difahami oleh semua. Oleh itu sudah tentu pilihan Rasulullah s.a.w. itu membawa maksud yang tidak harus dipandang remeh, kerana apa jua pernyataan mahupun tindakan yang terbit daripada Rasulullah s.a.w. didorong oleh wahyu Allah belaka, sebab Allah berfirman:[113]

   "Dan Dia (Muhammad) tidak menutur mengikut hawa nafsu, melainkan ia adalah menurut wahyu yang diwahyukan. "

   Oleh itu dalam urusan harian biasa pun Rasulullah s.a.w. bergerak menurut wahyu dari Tuhannya, apatah lagi dalam menjalankan perkara-perkara penting seperti hijrah, dan orang- orang yang harus dilibatkan bagi kejayaan rancangan besar itu. Atas dasar itu, ramai kalangan ulama menjelaskan, bahawa sejak

---

* Sudah menjadi satu peraturan orang-orang Islam zaman Rasulullah s.a.w. bahawa sekiranya Baginda ada bersama ketika masuk waktu solat, maka Bagindalah yang mengimamkan solat seluruh muslimin itu.

[112] Al-Qur'an surah al-Taubah 9:40.

[113] Al-Qur'an surah al-Najm 53:3.

mula memeluk Islam, Abu Bakar r.a. merupakan teman karib Nabi Muhammad s.a.w.

3. Dalam bulan Zulkaedah tahun ke-9 Hijrah, tahun fardu haji diwajibkan, Rasulullah s.a.w. melantik Abu Bakar r.a. menjadi ketua (Amir) rombongan para jemaah haji,[114] iaitu detik penting dalam sejarah Islam, kerana di situlah dibataskan garis hubungan terakhir antara Islam dengan orang kafir di Semenanjung Arab. Kafir Musyrikin hingga ke tarikh itu masih bebas lepas pergi dan datang ke Baitullah dan menjalankan upacara agama berhala mereka sesuka hati di bawah perjanjian am yang dimeterai bersama dengan Rasulullah s.a.w. agar tidak menghalang sesiapa yang mahu mengunjungi Ka'abah dan terjamin keselamatannya di sepanjang bulan-bulan Haram, (Asyhur al-Hurum).[*] Perintah haji yang dipimpin oleh Abu Bakar r.a. pada tahun itu menjadi garis pemisah di antara Islam dan agama kebendaan di Semenanjung Arab dari semua aspek.[115] Ketika Abu Bakar r.a. dalam perjalanan ke Makkah itulah Allah s.w.t. menurunkan surah al-Bara'ah kepada Rasulullah s.a.w. di Madinah tentang penjelasan asas hubungan di antara Muslimin dengan Musyrikin di Tanah Arab.[116] Lalu, di kalangan sahabat ada yang memberi pandangan agar wahyu itu segera disampaikan kepada Abu Bakar r.a. yang sedang menuju Makkah. Jelas Nabi: "Tidak harus mewakiliku, kecuali seorang daripada keluargaku."[117] Maka Saiyidina Ali Abi Talib r.a. dipanggil, sabda Rasulullah s.a.w., "Pergilah dengan berita dari permulaan surah al-Bara'ah ini, dan sampaikan pada orang ramai di Mina, bahawa orang kafir tidak akan masuk syurga. Musyirikin tidak boleh mengerjakan haji lagi selepas tahun ini. Jangan ada lagi orang-orang yang tawaf di Ka'abah bertelanjang. Segala perjanjian hanya setakat itu sahaja. Saiyidina Ali r.a. keluar menunggang kuda kepunyaan Rasulullah s.a.w. bernama al-Adhba' hingga bertemu Abu-Bakar r.a. lalu ditanya, "Saudara ke mari sebagai ketua atau pengikut?" Jawab Ali, "pengikut." Kedua-duanya meneruskan perjalanan hingga sampai waktu yang diarahkan, maka Saiyidina Ali terus menyampaikan perintah Rasulullah s.a.w.[118]

4. Sebagai satu nas daripada Rasulullah s.a.w. juga ialah Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim:[119]
   "Daripada Jubair bin Mutim r.a. daripada bapanya, berkata: Seorang perempuan datang menghadap Rasulullah s.a.w. bagi menyelesaikan sesuatu masalah dengan ketua negara – maka Nabi menyuruhnya datang semula kemudiannya, lalu wanita itu bertanya: Bagaimanakah kalau hamba datang kelak, Tuan tidak ada? (Seolah- olah ia bermaksud Nabi sudah wafat). Maka jawab Rasulullah s.a.w.: Sekiranya Aku sudah tiada lagi, maka datanglah kepada Abu Bakar."

5. Begitu juga dengan maksud Hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Asakir:[120]
   "Hadith yang dikeluarkan oleh Ibn Asakir, daripada Anas r.a. berkata: Bani Mustalaq menghantar aku kepada Rasulullah s.a.w. untuk bertanya, kepadanya

[114] Abu al-Hassan al-Nadwi, al-Sirah al-Nabawiyah, Dar al-Syuruq, Jeddah, 1977, hlm. 317.
[*] Tradisi Arab Jahiliyah menetapkan empat bulan dalam setahun tidak dibolehkan peperangan, iaitu Zulkaedah, Zulhijah, Muharam dan Rejab. Ia dikenali dengan nama: al-Asyhura al-Hurum. Lihat Dr. Umar Farrukh, dalam Tarikh al-Jahiliyah, Beirut, cet. II, 1984. hlm. 130.
[115] Jalal Mazhar, Muhammad Rasulullah: Siratuhu wa Atharuhu fi al-Hadharah, Mesir 1970. hlm. 386.
[116] Ibid.
[117] Ibid.
[118] Ibn Hisyam, al-Sirah al-Nabawiyyah, Bulaq, Kaherah Bhg. II, hlm. 543,544.
[119] Al-Sayuti, Tarikh al-Kulafa', hlm. 61-62.
[120] Ibid. hlm. 62.

siapakah kelak mereka harus menyerahkan zakat selepas Rasulullah s.a.w. Kata Anas; aku pun datang dan bertanya; maka jawab Rasulullah s.a.w.: Serahlah kepada Abu Bakar.

6. Ahli al-Sunnah juga menganggap Hadith Rasulullah s.a.w. yang diucapkan kepada isterinya Saiyidatuna Aisyah r.a. ketika Baginda sedang gering seperti yang dilaporkan oleh Ibn Hazm, sebagai nas, antaranya Nabi bersabda:
   "Aku hampir-hampir membuat keputusan mengarah ayahandamu dan kakandamu supaya menulis satu pesanan dan perjanjian supaya kelak tidak ada orang yang mendakwa, "Akulah yang paling berhak, atau ada orang yang bercita-cita begitu, sedangkan Allah dan orang-orang mukmin tidak dapat menerima, kecuali Abu Bakar."[121]

PENILAIAN DAN ANALISIS

Masalah utama yang sering dihadapi oleh para pengkaji sejarah Islam peringkat awal Islam ialah pertembungan yang sengit di antara penganut-penganut mazhab dalam Islam, khususnya di antara Syi'ah dan Ahl al-Sunnah tentang tajuk "Khilafah" atau kepimpinan selepas Rasulullah s.a.w. Bagi golongan Syi'ah jawatan Khilafah telah ditentukan atau dinaskan oleh Rasulullah s.a.w. kepada Saiyidina Ali r.a., cuma apa yang berlaku Abu Bakar r.a. dan penyokong-penyokongnya bertindak membelakangi nas tersebut. Penentuan dan nas Rasulullah s.a.w. itu dibuat dalam banyak peristiwa, yang paling terkenal ialah di Ghadir Khum.[122] Manakala bagi kumpulan Ahl al-Sunnah pula, Rasulullah s.a.w. tidak meninggalkan apa-apa pesan tentang bakal penggantinya atau khalifah, apalagi wasiat. Jauh sekali menamakan pengganti. Baginda juga tidak menerangkan cara atau kaedah pemilihan dan tidak menentukan syarat-syarat terperinci bagi calon khalifah.[123] Apa yang dijelaskan ialah kaedah-kaedah umum yang induk, dan nilai-nilai moral, serta kebebasan orang ramai dalam berijtihad.[124]

Bagi memelihara urusan pemilihan dan keberkesanan dalam perlantikan seseorang ketua negara, amat ditekankan perkara "Syura" dan "Bai'ah" kerana perkara itu dijelaskan secara nyata oleh Allah s.w.t.[125]

"Dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam sesuatu perkara itu."

Atas semangat permesyuaratan inilah buat pertama kalinya golongan Ansar mempraktis perhimpunan mereka di Saqifah Bani Saidah yang kemudian disusuli oleh beberapa orang dari kalangan Muhajirin, dan akhirnya Abu Bakar al-Siddiq r.a. dipilih menjadi khalifah yang pertama. Tentu sekali perhimpunan agung di Saqifah dan juga di Masjid Nabawi selepas itu disertai oleh para sahabat Nabi s.a.w. Disanalah mereka berijmak dan mencari keputusan: itulah dikatakan ijmak para sahabat. Situasi ini pula bertepatan dengan arahan Rasulullah s.a.w.[126]

---

[121] Ibn Hazm, al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa wa al-Nihal, Kaherah 1902, jil. 4, hlm. 108.
[122] Dr. M.T. Al-Samawi, La Akuna, hlm. 35.
[123] Ali Ali Mansur, Nuzum al-Hukm Wa al-Idarah, hlm. 245. Lihat juga Dr. M.D.al-Qayes, al-Nazariyyat, hlm. 21.
[124] Ibid.
[125] Al-Qur'an surah Ali Imran 3:159.
[126] Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, jil. I, Dar al-Fikr, Beirut, t.t. him. 16.

"Kamu wajib mengikut Sunnahku dan Sunnah para Khulafa sungguh-sungguh semacam kamu mencengkramnya dengan geraham-geraham kamu."

Asas ini menjadi pegangan Ahli al-Sunnah dalam pemilihan ketua negara, iaitu merangkumi himpunan atau ijtimak para sahabat dan mempraktis amalan Syura, kemudian disusuli dengan bai'ah ketua negara. Ijmak para sahabat r.a. adalah hujah yang qat'i dalam Islam.[127] Golongan Sahabah r.a. inilah yang mendapat pujian dari Allah s.w.t. sendiri dalam al-Qur'an:[128]

"Dan orang-orang yang terdahulu yang mula-mula terdiri daripada Muhajirin dan Ansar."

Begitu juga:[129]

"Sesungguhnya Allah reda terhadap mukminin, tatkala mereka berjanji taat kepadamu di bawah pohon itu."

Sebenarnya bilangan para sahabat yang mendapat sanjungan dan perakuan dari Allah itu ialah 700 orang; kesemuanya hadir dalam upacara bai'ah kepada Abu Bakar al-Siddiq r.a. itu.[130] Walau pun golongan Syi'ah mempertahankan teori wasiat Nabi s.a.w. kepada Ali bin Abi Talib r.a. dengan menggunakan Hadith sahih al-Bukhari dan Muslim:[131]

"Daripada Saad bin Abi Waqqas, berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah keluar untuk berperang Tabuk dan meninggalkan Ali sebagaj gantinya, maka Bagjnda bersabda: Apakah engkau bersedia menggantiku menguruskan urusan kanak-kanak dan kaum wanita? Katanya lagi: Apakah kamu tidak rela menjadi kedudukan engkau di sisiku sebagai Harun dari Musa, cuma bezanya tidak ada lagi Nabi selepas Aku. "

Golongan Syi'ah mengambil Hadith ini sebagai alasan kuat untuk mengatakan Nabi s.a.w. memilih Ali r.a. menjadi pengganti Baginda. Dalam hal ini ada beberapa perkara perlu dinilai kembali, antaranya:

1. Kedudukan Ali bin Abi Talib di sisi Rasulullah s.a.w. tidaklah sama dengan kedudukan Harun di sisi Musa, kerana Harun ialah Nabi seperti Musa, sedangkan Ali bukan Nabi, semua golongan sekata dalam perkara ini.[132]
2. Sekiranya Rasulullah s.a.w. bermaksud dengan istilah istikhlaf atau gantian dalam sabdanya kepada Ali r.a. itu khalifah dalam pengertian ketua negara, tentulah amat tidak munasabah, dengan mengambil bandingan antara Harun dengan Musa, kerana orang yang dilantik dalam konteks pengertian sebagai khalifah atau ketua negara mestilah memerintah kerajaan selepas kematian orang yang melantik, sedangkan Nabi Harun a.s. tidak pernah memerintah selepas Nabi Musa a.s., lagipun Harun wafat lebih dahulu daripada Musa a.s. Apa yang jelas maksud istikhlaf atau pengganti di sini ialah mengganti sekejap

---

[127] Muhibuddin al-Khatib, al-Khutut al-Aridhah Li al-Usus Allati Alaiha Duru al-Syiah al-Imamiyyah, M. Al-Salafiyyah. Kaherah 1393 H., hlm. 95-96.
[128] Al-Qur'an surah al-Taubah 9:100.
[129] Al-Qur'an surah al-Fath 48:18.
[130] Muhibuddin al-Khatib, al-Khutut, hlm. 96.
[131] Al-Bukhari, Sahih al-Bukharl, dalam Kitab al-Maghazi, jil. V, Qustantaniyah 1315 H. hlm. 129. Begitu juga: Muslim, dalam Sahih Muslim. jil. VII, hlm. 120..
[132] Al-Suwaidi, dalam Muktamar al-Najaf, dalam Khutut, hlm. 81.

semasa Nabi Musa a.s. pergi ke bukit (Thur) untuk pulang membawa bersama loh atau kepingan ayat perintah.[133]

3. Ibn Taimiyah pula memberi ulasan yang konkrit, ditinjau dari aspek yang berbeza katanya; kebiasaan Rasulullah s.a.w. pada tiap-tiap peperangan pada zamannya ada meninggal beberapa orang tokoh kenamaan dari kalangan Muhajirin dan juga Ansar, kecuali pada perang Tabuk ini, Baginda s.a.w. mengarah semua lelaki maju ke medan perang, tidak ada yang tinggal. Yang ada di Madinah hanya orang yang melanggar perintah atau orang-orang yang uzur dan kaum wanita serta kanak-kanak. Sudah pasti Ali bin Abi Talib r.a. juga tidak mahu ketinggalan mahu menyertai tentera yang berjuang, dan sekali-kali tidak bersedia mengawal wanita dan kanak-kanak, sedangkan ia seorang pejuang yang perkasa. Maka Rasulullah s.a.w. berusaha meringankan gambaran yang ada pada pemikiran Ali r.a. dengan menyatakan bahawa menggantikan Rasulullah s.a.w. dalam keadaan begini, sekali-kali tidak mengurangkan kredibilitinya. Sambil membawa contoh bagaimana Musa a.s. melantik Harun a.s. menggantikannya bagi menguruskan kaumnya, disebabkan sifat amanahnya. Cuma bezanya, Musa a.s. melantik Harun ke atas semua kaum Bani Israel, sedangkan Nabi s.a.w. melantik Ali r.a. ke atas sebilangan kecil orang Islam sahaja, kerana majoritinya menyertai perang.[134]
4. Menurut fakta sejarah, dalam perang Tabuk ini Rasulullah s.a.w. tidaklah melantik Ali r.a. seorang sahaja menggantikannya di Madinah. Ini kerana, untuk urusan pentadbiran Madinah dilantik atau diistikhlafkan seorang sahabat bernama Muhammad bin Maslamah al-Ansari. Ada riwayat mengatakan seorang yang bemama Sibak bin Urfutah. Sedangkan Saiyidina Ali r.a. diistikhlafkan bagi mengendalikan keluarga Baginda s.a.w. dan disuruh tinggal bersama mereka.[135] Sekiranya fakta ini benar maka jelaslah bahawa Rasulullah s.a.w. melantik dua orang tokoh ini di Madinah sepeninggalannya sahaja, dengan bidang tugas masing-masing. Bukan melantik mereka berdua sebagai Khalifah dalam erti ketua negara, apabila Baginda wafat kelak. Tidak mungkin berlaku sedemikian, kerana Rasulullah s.a.w. sendiri amat melarang terjadi dua orang khalifah dalam satu masa.[136]

   Apabila dilantik dua orang khalifah dalam satu masa, bunuhlah salah seorang di antaranya.

5. Terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak pernah meninggalkan apa-apa wasiat bagi tujuan menggantikannya. Sekalipun golongan Syi'ah mendakwa demikian. Antara sumber fakta yang paling terkenal tentang perkara ini ialah sumber yang datang melalui Saiyidina Ali r.a. sendiri, iaitu ketika beliau menolak cadangan al-Abbas r.a. supaya segera bertanyakan Rasulullah s.a.w. ketika Baginda gering. Al-Bukhari dan Imam Ahmad melaporkan: Riwayat daripada Abdullah bin Abbas r.a., bahawa Ali bin Abi Talib r.a. telah keluar dari kamar tempat Rasulullah s.a.w. sedang gering. Orang ramai bertanya: Wahai Abu al-Hassan (gelaran Ali), bagaimana keadaan Rasulullah s.a.w.? Jawabnya: al-Hamdulillah, Baginda telah sembuh. Maka lalu

---

[133] *I*bid. hlm. 82. Lihat juga Ibn al-Arabi. dalam al-Awasim Min aJ-Qawasim, Tahqiq. Muhibuddin al-Khatib. cet. al-Jazair. 1347 H., hlm. 192.
[134] Ibn Taimiyah, Minhaj al-Sunnah fi Naqdh Kalam al-Syi'ah wa al-Qadariyah, Kaherah 1950. jil. III, hlm. 91.
[135] Jalal Mazhar, Muhammad Rasulullah, hlm. 367.
[136] Majma al-Zawaid, jil. V, hlm. 198. lihat juga Syarh Muslim oleh al-Nawawi, jil. XII, hlm. 242.

Abbas bin Abd. Mutalib memegang tangannya sambil berkata: Sebenarnya mengikut fikiranku Rasulullah s.a.w. akan wafat disebabkan kegeringannya ini. Aku benar-benar kenal air muka kaum Bani Abd. Mutalib ini ketika menghadapi maut. Marilah kita pergi segera bertanyakan Rasulullah s.a.w. siapakah kelak yang akan mengambil tugas selepas Baginda. Sekiranya ia ditentukan pada kalangan kita, maka kita boleh tahu perkara itu. Dan sekiranya pada orang lain, kita akan tahu juga, dan kita beringat-ingatlah. Maka Ali menjawab dengan tegas: Demi Allah, sekiranya kita bertanya perkara itu kepada Rasulullah, maka takdirnya ia tidak memberikan kepada kita, nescaya sampai bila-bila pun orang ramai tidak akan memberikannya kepada kita lagi. Demi Allah, sesungguhnya aku sekali-kali tidak akan bertanya perkara itu kepada Rasulullah s.a.w.[137] Dalam konteks yang sama Qadhi Ab. Jabbar melaporkan sebahagian pujian Ali bin Abi Talib r.a. sendiri terhadap Abu Bakar r.a. melalui satu ucapannya: [138]

"... Apakah tidak orang yang paling baik dari kalangan umat ini selepas Nabinya ialah Abu Bakar dan Umar ...kemudian Allah yang mengetahui dengan sesuatu kebaikan itu, di mana ia berada."

Daripada keterangan ini, menunjukkan Saiyidina Ali r.a. sendiri awal-awal lagi menolak cadangan Abbas itu, kerana bimbang andainya Rasulullah s.a.w. menolak permintaan tersebut, orang ramai akan membuat keputusan seluruh keluarga Ali dan Abbas dilarang menjadi khalifah buat selama-lamanya. Dari aspek yang lain, fakta ini juga membuktikan tidak wujud sebarang wasiat atau penentuan daripada Rasulullah s.a.w. tentang bakal pengganti baginda. Ini juga bererti tidak berlaku sebarang isyarat daripada Rasulullah s.a.w. ke arah melantik Saiyidina Ali r.a. menjadi khalifah, apalagi dakwaan konon wujudnya nas.[139] Lagi pun sekiranya sudah ada nas atau wasiat daripada Nabi s.a.w. tentang perkara itu, maka apa gunanya Abbas mendesak Ali r.a. supaya bertanya lagi perkara itu ? Dari segi yang lain pula, sekiranya benar-benar ada nas dari Rasulullah s.a.w. sama ada untuk Ali atau Abu Bakar atau sesiapa saja, maka sudah tentu Saiyidina Ali r.a. sendiri akan terus bertegas dengan hujah dan dalil berkenaan; ataupun tokoh-tokoh yang lain dari kalangan Muhajirin dan Ansar akan lantang menggunakan alasan itu. Manakala Hadith Ghadir Khum itu, tidak boleh dijadikan alasan, kerana perlantikan itu bukan untuk menjadi khalifah dalam erti sebagai ketua negara, kerana Nabi s.a.w. masih hidup lagipun ia perlantikan sekejap sahaja di Madinah, tidak ubah seperti Nabi Musa melantik Nabi Harun ketika Musa masih hidup sekadar menggantikan semasa pemergiannya bermunajat.[140] Berlainan sekali dengan peristiwa yang berlaku ke atas Abu Bakar r.a. Ini kerana seluruh kalangan Muslimin zaman awal itu berijmak menamakan Abu Bakar r.a. sebagai khalifah Rasulullah s.a.w.[141] Dalam hal ini Ibn Hazm juga membuat ulasan, bahawa tidak seorang pun yang pernah dilantik oleh Rasulullah s.a.w. menjadi penggantinya semasa hayat Baginda s.a.w., berhak dipanggil khalifah, contohnya seperti Ali dalam perang Tabuk, Ibn Ummi Maktum dalam perang Khandak, Uthman bin Affan dalam perang Zati al-Riqa, dan lain-lain. Ini kerana, tokoh-tokoh ini, walaupun dilantik menggantikan baginda tetapi tidak pernah dipanggil sebagai khalifah

[137] Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Jil. V dalam Kitab al-Maghazi, hlm. 140, 141.
[138] Qadhi Abd. Jabbar, Al-Mughni, bhg. I, jil. 20, hlm. 288.
[139] Ibn al-Arabi, al-Awlasim Min al-Qawasim, hlm. 187.
[140] Ibid., hlm. 192.
[141] Ibid., hlm. 32.

Rasulullah.[142] Lebih ketara lagi, jika ditinjau jawapan-jawapan tegas daripada Umm al-Mukminin Aisyah r.a., apabila ditanya tentang sama ada Rasulullah s.a.w. pernah berwasiat kepada Saiyidina Ali r.a. Ia segera menjelaskan: Bilakah baginda berwasiat padanya ? Aku sendiri yang menyandarkan badannya ke dadaku tiba-tiba ia terkulai, lalu wafat, maka bila pula ia meninggalkan wasiat ? ...[143]

6. Walaupun menurut perspektif Ahl al-Sunnah tidak terdapat sebarang nas daripada Nabi s.a.w. menyentuh soal khalifah selepas baginda, namun beberapa peristiwa besar yang berlaku ketika Nabi s.a.w. masih hidup mempunyai pengertian yang amat mendalam ke arah pemilihan seorang pemimpin selepas Rasulullah s.a.w. itu. Peristiwa paling besar itu ialah, Rasulullah s.a.w. begitu serius dan tegas meminta Abu Bakar r.a. menjadi imam sembahyang ketika baginda s.a.w. sedang gering. Walaupun isterinya Umm al-Mukminin berkali-kali merayu agar Rasulullah s.a.w. mengubah fikiran, agar tidak menyuruh ayahandanya Abu Bakar menjadi imam, tetapi Nabi s.a.w. terus berkeras, bahkan sampai mulai naik darah.[144] Persoalannya apakah Ali atau Umar atau Uthman atau yang lain dikira tidak layak kalau sekadar untuk menjadi imam sembahyang itu ? Padahal Rasulullah s.a.w. sendiri terang-terang mengaku kelebihan Ali r.a. melalui Hadith-hadithnya, antaranya Hadith yang diriwayatkan oleh al-Hakim dan al-Tirmizi:[145]

   “Daripada Ali r.a., berkata ia, Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Aku ialah kota ilmu, dan Ali adalah pintunya. Maka sesiapa yang mahukan ilmu, maka datanglah ke pintunya.”

   Begitu juga dengan Uthman bin Affan r.a., seorang yang diperakui oleh Allah tentang kebaikannya, seperti Hadith riwayat al-Tirmizi:[146]

   "Sesiapa yang marahkan Uthman, Allah akan memurkainya pula. "

   Umar bin al-Khattab r.a. juga dalam banyak hal tidak ada cacat-celanya, jika dibandingkan dengan sahabat-sahabat yang lain termasuk Abu Bakar r.a. sendiri. Ini ternyata daripada Hadith Ibn Mas'ud r.a.

   “Daripada Ibn Mas'ud, berkata: "Sesungguhnya Umar itu yang paling mengenali Allah dari kalangan kami, dan paling handal membaca kitabulLah dari kami, serta yang paling memahami agama Allah. "

   Memang tidak dipertikaikan lagi, sama ada di kalangan Syi'ah mahupun Ahl al-Sunnah bahawa sembahyang atau solat adalah tanggungjawab yang paling utama dalam Islam, mengetuai sembahyang dan mengetuai negara diistilahkan sebagai 'Imam', cuma bezanya ketua sembahyang disebut sebagai: Imamah Sughra, sedangkan ketua negara disebut Imamah Kubra (imam agung). Kedua-duanya merupakan orang yang diikuti. Imam pada sesuatu bidang itu

---

[142] al-Imam Badruddin al-Zarkasyi, dalam al-Ijabah Liiradi Mastadrakathu al-Saiyyidah Aisyah Ala al-Sahabah, Damsyiq, 1939. Petikan dari: Dr. Mustafa HIlmi, Nizam al-Khilafah. hlm. 129.
[143] Ibn Hazm, al-Fasl, jil. IV. hlm. 108
[144] Lihat Al-Tabari, dalam Tarikh al-Rusul, jil. III, hlm. 1978.
[145] Al-Sayuti, Tarikh al-Khulafa, hlm. 170. Lihat juga al-Syaukani, dalam Darr al-Sahabah fi Manaqib al-Qarabah wa al-Sahabat, Dar al-Fikr, Damsyiq, 1948, hlm. 203.
[146] Al-Syaukani, Darr al-Sahabah, hlm. 168.

mempunyai peranan tertentu.[147] Apabila Nabi. s.a.w. memilih seseorang menjadi imam, terutama semasa baginda s.a.w. masih hidup, maka tindakan itu mengandungi maksud tertentu. Atas dasar itu, Ahl al-Sunnah menganggap pemilihan Abu Bakar r.a. menjadi imam sembahyang (imam sughra) itu adalah satu isyarat pemindahan jawatan imam kubra (Khilafah ketua negara) kepada Abu Bakar r.a. selepasnya.[148] Kesungguhan Rasulullah s.a.w. yang mahukan Abu Bakar r.a. seorang sahaja mengambil tempatnya menjadi imam bukan secara kebetulan atau disebabkan tokoh-tokoh lain tidak ada di situ pada waktu itu, tetapi ternyata yang lain-lain pun memang berada di situ, termasuk Umar bin al-Khattab r.a. sendiri, kerana masing-masing bimbang dengan keadaan kesihatan Rasulullah s.a.w. yang semakin tenat. Buktinya, cadangan Aisyah r.a. sendiri terang-terang ditolak oleh Rasulullah s.a.w., melalui Hadith- nya:[149]

“Daripada Ibn Umar r.a. katanya: Ketika Rasulullah s.a.w. sedang tenat, diberitahu kemasukan waktu sembahyang. Maka ia bersabda: Suruhlah Abu Bakar bersembahyang (imam) dengan orang ramai. Ajsyah mencelah: Sebenarnya Abu Bakar itu berperasaan lembut, sekiranya ia mengambil tempat tuan, orang ramai hampir tidak dapat mendengar bacaannya, kerana banyak menangis. Apa kata kalau tuan suruh saja Umar ? Nabi s.a.w. menjawab tegas: Suruh saja Abu Bakar, biar dia yang bersembahyang. Maka Aisyah terus mengulangi permintaan yang sama. Baginda s.a.w. membantah: Suruh dia! Biar dia yang bersembahyang, kamu semua orang perempuan adalah saudara mara Nabi Yusuf !"

Bukti keengganan Rasulullah s.a.w. menerima selain Abu Bakar r.a. menggantikan baginda s.a.w. terdapat juga pada catatan al-Imam al-Sayuti dalam Tarikhnya:[150]

"Dalam Hadith riwayat Ibn Zama'ah r.a.: Bahawa suatu ketika Nabi s.a.w. menyuruh mereka bersembahyang, sedangkan waktu itu Abu Bakar tiada bersama. Maka Umar r.a. pun maju ke depan lalu bersembahyang (menjadi imam). Maka Nabi s.a.w. segera berkata: Tidak, Tidak, Tidak ...! Allah dan Muslimin tidak akan menerima kecuali Abu Bakar sahaja. Suruhlah Abu Bakar bersembahyang bersama orang ramai. "

Begitu juga dengan Hadith riwayat dari Ibn Umar r.a. sendiri:[151]

“Dalam Hadith riwayat Ibn Umar r.a.: Umar telah memulakan takbir, maka takbirnya didengar oleh Nabi s.a.w., lalu segera menjengah dengan kepalanya keluar dengan keadaan marah sambil menyergah: Ke mana perginya anak Abu Quhafah ? (Abu Bakar)”.

Dalam konteks ini, begitu jelas sekali bahawa Rasulullah s.a.w. merencanakan agar Abu Bakar r.a. seorang sahaja yang diberikan keutamaan menggantikannya menjadi imam. Iaitu sebagai bakal imam sebenarnya pada

[147] Ali Ali Mansor, Nuzum al-Hukm, hlm. 243.
[148] Dr. Mustafa Hilmi, Nizam al-Khilafah, hlm. 30.
[149] Ibn Hajar al-Asqalani, Fath al-Bari, Syarh al-Bukhari, jil. II Bulaq, Kaherah 1301 H., hlm. 130.
[150] Al-Imam al-Sayuti, Tarikh al-Khulafa, hlm. 63.
[151] Al-Imam al-Sayuti, Tarikh al-Khulafa, hlm. 63.

masa akan datang. Ali, Umar dan Uthman r.a. sendiri pun tidak dibenarkan. Contohnya daripada Hadith yang lalu, walaupun Umar r.a. telah memulakan takbir, beliau diminta supaya berhenti dan diarah mendapatkan Abu Bakar r.a. juga, supaya menjadi imam. Peristiwa ini juga sebagai pernyataan, bahawa Baginda s.a.w. mengutamakan Abu Bakar r.a. menjadi penggantinya, cuma Baginda s.a.w. tidak membuat wasiat secara terang, supaya perkara itu dapat diputuskan melalui syura di kalangan Muslimin. Ini kerana, prinsip tersebut boleh menjamin kebaikan masa depan mereka.[152]

7. Terdapat penulis-penulis yang pro-Syi'ah seperti 0. Hashem dengan karyanya: Saqifah Awal Perselisihan ummat, gemar membuat analisis yang kurang sihat terhadap tokoh-tokoh sahabat, khasnya Abu Bakar, Umar dan Abu Ubaidah r.a. Tujuannya adalah memburukkan sikap dan tindakan mereka tentang persoalan pimpinan, hingga menggambarkan ketiga-tiga tokoh ini telah menjalin persahabatan yang kukuh, sejak mula-mula memeluk Islam, dalam menghadapi kaum aristokrat jahiliyah. Persahabatan ini semakin erat seiring dengan semakin kuatnya tokoh ini, tanpa memberitahu kelompok Ali, mereka pergi ke Saqifah Bani Saidah.[153] Sebenarnya analisis begini, walau atas niat apa sekalipun sangat mudah memberi ruang kepada musuh-musuh Islam untuk mengubah suasana secara rasional akademik yang sedia memberi fenomena buruk terhadap tokoh dan Islam sendiri. Lihat saja contohnya, telah lahir berbagai-bagai artikel dan panel penyelidikan ilmiah tentang apa yang dikatakan sebagai pakatan-pakatan sulit di kalangan sahabat-sahabat Nabi s.a.w. Paling menonjol ialah artikel salah seorang orientalis Perancis, Henri Lammens yang berjudul Kelompok Politik Tiga Serangkai (triumvirat), iaitu Abu Bakar, Umar dan Abu Ubaidah, yang menceritakan keakraban ketiga-tiga tokoh ini sejak zaman Rasul, kerjasama mereka sebelum pergi ke Saqifah, dan perdebatan mereka dengan kaum Ansar di sana. Begitu juga setelah Abu Bakar dan Umar memegang tampuk pemerintahan.[154] Memang bagi orang-orang yang mempunyai iman yang tipis terhadap Rasul, dan masih belum dapat menanggapi hakikat kerasulan sebenar dan nilai diri orang-orang yang dipilih oleh Allah s.w.t. menjadi pembantu, penyokong dan penyambung perjuangan Rasulullah s.a.w., mudah termakan dengan analisis dan ulasan seperti itu. Ini kerana mereka merasa kekuatan iman yang terdapat dalam diri Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang dipilih menjadi teman perjuangannya, sama seperti iman yang mereka miliki kini. Satu ukuran yang dibuat bukan pada tempatnya. Pada hal orang-orang ini mendapat pengakuan khas (dari Allah s.w.t.):[155]

“Dan orang-orang yang terdahulu itulah orang-orang yang dahulu (masuk syurga). Merekalah yang hampir (kepada Allah). Tempat mereka dalam kebun-kebun (syurga) kenikmatan. "

Tokoh-tokoh awal ini diakui oleh Allah s.w.t. sendiri sebagai penghuni syurga secara terus-menerus. Persoalannya di sini, bagaimanakah boleh terjadi para penulis yang masih beriman dengan al-Qur'an dan Islam tidak berkesempatan

---

[152] Jalal Mamar, Muhammad Rasulullah, hlm. 405.
[153] 0. Hashem, Saqifah, hlm. 68.
[154] Henri Lammens. Le Triumvirat Abu Bakar Umar et Abvou Obaida, Malanges de la Faculte Orientale de l'Universite St. Yoseph de Beyrouth. 4 (1910) hlm. 113-114. Petikan daripada 0. Hasyem, Saqifah, hlm. 69.
[155] Al-Qur'an surah al-Waqiah 56: 10, 11, 12.

memahami sifat-sifat penghuni syurga Allah s.w.t. Bolehkah sebarang manusia yang semasa hidup di dunia ini penuh dengan dengki, busuk hati atau merancang pakatan-pakatan sulit yang jahat, diberi laluan melangkah ke syurga Allah secara terus-menerus. Bagaimanakah mereka boleh melepasi pemeriksaan para malaikat Allah yang bertugas tanpa sebarang penyelewengan. Nilai-nilai seperti ini perlu diberi tempat ketika seseorang penulis Muslim mengulas tentang keperibadian seseorang sahabat yang muqarrabin. Lainlah halnya dengan kalangan penulis orientalis yang kafir terhadap Islam, mereka tidak langsung mengambil kira nilai-nilai seperti itu. Kebaikan dan ketulusan hati tokoh-tokoh awal Islam ini sudah tentu berada dalam pengetahun Allah dan Rasul-Nya s.a.w. Maka atas dasar itu, Nabi s.a.w. melarang sangat para umatnya daripada menggambarkan sesuatu yang buruk terhadap sahabatnya, antaranya:[156]

“Daripada Abu Said al-Khudri r.a., beliau berkata: Rasulullah s.a.w: bersabda: Jangan sekali-kali kamu cemuhkan sahabat-sahabatku! Demi Tuhan yang menguasai diriku, andai kata seseorang kamu (yang cuma mencemuh) membelanjakan seketul emas sebesar gunung Uhud itu sekalipun (untuk berbakti kejalan Islam), nescaya kamu tidak dapat menandingi kadar pengorbanan mereka walaupun sebesar timbangan paling kecil dan tidak pula separuh daripadanya. "

Sebenarnya, kalau diuruti perjalanan komunikasi sahabat-sahabat Nabi s.a.w. pada peringkat awal itu, ternyata sekali merekalah orang-orang yang mempraktikkan secara jujur arahan-arahan Allah s.w.t.:[157]

“Sesungguhnya mukminin itu bersaudara, maka islahlahkanlah pertentangan antar mereka”.

Mereka juga melaksanakan tuntutan-tuntutan Hadith Nabi s.a.w. seperti:[158]

Terjemahan: "Hadith Abdullah bin Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Seseorang Muslim itu adalah saudara kepada Muslim yang lain. Ia tidak boleh menzaliminya dan tidak membiarkannya ditekan. Dan sesiapa memenuhi hajat (keperluan) saudaranya nescaya Allah memenuhi hajatnya pula. Dan sesiapa yang melepaskan kedukaan saudaranya yang Muslim, Allah akan melepaskan kedukaannya pada hari kiamat nanti. "

Berdasarkan kenyataan yang berlaku, di samping arahan dan pengakuan Allah dan Rasul-Nya, maka para Muslimin generasi kebelakangan harus berhati-hati dan jangan mudah membuat sebarang tanggapan buruk terhadap generasi awal Islam itu kalau hanya kerana semata-mata berkomitmen dengan sesuatu kelompok dalam Islam. Sebab dibimbangi akan termasuk dalam kategori mencaci atau memburukkan personaliti generasi awal itu. Ada Hadith yang menyatakan:[159]

---

[156] Abu Daud, al-Sunan, jil. II, hlm. 206. Lihat juga al-Tirmizi, al-Sunan, jil. X, hlm 363, dan juga, Fath al-Bariy, jil. II, hlm. 423.
[157] Al-Qur'an surah al-Hujurat, 49: 10.
[158] Mohd. Fuas Ab-Bawi, al-Lukluk wa al-Marjan, jil. III, keluaran al-Bukhari, dalam Kitab al-Mazalim, hlm. 193.
[159] Ibid.

"Hadith keluaran al-Tabarani dalam al-Awsat daripada Aisyah r.a. berkata ia, Rasulullah s.a.w. bersabda: Allah melaknati sesiapa yang mencaci/mencemuh sahabat sahabatku. "

Demikianlah disiplin yang mesti dipelihara oleh orang Islam ketika bertindak, menghurai, menganalisis atau membicarakan tentang personaliti tertentu yang dikategorikan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai sahabatnya. Ini kerana biasanya pengkaji-pengkaji zaman mutakhir ini membuat keputusan tentang sahabat Rasulullah s.a.w. itu sekadar melihat aspek-aspek luaran hasil tindakan mereka sedangkan perkara yang perlu diambil kira bersama ialah aspek nilai dalamannya secara sepadu; termasuk autoriti-autoriti yang mereka miliki. Berdasarkan autoriti inilah mereka membina sikap mantap dan mempertahankannya, kadang-kadang mengorbankan diri sendiri. Tetapi pengorbanan itu ternyata tidak sia-sia di sisi Allah s.w.t. kerana pahalanya tetap besar.

8. Kontroversi pimpinan Abu Bakar r.a. juga dikaitkan dengan Saiyidina Ali r.a. Iaitu dengan memutarbelitkan apa yang dikatakan sikap protes atau ketidaksetujuan Saiyidina Ali r.a. yang dikatakan mewakili Bani Hasyim terhadap perlantikan Abu Bakar r.a. sebagai khalifah. Punca utama protes itu adalah kerana Ali r.a. terasa haknya dirampas:[160] Kedua, kerana meneruskan kemarahan isterinya Fatimah r.a. yang dikatakan berpunca daripada kekecewaannya mendapatkan habuan harta pusaka peninggalan ayahandanya, Rasulullah s.a.w., yang ada pada waktu itu berada di bawah jagaan Abu Bakar r.a. sebagai khalifah menggantikan Rasulullah s.a.w. Maklumat terperinci tentang hal tersebut seperti yang berikut:[161]

"Daripada Muammar, daripada Aisyah, bahawa Fatimah dan Abbas telah datang menemui Abu Bakar r.a. menuntut harta peninggalan Nabi s.a.w. di kawasan Fadak dan Khaibar, Abu Bakar memberitahu kepada kedua-duanya, sebenarnya aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Kami tidak meninggalkan harta pusaka, apa yang kami tinggalkan adalah sadaqah (untuk semua kaum Muslimin). Keluarga Muhammad tidak makan akan harta ini." Demi Allah aku (Abu Bakar) tidak membiarkan sesuatu perkara yang aku telah lihat Rasulullah melakukannya, melainan aku ikut melakukannya. Kata (Muammar), maka sejak itu Fatimah berputus dengan Abu Bakar, tidak bercakap dengannya tentang perkara itu; hinggalah ia (Fatimah) meninggal. Maka Ali mengebumikannya pada waktu malam, dan tidak membenarkan Abu Bakar melawatnya. Semasa Fatimah masih hidup, Ali disanjung oleh orang ramai. Maka apabila Fatimah meninggal orang ramai mula menjauh daripadanya. Selepas Rasulullah s.a.w. wafat Fatimah hidup kira-kira enam bulan, kemudian ia pun meninggal pula.[162]

Maksud Hadith ini lebih kurang sama dengan maksud Hadith yang disampaikan oleh al-Tabari sebelumnya. Kalau dilihat kepada keseluruhan teks yang lalu dan yang menjadi pegangan kepada kalangan yang berpendapat bahawa Saiyidina Ali telah memprotes dengan hebatnya perlantikan Abu Bakar r.a., terasa ada sesuatu yang kurang kena di antara perkara yang dilaporkan dalam sumber-

---

[160] Kesimpulan daripada pidato Ali r.a. yang terdapat dalam Najhul Balaghah, dipetik oleh 0. Hashem, dalam Saqifah, hlm. 114, 115.

[161] Al-Tabari, Tarikh, jil. III, hlm. 208.

[162] Mohd. Fuad Ab. Baqi, al-Lukluk wa al-Marjan, jil. II, hlm. 210, hadis dikeluarkan oleh: al-Bukhari, dalarn Kitab al-Maghazi.

sumber tersebut dengan realiti dan peribadi Saiyidina Ali yang amat dikenali di kalangan kawan mahupun lawan. Ia amat terkenal dengan sifat-sifat terpuji seperti ikhlas, jujur, berani, tegas dan tidak berdolak-dalik. Antara sebabnya, kerana ia dibesarkan di rumah Rasulullah s.a.w. sendiri, maka ia terdidik dengan didikan Rasulullah yang tinggi serta berperibadi dengan sifat-sifat Rasul yang mulia.[163] Ini bererti tindakan memprotes dan tidak sedia akur dengan keputusan ramai dan berkeras tidak menerima realiti kebenaran adalah sesuatu yang amat tidak sesuai dengan peribadi, sikap, nilai keimanan yang terdapat pada tokoh seperti Saiyidina Ali. Perkara ini disebabkan antaranya:

a) Ketegasan Ali r.a. tentang sesuatu kebenaran merupakan sesuatu yang sukar ditandingi, sesuatu yang dipastikan benar itu akan dipertahankan, sekalipun menjejaskan diri sendiri. Contoh ketegasan serta amanahnya memper tahankan kebenaran, seperti yang dilaporkan oleh Sahib al-Fakhri dalam, al-Adab al-Sultaniyah, bahawa adik kandungnya sendiri bernama Uqail bin Abi Talib pernah memohon sedikit ganjaran dari Bait al-Mal kerana baktinya dan kawan-kawannya kepada negara. Saiyidina Ali r.a. menolak permohonan itu sambil menjelaskan: Wahai adikku, engkau tidak berhak di atas harta Bait al-Mal ini, tetapi bersabarlah, hingga harta milik peribadiku ada, akanku berikan padamu. Jawapan begini tidak disenangi oleh Uqail, lalu beliau berpisah dari kelompok Ali dan menyertai Mu'awiyah di Syam.[164] Oleh itu, kalau dirujuk kepada Hadith yang dikeluarkan oleh al-Bukhari dan catatan al-Tabari yang lalu, sebenarnya yang dimaksudkan dengan betul-betul nas Hadith Rasulullah s.a.w. yang disampaikan oleh Abu Bakar r.a. ialah sekadar perkataan: Kami tidak meninggalkan harta pusaka, apa yang kami tinggalkan adalah sadaqah, keluarga Muhammad tidak boleh makan harta ini. Selain nas itu, lebih merupakan penambahan belaka. Sehubungan dengan permasalahan ini, beberapa perkara perlu diberi perhatian:

   i. Diandaikan Fatimah bt. Rasulullah s.a.w. marah kepada Khalifah Abu Bakar r.a. kerana keengganan Abu Bakar menyerahkan harta Rasulullah s.a.w. kepadanya, maka apa pula kaitannya dengan suaminya Saiyidina Ali r.a. yang dikatakan turut marah dan terus bersikap tidak mahu membai'ahkan Abu Bakar r.a. ? Munasabahkah Saiyidina Ali r.a. yang terkenal tegas kerana agama dan taqwa itu, begitu mudah mengikut telunjuk isteri semata-mata inginkan harta dunia yang jelas diketepikan oleh pemegang amanahnya ? Apakah kaitan kes harta pusaka dengan tanggungjawab seorang negarawan dalam membai'ah ketua negaranya ? Padahal kesetiaan Saiyidina Ali r.a. yang sebenarnya terhadap dua orang sahabat karibnya Abu Bakar dan Umar r.a. yang menjadi khalifah sebelumnya, adalah terlalu jelas seperti yang dijelaskan oleh Jaafar bin Muhammad daripada bapanya:

   "Seorang lelaki bertanya kepada Ali bin Abi Talib: Kami dengar tuan menyebut di dalam satu khutbah: Ya Allah, perbaikilah kami mengikut apa yang Engkau perbaiki para Khulafa al-Rasyidin yang mendapat petunjuk itu. Siapakah mereka ? Maka berderailah air matanya, lalu berkata: Kedua-duanya kekasihku, Abu Bakar dan Umar. Kedua-duanya imam petunjuk, Syeikh Islam, jejaka Quraisy, orang yang layak

---

[163] Dr. Hassan Ibrahlm Hassan, Tarikh al-Islam, jil. I, hlm. 272.

[164] Ibid., hlm. 272-273.

dicontohi selepas Rasulullah s.a.w. sesiapa yang mengikut kedua-duanya terpelihara, dan sesiapa yang menurut jejak kedua-duanya diberi petunjuk ke jalan yang lurus, dan sesiapa yang berpegang teguh dengan cara kedua-duanya maka ia adalah dari parti/pasukan Allah.

Begitulah keadaan yang sebenarnya hubungan diantara Saiyidina Ali r.a. dengan sahabat-sahabatnya terutama Abu Bakar dan Umar r.a. disepanjang hayatnya. Hubungan tersebut tidaklah buruk sebagaimana yang digambarkan oleh pengkaji-pengkaji tertentu.

ii. Walaupun Fatimah r.a. itu anakanda Nabi s.a.w., mungkin ia tidak mendengar Hadith itu daripada Rasulullah s.a.w., kerana Hadith tersebut lebih merupakan polisi pentadbiran dan pemerintahan khalifah, lalu amat munasabah diluahkan kepada tokoh-tokoh yang lebih kanan. Menurut Ibn Taimiyah dalam Manhaj al-Sunnah, bahawa sabda Rasulullah s.a.w. “Kami tidak meninggalkan harta pusaka." Diriwayatkan oleh Abu Bakar, Umar, Uthman, Ali, Talha, al-Zubair, Saad, Ab. Rahman bin Auf, al-Abbas bin Ab. Muttalib dan para isteri Rasulullah s.a.w.
Kemungkinan yang lain itu dirasakan ada kebenarannya jika dilihat kepada sikap Fatimah r.a. sendiri setelah diberitahu tentang Hadith itu kepadanya.

Terjemahan: "Daripada Ibn al-Tufail, apabila Rasulullah s.a.w. wafat, Fatimah mengirim utusan (atau mungkin ia bersama) kepada Abu Bakar, bertanya, Kamukah yang mewarisi harta Rasulullah s.a.w. atau keluarganya ? Jawab Abu Bakar: Tidak! Bahkah keluarganyalah ! Kata Fatimah: Maka di mana bahagian harta Rasulullah s.a.w. itu ? Jawab Abu Bakar: Sesungguhnya aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Sebenarnya Allah s.w.t. telah memberi makan akan Nabi sesuatu makanan, kemudian mengambilnya (mewafatkannya), lalu memberi seluruh kuasa kepada orang yang menggantikannya kemudian. Maka aku membuat keputusan memulangkan harta-harta itu kepada Muslimin. Maka lalu Fatimah mengakui: Kamu dan apa yang kamu telah dengar sendiri daripada Rasulullah s.a.w. itu, lebih mengetahuinya. " (Musnad Imam Ahmad).

Sumber ini begitu jelas menunjukkan bahawa Fatimah r.a. sebenarnya tidak pernah tahu tentang kedudukan harta pusaka Nabi itu. Setelah diberitahu oleh Abu Bakar r.a. ia jelas begitu akur dengan permasalahan tersebut, dan menerimanya dengan baik. Tidak timbul soal marah atau protes.

iii. Kalaulah benar seperti yang didakwa, bahawa Fatimah r.a. marah, kerana Khalifah Abu Bakar enggan menyerahkan harta pusaka Rasulullah s.a.w., sedangkan sebagai waris, ia berhak ke atasnya, ia langsung tidak munasabah kerana Abu Bakar r.a. mesti ingat bahawa anakandanya sendiri Aisyah r.a. itu merupakan salah seorang isteri Nabi s.a.w., jadi kalau harta-harta Nabi s.a.w. boleh dikira sebagai harta pusaka, anakandanya sendiri (Aisyah r.a.) juga berhak mendapatkannya, bukan Fatimah r.a. seorang sahaja. Sebagai seorang bapa tentulah Abu Bakar r.a. mempunyai perasaan semula jadi

inginkan supaya anaknya memiliki harta dan hidup senang, tetapi apakan daya kerana terdapat Hadith Nabi s.a.w. menghalangnya, maka anaknya juga seperti ahli waris yang lain, sama-sama tidak mendapat habuan (Ibn al-Arabi, al-Awasim Min al-Qawasim, hlm. 45) .

b) Daripada catatan-catatan yang berautoriti nyata sekali tidak ada sebarang wasiat atau pesanan atau perjanjian tertentu daripada Rasulullah s.a.w. kepada Ali bin Abi Talib r.a. tentang jawatan khalifah dan Ali r.a. sememangnya tidak menunjukkan sebarang bantahan atau protes terhadap Abu Bakar r.a. atau khalifah yang lain. Buktinya:

   i. Catatan Ibn Asakir daripada al-Hassan, beliau berkata, ketika sampai di Kufah, ia dikunjungi Ibn al-Kawwa, dan Qais bin Ubbad lalu kedua-duanya bertanya: Bolehkah tuan beritahu kami maksud kedatangan tuan, terutama waktu tuan menerima jawatan ini, sedangkan ummah dalam keadaan berpecah belah ? Adakah ia satu pesanan daripada Rasulullah s.a.w. kepada tuan ? Beritahulah kepada kami, kerana tuan memang dipercayai lagi amanah dengan apa yang tuan dengar! Maka Ali r.a. menjelaskan: Adapun tentang apa-apa pesan atau janji Nabi s.a.w. tentang perkara itu (pimpinan), maka tidak ada. Demi Allah akulah orang pertama yang mempercayai seruannya (beriman) , maka tidaklah aku mahu menjadi orang pertama berbohong ke atasnya. Dan sekiranya ada apa-apa perjanjian Nabi s.a.w. terhadapku tentang perkara itu, nescaya aku tidak akan membiarkan saudara Bani Taim bin Murrah (Abu Bakar) dan Umar bin Khattab cuba berdiri di atas mimbar Nabi itu; dan pastiku perangi mereka berdua dengan tanganku ini. Dan sekiranya aku tidak mempunyai apa-apa senjata, maka selendang ini kugunakan. Tetapi Rasulullah bukanlah mati terbunuh atau mati mengejut, bahkan Baginda gering beberapa hari dan malam. Ada kalanya muazzin melaungkan azannya menandakan waktu sembahyang, maka Baginda s.a.w. memerintahkan Abu Bakar menjadi imam, sedangkan Baginda s.a.w. melihat di mana aku berada. Pernah ada di antara isteri-isterinya cuba mengelakkan tugas itu daripada Abu Bakar, tetapi Baginda berkeras bahkan marah. Ia menegur, kamu semua betullah teman-teman Nabi Yusuf. Suruhlah Abu Bakar jadi imam. Apabila Allah menjemput Nabinya, kami memikirkan urusan kami, lalu kami pilih untuk kendalikan urusan dunia ini, orang yang Nabi s.a.w. sendiri rela pada sikapnya terhadap agama ini, sembahyang adalah asas Islam. Raja pada agama ini dan paksi agama; maka kami pun memilih Abu Bakar. Kerana ia memang paling layak, dan tiada seorang pun membantah. Aku sendiri menunaikan kewajipanku terhadap Abu Bakar, dan mentaatinya. Aku menyertai peperangannya, aku menerima apa jua pemberiannya, dan berjuang ketika diminta aku berjuang. Aku tunaikan tugas menjalankan hudud dengan cemetiku ini. Apabila ia meninggal, Umar pula memegang jawatan itu. Maka ia pula meneruskan perjalanan sahabatnya, dan apa yang ia tahu mengenainya. Maka kami semua membai'ah Umar dan tidak ada yang menentang... [165]

[165] Al-Sayuti, Tarikh al-Khulafa, hlm. 177.

Nyata benar daripada penjelasan panjang lebar itu bahawa Saiyidina Ali r.a. sebagai sahabat setia Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar r.a. begitu akur dengan kepimpinan Abu Bakar r.a., jauh sekali dari memprotes atau menentangnya sebagaimana yang digembar-gemburkan oleh beberapa catatan sejarah. Bukan itu sahaja, bahkan dengan tegas menyatakan sekiranya ada wasiat daripada Rasulullah s.a.w. kepadanya sebagai khalifah menggantikan baginda s.a.w nescaya ia akan bangun mengangkat senjata mempertahankan haknya daripada Abu Bakar dan Umar r.a. , gambaran yang sesuai dengan sikap dan sifat yang memang ada pada Saiyidina Ali r.a. yang terkenal tegas dan berani itu.[166] Lebih jauh daripada itu lagi, Saiyidina Ali sering menyertai perjuangan jihad ketika pemerintahan Abu Bakar. Iaitu satu fakta yang amat berlainan daripada apa yang dikatakan oleh 0. Hashem dalam karyanya, Saqifah, bahawa selama 24 tahun iaitu selama pemerintahan Abu Bakar, Umar dan Uthman, Ali bin Abi Talib hampir tidak keluar dari rumahnya, seakan-akan ia bukan warga dari umat ini.[167] Pandangan begini amat menjejaskan autoriti Saiyidina Ali r.a. yang terkenal begitu komited dengan pentadbiran khalifah Abu Bakar, sejak awal-awal lagi terutama ketika negara digugat oleh kumpulan-kumpulan penentang pembayaran zakat dan murtad.[168] Kenyataan ini berdasarkan laporan al-Daruqutni, daripada Ibn Umar beliau berkata: Dalam peristiwa murtad itu, khalifah tampil bersedia dan tegap di kenderaannya, lalu Saiyidina Ali bin Abi Talib maju ke depan dan terus memegang kekang kudanya sambil bertanya: "Hendak ke mana wahai khalifah Rasulullah? Saya mahu ingatkan tuan, akan kata-kata Rasulullah s.a.w. kepadamu sewaktu perang Uhud dahulu: Sarungkan pedangmu, dan usahlah merunsingkan kami dengan menggadaikan nyawamu. Pulanglah ke Madinah (menjalankan pentadbiran). Demi Allah kerunsingan kami akan terjadi disebabkan kemalanganmu, maka dari situ Islam ini tidak bersistem lagi selama-lamanya.” [169]

ii. Saiyidina Ali r.a. juga terang-terang mengakui kelebihan Abu Bakar r.a. dari beberapa aspek terutamanya kepimpinan. Hal ini, ternyata daripada rujukan yang dikeluarkan oleh al-Hakim dalam al-Mustadrak: [170]

“Daripada Ali dan al-Zubair, mereka berkata: Sesungguhnya kami memang berpendapat, Abu Bakar ialah orang paling berhak dengan jawatan khalifah itu selepas Rasulullah s.a.w. kerana sesungguhnya dialah teman di dalam gua, iaitu orang kedua kepadanya, dan sesungguhnya kami amat memahami taraf kelebihan dan senioritinya. Dan sebenarnya dialah satu-satunya orang yang diperintah oleh Rasulullah s.a.w. mengimamkan solat orang ramai sedangkan Ia s.a.w. masih hidup.

iii. Saiyidina Ali begitu marah kepada Abu Sufyan yang menghasutnya supaya bangun menentang perlantikan Abu Bakar dan beliau sedia

---

[166] Abbas Mahmoud al-Aqqad, Abqariyah al-Imam Ali, hlm. 15.
[167] 0. Hashem, Saqifah, hlm. 120.
[168] Muhammad Ali bin Tabataba al-Tiqtaqa, Tarikh al-Dual al-Islamiyah, Beirut, 1960, hlm. 74.
[169] Al-Sayuti, Tarikh al-Khulafa, hlm. 75.
[170] Al-Syaukani, Darru al-Sahabah, hlm. 151, 152.

menyumbangkan tentera dan kenderaan asalkan Ali r.a. memberikan persetujuannya.[171]

"Maka Ali r.a. menengkingnya (Abu Sufyan yang menghasut Ali supaya menentang Abu Bakar), katanya: Demi Allah, sesungguhnya kamu tidak bermaksud begitu, melainkan untuk menimbulkan huru-hara. Demi Allah selama kamu bertekad mencelakakan Islam maka selama itu, kami tidak memerlukan apa-apa nasihat kamu. "

iv. Setiap kali Abu Bakar r.a. mengisytiharkan untuk meletak jawatan setelah dilantik, maka Saiyidina Alilah orang pertama yang melarang dan menghalangnya. Kenyataan ini berdasarkan fakta yang dikeluarkan oleh Ibn al-Najjar dalam Kanz al-Ummal, seperti yang berikut: [172]

"Daripada Zaid bin Ali, daripada datuk-datuknya, r.a. ia berkata: Abu Bakar r.a. teJah mengisytiharkan di atas mimbar Rasulullah s.a.w., katanya: Adakah terdapat sesiapa yang tidak berpuas hati, maka saya bersedia sekarang untuk meletak jawatan ...? (diulang tiga kali) pertanyaan itu. Waktu itu Ali bin Abi Talib r.a. lantas segera bangun dan berkata: Tidak! Demi Allah, Kami semua tidak bersetuju menerima perletakan jawatan tuan, dan tidak pula ingin melucutkan jawatan tuan itu ...! Siapa lagi yang boleh membelakangkan tuan, sedangkan sesungguhnya tuan telah didahulukan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. "

v. Begitu juga Hadith yang diriwayatkan oleh Abu al-Juhlaf:[173]

Tiga hari berturut-turut Abu Bakar r.a. mengisytiharkan ingin meletak jawatan dan menyerahkan kepada rakyat agar memilih orang lain saja menjadi khalifah dan setiap kali itu Saiyidina Ali r.a. yang lantang menolaknya. Oleh itu, sekiranya benar cerita yang sering dihebohkan bahawa Rasulullah s.a.w. ada mewasiatkan jawatan khalifah kepada Saiyidina Ali r.a., dan ada ramai sahabat-sahabat lain seperti Abu Zar, al-Miqdad, Salam al-Farisi dan lain-lain yang dikatakan mempunyai pendirian yang sama dengan Saiyidina Ali r.a., maka mengapakah mereka tidak menerima sahaja perletakan jawatan Abu Bakar. Apa yang hendak dikhuatirkan kalau wasiat itu benar, sedangkan Saiyidina Ali r.a. sendiri dikatakan bukan bersendirian dalam bersikap begitu. Selain sahabat-sahabat Nabi s.a.w. yang disebutkan, seluruh Bani Hasyim yang ramai itu tetap bersamanya, dalam apa jua keadaan terutamanya bagi mempertahankan wasiat suci Nabi s.a.w. Semua anggota Bani Hasyim sanggup menggadai nyawa kerana yang hak ...? Tetapi ini tidak terjadi. Apakah sahabat-sahabat Nabi s.a.w. terutamanya Bani Hasyim tidak lagi mencintai Rasulullah s.a.w.? Hingga wasiatnya pun sudah tidak ada orang mempertahankannya ? Ini sesuatu yang tidak masuk akal. Mungkin ada orang berkata, Saiyidina Ali r.a., waktu itu menggunakan sikap taqiyyah (demi kemaslahatan, sanggup berdiam diri). Ini lagi aneh, bagaimanakah orang setegas Ali

[171] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. III, hlm. 209. Lihat juga al-Syaukani, Darru, hlm. 153.
[172] Muhammad Yusuf al-Kandahlawi, Hayat al-Sahabat, jil. II. Dar al-Wa'y, Halab, 1972, hlm. 22, 23.
[173] Ibld., hlm. 22.

r.a. boleh bertolak ansur di atas perkara yang hak ? Apakah itu tidak hipokrit atau munafiq namanya ? Sifat ini terlalu jauh bagi orang seperti Saiyidina Ali r.a. Sedangkan masalah yang begitu samar-samar hingga mencetuskan perang Jamal* antara Ali dan Aisyah, r.a. pun Saiyidina Ali r.a. sanggup bangun mengangkat senjata, mengorbankan banyak nyawa! Demi mempertahankan sikapnya yang dikira satu kebenaran. Inikan pula wasiat Rasulullah s.a.w. ? Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa berdasarkan fakta-fakta yang berautoriti, Saiyidina Ali bin Abi Talib r.a. sebenarnya samalah seperti sahabat besar Rasulullah s.a.w. yang lain tidak memprotes atau mengingkari bai'ah terhadap khalifah Abu Bakar r.a., bahkan begitu akur dan jelas kesetiaannya kepada khalifah. Bukti-bukti yang berikut lebih menjelaskan hakikat berkenaan: [174]

"Al-Zuhri berkata: Amru bin Huraith telah bertanya kepada Said bin Zaid r.a. salah seorang calon penghuni syurga adakah saudara menyaksikan peristiwa kewafatan Rasulullah s.a.w. ? Jawabnya: Ya! Ia bertanya lagi, maka bila pula Abu Bakar dilantik ? Jawabnya: Pada hari kewafatan Rasulullah s.a.w. itulah. Semua orang tidak mahu hidup walaupun seketika dengan keadaan tanpa dalam jamaah. Tanyanya lagi: Adakah terdapat seseorang membangkang? Jawabnya: Tidak! Kecuali kalaupun ada hanyalah orang murtad, ataupun orang yang nyaris-nyaris mahu jatuh murtad, kalaulah Allah s.w.t. tidak selamatkan mereka dari golongan Ansar, lalu ia bertanya lagi, adakah kedapatan seseorang dari kalangan Muhajirin yang tidak berbuat demikian ? Jawabnya: Tidak! Bahkan golongan Muhajirin datang berduyun-duyun menyampaikan bai'ah mereka tanpa diajak.

"Daripada Habib bin Abi Thabid, berkata: Adalah Ali r.a. berada di rumah tiba-tiba ia didatangi orang, lalu diberitahu: bahawa Abu Bakar r.a. telah duduk menunggu bai'ah daripada orang ramai. Maka dengan segera Ali terus keluar bersama, hanya sempat memakai kemeja sahaja, tanpa kain ikat pinggang mahupun selendang** kerana tidak mahu terlambat, hingga tiba di sana, terus menyampaikan bai'ah. Kemudian terus duduk di samping khalifah, lalu menghantar utusan ke rumah, bagi mengambil pakaian selengkapnya. Maka lalu dibawa pakaian tersebut, dan ia terus berkemas-kemas di situ juga. Dan terus mengikuti keseluruhan majlis itu."[175]

---

* Perang Jamal disebut juga perang unta, sempena dengan unta yang ditunggangi oleh Ummi al-Mukminin Aisyah r.a. dalam peperangan di antara Ali bin Abi Talib r.a. dengan kumpulan yang menuntut pembelaan darah khalifah Uthman r.a. Peperangan berlaku pada tahun 36 H./656 M., berhampiran kota Basrah di satu kawasan bernama: al-Kharit. Lihat Ahmad Atiataillah dalam al-Qamus al-Islami jil. 1. Kaherah 1963. hlm. 234.

[174] Al-Tabari, Tarlkh al-Rusul, jil. III, hlm. 207.

** Menurut tradisi orang-orang Arab zaman dahulu mereka tidak menghadiri sesuatu majlis, terutama majlis rasmi negara, kecuali berpakaian lengkap cara Arab, seperti kemeja, baju lapis luar, kain ikat paras pinggang dan juga selendang.

[175] Ibid.

KETIGA: KONTROVERSI ZAMAN KHALIFAH UTHMAN BIN AFFAN R.A.

Khalifah Uthman bin Affan r.a., merupakan khalifah al-Rasyidin yang ketiga selepas Abu Bakar dan Umar r.a. Beliau dilantik menjadi khalifah pada tahun 23H, bersamaan 644M,[176] menggantikan Umar bin al-Khattab r.a. yang mati dibunuh. Sebelum kematian khalifah Umar r.a. , beberapa orang sahabat besar Rasulullah s.a.w. datang mempersembahkan pertanyaan: Wahai Amir al-Mukminin, apa kata kalau tuan melantik seseorang ... Jawab Umar r.a. : Siapakah yang layak dilantik ? Sekiranya Abu Ubaidah masih hidup aku akan melantiknya. Kelak kalau Tuhanku bertanya, akan aku jelaskan. Aku dengar Nabi-Mu bersabda: Sesungguhnya dia itu (Abu Ubaidah) ialah pemegang amanah umat ini. Kalau Salim Maula Abu Huzaifah masih hidup, aku akan melantiknya. Kalau aku ditanya Tuhan, aku akan jelaskan: Aku dengar Nabi-Mu bersabda: Bahawa Salim itu, terlalu kasih kepada Allah.[177]

Walau bagaimanapun Saiyidina Umar r.a. tidak melantik sesiapa sebagai penggantinya, tetapi menyerahkan kepada Majlis Syura untuk memilih salah seorang dari kalangan enam orang sahabat kanan Nabi s.a.w. yang ternyata Rasulullah s.a.w. sentiasa reda terhadap mereka.[178] Keenam-enam orang itu ialah Uthman, Ali, Talhah, al-Zubair, Ab. Rahman bin Auf dan Saad bin Abi Waqqas.[179] Keputusan Umar r.a. tidak melantik orang yang tertentu, menampakkan ia seperti serba salah dan ingin mengkanunkan satu metod baru, sedikit berlainan daripada yang lalu. Hal ini terbukti daripada kata-katanya: "Sekiranya aku mencalonkan seseorang, maka sesungguhnya ada orang yang lebih baik daripada aku pernah melakukannya (iaitu Abu Bakar), dan sekiranya aku biarkan saja begitu, maka itu pun sesungguhnya ada orang yang jauh lebih baik daripada aku, pernah melakukannya (iaitu Rasulullah s.a.w.)."[180]

Melalui satu sesi syura di kalangan enam orang sahabat besar Rasulullah s.a.w., akhirnya Uthman bin Affan r.a. dipilih menjadi khalifah yang ketiga pada tahun 23 H./644 M., iaitu setelah menyanggupi untuk menjalankan arahan Kitabullah, Sunnah Rasul dan Sunnah dua orang khalifah yang lalu.[181]

SITUASI MASYARAKAT

Sesuatu yang memang menjadi undang-undang alam bahawa masyarakat dalam generasi mana pun jua, adalah sentiasa menerima perubahan dari semasa ke semasa. Maka atas dasar ini masyarakat dalam pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a. berbeza nilai pemikiran, ketahanan dan keimanan daripada masyarakat zaman pemerintahan Khalifah Umar bin al-Khattab r.a. yang lalu, terutamanya kalau dilihat daripada nilai keimanan dan ketaqwaan. Sedangkan mereka berhadapan dengan cabaran kebendaan yang begitu sengit. Keadaan demikian bertepatan dengan sabda

[176] Dr. Hassan Ibrahim Hassan, Tarikh al-Islam, jil. 1, hlm. 252.
[177] Ibid., hlm. 254. Lihat juga al-Sayuti, dalam Tarikh al-Khulafa, hlm. 136.
[178] Al-Sayuti, Tarikh al-Khulafa, hlm. 135.
[179] Ibid., hlm. 134.
[180] Dr. Hassan Ibrahim Hassan, Tarikh. jil. 1, hlm. 254.
[181] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 233.

Rasulullah s.a.w. dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim daripada Hadith riwayat Ibn Mas'ud r.a., Rasulullah s.a.w. bersabda:[182]

Rasulullah s.a.w. bersabda: Sebaik-baik manusia ialah yang seabad denganku, kemudian berikutnya dan kemudian berikutnya, kemudian akan menyusul kaum-kaum yang meletakkan sumpahnya mendahului syahadahnya, dan adakala syahadahnya mendahului sumpahnya. (Menggambarkan kumpulan-kumpulan Muslim yang tidak komited lagi dengan Islam).

Sebenarnya inilah yang berlaku dalam masyarakat Islam. Masyarakat pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattaab r.a. berlainan daripada masyarakat zaman Khalifah Abu Bakar r.a., begitulah pula keadaan masyarakat pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a. berbeza dengan masyarakat zaman pemerintahan Khalifah Umar r.a. Sebenarnya personaliti khalifah juga mempunyai kesan tertentu ke atas masyarakat yang dipimpin. Begitu juga polisi pentadbiran seseorang khalifah banyak mencorakkan kehidupan masyarakat. Contohnya, Khalifah Umar bin al-Khattab r.a. yang terkenal dengan kehidupan sederhana, kerana ia juga berasal dari keluarga sederhana, telah menetapkan polisi membataskan pergerakan rakyat, terutama Muhajirin suku Quraisy daripada bebas keluar dari kawasan kota Madinah, melainkan dengan kebenaran dan dalam jangka waktu yang terbatas pula.[183] Apabila ada kalangan yang mengadu kurang berpuas hati dengan peraturan itu, Khalifah Umar r.a. menerangkan: "Bukankah aku sudah nyatakan, bahawa Islam itu bandingannya seperti peringkat umur unta. Ia bermula seperti unta berumur cukup muda, kemudian berumur tiga tahun, kemudian empat tahun dan kemudian enam tahun, lalu berakhir dengan taring yang mulai retak dan pecah. Apakah lagi yang diharapkan kepada unta yang sudah pecah taringnya, kecuali kelemahannya. Apakah tidak sekarang ini Islam sudah tiba pada umur pecah taringnya.[184] Apakah tidak sekarang bangsa Quraisy sudah mula mahu membolot harta Allah dengan mengetepikan orang lain. Apakah tidak ingat, sekiranya anak al-Khattab ini masih hidup, maka jangan harap boleh dibiar begitu. Aku tegak tanpa mengenal sesiapa, leher Quraisy akan kutangkap dan menghalangnya daripada terjatuh ke dalam neraka."[185]

Sebenarnya polisi Umar r.a. membatas pergerakan pembesar Quraisy dari keluar kawasan sesuka hati, mempunyai objektif tertentu, antaranya:

1. Didikan cara hidup sederhana diperkenalkan sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi, iatu cara hidup pejuang dan pendakwah. Sekiranya mereka sibuk dengan harta kekayaan, biasanya perjuangan jihad dan dakwah akan mulai diketepikan. Hal beginilah yang sangat dibimbangkan oleh Khalifah Umar r.a., terutamanya apabila diketahui lokasi yang menjadi tumpuan para pembesar Quraisy itu apabila meninggalkan Madinah ialah kawasan-kawasan jajahan Rom yang terkenal dengan kekayaan, kesuburan dan pembangunan.
2. Peraturan mengetatkan pergerakan keluar masuk pembesar Quraisy juga bertujuan untuk memastikan mereka sentiasa berada di Madinah, khususnya di samping khalifah. Ini kerana mereka merupakan sahabat-sahabat terkanan sejak zaman Rasulullah s.a.w. Oleh itu, tokoh-tokoh seperti Saiyidina Ali bin Abi

---

[182] Ibn Hajar al-Asqalani, Fath al-Bari, jil. VIII, hlm. 6.
[183] Mohammed Kurd Ali, al-lslam wa al-Hadarah al-Arabiyah, jil. II, cet. III, Kaherah, 1968, hlm. 135.
[184] Ibid.
[185] Ibid., hlm. 136.

Talib, Uthman bin Affan, Abd. Rahman bin Auf r.a. dan lain-lain merupakan golongan eksekutif penting kepada negara, sifat mereka sebagai Ahl al-Hal wa al-Aqd dan juga anggota Majlis Syura khalifah Umar.[186] Bagi negara yang sedang membangun dan keadaan masyarakat yang pesat berkembang seperti Madinah, sudah tentu banyak masalah baru muncul setiap hari. Pandangan-pandangan yang tepat dan segera amat diperlukan, lalu tokoh-tokoh inilah yang sedia membantu khalifah dan negara. Contohnya Umar r.a. selalu menegaskan: "Alilah yang paling tepat hukumnya di antara kami."[187]

Walau bagaimanapun polisi mengetatkan pergerakan Quraisy ketika pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a. dikendurkan, terutama untuk memberi peluang kepada seluruh masyarakat Islam mengecap kesenangan dan pembangunan material, seperti yang sedang dihadapi oleh masyarakat lain di luar negara Islam, seperti Rom dan Parsi. Kemungkinan personaliti khalifah juga menjadi faktor dalam aspek ini. Ini kerana Khalifah Uthman r.a., terkenal dengan sikap pemurahnya dan beliau sentiasa menggalakkan seluruh para pegawai dalam pemerintahannya supaya menjadi pegawai yang pemurah.[188] Ini bererti khalifah Uthman r.a. merupakan antara sahabat Nabi s.a.w. yang amat pemurah dan sedia berbelanja kerana kebaikan Islam dan sejak awal lagi khalifah Uthman r.a. merupakan seorang yang kaya dan tidak pernah merasa kesempitan hidup. Sikap pemurahnya ternyata sekali ketika membiayai angkatan tentera al-Usrat zaman Rasulullah s.a.w.[189] dan peristiwa-peristiwa yang lain. Oleh itu, ketika memerintah negara, beliau inginkan supaya rakyat jelata juga turut senang dan kaya, sekurang-kurangnya menjadi seperti beliau. Oleh itu, satu cara untuk mencapai tujuan tersebut adalah mengendur sekatan dan membuka peluang kepada semua orang, termasuk kaum Quraisy supaya berusaha mendapat kesenangan, sekalipun terpaksa keluar dari Madinah. Walau bagaimanapun terdapat pihak-pihak tertentu yang menyalahgunakan kelonggaran tersebut dengan mengambil beberapa kesempatan tertentu di luar batasan. Kesempatan-kesempatan begini semakin menjadi-jadi, terutama kerana Khalifah Uthman r.a. sendiri sememangnya berperibadi lembut. Sedangkan budaya masyarakat, sekurang-kurangnya sepuluh tahun sepanjang pemerintahan Umar r.a. biasa dengan ketegasan, kekerasan dan kezuhudan Khalifah Umar r.a., hingga dikatakan bahawa Umar merupakan seorang lelaki yang amat tegas dan telah menyempitkan pernafasan kaum Quraisy. Seseorang tidak sedikit pun berpeluang mengejar kemewahan duniawi pada zamannya, kerana mencontohi dan menghormatinya.[190] Akan tetapi apabila Uthman r.a. dilantik, keadaan adalah sebaliknya, beliau cukup lembut dan toleransi, lalu mulailah orang berani menyebut itu dan ini.[191] Sedangkan pada zaman pemerintahan Umar r.a. yang lalu tidak ada orang yang berani melemparkan kritikan-kritikan yang tidak berasas.

PERANAN GOLONGAN AL-SABA'IYAH

Daripada perubahan-perubahan yang dialami oleh masyarakat Islam, ditambah pula dengan sikap toleransi dan lemah lembut khalifah, telah memberi ruang kepada orang-orang yang mempunyai niat tidak sihat terhadap Islam, terutamanya musuh-

---

[186] Ibid., hlm. 366, hlm. 367.
[187] Al-Sayuti, Tarikh al-Khulafa, hlm. 170.
[188] Mohd. Kurd Ali, al-Islam, jil. II, hlm. 139.
[189] Al-Kandahlawi, Hayat al-Sahabah, jil. II, hlm. 174, 175.
[190] Mohd. Kurd Ali, al-Islam, jil. II, hlm. 141.
[191] Ibid.

musuh Islam dan musuh khalifah yang sudah lama menunggu peluang untuk beraksi. Oleh karena itu, pada tempoh terakhir pemerintahan Khalifah Uthman r.a., mereka mulai berani dan lantang. Antara yang paling terkenal memusuhi Islam dan khalifah ialah kumpulan al-Saba'iyah* pimpinan Abdullah bin Saba'. Beliau seorang berbangsa Yahudi, di hatinya tersimpan dendam terhadap Islam, agama baru yang melenyapkan keistimewaan dan kuasa yang dinikmatinya ke atas Arab Madinah dan Hijaz. Beliau dikatakan memeluk Islam pada zaman pemerintahan Uthman r.a., lalu aktif menjelajah di negeri-negeri Hijaz, kemudian Basrah, Kufah dan juga Syam. Di setiap negeri yang dijelajahi ia berusaha menyesatkan orang-orang yang lemah pegangan. Akhirnya beliau sampai Mesir, dan menetap di sana beberapa waktu. Beliau menarik perhatian tentang asas agama melalui sifat pura-pura baik dan tutur kata yang menarik.[192] Akan tetapi yang menghairankan ialah walaupun buah fikirannya nyata mengelirukan dan menyimpang daripada kebenaran, ia sering mendapat pengaruh terutamanya di Mesir. Antara ajarannya yang begitu menyesatkan ialah:

1. Setiap Nabi itu mempunyai wasiat tertentu, dan Ali r.a. adalah wasiat Muhammad. Maka siapakah lagi yang paling zalim daripada orang yang membelakangi wasiat Rasulullah itu ?
2. Adalah amat menghairankan, bagaimanakah orang boleh mempercayai bahawa Isa a.s. itu akan kembali, pada hal orang tidak mempercayai bahawa Muhammad s.a.w. itu akan kembali. Inilah dua jenis ajaran yang disebarkan secara meluas dengan tema; wasiyah dan raj'ah, (wasiat dan kepulangan).[193]
3. Uthman bin Affan telah mengambil jawatan khalifah tanpa hak. Bangunlah menentang perkara ini, dan mulalah membuat tuduhan dan tikaman terhadap ketua-ketua kamu.
4. Lahirkanlah kegiatan kamu berselindung di sebalik amar makruf dan nahi mungkar.[194]

Walaupun berjaya memporak-perandakan perpaduan Islam pada zaman Khalifah Uthman r.a. dan menjatuhkan khalifah melalui tohmahan dan tikaman terhadap pegawai-pegawai kanan khalifah di kawasan-kawasan luar ibu kota** dan seterusnya membunuh khalifah, namun usaha-usaha jahat itu diteruskan, termasuk pada zaman pemerintahan khalifah Ali r.a. Oleh sebab pengaruh Syi'ah bertambah kuat, tokoh-tokoh gerakan itu mula menukar cara dan taktik dengan berpura-pura menjadi penyokong kuat Saiyidina Ali atau Syi'ah, lalu bercampuraduklah slogan-slogan dakwahnya dengan doktrin Syi'ah. Hingga sampai kepada mendakwa bahawa Ali r.a. tidak mati.[195] Bahkan semasa Saiyidina Ali r.a. masih hidup, pernah diberitahu bahawa golongan Saba'iyah ini mendakwa bergerak menyokong Syi'ahnya, maka Saiyidina Ali r.a. menjelaskan: " Apa aku peduli, dan apa kena-mengenanya dengan si

---

* Rata-rata orang berpendapat bahawa golongan ini didalangi oleh gerakan Yahudi, setelah Yahudi merasa penentangan terbuka di medan perang menentang Islam, sering mengecewakan, lalu menggunakan taktik lain yang lebih licin dan berkesan. laitu bergerak dari dalam.

[192] Ihsan Ilahi Zahir, al-Syi'ah Wa al-Tasyayu Lahor, Pakistan 1984, hlm. 48.

[193] Al-Rais, al-Nazariyat, hlm. 40.

[194] Ibid.

** Usaha-usaha memfitnah pentadbiran khalifah Uthman r.a. begitu giat di bandar-bandar di luar ibu kota Madinah. Oleh sebab sistem komunikasi cepat belum wujud lagi pada zaman itu, bagi menyampaikan penerangan sebenar daripada pihak pusat pemerintahan kepada rakyat di pelosok yang jauh, menyebabkan fitnah-fitnah begini berkembang sesuka hati, dan mudah mendapat perhatian ramai.

[195] Al-Zain, al-Syi'ah Fi al-Tarikh, hlm. 55.

hitam yang kerjanya berbohong ke atas Allah dan Rasul-Nya."[196] Usaha mengeliru aqidah dan memusnahkan kekuatan Islam ditingkatkan, sehingga ke tahap cuba merosakkan Saiyidina Ali r.a. sendiri, iaitu mempengaruhi Ali r.a. supaya ia menerima sanjungan palsu sebagai Tuhan. Menurut catatan Ibn Abi al-Hadid dalam Nahju al-Balaghah; pihak Saba'iyah cuba memperdayakan Saiyidina Ali r.a. dengan kata-kata, "Kamu adalah kamu!" lalu Ali r.a. menyergah: "Celakanya kamu ini, siapa saya?" Jawab mereka: "Kamu ialah Allah!" Maka di sini bermulanya satu pemikiran mempertuhankan Ali. Selepas dialog ini, Khalifah Ali r.a. memerintahkan supaya mereka dibunuh, tetapi kemudian mengubah hukuman kepada membuang negara ke Madain.[*] Di sebalik kata-kata mereka terhadap Saiyidina Ali r.a. itu tersemat objektif yang sangat dalam dan merbahaya. Oleh sebab Ali r.a. mempunyai kedudukan yang sangat tinggi di kalangan Muslimin, sama ada sebagai pemimpin, mahupun sebagai tempat rujukan ajaran Islam, maka sekiranya Saiyidina Ali r.a. termakan dengan sanjungan yang terlalu tinggi itu dengan mengaku dirinya sebagai 'Tuhan' bererti sejak itu punahlah Islam dan hancurlah aqidah orang Islam di tangan Ali r.a. sendiri yang terkenal berani dan tegas atas kebenaran agama, mereka masih berani berkelakuan demikian, apatah lagi dengan orang lain, yang terkenal lemah lembut dan perunding seperti Saiyidina Uthman r.a. Usaha jahat puak Saba'iyah itu diteruskan walaupun ada sumber yang menyebut bahawa apabila mereka cuba menjatuhkan Ali r.a., menyebabkan Ali begitu marah hingga kepada menangkap sebahagian mereka dan membakar mereka sampai jadi arang .[197] Walaupun terdapat juga pengarang-pengarang yang mempertikaikan kewujudan golongan ini yang dikatakan dipimpin oleh Abdullah bin Saba', dan mereka menganggapnya sebagai dongeng atau personaliti khayali, tetapi masih terlalu ramai para ulama, pemikir dan penulis terkemuka yang menerimanya sebagai suatu realiti sejarah. Antaranya:

1. Ibn Khaldun

Dalam tarikhnya, Ibn Khaldun menyebut bahawa Abdullah bin Saba' dikenali dengan panggilan anak perempuan hitam, ialah seorang Yahudi, menganut Islam pada zaman Uthman r.a., tetapi tidak memperbaiki Islamnya. Beliau telah dihalau dari bandar Basrah kemudian singgah di Kufah. Dari sana merantau ke Syam. Dari sana diburu lagi, akhirnya lari ke Mesir. Beliau telah banyak memburukkan Uthman, dalam masa yang sama secara rahsia membuat propaganda untuk menaikkan semangat keluarga Nabi (Ahlu al-Bait). Kemudian mengapi-apikan penentangan terhadap para gabenor dan pegawai kerajaan Uthman r.a. di seluruh pelosok negara. Ramai pula orang yang tinggal jauh dari ibu negara berjaya dipengaruhi dan sering bekerjasama. Antara yang terkenal bersama-samanya ialah Khalid bin Maljam, Saudan bin Hamran, dan Kinanah bin Bisyr.[198]

2. Al-Syahrastani

Dalam al-Milal wa al-Nihal, al-Syahrastani menyebut bahawa al-Sabai'yah ialah gelaran bagi kumpulan pengikut Abdullah bin Saba, yang berkata kepada Ali r.a.

---

[196] Al-Rais, al-Nazariyat, hlm. 40, petikan darlpada Ibn Asakir daripada naskhah Timuriyah, jil. III, hlm. 578.

[*] Petikan daripada Nahj al-Balaghah oleh Dr. al-Rais, dlm. al-Nazariyyat, hlm. 41. Lihat juga Ahmad Amin, Fajral-Islam, hlm. 269.

[197] Al-Zain, al-Syi'ah Fi al-Tarikh, hlm. 54, 55.

[198] Ibn Khaldun, Tarikh Ibn Khaldun, jil. II, hlm. 139, artikel, mula merendah rendahkan Uthman. Lihat juga al-Tabarik, Tarikh, jil. V, hlm. 96.

"Kamu ialah kamu", maksudnya kamu Tuhan, lalu dihalau ke Madain. Dikatakan ia seorang Yahudi yang telah Islam. Ketika ia masih Yahudi, beliau pernah mendakwa bahawa Yusya bin Nun adalah wasiat bagi Nabi Musa a.s., sama seperti yang dikatakan terhadap Ali r.a. Dialah yang pertama mengeluarkan pendapat wajib pimpinan bagi Ali r.a., dan dari sinilah pecah berbagai-bagai jenis pelampau Syi'ah (Ghulah). Mereka mendakwa Ali r.a. tidak mati, padanya terdapat sebahagian zat ketuhanan. Dialah yang wujud di sebalik awan, guruh itu suaranya dan petir itu pukulannya. Ia kemudiannya akan turun ke bumi, lalu memerintahnya dengan penuh keadilan, sebagaimana bumi itu dipenuhi kejahatan.[199]

3. Al-Isfiraini

Al-Isfiraini menyatakan bahawa Ibn Saba' ialah seorang Yahudi. Dia telah berselindung di sebalik nama Islam, mahu menghancurkan Islam daripada Muslimin.[200]

4. Ahmad Amin

Dalam Fajr al-Islam, Ahmad Amin menyatakan bahawa Ibn Saba' ini adalah gelaran yang diberikan kepada Abdullah bin Saba' Beliau berasal dari kota Sana'a. Beliau mengisytiharkan Islamnya pada zaman pemerintahan Uthman r.a. Beliau gigih berusaha untuk merosakkan agama Islam.[201]

Kesimpulan daripada pendedahan yang lain, menunjukkan gerakan anti-Islam dan khalifah bergerak cergas mulai pada zaman pemerintahan khalifah Uthman bin Affan r.a. Rata-rata gerakan itu diwakili oleh kumpulan 'Saba'iyah' yang bertebaran ke bandar-bandar di luar kota Madinah seperti Mesir, Basrah, Kufah dan lain-lain dengan menggunakan kaedah gerakan rahasia atau bawah tanah.[202] Gerakan ini bergerak begitu licin dan teratur dengan menggunakan beberapa kaedah dan cara yang tertentu. Antaranya:

1. Mencari beberapa titik kelemahan peribadi khalifah dan mengeksploitasinya sehingga orang ramai tertarik dan akhirnya membenci khalifah.
2. Berpura-pura di sebalik slogan amar makruf dan nahi mungkar, dengan menimbulkan kelemahan-kelemahan pentadbiran para gabenor, wali dan pegawai-pegawai kerajaan khalifah di kota-kota berkenaan, hingga ke tahap menghasut, seterusnya mendesak pihak berkuasa memecat para pegawai berkenaan.
3. Memilih daerah-daerah operasi yang agak berjauhan dari ibu kota Madinah, agar kurang dikesan oleh jentera khalifah di ibu kota. Kesempatan penerangan segera pihak pemerintah dijamin terhad.
4. Memainkan isu-isu sensitif di kalangan orang ramai, terutama isu prinsip Syi'ah yang mendakwa hak Ali bin Abi Talib r.a. ke atas jawatan khalifah. Dalam aspek ini golongan Saba'iyah berpura-pura komited dengan golongan Syi'ah. Ini merupakan satu jalan mudah bagi mendapat pengaruh. Kesannya dapat dilihat iaitu campur aduk antara slogan dan idea mereka dengan doktrin Syi'ah dalam beberapa hal.

---

199 Al-Syaharstani, al-Milal wa al-Nihal, jil. II, hlm. 11.
200 Al-Isfiraini, al-Tabsir fi al-Din.
201 Ahmad Amin, Fajr al-Islam, hlm. 110.
202 Rafiq al-Azm, Asyhar Masyahir, hlm. 721.

5. Matlamat gerakan ialah memporak-perandakan pentadbiran kerajaan, menyingkir khalifah, memesongkan pegangan orang Islam dan seterusnya memusnahkan Islam. Antara korban awal yang paling ketara ialah pentadbiran Khalifah Uthman bin Affan r.a. yang berakhir dengan pembunuhan khalifah sendiri.

Apabila berjaya mencampuradukkan ideanya dengan beberapa ciri doktrin Syi'ah yang rata-rata menyanjung Saiyidina Ali r.a., gerakan Saba'iyah senang mendapat simpati penduduk negeri Iraq dan Parsi yang buat sekian lama menghormati Saiyidina Ali r.a. sebagai keluarga Rasulullah s.a.w. Atas semangat demikian, mudah pula menyerapkan konsep "wasiat", lalu ditanamkan fahaman bahawa Saiyidina Abu Bakar, Umar dan Uthman r .a. adalah perampas hak mutlak Ali r.a., lebih-Iebih lagi Uthman bin Affan r.a. yang melantik ramai anggota keluarganya dari Bani Umaiyah[*] dalam pentadbiran negara. [203]

Setelah meyakini bahawa pengaruhnya sudah dapat menguasai bumi Iraq dan Parsi, kumpulan Saba'iyah ini melangkah ke Syria pula. Di sana, tokohnya Ibn Sauda mendapat simpati sebahagian penduduk Syria yang tertipu dengan tingkah laku dan lakonan ibadatnya yang zuhud. Isu perbezaan jurang hidup masyarakat di sana antara golongan miskin dan kaya dieksploitasi sebaik-baiknya. Potongan ayat-ayat al-Qur'an diperalatkan. Antaranya yang sering diketengahkan ialah:[204]

"Sesungguhnya harta itu hanyalah ujian belaka. Dan di sisi Allah jualah balasan pahala yang besar. "

Jarum fitnah yang dimainkan oleh kumpulan Saba'iyah ini menjalar pula ke Mesir, hingga berjaya membangkitkan rasa tidak senang para penduduk Mesir terhadap kewibawaan gabenor mereka, Abdullah bin Abi Sarh. Api penentangan terhadap pentadbiran negara dikipas bersungguh-sungguh, hingga berakhir dengan meletusnya penentangan hebat terhadap pemerintah pada tahun-tahun terakhir pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a.[205]

Secara keseluruhan dapat dikatakan program jahat kumpulan Saba'iyah ini berjaya menimbulkan hura-hara dan kebencian rakyat terhadap para pegawai khalifah dan personaliti khalifah sendiri, iaitu melalui hasutan dan fitnah palsu yang diada-adakan. Walau bagaimanapun sehingga kini, para Sejarawan semacam bingung untuk menentukan realiti sebenar siapakah yang mendalangi gerakan Saba'iiyah itu ?[206] Ini kerana sesiapa juga dapat merasakan bahawa penentangan dan kekecohan yang ditimbulkan itu jelas bukan bertujuan untuk membaiki keadaan yang sengaja diporak-perandakan, tetapi sifatnya sebagai seorang Yahudi yang berpura-pura memeluk Islam dengan tujuan tertentu, telah menggunakan setiap kesempatan bagi

---

[*] Dirujuk kepada pengasasnya: Umaiyah bin Ab. Syams, para pengarang sering mengetengahkan isu pertentangan tradisi keluarga keturunan Bani Umaiyah ini dengan Bani Hasyim keturunan Rasulullah s.a.w., walaupun setelah Islam, seolah-olah Islam gagal mengikis perasaan jahiliyah Bani Umaiyah ini. Bagi pengarang-pengarang Syi'ah. terang-terang menyatakan kebencian mereka terhadap keturunan Bani Umaiyah tanpa beza. Digambarkan sebagai bengis, kejam dan ada tokoh-tokoh Bani Umaiyah semuanya buruk. Sekalipun orang baik-baik seperti Uthman bin Affan r.a., sebab ia berketurunan Bani Umaiyah juga dianggap buruk dan salah.

[203] Saifal-Asadi, al-Fitnah wa Waqaat al-Jamal, cet. I. Beirut 1972, hlm. 48,49.

[204] Al-Qur'an Surah al-Anfal 8:28.

[205] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. V, hlm. 99.

[206] Murtadha al-Askari, Abdullah bin Saba', al-Matba'ah.

mencetuskan huru-hara.[207] Gerakan Abdullah bin Saba' ini mendapat sokongan daripada orang-orang yang aktif dengan gerakan bawah tanah semasa. Menurut Dr. Fathi Uthman, antara orang-orang itu termasuklah, Kinanah bin Bisyr, Saudan bin Hamran, Abdullah bin Budail, Hukaim bin Jabalah, Malik bin al-Harith, Sa'sa'ah, Zaid bin Sawhan dan Ibn al-Kawa.[208]

Seperti yang disebutkan terdahulu, korban awal gerakan anti Islam ini ialah pentadbiran Khalifah Uthman bin Affan r.a. iaitu mulai daripada pegawainya hinggalah kepada nyawa khalifah sendiri. Sejak itu, kedudukan masyarakat Islam menjadi begitu kabur. Amat sukar membezakan antara orang yang baik dengan yang menyimpan niat jahat terhadap Islam. Amat sukar membezakan antara kawan dengan lawan. Sama-sama dalam barisan. Ini berpunca daripada kumpulan-kumpulan jahat ini, mereka benar-benar sudah berinteraksi dan bercampur baur dalam masyarakat Islam. Sama- sama menampakkan diri sebagai Muslim yang iltizam. Mata kasar tidak mampu mengenal pasti golongan ini. Inilah puncanya mengapa Saiyidina Ali menyatakan keengganan dan ketidaksanggupan beliau menghadapi kegawatan masyarakat waktu itu ketika beliau dicalonkan untuk menggantikan Khalifah Uthman, selepas khalifah dibunuh oleh konco-konco gerakan anti-Islam ini. Apabila diminta supaya menerima jawatan khalifah, Ali r.a. dengan tegas menjawab: "Biarkan aku sendirian, carilah orang lain. Sebenarnya kita sekarang sedang berhadapan dengan satu keadaan yang mempunyai berbagai-bagai wajah dan banyak warna-warnanya. Semua jantung hati tidak mampu membetulkannya lagi, begitu juga segala otak kepala tidak upaya meluruskannya lagi."[209]

ISU-ISU SENSITIF ZAMAN PEMERINTAHAN UTHMAN BIN AFFAN

Daya usaha gerakan anti-Islam yang diwakili oleh kumpulan Sab'iyah pimpinan Abdullah bin Saba' bagi menjatuhkan imej Islam pimpinan khalifah Uthman bin Affan r.a. begitu menyinar di kawasan bandar-bandar pinggiran atau kawasan yang terletak jauh dari pusat kekuatan pentadbiran Islam iaitu Madinah. Ini bererti, segala isu yang dibangkitkan hanya mendapat perhatian masyarakat yang berjauhan dari ibu kota. Ini kerana, mereka tidak dapat diberi penjelasan segera jika sesuatu isu dibangkitkan. Ini menyebabkan gerakan jahat ini terlebih dahulu berjaya mempengaruhi hati rakyat yang memang lemah keyakinannya. Sedangkan warga kota Madinah yang menjadi pusat pentadbiran khalifah Uthman r.a., yang sentiasa berpeluang menilai dari dekat akan salah benarnya segala program dan tindakan khalifah itu, tidak terpengaruh atau termakan dengan jarum-jarum fitnah dan hasutan gerakan tersebut. Sebab itu kita lihat yang bangun menentang, memprotes, menuntut perletakan jawatan dan seterusnya membunuh khalifah Uthman r.a. bukan dari kalangan warga kota Madinah itu, tetapi penentang-penentang yang datang menceroboh dari Mesir, Kufah dan Basrah. Ini kerana orang-orang Mesir sering berhubungan dengan orang-orang Kufah dan Basrah serta orang-orang yang menyahut seruan mereka supaya bangun memberontak menentang ketua-ketua wilayah masing-masing.[210]

---

[207] Muhammad Izzah Darurah, Tarikh al-Jins al-Arabi, jil. VII, Beirut, 1906, hlm. 231. Lihat juga, Hassan Ibrahim Hassan dlm. Zuama' al-Islam, hlm. 491.

[208] Dr. Muhammad Fathi Othman, al-Tailkh al-Islami wa al-Mazhab al-Maddi fi, Kuwait, 1969, hlm. 265, 266.

[209] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 434.

[210] Dr. Ab. Hamid Bakhit, Asr al-Khulafa. al-Rasyidin, Dar al-Maarif, Mesir. 1967 hlm. 337. LIhat juga. al-Tabari, jil. V. hlm. 101.

Dari aspek yang lain, kegagalan gerakan ini untuk mempengaruhi warga kota Madinah dengan menyogok isu-isu penentangan terhadap pentadbiran khalifah, menunjukkan bahawa warga kota itu sebenarnya menyedari segala isu yang dibangkitkan itu adalah semata-mata fitnah dan bukan keadaan yang sebenar. Mereka sentiasa melihat kenyataan dengan mata kepala sendiri dan bukan berasaskan cerita dan khabar-khabar angin. Oleh itu, sasaran sebenar bagi mendapat sokongan atau simpati setiap isu ialah masyarakat luar kota yang jauh seperti Mesir, Kufah dan Basrah.

Ahli-ahli sejarah dan para pengarang telah mengumpul berbagai-bagai isu sensitif zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a. yang sekali imbas kelihatan seperti benar, terutamanya isu-isu yang menyentuh peribadi, tingkah laku dan sikap Khalifah Uthman r.a. sendiri dalam beberapa hal. Antara isu-isu yang begitu banyak dibangkitkan, hingga berakhir dengan pembunuhan khalifah, yang rata-rata dipertahankan oleh sebilangan penulis sejarah, termasuk penulis sejarah Islam tanah air kita yang menjadi bahan pendidikan sejarah Islam di semua peringkat pengajian, adalah seperti yang berikut:

1. Khalifah Uthman bin Affan r.a. pada detik awal pemerintahannya telah tidak menjalankan hukum Islam. Ini kerana beliau tidak melaksanakan hukum qisas (bunuh balas) ke atas Ubaidillah bin Umar bin al-Khattab yang membunuh orang.[211]
2. Tidak mengambil berat dalam penyebaran Islam. Ini kerana beliau tidak menyertai perang Uhud, Badar, dan menghilang diri ketika Bai'ah al-Ridhwan.
3. Bertindak kejam keatas beberapa orang sahabat Nabi s.a.w. Menyalahi sunnah dua orang khalifah yang sebelumnya dalam perkara sembahyang Qasar ketika dalam musafir.[212]
4. Melakukan bid’ah dalam pemerintahan kerana menyusun al-Qur'an dan kemudian membakar al-Qur'an yang masih dalam bentuk mushaf-mushaf.
5. Bertindak membuang daerah ke atas sahabat Nabi s.a.w. iaitu Abu Zar al-Ghifari.[213]
6. Bersikap cuai terhadap cincin amanah Rasulullah s.a.w.
7. Melantik tokoh-tokoh dari kaum keluarga sendiri bagi mengisi jawatan-jawatan penting negara.
8. Melantik orang yang dikenali fasiq memegang tugas negara.
9. Memecat tokoh sahabat (Abu Musa al-Asy’ari) daripada jawatannya tanpa sebab yang sah.[214]
10. Menghadiahkan 1/5 hasil cukai kawasan Afrika kepada panglimanya, Abdullah bin Abi Sarh, semata-mata kerana diskriminasi.
11. Banyak menggunakan harta benda sebagai hadiah atau ganjaran kepada kaum keluarga dan sanak saudara ketika menerajui pimpinan negara.
12. Merancang tindakan kejam untuk membunuh para pengkritik dan penentang kerajaan, khasnya dari wilayah Mesir.

Sebenarnya terdapat beberapa isu lagi yang ditimbulkan oleh para pengkritik terhadap pentadbiran Khalifah Uthman bin Affan r.a., bermula daripada perlantikan dan pemecatan para pegawai kanan kerajaan, kemudian beberapa tindakan yang

[211] Ibn al-Arabi, al-Awasim Min al-Qawasim, hlm. 106.
[212] Al-Tabariy, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 267.
[213] Dr. Ab. Hamid Bakhit, Asral-Khulafa’, hlm. 220, 221.
[214] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 264.

menyalahi tindakan pemerintah-pemerintah yang terdahulu, hinggalah kepada penggunaan harta milik negara ketika memimpin kerajaan.

Selain itu, kedapatan juga pengarang-pengarang sejarah Islam secara berani mengkategorikan masa pemerintahan khalifah Uthman r.a. yang berlangsung kira-kira 12 tahun itu (23-35H) kepada 2 peringkat iaitu:

1. 6 tahun yang pertarna dianggap sebagai peringkat yang terbaik, aman, harmoni dan penuh keadilan kerana pemerintahannya berjalan secara tepat seperti zarnan Khalifah Abu Bakar dan Urnar r.a. yang lalu.[215]
2. 6 tahun terakhir pernerintahannya diratakan satu tempoh yang cukup negatif dan buruk. Ini disebabkan; pertamanya oleh faktor usia yang telah lanjut dan keduanya disebabkan sikap terlalu bergantung pada kaurn keluarga dari kalangan Bani Umaiyah dalarn menjalankan pemerintahan. Hal ini menyebabkan banyak terjadi penyelewengan dan perbuatan mengarnbil kesernpatan daripada kelernahan khalifah.[216]

Daripada gambaran yang diberikan terasa semacam wujud perbezaan yang sangat ketara di antara kedua-dua tempoh itu. Enam tahun pertama pemerintahan khalifah Uthman itu, satu pemerintahan yang cukup murni, sama seperti zaman Abu Bakar, dan Umar r.a. tanpa sebarang kekacauan mahupun penentangan kerana tiada ruang untuk dikritik. Berbanding dengan enam tahun terakhir yang dipenuhi kacau-bilau kerana kelemahan khalifah sendiri, lalu digambarkan dengan suasana yang begitu buruk. Contohnya dalam buku Ikhtisar Perkembangan Islam disebut: “Pemerintahan khalifah Uthman pada waktu itu juga terlalu boros, menggunakan perbelanjaan negara, terutamanya untuk kaum keluarga Umaiyah. Pegawai-pegawainya telah membelanjakan harta-harta negara untuk ahli rumahnya".[217] Dalam buku Sejarah Islam I pula pengarangnya menyebut: “Saiyidina Uthman bersifat lembut, tidak berupaya memikul beban sebagai seorang khalifah, suatu bebanan yang amat berat".[218]

Gambaran yang sama diketengahkan lagi oleh pengarang buku Sejarah Islam (Kertas 15), antara lain: “Saiyidina Uthman sangat lembut tingkah lakunya, yang dikira tidak sesuai dengan watak seorang ketua negara, tetapi wajar sebagai seorang pendidik. Juga ternyata khalifah Uthman terlalu tua semasa menjawat jawatan khalifah iaitu 70 tahun ke atas".[219] Bukan sekadar itu sahaja, malahan pemikir-pemikir yang lebih terkemuka seperti Prof. Hamka umpamanya, juga membuat tanggapan yang hampir sama. Contohnya Hamka menyebut: "Uthman telah mendirikan rumah secara banyak-banyak sehingga tidak kurang daripada tujuh buah yang indah-indah setelah itu sebuah rumah pula untuk isterinya Nailah dan Aisyah dan lain-lain isteri".[220]

Demikian gambaran yang diberikan terhadap pemerintahan terakhir Khalifah Uthman yang rata-rata buruk, dipenuhi penyelewengan, kelemahan dan pilih kasih. Seolah-olah menyatakan pula bahawa periode pertama cukup baik, tiada kritikan dan tiada bangkangan, kerana kelemahan dan penyelewengan itulah yang menyebabkan

---

[215] Abbas Mahmud al-Aqqad, Abaqdriyyah al-Imam, Mesir, cet. IV, T. Tarikh, hlm. 45,46.
[216] Ali Ali Mansour, Nuzum al-Hukm Wa al-Idarah, hlm. 299. Lihat juga, Muhammad Kurd Ali, dlm. al-Islam wa al-Hadarah, jil. II, hlm. 374.
[217] Haji Dusuki Hj. Ahmad. Ikhtisar Perkembangan Islam. Cet I. (Kuala Lumpur) DBP, K.L., 1974, hlm. 160-161.
[218] Hj. Khairuddin Haji Muhammad, Sejarah Islam Buku I, cet. I, DBP, K.L., hlm.250.
[219] Abd. Ghani Haji Mahmood, Sejarah Islam (Kertas 15), cet. I, 1971, hlm. 109.
[220] Prof. Hamka, Sejarah Umat lslam, cet.II, K.L. Pustaka Antara, 1977, hlm. 141.

orang bangun menentang. Di sini timbu persoalan, kalaulah gambaran sebegini dikatakan suatu fakta yang benar dan menjadi alasan yang menyebabkan orang bangun menentang pemerintahan Khalifah Uthman r.a. dalam periode kedua itu, maka apa pula reaksi anda kalau dikatakan fakta sejarah, bahawa orang sudah mengkritik khalifah, kerana kononnya tidak menjalankan hukum hudud/qisas terhadap Ubaidillah bin Umar bin al-Khattab yang membunuh Harmuzan pembunuh Umar r.a. [221] Pada hal isu itu berlaku pada hari pertama pemerintahan Uthman r.a. kerana Uthman r.a. dilantik setelah tiga hari pembunuhan Khalifah Umar bin al-Khattab r.a.[222] Ini bererti bahawa kritikan terhadap Uthman ini berlaku bukan setelah enam tahun memerintah negara, tetapi pada hari pertama lagi. Oleh itu, jelaslah bahawa sasaran kritikan dan penentangan bukanlah terhadap kelemahan atau kekuatan, kesahihan atau kesalahan cara Khalifah Uthman memerintah negara, tetapi sasaran sebenar adalah lebih jauh daripada itu. Iaitu menghancurkan Islam melalui pemerintahan Khalifah Uthman r.a. Dengan kata-kata lain, Khalifah Uthman r.a. dan pemerintahannya dijadikan alasan dan batu loncatan ke arah matlamat itu. Bererti huru-hara dan konflik yang berlaku bukan sebenarnya disebabkan enam tahun pertama memerintah dengan cukup wibawa dan enam tahun terakhir penuh dengan kelemahan dan campur tangan kaum keluarga seperti yang digembar-gemburkan.

CARA MENGEMBALIKAN KEBENARAN KE LOKASINYA

Terlalu banyak kekaburan dan kekeliruan yang menempel di permukaan wajah sejarah Islam yang murni, terutamanya setelah keadaan huru-hara dan kelam-kabut melanda pemerintahan khalifah Uthman bin Affan r.a. (23-35H / 644-656M), iaitu hasil usaha yang diambil kesempatan oleh banyak pihak yang memusuhi Islam, agar Islam yang murni itu sampai ke pengetahuan generasi kebelakangan dalam rupa yang buruk dan menjijikkan, salah satu cara ialah melalui maklumat-maklumat sejarah yang telah dikelirukan, sumber-sumber dan maklumat yang keliru inilah biasanya menjadi hidangan yang disajikan untuk makanan mental anak-anak Islam dari satu generasi ke satu generasi. Lebih parah lagi, pendidik-pendidik yang bertanggungjawab menghidangkan maklumat itu pula berperanan tidak lebih hanya sebagai ejen pengedar semata-mata, tanpa mendalami atau mengenal pasti yang mana benar dan yang mana palsu, yang mana intan dan yang mana kaca. Bahkan yang mana penawar dan yang mana racun. Bagi mereka semuanya betul belaka. Perkara ini terjadi disebabkan oleh:

1. Tidak mendapat pendidikan sejarah Islam secara formal.
2. Pengetahuan sejarah Islam tidak didapati dari sumber asalnya atau hanya berpandukan apa saja bahan bacaan yang ia sendiri merasakan itulah sumber sejarah.
3. Terpesona dengan kaedah-kaedah penyelidikan barat moden, hingga mengetepikan sama sekali kaedah klasik Islam walaupun mengandungi banyak kebenaran. Bahkan menganggap yang Islam itu semuanya lapuk dan tidak sesuai.
4. Berpandukan Sejarah Islam formal tetapi tidak iltizam dengan semangat Islam.

Implikasi dari perkara yang tersebut itulah, ramai kalangan generasi muda kita yang menjadi keliru ketika berhadapan dengan sesuatu yang bersifat keagamaan.

[221] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. V, hlm. 41.
[222] Ibid., jil. IV, hlm. 242.

Contohnya: Seorang murid Islam dari sekolah rendah atau menengah yang mengambil mata pelajaran 'Sejarah Islam', khususnya tentang 'Khulafa al-Rasyidin'. Guru Sejarah Islam menghuraikan sejarah Khalifah Uthman bin Affan yang dipenuhi dengan kelemahan, penyelewengan dan penggunaan harta negara untuk kepentingan peribadi, menyerahkan kuasa-kuasa eksekutif dan pentadbiran negara kepada anak buah dan sanak saudara sendiri walaupun mereka tidak layak dan berlaku pilih kasih dan tidak adil dalam pemerintahan.

Kesimpulannya, Khalifah Uthman bin Affan seorang pemerintah yang buruk, lemah, membelakangkan semangat ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah, serta mentadbir di luar kaedah-kaedah pemerintahan Islam, lalu sesuai disifatkan sebagai seorang yang jahat dan penjenayah. Ini suasana di sekolah! Kemudian murid yang sama, sebagai Muslim datang menunaikan solat Jumaat di masjid, dalam tiap-tiap kali khutbah Jumaat tuan khatib banyak mendoakan supaya Allah memberkati, merestui dan menempatkan di syurga yang baik-baik bagi khalifah Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali. Jadi digolongkan Uthman itu sebagai khalifah dan pemerintah yang baik bersama-sama khulafa al-Rasyidin yang lain juga. Maka murid yang sama ini sudah didedahkan dengan dua bentuk maklumat yang sangat berbeza. Oleh yang demikian timbullah dalam kepalanya tanda tanya, cikgukah atau khatibkah yang betul ...? Akhirnya kita melahirkan generasi-generasi yang penuh keliru.

Bertitik tolak daripada kegawatan yang disebutkan itu, satu cara atau kaedah tertentu diperlukan, sekurang-kurangnya dapat membantu mengurangkan kekeliruan atau menjernihkan sedikit wajah sejarah hidup dan pimpinan tokoh-tokoh umat Islam yang telah menyumbangkan bakti yang terlalu besar kepada agama Allah ini. Tokoh-tokoh ini ternyata terlalu ikhlas menjalankan tanggung-jawab kerana Allah. Sebab itu mereka ini terang-terang dikategorikan oleh Allah s.w.t. sebagai golongan yang diredai oleh Allah sebagaimana mereka juga reda dengan Allah s.w.t. Firman Allah:[223]

"Dan orang-orang yang terdahulu yang mula-mula dari kalangan muhajirin dan ansar, dan orang-orang yang mengikuti mereka dalam mengerjakan kebaikan, Allah reda kepada mereka dan mereka juga reda kepada-Nya. Serta ia disediakan bagi mereka syurga-syurga yang mengalir padanya beberapa sungai dengan keadaan mereka kekal di dalamnya buat selama-lamanya."

Sudah tentu antara orang-orang yang Allah maksudkan sebagai muhajirin terawal yang menjadi pembantu Nabi s.a.w. dan berjuang sehidup semati bersama baginda, termasuklah Saiyidina Uthman bin Affan r.a. itu. Keluhuran dan keikhlasan luar dan dalam orang-orang ini Allah s.w.t. lebih tahu, dan kita pastinya terlalu jahil.

Oleh itu, cara yang terbaik untuk mengukur baik buruk perjalanan seseorang tokoh Islam zaman awal itu, perlulah dirujuk kepada kedudukan keperibadiannya dalam semua suasana, dan juga daripada pengakuan-pengakuan Allah dan Rasul-Nya terhadap tokoh berkenaan, kerana siapa lagi yang lebih tepat pengukurannya selain Allah dan Rasul-Nya. [224]

"Dan siapakah lagi yang hukumannya lebih baik daripada Allah bagi kaum yang mempunyai keyakinan."

Secara khusus latar diri dan biodata khalifah Uthman bin Affan r.a. adalah seperti yang berikut:

---

[223] Al-Qur'an surah al-Taubah 9:100.
[224] Al-Qur'an surah al-Ma'idah 5:50.

1. Orang pertama yang berhijrah ke negeri Habsyah (Eritheria) di atas arahan Rasulullah s.a.w. Iaitu bersama isterinya Ruqayyah bt. Rasulullah s.a.w.[225]

   Daripada Anas r.a. berkata: "Orang yang pertama dari kalangan muslimin berhijrah ke Habsyah bersama ahli keluarganya ialah Uthman bin Affan. Maka Nabi s.a.w. bersabda: Kedua-duanya ditemani oleh Allah. Sesungguhnya Uthman bin Affan itu ialah orang yang paling pertama berhijrah ke jalan Allah bersama dengan keluarganya selepas Nabi Allah Lut berbuat demikian. "

2. Tokoh yang terlalu banyak menyumbangkan harta miliknya ke jalan Allah, contoh yang paling terkenal, ialah dalam penyediaan tentera Jihad Usrah.[*]

   "Berkata Adurrahman bin Habbab: Aku telah menyaksikan bagaimana Rasulullah s.a.w. memberangsangkan bagi persiapan untuk tentera yang menghadapi kepayahan. Maka Uthman bin Affan dapat tahu hal itu, lalu berkata: Ya Rasulullah! Untuk itu hamba sumbangkan 100 ekor unta yang semata-mata ke jalan Allah. Selepas itu pula Nabi s.a.w. mengiklankan keperluan untuk kegunaan para tentera sendiri. Maka Uthman r.a. berkata: Ya Rasulullah! Hamba sumbangkan lagi 300 ekor unta yang lengkap dengan kelengkapan seperlunya, semata-mata ke jalan Allah. Kata Abdurrahman, aku lihat Rasulullah s.a.w. turun dari atas mimbar, lalu berkata: Tidak ada apa-apa tindakan Uthman yang boleh menjejaskannya selepas ini semua! Tidak ada apa-apa tindakan Uthman yang boleh menjejaskannya selepas ini semua!. [226]

   Begitu juga dalam Hadith al-Tirmizi: [227]

   "Daripada Ab. Rahman bin Samurah, berkata: Uthman telah datang bertemu Nabi s.a.w. membawa seribu dinar ketika menyediakan keperluan zaman susah tentera. Maka lalu dilonggokkan di hadapannya, maka Nabi s.a.w. lalu membelek-belekkannya sambil bersabda: Apa-apa yang Uthman lakukan selepas hari ini, tidak akan menjejaskannya (dua kali).

3. Uthman bin Affan r.a. membeli sebuah perigi dengan wangnya sendiri dan diwakaf untuk kegunaan seluruh Muslimin di Madinah, sedangkan di Madinah waktu itu sukar mendapat sumber air. Keterangannya melalui Hadith riwayat al-Tabarani dan Ibnu Asakir:[228]

   Daripada Basyir al-Aslami, berkata: Bila kaum Muhajirin tiba di Madinah, mereka mengalami amat sukar mendapat air. Dan hanya terdapat sebuah perigi milik seorang lelaki daripada Bani Ghifar, perigi itu dikenali dengan perigi Romah. Ia menjual aimya setimba dengan harta satu mud (kadar wang yang digunakan zaman itu). Lalu Nabi s.a.w. menawarkan untuk membelinya dengan janji sebuah perigi di dalam syurga kelak. Jawabnya Ya Rasulullah! Tidak ada lagi perigi yang lain milikku dan anak-anakku. Dan aku tidak dapat menerima

---

[225] Rafiq al-Azrn, Asyhar Masyahir al-Islam, hlm. 638. Lihat juga Dr. Hassan Ibrahim Hassan dlm. Tarikh al-Islam. jil. I, hlm. 252.

[*] Iaitu dalam perang Tabuk tahun 9H. Kebetulan waktu itu adalah zaman susah dan kemelesetan serta kemarau yang sangat kuat. Lihat al-Nadwi, dalam Sirah, hlm. 103,104.

[226] Al-Sayuti, Tarikh al-Khulafa, hlm. 150, 151.

[227] Al-Syaukani, Dar al-Sahabah, hlm. 180.

[228] Ibid, hlm. 191.

tawaran itu. Berita itu sampai ke pengetahuan Uthman r.a., lalu segera membelinya dengan harga 35 000 dirham (satu harga yang tidak ada siapa yang mampu membelinya). Kemudian dia datang menghadap Nabi s.a.w. lalu bertanya: Ya, Rasulullah! Adakah tuan masih menawarkan untuk saya seperti tuan tawarkan kepada empunya perigi itu untuk mendapatkan sebuah perigi di syurga kalau saya dapat membelinya? Jawab Nabi s.a.w.: Ya! lalu kata saya Uthman r.a. sebenarnya, saya telah pun membelinya dan mewakafkan untuk kegunaan semua Muslimin.

4. Keberanian dan kesanggupan Uthman bin Affan r.a. menempuh maut semata-mata kerana arahan Rasulullah s.a.w. sebagai wakilnya kepada pihak Musyrikin Quraisy di Makkah iaitu dalam peristiwa Hudaibiyah pada tahun 6H. Pada mulanya Nabi s.a.w. cuba melantik Umar bin al-Khattab r.a., yang terkenal keberaniannya, tetapi di sini ternyata Umar kurang berani. Katanya:[229]

   "Wahai Rasulullah! Hamba bimbang keselamatan diri hamba dari Quraisy itu. Kerana di Makkah tidak ada seorang pun keturunan Bani Adi yang boleh melindungi hamba. Sedangkan kaum Quraisy itu benar-benar mengetahui permusuhan hamba dan kekasaran hamba terhadap mereka dulu. Tetapi hamba boleh tunjukkan seorang lelaki yang lebih berkemampuan daripada hamba, iaitu Uthman bin Affan. "

   Selain sumbangan-sumbangan yang terlalu besar kepada kejayaan Islam, maka dalam keadaan-keadaan tertentu pula nampak Saiyidina Uthman r.a. lebih berani dan lebih bertawakal daripada orang lain. Satu kelebihan yang sukar ditandingi.

5. Uthman bin Affan r.a. satu-satunya manusia yang mendapat penghormatan daripada Allah dan Rasul-Nya. Ini kerana tidak berlaku di dalam dunia ini seorang manusia dapat mengahwini dua orang puteri Nabi, lebih-lebih lagi puteri kepada Rasul terakhir (Khatam al-Nabiyin). Sebab itu ia digelar, Zu al-Nurain (yang memiliki dua cahaya, yakni dua puteri Nabi) , penjelasan ini terdapat dalam Hadith riwayat al-Baihaqi:[230]

   Daripada Abdullah bin Umar bin Aban al-Ju'fi, berkata: Bapa saudaraku Hussain al-Ju'fi bertanya kepadaku: Tahukah kamu, mengapakah Uthman itu digelar pemilik dua cahaya? Kataku: Tidak, lalu katanya: Sejak Allah jadikan Adam hinggalah ke hari kiamat tidak pernah ada orang yang mengumpul (mengahwini) dua orang puteri Nabi, selain Uthman. Maka sebab itu digelar Zu al-Nurain (pemilik dua cahaya). Mula-mula Uthman r.a. mengahwini Ruqayyah bt. Rasul s.a.w. yang meninggal dunia pada malam peperangan Badar, kemudian Rasulullah s.a.w. kahwinkannya pula dengan adiknya Ummu Kalthom.

   Rasulullah s.a.w. mengahwinkan puterinya dengan Saiyidina Uthman r.a. bukanlah seperti bapa-bapa biasa yang mengahwinkan anak-anak perempuan mereka dengan seseorang lelaki dengan pilihan dan sebab-sebab tertentu yang dimaklumi umum, berbanding Rasulullah s.a.w. ketika mengahwinkan pu-

[229] Jalal Mazhar, Muhammad Rasulullah, hlm. 282.
[230] Al-Sayuti, Tarikh al-Khulafa, hlm. 149.

terinya dengan Uthman adalah arahan wahyu Allah s.a.w. Kenyataan ini berdasarkan al-Tabarani daripada Hadith Ibn Abbas r.a. daripada Nabi s.a.w.[231]

Nabi s.a.w. bersabda sesungguhnya Allah s.w.t. telah mewahyukan kepadaku supaya aku kahwinkan anakandaku dengan Uthman.

Begitu juga Hadith:[232]

Daripada Ibn Abbas r.a., berkata aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Aku tidak kahwinkan Uthman dengan Ummi Kalthom, melainkan dengan sebab arahan wahyu dari langit.

Bukan hanya sekadar itu sahaja, bahkan Rasulullah s.a.w. pernah membayangkan penghargaannya lebih daripada itu, sebagaimana Hadith al-Tabarani:[233]

Daripada Ismah bin Malik, telah berkata: Apabila anakanda Rasulullah s.a.w. yang di bawah milik Uthman itu meninggal dunia, Rasulullah s.a.w. bersabda pula: Kahwinkanlah Uthman, kalaulah aku masih mempunyai puteri yang ketiga, nescaya aku kahwinkannya dengan Uthman, kerana aku tidak kahwinkannya dulu, melainkan dengan sebab wahyu daripada Allah.

Aspirasi daripada Hadith-Hadith yang lalu menunjukkan tentang keistimewaan Saiyidina Uthman r.a. itu hingga Allah s.w.t. sendiri mewahyukan kepada Nabi-Nya dalam perkara ini, sudah tentu ada sesuatu rahsia besar yang tidak mampu diketahui oleh manusia. Andainya Uthman r.a. itu seorang yang berperangai buruk atau ada salah pada pendirian dan tingkah lakunya, sama ada yang menyentuh diri sendiri maupun masyarakat dan negara, maka sudah tentu Allah s.w.t. tidak akan menerimanya sebagai menantu kepada Nabi besar. Dari segi yang lain menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. begitu akur dengan wahyu Allah, sehinggakan soal perkahwinan anak pun, baginda tidak cuba membincangkan arahan wahyu itu.

6. Dalam zaman pemerintahan khalifah Abu Bakar al-Siddiq r.a. berlaku kemelesetan di bumi Hijaz akibat kemarau panjang. Tanaman gandum dan buah-buahan rosak dan kering. Khalifah cemas sekali, lalu Saiyidina Uthman r.a. menghadiahkan bahan-bahan makanan dan minuman dari satu kafilah besar milik peribadinya yang baru tiba dari wilayah Syam. Kafilah itu dianggarkan terdiri daripada 1000 ekor unta yang penuh muatan, semuanya dihadiahkan percuma kepada kaum Muslimin.[234]
7. Uthman r.a. merupakan seorang sahabat yang dijamin untuk menghuni Syurga Allah oleh Rasulullah s.a.w. Ini berdasarkan Hadith:[235]

   Setiap Nabi itu ada teman karibnya, teman karibku di dalam syurga kelak ialah Uthman.

---

[231] Al-Syaukani, Darral-Sahabah, hlm. 181.
[232] Ibid, hlm. 182.
[233] Hadith keluaran al-Tabarani, petikan al-Imam al-Sayuti, dalam, Tarikh al-Khulafa, hlm. 153.
[234] Ibrahim Sabiq Arjun, dalam, Majallah al-Azhar 13, artikel: Hayat Rijal al-Islam: Uthman bin Affan, Safar, 1361 H. hlm. 71.
[235] Al-Tirmizi

Begitu juga pengakuan daripada Rasulullah s.a.w. yang di catatkan oleh Ibn Abd. al-Bar:[236]

Bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda "Aku telah memohon kepada Tuhanku Yang Maha Agung supaya tidak memasukkan ke dalam neraka sesiapa sahaja yang pernah bermenantukan Aku atau Aku menjadi menantunya."

8. Uthman bin Affan r.a. berperibadi terlalu mulia, baik dalaman mahupun luaran, sehinggakan para malaikat sendiri pun segan dan malu kepadanya. Perkara ini dijelas oleh Muslim dalam Hadithnya yang diriwayatkan daripada Aisyah r.a. Bahawa sedang Rasulullah s.a.w. duduk berbaring-baring di katilku, badannya diselimut dengan kain panjangku (dengan terbuka di sana sini). Kemudian datang Abu Bakar dan kemudian datang Umar r.a. memohon izin untuk berbincang sesuatu. Baginda s.a.w. berkeadaan begitu hingga mereka meminta diri untuk pulang. Kemudian Uthman r.a. pula datang, kali ini Rasulullah s.a.w. terus bangun membetulkan kedudukan dan pakaiannya baik-baik. Apabila selesai perbincangan dan Uthman r.a. pulang. Aku bertanya: Ya Rasulullah, mengapa saya lihat kamu tidak cemas atau terburu-buru ketika menerima kedatangan Abu Bakar dan Umar r.a., tidak seperti kedatangan Uthman r.a. ? Lantas jawab Rasulullah s.a.w.:[237]

   Apakah tidak wajar aku segan dan malu kepada seseorang yang malaikat sendiri pun segan dar malu kepadanya !

9. Uthman bin Affan r.a. dipilih sebagai salah seorang penulis wahyu pada zaman pemerintahan Rasulullah s.a.w., digandingkan dengan Ali bin Abi Talib r.a.[238] Ketika Abu Bakar al-Siddiq r.a. menjadi khalifah, Saiyidina Uthman r.a. terus dilantik menjadi setiausaha negara.[239]

Sebenarnya, masih banyak lagi kelebihan-kelebihan Saiyidina Uthman yang melambangkan satu nilai ketokohan dan ketinggian iman seorang sahabat besar kepada Rasulullah s.a.w., sehingga Nabi s.a.w. sendiri mengakuinya sebagai personaliti yang terbaik, dan bakal menjadi penghuni syurga Allah s.w.t. seperti Abu Bakar, Umar, Ali dan juga yang lain-lain. Biodata atau latar diri begini perlu diberi perhatian secukupnya terlebih dahulu, sebelum orang-orang mutakhir seperti kita ini membuat sesuatu penilaian ke atas pendirian, sikap dan tindakan mana-mana sahabat besar Rasulullah s.a.w. itu. Ini kerana, dengan cara itu sahaja kita terselamat daripada perangkap yang sentiasa dipasang oleh musuh-musuh Islam di sepanjang jalan. Sekiranya kita terperangkap, maka dengan sendirinya kita sudah bertukar menjadi alat musuh untuk memusnahkan Islam. Pada hal kita sepatutnya menjadi pembela Islam, bukan penghancur. Atas sikap dan kesedaran inilah, elok dinilai dan diteliti kembali isu-isu kontroversi yang ditimbulkan dengan begitu hebat pada zaman

---

[236] Ibn Abd. al-Bar, al-Isti'ab fi Maarifat al-Ashab, jil. III. Lihat Juga Sahih Muslim, jil. VII, hlm. 116, 117.

[237] Abu al-Hassan Muslim, al-Jami al-Sahih Bihamisy al-Imam al-Nawari, jil. VIII cet. I, al-Halabi, Mesir, 1380H/1960M hlm. 116. 117. Lihat juga al-Syaukani dalarn Dar al-Sahabah, hlm. 179.

[238] Zafir al-Qasimi, Nizam al-Hukm, jil. I, hlm. 48. Lihat juga al-Jasyiari. Kuttab al-Wuzara Wa al-Kuttab, hlm. 12-14.

[239] Dr. Ali Ibrahim Hassan. al-Tarikh al-Islam al-Am, 526.

pemerintahan khalifah Uthman r.a. yang berkesudahan dengan mengorbankan nyawa khalifah sendiri.

ANALISIS TERHADAP ISU-ISU YANG DITIMBULKAN

Isu Pertama: Khalifah Uthman Mengabaikan Hudud

Isu ini dicetuskan setelah anakanda khalifah Umar bin al-Khattab r.a. yang bernama Ubaidillah tidak dapat menahan sabar kerana pembunuhan ayahandanya lalu menuntut bela dengan membunuh tiga orang yang dianggap terlibat dengan jenayah itu. Mereka ialah anak perempuan Abu Lu'lu'ah (pembunuh Umar); Jufainah, seorang lelaki Nasrani/Kristian dari Hirah dan Harmuzan, seorang bekas gabenor salah sebuah wilayah Parsi. Harmuzan memeluk Islam setelah negara Parsi ditakluki Islam pada zaman pemerintahan khalifah Umar bin al-Khattab r.a.[240] Sebab Ubaidillah membunuh mangsa yang pertama ialah kerana ia merupakan anak si pembunuh ayahandanya (Umar). Manakala dua orang lagi dibunuh kerana mendengar keterangan daripada Ab. Rahman bin Abu Bakar yang memberitahu bahawa pada pagi khalifah Umar r.a. itu dibunuh, beliau melihat sendiri pada malam sebelum berlaku jenayah itu, Harmuzan, Abu Lu'lu'ah dan Jufainah sedang berbisik-bisik di suatu tempat. Apabila mereka terpandang aku, mereka gugup, lalu terjatuh sebilah khanjar,[*] pemegangnya di tengah-tengah. Iaitu khanjar yang digunakan untuk membunuh Umar. Setelah mendengar keterangan itu, Ubaidillah bersumpah, demi Allah, aku akan membunuh orang-orang yang bersekutu, menumpah darah ayahandaku.[241] Sebenarnya apabila Ubaidillah membunuh anak Abu Lu'lu'ah dan Jufainah tidaklah menimbulkan masalah sangat kerana mereka kafir dan mungkin harbi pula. Akan tetapi masalah timbul apabila Ubaidillah membunuh Harmuzan yang sudah memeluk Islam. Sepatutnya Ubaidillah menyerahkan masalah tersebut kepada pemerintah yang baru (tentunya Uthman bin Affan) untuk bertindak menghukum pembunuh ayahandanya Umar bin al-Khattab r.a., bukan bertindak sendiri, kerana perbuatan itu menyalahi syariat Islam. Kemudian ternyata selepas peristiwa itu, Ubaidillah terus dibebaskan dan menyambung hidup seperti biasa. Maka bertitik tolak daripada isu inilah, musuh-musuh Islam di dalam negara menggunakannya untuk mengkritik dan menuduh khalifah Uthman r.a. yang baru dilantik menjadi khalifah sebagai tidak bertanggungjawab atau pilih kasih, sebab Ubaidillah itu anak temannya khalifah Umar r.a. Pengarang-pengarang sejarah Muslim juga terikut-ikut rentak yang menyalahkan Saiyidina Uthman r.a. Penulis yang bertanggungjawab mesti mendalami dan mengkaji peristiwa-peristiwa begini dengan menyorot sumber-sumber berkaitan secara menyeluruh, agar dapat dibongkar hakikat sebenarnya. Sehubungan dengan isu ini, dua perkara dapat dibongkar, iaitu:

1. Saiyidina Uthman r.a. telah menjatuhkan hukuman mati (qisas) ke atas Ubaidillah tetapi ia dimaafkan oleh waris mati. Perkara ini merujuk pada catatan al-Tabari daripada Abu Mansur yang berkata: "Aku dengan Qumazaban (anak dan waris kepada Harmuzan) menceritakan kisah pembunuhan bapanya." Ia berkata. "Orang

---

[240] Rafiq al-Azm, Asyhr Masyahir, hlm. 472.

[*] Khanjar ialah sejenis pisau bermata dua belah, kiri dan kanan, pemegangnya di tengah-tengah, dibuat khusus untuk membunuh sepertl keris. Khanjar sepertl itu hanya terdapat di negeri Parsi sahaja. Ia diselundup ke Madinah dan ini membuktikan ada tujuan jahat yang dirancangkan.

[241] Ibid.

asing ramai di Madinah, mereka sering berhubung antara satu sama lain. Suatu hari Fairuz (Abu Lu'lu'ah) menemui bapaku (Harmuzan) bersama-samanya terdapat sebilah pisau khanjar bermata dua. Bapaku memegang dan bertanya. "Apa kau nak buat dengan benda ini di negara ini? Jawabnya: main-main saja. Tiba-tiba seorang lelaki lain memandangnya (Ab. Rahman bin Abu Bakar). Maka apabila Umar r.a. ditikam orang, ia (Ab. Rahman) berkata: Aku pernah lihat benda ini (khanjar) ada bersama Harmuzan yang kemudian menyerahkannya kepada Fairuz. Maka tampillah Ubaidillah, lalu membunuhnya. Maka apabila Uthman memerintah, dia memanggil dan menahan aku. Kemudian keluarkan perintah. Wahai Qumazaban, inilah pembunuh bapamu! Dan engkau lebih berhak daripada kami (untuk melaksanakan hukuman bunuh), maka pergilah (ke tempat pembunuhan), maka bunuhlah dia! Maka aku pun keluar membawanya, semua orang ramai mengikut aku, cuma semua mereka menuntut supaya aku jalankan hukuman segera. Maka aku berkata kepada mereka: Adakah patut aku membunuhnya? Jawab mereka: Ya! sambil mereka memaki hamun Ubaidillah. Aku bertanya lagi: Apakah kamu tidak mahu menghalangnya? Jawab mereka: Tidak! dan memakinya. Maka kemudiannya aku pun meninggalkannya kerana Allah memaafkannya. Orang ramai terus mengusungku. Maka demi Allah aku tidak tiba ke rumah melainkan di atas kepala dan bahu-bahu orang ramai."[242]

2. Bersumberkan Ibn al-Arabi dalam kitab al-Awasimnya yang dipetik daripada al-Tabari juga bahawa khalifah Uthman r.a. duduk di dalam masjid, dan memerintahkan supaya dibawa datang Ubaidillah yang dikurung di rumah Saad bin Abi Waqqas r.a., kerana dialah yang menangkap dan merampas pisau di tangan Ubaidillah ...Maka Uthman berkata kepada kumpulan Muhajirin dan Ansar yang hadir. ..Berilah pandangan kepadaku tentang hukuman ke atas orang ini yang telah menyebabkan keretakan Islam." Maka kata Ali r.a. "Aku berpendapat supaya dibunuh saja." Kata sebahagian orang Muhajirin yang lain, "Khalifah Umar baru kemarin dibunuh orang, hari ini kita mahu membunuh anaknya pula?" Maka Amru bin al-As mencelah, "Wahai Amir al-Mukminin, sesungguhnya Allah telah memaafkan tuan, kerana tragedi ini berlaku sebenarnya di luar kekuasaan tuan, tuan belum dilantik lagi." Maka jawab Saiyidina Uthman r.a. "Bagaimanapun aku adalah walinya, dalam perkara ini aku peruntukkan membayar diat,[*] dan aku tanggung daripada harta peribadiku sendiri."[243]

Sekali imbas terasa kedua-dua sumber ini saling bercanggah di antara satu sama lain. Yang pertama menjelaskan Khalifah Uthman r.a. sebagai pemerintah negara Islam yang bertanggungjawab walaupun hanya kira-kira baru tiga hari dilantik menggantikan Khalifah Umar r.a. telah menjatuhkan hukumanmati (qisas) ke atas Ubaidillah bin Umar bin al-Khattab r.a. Cuma bagi pelaksanaan hukuman itu, Khalifah Uthman sekali lagi dengan kuasanya memerintahkan waris iaitu anak kepada yang kena bunuh supaya menjalankan hukuman kerana pendapatnya itu lebih aula (lebih baik). Ini bererti peringkat menjatuhkan hukuman qisas sudah pun berjalan, cuma pelaksanaannya sahaja yang kebetulan diberi kepada anak si mangsa, yang

---

[242] Al-Tabari, Tarlkh al-Rusul, jil. IV, hlm. 243.

[*] Diat ialah ganti rugi dalam bentuk kebendaan yang dibayar oleh pihak penjenayah kepada pihak yang mangsa. Satu amalan dalam konteks jenayah dahulu, kemudian Islam memperakuinya dengan beberapa perubahan tertentu, dasarnya dia wajib dibayar kecuali sekiranya pihak mangsa memaafkan, maka gugurlah kewajipannya.

[243] Ibn al-Arabi, al-Awasim Min al-Qawasim. hlm. 107, petikan daripada al-Tabari, jil. V, hlm. 41.

mengambil keputusan memaafkan dan tidak membunuh Ubaidillah dengan tidak dipaksa oleh sesiapa. Dalam hal ini Ibn al-Arabi berpendapat, besar kemungkinan anak yang diberi kuasa penuh iaitu Qumazaban, untuk melaksanakan hukuman tersebut berkeyakinan bahawa darah Amir al-Mukminin Umar tertanggung di atas tengkok bapanya Harmuzan yang telah pun menerima hukuman, kerana Abu Lu'lu'ah yang membunuh Umar itu tidak lebih hanya sebagai alat ahli politik Parsi itu (Harmuzan) semata-mata.[244]

Manakala sumber yang kedua pula menjelaskan bahawa Khalifah Uthman r.a. tidak menjatuhkan hukum qisas (bunuh balas) dan cuma mengenakan diat, itu pun dikeluarkan daripada harta peribadinya sendiri. Sebenarnya, jika dilihat dengan kaca mata yang adil dan ingin mencari kebaikan, bukan dengan niat untuk mengeruhkan keadaan, iaitu dengan cara mengeksploitasi isu yang kurang jelas, maka kita dapat melihat kebaikan implikasi tindakan Khalifah Uthman r.a. itu. Iaitu sekiranya tepat apa yang dilaporkan oleh fakta-fakta sejarah yang telah lalu. Sebagai seorang khalifah Saiyidina Uthman r.a. bukan sahaja menjatuhkan hukuman qisas ke atas Ubaidillah bin Umar yang membunuh Harmuzan, tetapi melaksanakan juga peruntukan diat, iaitu setelah mengetahui si anak yang bertanggungjawab menjalankan hukuman itu mengambil keputusan memaafkan saja pembunuh bapanya. Ini bererti, atas pertimbangan khalifah, diat juga ganjaran sebagai harga darah si mati, walaupun tidak dituntut oleh waris si mati. Satu langkah yang cukup bertimbang rasa. Walau bagaimanapun kebaikan-kebaikan seperti ini tidak mendapat tempat di hati orang-orang yang sejak awal-awal lagi merancang untuk menjatuhkan khalifah dan merosakkan Islam. Malahan mereka mengada-adakan sesuatu yang tidak ada dan memutarbelitkan kenyataan sehingga yang benar menjadi salah dan yang salah menjadi benar bagi orang-orang yang dangkal fahaman agamanya.

Isu Kedua: Khalifah Uthman Tidak Menyertai Perang Uhud, Badar dan Bai'at al-Ridhwan

Dalam konteks jihad dalam Islam, terutamanya pada zaman Rasulullah s.a.w., seseorang Islam secara automatik menjadi anggota tentera jihad. Oleh itu, mana-mana Muslim yang tidak menyahut panggilan jihad, sekiranya diseru ke arah itu, dikira bersalah. Buktinya seperti yang berlaku ketika perang 'Tabuk'[*] Dalam peperangan tersebut, Rasulullah s.a.w. amat murka dan akhirnya memulaukan beberapa individu yang mengambil sikap melambat-lambatkan keluar menyertai barisan jihad, akhirnya ketinggalan. Antara mereka yang dimaksudkan ialah Kaab bin Malik bin Abi Ubai, Murarah bin Rabie, dari Bani Auf, Hilal bin Umaiyah dari Maqif, dan Khaithamah keluarga Bani Salim. Walau bagaimanapun Khaithamah mengubah fikiran segera, lalu menyertai tentera Islam. Sedangkan yang bertiga lagi begitu menyesal kerana melanggar perintah Rasulullah s.a.w. yang sepatutnya tidak berlaku. Ekoran penyesalan itu akhirnya mereka bertaubat, iaitu setelah berlaku kemurkaan Rasulullah s.a.w. dan memulaukan mereka dengan tidak bertegur sapa dan tidak

[244] Ibld.

[*] Kemaraan Rasulullah s.a.w. ke arah Tabuk di perbatasan Palestin pada tahun 9H untuk menentang himpunan sekutu Rom yang bersedia memerangi Islam. Walau bagaimanapun akhirnya mereka mohon perdamaian. Kemudian disusuli dengan ketibaan rombongan-rombongan memeluk Islam.

mempedulikan mereka lagi, ini diikuti oleh orang-orang Islam yang lain.[245] Penjelasan peristiwa ini merujuk kepada firman Allah s.w.t.:[246]

"... Dan (Allah ampunkan juga) tiga orang yang ketinggalan (tidak menyertai perang) hingga ketika sempit bumi ini bagi mereka (kerana dipulaukan), pada hal ia begitu luas dan resah pula hati mereka, serta menyangka, bahawa tidak ada tempat lari daripada Allah, melainkan kepada-Nya. Kemudian Allah terima taubat mereka, supaya mereka kembali baik, kerana sesungguhnya Allah ialah penerima taubat lagi penyayang."

Berdasarkan kedudukan inilah pihak-pihak yang menentang Khalifah Uthman r.a. menggunakan berbagai-bagai cara dan kesempatan yang terluang termasuk perkara jihad itu, dengan memutarbelitkan kenyataan sebenar untuk mempengaruhi masyarakat supaya membenci Khalifah Uthman dan kerajaan pimpinan beliau.

Walaupun peristiwa peperangan Uhud, Badar dan Bai'at al-Ridhwan yang melibatkan Khalifah Uthman r.a. itu sudah berlalu kira-kira 23 tahun yang lalu, tetapi para penentang yang bermatlamat menimbulkan kontroversi, berusaha menimbulkannya semula ketika Saiyidina Uthman r.a. menjadi khalifah. Pada hal perkara itu sudah dikira selesai sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi. Penyelesaian isu ini boleh didapati dalam Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, seperti yang berikut:[247]

Daripada Uthman bin Abdullah bin Mauhib, berkata: Seorang lelaki dari Mesir datang mahu mengerjakan haji. Ia dapati sekumpulan orang ramai sedang berkumpul, lalu ia bertanya: Siapakah mereka itu ? Diberitahu: Mereka ialah Quraisy. Ia bertanya lagi, siapakah yang paling tua antara mereka ? Dijawab: Abdullah bin Umar, lalu ia menghalakan soalan kepada Ibn Umar: Wahai Ibn Umar, aku mahu bertanya sesuatu, diharap mendapat penjelasan. Adakah tuan tahu bahawa Uthman r.a. telah lari pada hari perang Uhud? Jawabnya: Ya! Lalu melaung: Allahu Akhbar! Kata Ibn Umar: Mari sini, aku mahu menyatakan padamu! Adapun ia telah lari pada hari perang Uhud, maka aku naik saksi bahawa Allah telah memaafkan dan telah mengampunkannya. Adapun ia menghilangkan diri pada hari Badar, sebenarnya ia sedang menjaga/ merawat (puteri) Rasulullah s.a.w. iaitu isterinya bernama Ruqayyah yang sedang sakit. Hal ini Rasulullah s.a.w. bersabda: Engkau tunggulah dia, sesungguhnya ganjaran engkau sama seperti lelaki yang menyertai perang Badar dan habuannya.[*] Dan adapun ketiadaannya dalam Bai'at al-Ridhwan, maka sekiranya ada lagi orang lain yang lebih baik daripada Uthman nescaya Nabi s.a.w. memilihnya mengambil tempat Uthman untuk menjadi wakilnya ke pihak Quraisy. Padahal Bai'at Ridhwan itu berlaku sepeninggalan Uthman pergi ke Makkah. Lalu Nabi s.a.w. bersabda menunjukkan tangan kanannya: Ini tangan Uthman, maka ditepuk ke atas tangannya

---

[245] Jalal Mazhar, Muhammad Rasulullah, hlm. 366. Lihat juga Abu al-Hassan al-Nadwi, dlm. al-Sirah al-Nabawiyah, hlm. 311, 312.

[246] Al-Qur'an surah al-Taubah, 9:118

[247] Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Jil. VII dalarn Kitab Fadhail al-Sahabah, hlm. 203, 204. Lihat juga al-Tirmizi dalarn Manaqib, 10/204. juga dalarn Majma' al-Zawaid, 6/84.

[*] Al-Tabari menyatakan: Rasulullah s.a.w. menghantar pulang Zaid bin Harithah dari Badar kepada Uthman di Madinah, berita kemenangan di Badar itu betul-betul ketika Uthman dan orang-orang tertentu sedang mengebumikan Ruqayyah bt. Rasul s.a.w. yang baru meninggal dunia, berita ini dilaporkan oleh Usamah bin Zaid yang diarah tinggal bersama-sama Uthman bin Affan r.a. untuk merawat Ruqayyah yang sedang sakit. Kemudian pada bulan Rabiulawal tahun berikutnya (ketiga H.) Uthman r.a. dikahwinkan pula dengan seorang puteri Nabi s.a.w. lagi, iaitu: Ummu Kalthum.

yang kiri, sambil bersabda: Ini untuk Uthman. Kemudian Abdullah bin Umar berkata kepadanya (lelaki Mesir), sekarang engkau boleh pergi bersama-sama dengan penjelasan ini.

Berdasarkan Hadith-hadih riwayat Imam al-Bukhari dan al-Tirmizi yang termasuk dalam majma' al-Zawaid, amat jelas sekali tentang sebab Saiyidina Uthman bin Afan r.a., sebelum dilantik menjadi khalifah keciciran daripada menyertai perang jihad yang penting seperti Uhud dan Badar, begitu juga Bai'at al-Ridhwan. Abdullah bin Umar r.a. telah menjelaskan satu persatu tentang hal tersebut kepada lelaki dari Mesir itu. Bagi mereka yang mengikuti perkembangan sejarah, di samping nas-nas Hadith Rasulullah s.a.w. akan menghapuskan sangkaan-sangkaan yang tidak sihat yang dibuat oleh orang-orang yang mempunyai sesuatu tujuan kerana kejahilannya atau pura-pura jahil kerana memendam niat jahat terhadap tokoh-tokoh sahabat seperti Saiyidina Uthman r.a. dan lain-lainnya.

Isu Ketiga: Khalifah Uthman r.a. Bertindak Kejam ke Atas Sahabat Nabi s.a.w. Seperti Abu al-Darda'

Asas permasalahannya ialah Abu al-Darda' seorang sahabat Nabi s.a.w. yang terkenal dengan warak dan zuhudnya yang cukup tinggi, orang awam tidak mampu mencapai taraf sepertinya dalam semua keadaan hidup. Pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman r.a., Abu Darda' dilantik menjadi Kadi/Hakim di Syam, gabenor Syam ketika itu ialah Mu'awiyah bin Abi Sufyan.[248]

Sebagai ketua pentadbiran, Mu'awiyah bin Abi Sufyan yang banyak pengalaman kemasyarakatan, menjalankan pentadbiran berdasarkan perkembangan-perkembangan yang sedang dialami oleh masyarakat setempat. Keadaan ini agak bertentangan dengan sikap dan pandangan kadinya, Abu al-Darda', yang cuba mengimplimentasi cara hidup zuhud dan waraknya ke dalam masyarakat tanpa mengambil kira keadaan persekitarannya. Dua keadaan yang cukup bercanggah, lalu sering pula berlaku kritik-mengkritik antara kedua-dua belah pihak. Terutama dari pihak Abu al-Darda' r.a. Sebenarnya Abu al-Darda' r.a. telah berusaha membawa cara Umar bin al-Khattab r.a. ke dalam kehidupan masyarakat yang nyata mereka tidak mampu menerimanya dan sekiranya dipaksa juga sudah tentu menimbulkan kacau-bilau. Lalu atas dasar itu beliau dipecat.[249] Apa yang jelas, semuanya kerana kemaslahatan umum, sekali-kali tidak menjejaskan agama dan tidak menyinggung martabat mana-mana pihak. Abu al-Darda' dan Abu Zar bersih, tidak perlu dicela. Begitu juga Uthman r.a., beliau bersih, tidak harus dituduh yang bukan-bukan.[250] Kebanyakan pembaca sejarah kini, seolah-olah menerima bulat-bulat apa saja yang ditulis oleh pengarang buku-buku sejarah. Jarang-jarang sekali mereka mempersoalkan apa lagi mempertikaikan tulisan tersebut sama ada ia benar-benar satu fakta yang berdasarkan realiti sebenar atau sebaliknya. Meskipun kadang-kadang pembaca sendiri merasakan seperti ada sesuatu yang kurang kena dengan bisikan hati kecilnya terhadap bahan yang dibacanya. Akan tetapi kerana sikap kurang teliti, atau tidak mengambil kisah ataupun kerana menganggap semua pengarang itu baik dan cukup berilmu, maka ia sedia menerima saja tanpa banyak soal. Lalu terjadilah apa yang telah terjadi hingga sekarang.

---

[248] Al-Tabari, Tarikh Al-Rusul, jil. IV, hlm. 421.
[249] Abu al-Arabi, al-Awasim min al-Qawasim, hlm. 77.
[250] Ibid.

Isu Keempat: Bertindak Menyalahi al-Sunnah, Tidak Qasar Sembahyang Ketika Musafir

Bagi para penentang, tidak kira sesuatu isu itu bersifat prinsip atau tidak, semuanya perlu dieksploitasi bagi dijadikan senjata yang berkesan. Hal seperti ini berlaku ke atas Khalifah Uthman bin Affan r.a. yang dikatakan menyalahi al-Sunnah atau amalan dua orang sahabatnya yang terdahulu, Abu Bakar dan Umar r.a.

Kalau dikira keadaan biasa, menyalahi perkara-perkara seperti qasar sembahyang atau sembahyang tunai, bukanlah soal prinsip atau sesuatu yang besar. Lainlah halnya kalau meninggalkan sembahyang secara total. Ertinya tunai pun tidak, qasar pun tidak. Kalau ini terjadi, memang perlu dihebohkan dan ditentang. Walau bagaimanapun oleh sebab ada matlamat lain di sebalik isu itu, maka ia digunakan dengan sebaik-baiknya. Isu ini terjadi dalam musim haji tahun 29H seperti yang dicatat oleh al-Tabari:[251]

Sesungguhnya isu pertama yang diperkatakan orang tentang Uthman r.a. secara terang-terang ialah dia bersembahyang di Mina semasa pemerintahannya dua rakaat (qasar), hingga apabila tiba tahun keenam ialah telah mula sembahyang genap pula (tidak qasar lagi). Maka bukan seorang di antara sahabat Nabi s.a.w. yang menegur perbuatan itu. Dan perkara itu terus diperkatakan oleh kalangan-kalangan yang bertujuan membesar-besarkannya. Antara yang menegurnya ialah Ab. Rahman bin Auf r.a.[252] Walau bagaimanapun setelah Khalifah Uthman r.a. meminta maaf di atas kekeliruan itu, sambil memberikan sebabnya dia sebagai khalifah yang bertanggungjawab ke atas semua urusan Muslimin termasuk amal ibadah mereka, sejak tahun yang lepas (musim haji) yang lalu, telah memerhatikan gelagat sebahagian orang Islam, terutama dari kawasan yang jauh seperti Yaman dan orang-orang jahil, mereka terang-terang berkata pada tahun lepas: Bahawa sembahyang orang bermuqim (tjdak dikira musafir) juga sekarang hanya dua rakaat sahaja. Kerana lihatlah imam kita ini contohnya, dia sembahyang (jenis empat rakaat) hanya dua rakaat sahaja.[253] Ini boleh mengelirukan orang ramai dan menyesatkan orang-orang yang kurang berilmu kemudian Khalifah Uthman r.a. menambah alasan mengapakah ia terus bersembahyang secara genap tanpa qasar apabila singgah di Mina ketika dalam perjalanan mengerjakan haji: (i) Aku berkeluarga (beristeri dengan orang tempatan Makkah). (ii) Aku ada memiliki banyak harta (tanah perkampungan) di kawasan Ta'if. Atas dasar itu aku termasuk sebagai orang bermuqim dan bukan musafir.[254]

Walau bagaimanapun Ab. Rahman bin Auf r.a. menyanggah alasan-alasan yang diberikan oleh Khalifah Uthman r.a. itu. Akan tetapi akhirnya Khalifah Uthman r.a. membuat kata putus bahawa itu adalah satu pandanganku, yang aku rasa betul.[255] Sesuatu yang agak menarik menyusul selepas peristiwa kritik-mengkritik itu, yang memperlihatkan sikap murni orang-orang terdahulu yang berpandangan jauh, semata-mata kerana kepentingan perpaduan masyarakat Islam yang ia sanggup mati kerananya. Iaitu Ab. Rahman bin Auf r.a. masih berkeras dengan sikapnya bersembahyang qasar dua rakaat ketika di Mina, dan tidak akur dengan pandangan serta sikap Khalifah Uthman r.a. itu. Sehingga akhirnya ia bertemu seorang sahabat

---

[251] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, Jil. IV, hlm. 267.
[252] Ibid, hlm. 268.
[253] Ibid. Lihat juga Ibn al-Arabi. al-Awasim, hlm. 79.
[254] Ibid., hlm. 268.
[255] Ibid.

besar Nabi s.a.w. iaitu Abdullah bin Mas'ud r.a. Setelah berlaku dialog yang sama, Ab. Rahman bin Auf meminta Abdullah bin Mas'ud terus bersembahyang tunai, tetapi Abdullah menjelaskan bahawa "berselisihan itu buruk, aku pun dengan dia Khalifah Uthman bersembahyang tunai (empat rakaat), lalu aku pun sejak itu bersembahyang bersama rakan-rakanku empat rakaat juga (yakni tunai)", jawab Ab. Rahman r.a. "aku pun mendapat tahu ia (khalifah) bersembahyang empat rakaat, tetapi aku bersembahyang bersama rakan-rakanku dua rakaat sahaja (qasar). Oleh itu, mulai sekarang aku dan rakan-rakanku akan menurutnya bersembahyang empat rakaat juga ".[256]

Sebenarnya kalau dirujuk kepada sumber-sumber yang asal, ternyata sekali isu-isu yang dipertikaikan oleh golongan yang ingin mempertikaikannya seperti sembahyang qasar atau tunai itu dibuat secara melulu. Ini kerana sebenarnya Khalifah Uthman r.a. tidaklah bertindak demikian secara bersendirian. Akan tetapi ia dilakukan setelah mendapat pengakuan dan persetujuan daripada beberapa orang sahabat besar Rasulullah s.a.w. terlebih dahulu. Contohnya dalam soal sembahyang ini, dihebohkan orang di sana sini, khalifah menjemput wakil-wakil penentang dan juga sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. yang masih ada, ke masjid, lalu berlaku dialog yang berikut, seperti yang dicatat oleh al-Tabari:[257]

Uthman berkata: "Orang-orang itu mendakwa ia (Khalifah Uthman) telah bersembahyang tunai (tidak qasar) dalam perjalanan musafir, sedangkan ia tidak sepatutnya ditunaikan. Apakah tidak, aku ini sebenarnya pulang ke sebuah kampung di mana terdapat keluargaku (anak isteri) dan harta milikku. Maka atas dua sebab itulah, aku tunai/tidak qasarkan sembahyangku. Apakah tidak begitu!? Mereka semua (termasuk para sahabat Nabi) " menjawab: Demi Allah, Yalah!.

Walaupun tindakan Khalifah Uthman bin Affan r.a. itu mendapat persetujuan daripada para sahabat Nabi s.a.w. sendiri, namun oleh sebab Uthman bin Affan r.a. yang melakukannya, maka ada orang terus tetap menyalahkannya juga. Padahal Nabi s.a.w. sendiri ketika dalam perjalanan, ada mengqasarkan sembahyangnya dan ada pula menyempurnakannya. Begitu juga dengan Saiyidatuna Aisyah r.a. dan sahabat-sahabat yang lain, tetapi waktu itu tidak ada pula orang yang menentangnya.[258] Menurut al-Baqilani, terdapat dua alasan mengapa Khalifah Uthman r.a. tidak mengqasarkan solatnya waktu itu, iaitu:

1. Katanya, keluarganya (anak isteri) tinggal di Makkah, maka dengan itu aku sudah dikira bermukim dan terkeluar daripada hukum orang mengembara/musafir.
2. Telah sampai ke pengetahuanku, bahawa orang-orang di luar ibu kota ketika pulang ke kampung masing-masing telah bersembahyang dua rakaat (secara qasar), dan mereka mendakwa bahawa sembahyang sudah pun dipendekkan (qasar), maka aku amat bimbang terjadi syubhah (kesamaran) ke atas mereka.[259]

---

[256] Ibid. Lihat juga Ibn al-Arabi, al-Awasim, hlm. 80.
[257] Ibid., hlm. 346. Lihat juga: Dr. Jabir Qamihah, dalam Adab al-Khulafa' al-Rasyidin, Dar al-Kutub al-Islamiyah, Kaherah, 1984, hlm. 199.
[258] Dr. Mustafa Hilmi, Nizam al-Khilafah, hlm. 82.
[259] Abu Bakar al-Baqilani, al-Tauhidti al-Rad' Ala al-Mauhidah wa al-Mu'attalah, Tahqiq: Dr. Muhammad Abu Ridah dan Dr. Mahmud al-Khudhari, Kaherah (1947), hlm. 223, 224.

Walau apa pun juga alasannya, yang pasti ialah meninggalkan qasar itu adalah ijtihad daripada Saiyidina Uthman r.a., kerana beliau melihat ramai orang sudah terkeliru dengan soal ini, hingga sudah ada yang mengerjakan sembahyang qasar di rumah sendiri, bukan lagi ketika pengembaraan. Lalu beliau berpendapat, lebih baik meninggalkan qasar, kerana takut ia akan jadi sesuatu yang merbahaya.[260]

Isu Kelima: Khalifah Membuat Kerja Bld'ah dengan Mengumpul Mushaf Kemudian Membakamya

Sekali imbas membakar al-Qur'an, memanglah satu kerja yang salah, tetapi mengumpul al-Qur'an yang masih berkecamuk dan ditulis di merata-rata seperti pada tulang-tulang, kayu, pelepah tamar dan sebagainya bukanlah perkara baru, ia sudah bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w., Abu Bakar al-Siddiq r.a. lagi, kemudian disambung pada zaman Umar bin al-Khattab r.a. Malahan kerja pengumpulan itu, adalah suatu kebaikan yang sangat besar.[261] Khalifah Uthman r.a. mempunyai motif yang baik, sebab ia bimbang terjadi perselisihan di antara tokoh al-Qur'an dan mungkin berlaku permusuhan di kalangan mereka atau akhirnya sampai merosakkan agama.[262] Lagipun usaha mengumpul al-Qur'an bukanlah satu maksiat, sebab tidak terdapat satu nas al-Qur'an atau al-Sunnah yang kuat atau Ijma' Ummah atau alasan pemikiran yang menunjukkan bahawa mengumpul al-Qur'an dan pengumpulnya dianggap maksiat.[263]

Merujuk kepada suara-suara penentang yang menuduhnya sebagai bid'ah kerana membakar al-Qur'an, kita harus meneliti terlebih dahulu sebab beliau bertindak demikian sebelum membuat sesuatu hukum. Sebenarnya perkara ini dicatat oleh Ibn al-Athir dan Ibn Asakir, bahawa ketika Huzaifa bin al-Yaman r.a. bersama Said bin al-As pulang dari peperangan Azarbeijan dan Armenia, mereka telah bersungut tentang perkara yang didengarnya, menurut beliau ada satu perkara yang kalau dibiarkan, orang ramai akan berselisih tentang al-Qur'an dan tidak mungkin dapat dipulihkan lagi selama-lamanya. Apabila ditanya apa maksudnya, beliau menjawab: "Aku lihat di Syam, khasnya penduduk Hims mendakwa pada orang-orang di Kufah bahawa bacaan al-Qur'an cara mereka sahaja yang paling tepat, kerana guru mereka al-Miqdad yang menerima secara langsung bacaan itu daripada Rasulullah s.a.w. Begitu juga dengan penduduk Kufah, mereka mendakwa perkara yang sama, kerana guru mereka Abdullah bin Mas’ud r.a. Orang Damsyiq pula menolak dakwaan itu, katanya, bacaan mereka saja paling tepat".[264] Begitulah kelam-kabutnya, masing-masing mendakwa tentang al-Qur'an. Penduduk Kufah dengan Abdullah bin Mas’udnya, penduduk Basrah dengan bacaan Abu Musanya, iaitu bacaan yang diberi nama Lubab al-Fuad, dan penduduk Hims dengan bacaan al-Miqdad dan Salim. Huzaifah, sahabat-sahabat dan tabi’in marah dengan keadaan itu, dan memberi amaran, “Kamu semua Arab pedalaman, maka diamlah, kamu sekarang dalam keadaan salah".[265]

Apabila keadaan sudah menjadi gawat begitu, Huzaifah r.a. menghadap Khalifah Uthman bin Affan r.a. dan memohon, “Wahai Amir al-Mukminin selamatkanlah umat ini sebelum mereka lebih jauh berselisih tentang al-Qur'an,

[260] Ibn al-Arabi, al-Awasim, hlm. 78, 79.
[261] Ibid., hlm. 66.
[262] Dr. Mustafa Hilmi, Nizam al-Khilafah
[263] Al-Baqilani, al-Tauhid, hlm. 222.
[264] Rafiq al-Azm, Asyhar Masyahir al-Islam, hlm. 698.
[265] Ibid.

seperti yang terjadi pada orang-orang Yahudi dan Nasrani itu".[266] Lalu Khalifah Uthman r.a. bertindak cepat meminjam mashaf asal yang lengkap yang terdapat dalam simpanan Hafsah binti Umar bin al-Khattab r.a. untuk dijadikan panduan. Khalifah mengarahkan Zaid bin Thabit, Abdullah bin al- Zubair, Said bin al-As dan Ab. Rahman bin al-Harith bin Hisyam supaya menulis semula dalam bentuk mushaf yang sempuma.[267] Untuk memastikan kerja penulisan berjalan lancar, khalifah mengarah: “Sekiranya berlaku apa-apa perselisihan atau kamu bertiga dengan Zaid bin Thabit tentang al-Qur'an itu, maka jalankan penulisannya mengikut kaedah lisan Quraisy, sebab ia diturunkan menurut gaya cara lidah (Quraisy)".[268] Apabila selesai beberapa naskhah, beliau mengarahkan al-Qur'an tersebut dikirim ke wilayah-wilayah utama negara Islam dan yang lain-lainnya diarahkan supaya dibakar, dan naskah asal kepunyaan Hafsah itu dipulangkan.[269]

Berdasarkan fakta tersebut, nyata sekali orang-orang yang mempertikaikan langkah Khalifah Uthman r.a. mengumpul dan membakar mushaf al-Qur'an itu tidak faham kedudukan sebenar yang menyebabkan langkah tersebut diambil. Padahal memang dinyatakan, beliau tidak bertindak membakar semua al-Qur'an, tetapi hanya mushaf-mushaf yang diyakini, sekiranya dibiarkan terus wujud ia boleh menyebabkan kerosakan, atau terdapat beberapa kandungan di dalamnya yang jelas bukan daripada al-Qur'an atau terdapat apa-apa yang sudah dinasakhkan (dibatalkan) tetapi masih dikekalkan, ataupun ia disusun tidak mengikut peraturannya. Semua alasan memang telah diterima oleh semua sahabat Nabi s.a.w.[270]

Al-Baqilani menyatakan “Sekiranya benar Khalifah Uthman r.a. membakar mushaf-mushaf tersebut, beliau hanya membakar mushaf-mushaf yang mengandungi sesuatu yang tidak seharusnya dibaca. Memandangkan sifat Uthman r.a. sebagai ilmuwan yang tidak bercanggah dengan Nabi s.a.w. sudah pasti beliau membakar apa-apa yang mesti dibakar. Diriwayatkan bahawa tidak terdapat seorang sahabat pun yang membantah tindakan tersebut, bahkan mereka menyaksikan tanpa menghalang dan sesungguhnya sudah pasti Uthman itu seorang yang adil dan bersih, maka tidak perlu dipertikaikan."[271]

Salah satu contoh yang cukup kuat untuk membuktikan langkah Khalifah Uthman r.a. itu bukan mengikut kehendak nafsu sendiri, tetapi mendapat restu para sahabat r.a. khasnya daripada Saiyidina Ali r.a. sendiri, ialah catatan daripada petikan sesetengah ulama Syi’ah melalui kitab Tarikh al-Qur'an, karangan Abu Abdullah al-Zanjani, bahawa Ibn Tawus memetik daripada al-Syahrastani daripada Suid bin Alqamah yang berkata: “Aku mendengar daripada Ali bin Abi Talib k.w. berkata, Tuan-tuan sekelian! Allah, Allah, awas sikap melampau kamu terhadap Uthman, dan tuduhan kamu ke atasnya sebagai pembakar mushaf. Demi Allah, ia tidak membakarnya, kecuali di hadapan (atas pengetahuan) sahabat-sahabat Nabi s.a.w. Ia telah mengumpulkan kami dan bertanya, apakah fikiran kamu sekelian tentang pembacaan ini al-Qur'an yang telah menjadi perselisihan orang ramai. Seorang bertanya seorang yang lain sambil mendakwa, bacaan saya lebih baik daripada bacaan awak! Ini semua akan menarik kepada kufur. Kami semua bertanya, Apakah fikiran tuan ? Jawabnya Aku mahu satukan seluruh masyarakat di atas satu mushaf sahaja, kerana kalau kamu hari ini berselisih, maka generasi selepas kamu nanti akan

---

[266] Ibn al-Arabi, al-Awasim, hlm. 68. Huraian secara lengkap boleh didapati dalam Sahih al-Bukhariy. jil. VI, hlm. 99.
[267] Ibid., hlm. 68,69.
[268] Ibid, hlm. 70.
[269] Ibid.
[270] Dr. Mustafa Hilmi, Nizam al-Khilafah, hlm. 77.
[271] Al-Baqilani, al-Tauhid, hlm. 222.

berselisih lebih hebat lagi. Kami jawab: Ya! Sila lakukan apa yang telah tuan fikirkan itu."[272]

Walaupun langkah yang diambil oleh Saiyidina Uthman r.a. sangat baik bagi menyelamatkan al-Qura'an dan generasi al-Qur'an serta mendapat restu daripada beberapa orang sahabat besar Nabi s.a.w., tetapi perkara yang sama sengaja diputar-belitkan oleh musuh-musuh Islam, termasuk yang bergiat di bawah topeng Islam, sehingga menampakkan ia sebagai satu kerja bid'ah yang sesat. Malangnya ramai pula orang yang meyakini bahawa perkara itu satu kerja sesat, dan perlu ditentang. Itulah yang telah menimpa Khalifah Uthman r.a. dan pemerintahannya.

Isu Keenam: Khalifah Menjatuhkan Hukuman Buang Daerah ke atas Abu Zar al-Ghifari

Pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a., ada pihak yang membesar-besarkan isu yang dikatakan satu kezaliman Khalifah Uthman kerana membuang daerah seorang sahabat Nabi s.a.w. iatu Abu Zar al-Ghifari. Hukuman tersebut dikenakan kerana kritikannya terhadap cara beberapa orang pegawai kerajaan yang menggunakan harta negara, termasuk Mu'awiyah bin Abi Sufyan, gabernor khalifah bagi Wilayah Syam. Sebelum dinilai apakah benar dakwaan ini, perlulah diketahui terlebih dahulu latar diri Abu Zar r.a. Abu Zar al-Ghifari isalah salah seorang sahabat Nabi s.a.w. yang paling terkenal dengan sifat taqwa dan jiwa luhur. Beliau seorang yang kuat iman serta sangat berani mengatakan sesuatu yang hak. Beliau tinggal di Syam bersama Mu'awiyah. Beliau berpendirian bahawa semua harta awam adalah hak kaum Muslim. Pemerintah atau wakilnya tidak boleh mengawalnya sama sekali. [273] Abu Zar r.a. juga terkenal sebagai sahabat yang zahid.[*] Di atas dasar itu, beliau sering mengkritik para pegawai Khalifah Uthman r.a.,[274] dan berhujah dengan firman Allah:

Dan orang-orang mengumpul emas dan perak, dan tidak membelanjakannya di jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka akan azab yang pedih.[275]

Abu Zar r.a. berpendapat semua harta yang bukan milik peribadi iaitu harta awam mestilah dibahagi-bahagikan di kalangan seluruh kaum Muslimin, tanpa disimpan sedikit pun. Beliau merujuk kepada amalan yang berlaku pada zaman pemerintahan khalifah Abu Bakar al-Siddiq dan Umar bin al-Khattab r.a. yang lalu. Di sinilah letaknya titik perbezaan pandangan dan sikap di antara para pegawai Khalifah Uthman r.a. yang diketuai oleh Gabenor Syam, Mu'awiyah bin Abi Sufyan, dengan Abu Zar r.a. yang zahid itu. Ini juga bercanggah dengan polisi Mu'awiyah bin Abi Sufyan yang mengikut perkembangan negara dan masyarakat di Syam khususnya. Mu'awiyah berpendapat bahawa negara dan masyarakat memerlukan wang yang secukupnya untuk pembangunan. Polisi ini terbukti dengan amalan pentadbiran Mu'awiyah yang menyimpan beberapa kadar harta sebagai modal dan untuk pembiayaan pembangunan bagi seluruh wilayah Syam, sebagai menyahut tuntutan

---

[272] Ibn al-Arabi, al-Awasim, hlm. 69.
[273] Rafiq al-Azm, Asyhar Masyahir, hlm. 694.
[*] Zahid ialah seorang terlalu taat beribadah, hingga mengambil sikap menolaj kesenangan duniawi, sebaliknya terlalu cintakan ukhrawi, lihat Munjid al-Tullab, suntingan Fuad Ifram al-Bustni, Beirut, hlm. 292.
[274] Ibn al-Arabi, al-Awasim, hlm. 73.
[275] Al-Qur'an Surah al-Taubah 9:34.

keperluan negara yang kian membangun, serta ke arah peningkatan tamadun.[276] Inilah juga mendorong Mu'awiyah, sebagai orang yang bertanggungjawab dengan pentadbiran dan pembangunan wilayah Syam, sering berpendapat "Harta itu adalah harta Allah". Ertinya, pemerintah dibolehkan menggunakan harta negara dalam projek-projek yang difikirkan perlu untuk pembangunan.[277] Walau bagaimanapun kadang-kadang kenyataan seperti dalam suasana sedemikian memberi ruang kepada para penentang untuk mengeksploitasinya menjadi senjata yang merbahaya untuk tujuan tertentu, diantaranya:

1. Untuk mengganggu politik Khalifah Uthman r.a. dan memerangkap para pegawai negara.
2. Untuk merosakkan hubungan sesama orang Islam bagi tujuan mengeruhkan suasana dan melepaskan dendam. [278]

Peluang seperti ini jarang-jarang dilepaskan begitu sahaja oleh musuh-musuh Islam seperti Abdullah bin Saba' dengan gerakan Saba'iyahnya. Dengan cara yang cukup licin, mereka mempengaruhi orang-orang yang terlalu ikhlas seperti Abu Zar dan sahabat-sahabat yang lain melalui lakonan-lakonan yang sukar dikesan hakikat sebenarnya. Menurut catatan al-Thabari dan sejarawan-sejarawan yang lain pada tahun 30H. Ibn Sauda' (Abdullah bin Saba') secara diam-diam bertemu Abu Zar r.a. di Syam, lalu berkata: "Wahai Abu Zar, apakah tuan tidak pelik dengan sikap Mu'awiyah itu (gabernor Syam), dia selalu menyebut-nyebut, harta itu adalah harta Allah!... memanglah segala sesuatu itu kepunyaan Allah. Dia nampaknya berniat hendak memonopoli harta-harta itu, tanpa memberi peluang kepada orang-orang Islam yang lain, dan dia cuba menghapuskan nama Muslimin." Hasutan seperti ini selari dengan hasrat Abu Zar yang zahid itu, lalu ia rasa bersemangat, dan terus berjumpa dengan Mu'awiyah dan bertanya: "Apakah gerangan yang mendorong kamu menamakan harta Muslimin itu sebagai harta Allah ?" jawab Mu'awiyah: "Allah rahmatkan kamu wahai Abu Zar! Apakah kita ini bukan hamba Allah, dan harta benda itupun hartaNya! Dan semua makhluk ini, makhluk-Nya, semua kuasa, adalah kuasa-Nya! ..." Kata Abu Zar: "Jangan kamu berkata begitu lagi." Jawab Mu'awiyah: "Aku tidak akan berkata begitu lagi, tetapi aku akan berkata harta Muslimin !" [279] Bukan setakat itu sahaja, bahkan Ibn Sauda' berusaha menemui seorang sahabat Nabi s.a.w. yang lain, iatu Abu al-Dard'. Kebetulan Abu al-Darda' sudah mendengar kisah-kisah gerakan seperti itu, lalu beliau pura-pura bertanya "Siapakah engkau, aku rasa kamu ini Yahudilah"! [280] Dengan itu ia gagal mempengaruhi Abu al-Darda'.

Walaupun kegiatan-kegiatan Saba'iyah itu begitu licin dan jahat, tetapi disebabkan ia berselindung di sebalik tabir penipuan yang dapat dilihat pada zahirnya sebagai kerja kebaikan, menggunakan amar ma'ruf dan nahi mungkar, ada orang yang menyangka ia merupakan usaha bernilai, seperti halnya dengan Abu Zar. Keadaan seperti ini memberi laluan kepada sesetengah orang, khasnya orientalis Barat untuk membuat tanggapan yang salah. Contohnya seperti Sir William Muir,

[276] Rafiq al-Azm, Asyhar Masyahir. hlm. 694.
[277] Ibid.
[278] Ibid.
[279] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 283. Lihat juga Rafiq al-Azm, dlm. Asyhar al-Masyahir, hlm. 695.
[280] Ibid.

yang menyatakan bahawa Abu Zar itu secara langsung berganding bahu dan bekerjasama dengan Ibn Sauda'.[281]

Buat beberapa ketika Abu Zar r.a. terus mengkritik para pegawai kerajaan termasuk Mu'awiyah di Syam. Akhirnya Khalifah Uthman r.a. mengambil keputusan untuk mengatasi segera keadaan tersebut sebelum merebak lebih jauh. Lalu beliau menjemput Abu Zar ke Madinah untuk berbincang. Pada akhir perbincangan itu Abu Zar secara ikhlas berkata: [282]

Maka kalau demikian engkau izinkanlah aku keluar. Maka sesungguhnya Madinah ini tidak sesuai lagi sebagai tempat tinggalku.

Abu Zar juga menjelaskan sebab beliau mengambil keputusan tersebut: [283]

Kata Abu Zar, "Rasulullah s.a.w. telah menyuruh aku keluar dari Madinah ini apabila pembangunannya sampai ke Sal' ." [*]

Mendengar penjelasan tersebut, Khalifah Uthman r.a. terus memenuhi permintaannya itu dan Abu Zar r.a. memilih satu kawasan tempat tinggal baru bernama Rabazah, kira-kira 3 batu dari Madinah. Khalifah membekalkan beliau dengan kemudahan membina sebuah masjid, sekumpulan unta antara 20-30 ekor, dua orang pembantu dan mempelawanya supaya selalu datang ke Kota Madinah, supaya ia tidak kembali menjadi cara hidup Arab (kehidupan orang-orang kawasan pedalaman). [284]

Oleh itu, jelas sekali, pemergian Abu Zar al-Ghifari r.a. meninggalkan kota Madinah ke tempat baru pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman r.a. adalah atas kehendak beliau sendiri kerana kesibukan dan keriuhan kota besar tidak sesuai lagi dengan cara hidup zuhudnya yang menolak kemewahan duniawi. Langkah tersebut juga diambil sebagai melaksanakan arahan Rasulullah s.a.w. kepadanya suatu masa dahulu. Oleh itu, tidak timbul sama sekali soal penyingkiran atau hukuman buang daerah yang dilakukan oleh Khalifah Uthman r.a. seperti yang dibesar-besarkan oleh para penentang kerajaan, terutamanya kumpulan Saba'iyah, semuanya adalah palsu dan fitnah belaka. Bahkan pemergian Abu Zar itu disusuli dengan penghormatan istimewa daripada khalifah sendiri yang membekalkan dengan pelbagai keperluan. Semua ini dilakukan kerana menghormati perintah Rasulullah s.a.w.

---

[281] William Muir, Sir. The Cdliphate, Its Rise, Decline and Fall. Cet. III, London: Smith Elder and Co. 1898, hlm. 223-224.
[282] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 284.
[283] Ibid. Lihat juga Ibn Khaldun dalam al-Ibar, jil. II, hlm. 139.
[*] Sal', ialah nama sebuah buklt di kawasan pasar lama Madinah: Ada pendapat mengatakan ia adalah nama tempat berhampiran Madinah. Pendapat yang termasyhur mengatakan ia adalah bukit berhampiran pintu masuk al-Madinah. Bererti sekiranya pembangunan kota Madinah sudah meluas hingga ke bukit Sal' itu, ia menunjukkan satu kemajuan hidup cara kota maju dengan segala karenah dan cabarannya. Termasuk perkembangan kebendaannya yang sudah tentu suasananya sangat menyulitkan kehidupan oang-orang yang sudah sampai ke martabat zahid, seperti Abu Zar itu. Hal ini sudah awal-awal lagi dibayangkan oleh Rasulullah s.a.w. kepada Abu Zar, dan sekarang ia benar-benar mengingati gambara dan arahan itu. Lihat al-Baghdadi, Marasid al-Ittila.
[284] Ibid.

Isu Ketujuh: Bersikap Cuai Hingga Menyebabkan Cincin Amanah Rasulullah s.a.w Hilang

Sama asalkan boleh menjejaskan nama baik khalifah dan kerajaan pimpinannya. Buktinya, pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman r.a. telah berlaku satu peristiwa yang di luar jangkaan dan kemahuan khalifah, iaitu sebentuk cincin warisan daripada Nabi s.a.w. yang diamanah kepada Khalifah-khalifah selepas baginda s.a.w. telah hilang semasa pemerintahan khalifah Uthman bin Affan r.a. Kedudukan perkara ini adalah seperti yang dilaporkan oleh al-Tabari dan lain-lain, antaranya: Daripada Ibn Abbas r.a. bahawa apabila Rasulullah s.a.w. mahu menulis kepada mana-mana pihak kerajaan asing, menyeru mereka kepada agama Allah s.w.t., seseorang ada memberitahu kepada-Nya, bahawa pihak berkuasa asing tidak menerima melainkan surat yang mempunyai cop mohor. Lalu Rasulullah s.a.w. mengarahkan supaya membuat sebentuk cincin cop mohor daripada besi, dan disarongkan di jarinya. Maka datang Jibril memberi arahan, "Buangkan cincin itu". Lalu dibuang dan suruh buat yang lain daripada tembaga dan dipakainya. Jibril menyuruh baginda membuangnya lagi dan dibuat yang lain daripada perak. Kali ini Jibril menerimanya, dan diarahkan mengukir di permukaannya perkataan, Muhammad Rasulullah, dalam bentuk tiga baris.[285]

Cincin cop mohor itu sentiasa berada di jari Rasulullah s.a.w., digunakan sebagai cop mohor apabila menulis surat-surat rasmi hinggalah Baginda wafat. Kemudian apabila Abu Bakar al-Siddiq r.a. menjadi khalifah, ia terus menggunakan cincin itu sebagai cop mohor negara sehinggalah ia meninggal. Begitu juga dengan penggantinya Umar bin al-Khattab r.a. Kemudian giliran Uthman bin Affan r.a. menjadi khalifah, ia juga menggunakan cincin yang sama sebagai cop mohor kerajaannya selama kira-kira enam tahun. Kemudian apabila tiba suatu ketika satu projek menggali perigi untuk sumber air minum bagi penduduk Madinah dijalankan di kawasan Aris, Khalifah Uthman r.a. sama-sama hadir ke tempat berkenaan. Seperti biasa ia mengusap-usap cincin di jarinya itu, sambil memusing-musing dengan ibu jari, tiba-tiba dengan kehendak Allah cincin itu terjatuh ke dalam perigi berkenaan. Puas mereka mencarinya, sehingga air tersebut terpaksa dikeringkan, tetapi tidak juga dapat dikesan. Meskipun beliau menawarkan ganjaran kewangan yang besar bagi sesiapa yang dapat memulangkan cincin tersebut, namun tidak berjaya, akhirnya terpaksa dibuat replika cincin perak dalam bentuk dan ukuran tulisan yang sama, sebagai gantinya, dan khalifah terus menggunakannya. Apabila beliau dibunuh, didapati replika cincin cap mohor itu juga hilang bersama.[286]

Keadaan yagn berlaku itu, kalau dirujuk kepada asas aqidah, ia merupakan satu suratan dan takdir Allah s.w.t. belaka, kekuatan manusia tidak dapat mengatasinya. Buktinya walaupun puas dicari dan dikeringkan air perigi berkenaan, tetapi takdir tetap tidak menemukannya. Masakan Saiyidina Uthman r.a. yang terkenal amanah dan jujur kepada masyarakat Islam boleh dianggap sebagai cuai. Malahan bagi Rasulullah s.a.w., bukan sekedar cincin sebentuk yang diamanahkan kepada Saiyidina Uthman r.a., bahkan dua orang puteri kesayangan Baginda s.a.w. sendiri diserah dan diamanahkan kepada Uthman r.a. Kalaulah Uthman r.a. dikenali sebagai cuai atau tidak mengambil berat ke atas apa-apa yang diamanahkan, masakan Rasulullah s.a.w. sedia menyerahkan puterinya kepada beliau. Padangan beginilah yang sepatutnya dibuat ke atas orang-orang yang menjadi sahabat Rasulullah s.a.w. dengan keistimewaan-keistimewaannya yang tertentu, sesuai dengan perakuan Allah s.w.t.

---

[285] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 282.

[286] Ibid., hlm. 282, 283. Lihat juga Rafiq al-Azm dalam Asyhar Masyahir, hlm. 687.

Allah reda kepada mereka, dan mereka pula reda kepada-Nya. Yang demikian itulah kemenangan yang besar.

Ini bererti, sekiranya orang-orang seperti Saiyidina Uthman r.a. bersikap cuai dan tidak jujur serta tidak mengenal tanggungjawab, maka sudah tentu Allah s.w.t. tidak menerima mereka sebagai orang-orang yang diredai-Nya. Akan tetapi bagi orang-orang yang tidak beriman atau pura-pura beriman tentulah nilai-nilai seperti ini tidak ada dalam kamus atau pertimbangan mereka.

Isu Kelapan Dan Kesembilan: Bersikap Diskriminasi Dengan Memilih Keluarga Sendiri Menjadi Pegawai Kerajaan, Walaupun Mereka Fasiq

Dalam isu ini terdapat dua perkara utama yang menjadi sasaran kritikan para penentang:

1. Khalifah Uthman r.a. melantik pegawai-pegawai utama kerajaannya dari kalangan kaum kerabatnya sendiri, seperti Mu'awiyah bin Abi Sufyan menjadi gabenor Syam.[287] Abdullah Amir bin Kuraiz menjadi gabenor Basrah dan lain-lain.
2. Memilih pegawai-pegawai pentadbir tidak baik seperti Marwan bin al-Hakam dan al-Walid bin Uqbah yang dituduh sebagai fasiq.[288]

Inilah salah satu isu yang bergema semasa pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a. kerana ramai juga di kalangan penduduk negara Islam yang terpengaruh, terutamanya penduduk di bandar-bandar yang jauh dari ibu kota Madinah al-Munawarah. Persoalannya di sini, apakah menjadi satu kesalahan, sekiranya seseorang pemerintah itu melantik keluarganya yang dikenali sebagai seorang yang mempunyai kebolehan mentadbir, cekap dan berwibawa seperti Mu'awiyah bin Abu Sufyan itu ? Persoalan seterusnya, adakah Saiyidina Uthman seorang sahaja di antara pemerintah-pemerintah Islam zaman awal yang melantik kaum keluarganya sendiri memegang jawatan-jawatan penting seperti gabenor atau sebagainya ?

Bagi menilai persoalan-persoalan seperti ini elok diteliti beberapa fakta yang berikut:

1. Dalam sejarah jahiliyah, orang dari keturunan Bani Umaiyah rata-rata terlibat dalam aktiviti perniagaan dan perusahaan, lalu di atas keperluan tersebut golongan ini melahirkan ramai tokoh pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan baik. Apabila mereka menerima Islam, setelah kedatangan Nabi Muhammad s.a.w., kekuatan dalaman yang berupa iman itu melengkapkan kesempurnaan mereka yang sebelum ini pakar dalam bidang pentadbian. Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w.[289]

   "...Manusia itu umpama logam yang bernilai, sekiranya mereka telah menjadi pilihan semasa jahiliyahnya, maka ia juga akan terus menjadi pilihan apabila sudah di dalam Islam, terutama apabila mereka telah benar-benar faham tentang Islam".

[287] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul wa al-Muluk, jil. IV, hlm. 42.
[288] Ibn al-Arabi, al-Awasim Min al-Qawasim, hlm. 62.
[289] Al-Qasallani, Irsyad al-Sari fi Sahih al-Bukhari, Beirut, jil. IV, hlm. 4.

2. Pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad s.a.w. sendiri, antara kriteria pemilihan seseorang untuk menjawat jawatan penting negara ialah kebolehan, kewibawaan dan bukan berdasarkan keturunan. Tidak kira sama ada dari keturunan Bani Hasyim atau tidak. Rasulullah s.a.w. menerima seseorang itu walaupun ia dari keturunan Bani Umaiyah, yang pada zaman-zaman selepas Rasulullah s.a.w. mereka dimusuhi dan dipandang serong,* padahal catatan sejarah menunjukkan ¾ daripada pegawai kanan dalam pemerintahan Rasulullah s.a.w. adalah terdiri dari tokoh-tokoh keturunan Bani Umaiyah. [290] Barangkali orang-orang kebelakangan tidak dapat melupakan sikap permusuhan yang ditunjukkan oleh orang-orang dari Bani Umaiyah terhadap Nabi s.a.w. dan agama Islam ketika mereka masih kufur, terutamanya Abu Sufyan bin Harb, ayahanda Mu'awiyah. Perasaan ini masih menebal walaupun selepas memeluk Islam, mereka terlalu banyak berbakti dan berjasa kepada Islam, bahkan awal-awal lagi Rasulullah s.a.w. sudah memberi sanjungan kepada Ketua Bani Umaiyah iaitu Abu Sufyan ketika pembebasan kota Makkah, dengan perisytiharan: [291]

   "Sesiapa yang masuk ke rumah Abu Sufyan, maka dia selamat, sesiapa yang menutup pintu rumahnya juga selamat, dan sesiapa yang masuk ke masjid juga adalah selamat."

Satu perkara lagi yang mungkin berperanan ke arah melebarkan lagi jurang permusuhan di antara Bani Umaiyah dengan orang lain, iaitu persaingan tradisi di antara Bani Hasyim dengan Bani Umaiyah yang bermula sejak zaman jahiliyah lagi. [292] Keadaan ini terbawa-bawa hingga ke zaman Islam, walaupun sebenarnya telah dikikis habis dengan kedatangan Islam yang menghapuskan sebarang perbezaan ras dan suku.

Sebenarnya kalau diteliti perlantikan Mu'awiyah sebagai gabenornya bagi kawasan Syam, ia tidak ada kena-mengena dengan motif keturunan seperti yang ditimbulkan. Cuma perlantikan itu sekadar meneruskan apa yang telah dibuat oleh dua orang khalifah sebelumnya, Abu Bakar dan Umar bin al-Khattab r.a. telah meletakkan pentadbiran seluruh daerah Syam di bawah kuasa Mu'awiyah setelah abangnya Yazid bin Abu Sufyan meninggal. Manakala Khalifah Uthman r.a. hanya meneruskan khidmat Mu'awiyah itu apabila beliau dilantik menjadi khalifah.[293] Lebih jauh daripada itu, Mu'awiyah juga ditugaskan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai pencatat atau setiausahanya.[294] Oleh itu, perlantikan-perlantikan yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w., kemudian Abu Bakar al-Siddiq r.a. dan kemudiannya Umar bin al-Khattab r.a. ke atas Mu'awiyah bin Abi Sufyan adalah berdasarkan kebolehannya. Begitu juga keadaannya ketika ia dilantik oleh Khalifah Uthman bin Affan r.a. tetapi di sinilah adanya ruang untuk menikam dan membuat fitnah, kerana kebetulan hanya Kalifah Uthman r.a. sahaja yang seketurunan dengan Mu'awiyah, manakala lain-lainnya tidak. Maka lalu ditutup dari lembaran sejarah alasan yang pertama, iaitu kebolehan, sebaliknya diketengahkan alasan yang kedua, iaitu kerana keturunan. Dengan itu

---

* Perlu diingat Khalifah Uthman bin Affan adalah dari keturunan Bani Umaiyah. Kemungkinan ini menjadi salah satu motif saja yang dilakukan semuanya salah dan ditentang.

[290] Muhammad Kurd Ali, al-Islam wa al-Hadarah, dlm. Tajuk: "Pentadbiran Rasulullah"., hlm. 98.

[291] Ibn Hisyam, al-Sirah al-Nabawiyah, Bhg. II, hlm. 403.

[292] Ibn Arabi, al-Awasim min al-Qawasim, hlm. 80, 81. Lihat juga al-Balazuri, Futuh al-Buldan.

[293] Ibid.

[294] Ibid.

buruklah sejarah pentadbiran Khalifah Uthman r.a. kerana mengutamakan keturunan, kononnya. Maka menyalahkan Khalifah Uthman r.a. kerana melantik pegawai daripada keturunan Bani Umaiyah dan tidak daripada keturunan Nabi s.a.w. iaitu Bani Hasyim. Mengapakah mereka masih menyalahkan Uthman r.a., apabila beliau melantik Abdullah bin Amir bin Kuraiz menjadi gabernor Basrah ? Tahukah mereka siapakah sebenarnya Abdullah bin Amir ini ? Saiyidina Uthman r.a. ditanya mengapakah beliau memilih Abdullah bin Amir. Beliau menjawab sebab seluruh bapa saudaranya dari pihak ibu dan ayahnya adalah bangsa baik. [295] Mengapa tidaknya ? Ibu kepada neneknya yang bernama al-Baidha' binti Ab. Mutalib ialah emak saudara Rasulullah s.a.w. sendiri. Ini bererti ia adalah daripada keturunan Bani Hasyim, bukan Bani Umaiyah, tetapi oleh sebab yang melantiknya ialah Uthman bin Affan r.a. maka ia tetap dipersalahkan walaupun pegawai berkenaan orang baik yang berasal daripada keturunan nabi Muhammad s.a.w.[296]

AL-WALID BIN 'UQBAH

Tahun kedua pemerintahan Khalifah Uthman r.a., al-Walid bin Uqbah dilantik menjadi penguasa Kufah. [297] Perlantikannya menjadi satu konflik, kerana ramai orang di Kufah dikatakan tidak berpuas hati. Beliau dikatakan seorang pemabuk dan kaki botol. Khalifah Uthman r.a. dipersoalkan karena memilih individu yang fasiq mentadbir wilayah Islam. Kebetulan pula al-Walid ialah saudara seibu dengan Khalifah Uthman r.a.[*] Ketika Khalifah Uthman r.a. dituduh memilih al-Walid, kerana ia saudara seibunya, beliau menjawab: "Aku tidak melantik al-Walid disebabkan dia itu saudaraku, tetapi kerana dia adalah cucu Ummu Hakim al-Baidha' emak saudara kepada Rasulullah s.a.w. dan kembar ayahandanya.[298]

Persoalan seterusnya, apakah benar al-Walid bin Uqbah itu kaki botol? Dan mengapakah dikatakan orang-orang Kufah tidak menyukainya? Apakah kesalahan sebenar yang telah dilakukannya? Menurut catatan Rafiq al-Azm bahawa adalah tidak benar sejak awal lagi sebahagian penduduk Kufah tidak sukakan al-Walid, bahkan apabila beliau dilantik menggantikan Saad bin Abi Waqqas r.a., beliau telah mentadbir masyarakat dengan cukup sempurna. Orang ramai sangat sayang kepadanya, ia pula cukup mesra dengan mereka. Keadaan begini berlangsung kira-kira 5 tahun sehinggalah muncul beberapa orang yang mula mendendaminya, menuduhnya sebagai penagih arak dan berbagai-bagai serangan dibuat ke atas peribadinya. Urutan kisah ini dijelaskan oleh al-Tabari, bahawa beberapa orang pemuda Kufah telah mengintai-intai seorang penduduk yang bemama Ibn al-Haisamah al-Khuza'i dan berlaku tuduh-menuduh. Akhirnya, ia keluar mencabar mereka dengan pedang. Apabila ia melihat pemuda-pemuda itu ramai, lalu ia meminta tolong tetapi akhirnya ia dibunuh, peristiwa itu dilihat pula oleh seorang yang bernama Abu Syuraih al-Khuzai dari bumbung rumahnya, dan melaung meminta tolong. Orang ramai datang dan berjaya menangkap pemuda-pemuda yang membunuh Ibn al-Haisamah, lalu diserahkan kepada ketua daerah iaitu al-Walid bin Uqbah. Maka al-Walid menghubungi Khalifah Uthman r.a. tentang kes itu. Khalifah menghukum supaya mereka dibunuh. Hukuman dijalankan di kawasan lapang istana pegawai. Ekoran daripada itu semua ibu bapa dan keluarga pemuda-pemuda yang dihukum bunuh

---

[295] Ibid., hlm. 84.
[296] Rafiq al-Azm, Ashar Masyahir, hlm. 687, 688.
[297] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, Jil. IV, hlm. 271.
[*] Ibu mereka berdua ialah Urwa bt. Kuraiz bin Rabi'ah bin Habib bin Ab. Syams bin Ab. Manaf bin Qusai
[298] Ibn al-Arabi, Awasim, hlm. 85

terus mendendami al-Walid dan mencari-cari serta mereka-reka perkara buruk untuk dikaitkan dengan al-Walid.[299]

Kebanyakan buku-buku sejarah menyatakan bahawa masyarakat setempat menganggap beliau fasiq, malahan sebahagian ahli tafsir juga menyatakan demikian. Dikatakan juga bahawa ayat dari Surah al-Hujurat yang mengarahkan orang Mukmin supaya meneliti berita yang dibawa oleh orang fasiq, kerana mereka sering ber-bohong diturunkan kerana al-Walid.[300] Ayat yang dimaksudkan ialah:[301]

"Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasiq dengan membawa satu khabar, maka selidikilah, supaya kamu tidak berbuat sesuatu kepada satu kaum lantaran tidak tahu."

Al-Naisaburi menyebut bahawa ayat di atas diturunkan khusus menyentuh peristiwa al-Walid bin Uqbah bin Abi Muit yang diutus oleh Rasulullah s.a.w. kepada Bani Mustaliq dengan tugas mengumpul zakat. Sedangkan di antara beliau dengan suku Bani Mustaliq itu bermusuhan pada zaman jahiliyah dahulu. Apabila mereka mendengar kedatangannya dengan tugas, mereka bersedia menerimanya dengan penuh hormat. Walau bagaimanapun syaitan pula membisik kepada al-Walid bahawa golongan tersebut akan membunuhnya. Ia amat takut, lalu pulang mendapatkan Rasulullah s.a.w. sambil mengadu bahawa Bani Mustaliq enggan membayar zakat mereka, dan mereka mahu membunuhnya. Dengan itu Rasulullah s.a.w. jadi marah dan bersikap sedia untuk menyerang mereka. Tiba-tiba datang perwakilan Bani Mustaliq menghadap Rasulullah s.a.w. dan menjelaskan: "Kami mendengar ketibaan utusan tuan, lalu kami keluar bersedia menyambutnya untuk menunaikan hak Allah, maka ternyata ia terus pulang, maka kami amat bimbang, kepulangannya itu, mungkin ia ada menerima apa-apa surat dari tuan yang murka ke atas kami, dan kami mohon perlindungan Allah daripada kemarahan-Nya dan kemarahan Rasul-Nya". Maka atas dasar itu turunlah ayat tersebut.[302]

Kalaulah berdasarkan maklumat di atas, dengan turunnya ayat dari Surah al-Hujurat itu, maka al-Walid bin Uqbah, sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi sudah dicap oleh Allah dan Rasul-Nya sebagai fasiq. Lalu dari sini timbul persoalan, bagaimanakah boleh terjadi orang yang Allah dan Rasul-Nya gelarkan sebagai fasiq itu terus mendapat penghormatan dan tempat yang baik ketika pemerintahan Abu Bakar r.a. dan Umar bin al-Khattab r.a. Buktinya seperti catatan sejarah di bawah:

1. Dalam tahun ke-12H., ketika peperangan al-Mazar, al-Walid bin Uqbah diberi tugas penting dan cukup rahsia di antara Khalifah Abu Bakar r.a. dan panglimanya di medan perang iaitu Khalid bin al-Walid r.a. Ini termasuk menjadi pemegang amanah rahsia perang, dan membawa pulang harta rampasan 1/5 kepada khalifah di ibu negara.[303]
2. Al-Walid bin Uqbah ditugaskan sekali lagi oleh Khalifah Abu Bakar r.a. membawa bekalan dan bantuan perang kepada panglima 'Iadh bin Ghanam al-Fihri dalam peperangan 'Ain al-Tamar.[304]
3. Pada hari-hari terakhir Khalifah Abu Bakar r.a. iaitu dalam tahun 13H., al-Walid diberi kepercayaan sebagai ketua pemungut hasil cukai kawasan Qudha'ah dan al-

[299] Al-Tabari, Tarikh Rusul, Jil. IV, hlm. 271.
[300] Abu al-Hassan al-Naisaburi, Asbab al-Nuzul, Kaherah.
[301] Al-Qur'an surah al-Hujurat 49:6.
[302] Al-Naisaburi, Asbab al-Nuzul, hlm. 222.
[303] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. 111, hlm. 351.
[304] Ibid., hlm. 377. Lihat juga Ibn Arabi, dlm. al-Awasim Mln al-Qawasim, hlm. 86

Walid juga ditugaskan memimpin satu ketumbukan tentera jihad ke timur Jordan di samping ketumbukan pimpinan Amru bin al-'As ke Palestin.

4. Dalam tahun ke-15H., iaitu pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin al-Khattab r.a., al-Walid dilantik menjadi amir (gabenor) bagi negeri-negeri Bani Taghlib dan Arab al-Jazirah, berperanan melindungi bahagian belakang para mujahidin yang bergerak ke utara Syam agar tidak diserang dari arah belakang. Al-Walid juga memberi nasihat kepada Khalifah Umar r.a. supaya menulis surat amaran kepada Kaisar Konstantinopel agar segera berundur ke garisan yang memisahkan mereka dari negara Islam.[305]

Melihat kepada tugas-tugas penting dan utama yang menyentuh keselamatan dan masa depan negara Islam, diserahkan oleh dua orang khalifah iaitu Abu Bakar dan Umar kepada al-Walid, seseorang yang waras akan bertanya diri sendiri, apakah benar al-Walid itu seorang fasiq sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi ? Apakah Khalifah Abu Bakar dan Umar tidak tahu bahawa al-Walid itu seorang fasiq ? Di sini timbullah kesangsian sejauh mana benamya berita tentang kefasiqan itu. Bagi menyelesaikan isu ini, huraian Ibn al-Arabi dapat membantu ke arah hakikat yang sewajarnya, katanya: "Sebelum ini aku juga hairan bagaimana ayat yang tersebut itu boleh turun disebabkan oleh al-Walid bin Uqbah, dan Allah menggelarnya fasiq, kemudian ia pula mendapat tempat istimewa di hati Khalifah Abu Bakar dan Umar iaitu berbelas-belas tahun sebelum Khalifah Uthman r.a. melantiknya menjadi gabernor Kufah. Maka pertentangan diantara kepercayaan Abu Bakar dan Umar kepada al-Walid dengan apa-apa yang sewajarnya dibuat oleh kedua-duanya terhadap orang yang Allah gelarkan sebagai fasiq telah membuat pikiran saya rasa syak, sama ada ayat ini betul-betul diturunkan kerana al-Walid atau orang lain. Apabila fikiran saya dimainkan oleh rasa syak sedemikian, saya mulai meneliti beberapa sumber tentang sebab nuzul ayat tersebut. Akhirnya didapati berita itu hanya terbatas pada Mujahid, Qatadah, atau Ibn Laila, atau Yazid bin Ruman dan tidak seorang pun di kalangan mereka menyenaraikan nama-nama perawi (penyampai khabarnya) bagi jangka masa 100 tahun atau lebih di antara masa melapor berita dengan waktu peristiwa itu berlaku. Sedangkan di sekitar seratus tahun itu dipenuhi oleh perawi-perawi yang berbagai-bagai ragam. Oleh itu, sekiranya ulama-ulama al-Jarh Wa al-Ta'dil[*] sendiri tidak dapat mengenal pasti para perawi yang memenuhi ruang seratus tahun itu, malahan nama-nama mereka pun tidak dapat dikesan, maka tidaklah boleh, dari segi syarak maupun sejarah untuk membuat keputusan berita sebab nuzul itu adalah sesuatu yang benar. [306] Keputusan ini dapat dikuatkan lagi dengan Hadith riwayat al-Imam Ahmad melalui 'musnad'nya (Jil. IV-32, cet. 1) daripada syeiknya Fayadh bin Muhammad al-Ruqa berasal daripada Abdullah al-Hamzani yang thiqah (dipercayai) iaitu tentang umur al-Walid bin Uqbah ketika peristiwa pembebasan Makkah. Pada masa itu al-Walid masih kanak-kanak, dan peristiwa penghantaran pemungut cukai kepada Bani Mustaliq oleh Rasulullah s.a.w. berlaku pada tahun yang sama. Maka adakah munasabah kanak-kanak pada umur sementah itu dihantar tugas memungut cukai ? [307] Oleh itu, jelaslah bahawa ayat 6 Surah Al-Hujurat , diturunkan kerana orang lain. [308] dan bukan kerana

---

[305] Ibn Arabi, al-Awasim Min al-Qawasim., hlm. 86.

[*] Al-Jarh wa al-Ta'dil, ialah satu bidang khusus ilmu hadis sebagai kaedah atau method untuk membezakan periwayat-periwayat yang terkenal aman, kuat hafalan dan teliti dengan periwayat yang terkenal pembohong, pelupa dan suka mencipta Hadith sendiri. Bukan bertujuan menjatuhkan periwayat, tetapi untuk memastikan sesuatu Hadith, bagi tujuan memelihara syariat. Lihat Ahmad Atiayatillah dlm. Al-Qamus al-Islami, jil. I, hlm. 592.

[306] Ibid., hlm. 90, 91.

[307] Ibid., hlm. 92, 93.

[308] Ibid., hlm. 97.

al-Walid bin Uqbah seperti yang diheboh-hebohkan. Begitu juga tuduhan ke atas al-Walid yang dikatakan seorang penagih arak ketika menjadi gabenor Kufah, adalah tuduhan yang tidak berasas. Ini kerana dua orang saksi perkara itu ialah orang yang terkenal buruk perangai dan jahat tingkah laku.

MARWAN BIN AL-HAKAM

Tentang Marwan bin al-Hakam r.a. yang dihebohkan sebagai fasiq dan jahat yang mendapat tempat istimewa ketika pemerintahan Khalifah Uthman adalah satu tuduhan yang melampau dan berat kerana menurut penyelidikan Ibn Arabi, dan Ibn Taimiyah dalam Minhaj al-Sunnahnya, Marwan ialah seorang yang bersifat adil di kalangan pembesar sahabat dan tabi'in serta fuqaha' muslimin. Di kalangan sahabah, umpamanya, Sahl bin Saad al-Saidi pernah mengambil Hadith daripada beliau. Riwayatnya terdapat di dalam sahih al-Bukhari dan lain-lain. Di kalangan tabi'in pula, pembesar tabi'in yang meriwayatkan Hadith daripada beliau ialah seperti Zain al-Abidin, Ali bin al-Hassan, Said bin al-Musayyab dan sahabat- sahabat daripada fuqaha' terkenal seperti Abu Bakar bin Ab. Rahman bin al-Harith bin Hisyam al-Makhzumi, Abaidillah bin Abdullah bin Utbah bin Mas'ud, Urwah bin al-Zubair dan lain-lain lagi.[309] Kalaulah Marwan dikenali sebagai fasiq dan berperibadi buruk seperti yang digambarkan oleh sesetengah sejarawan, maka sudah tentu tidak ada ulama sahabat atau tabi'in atau fuqaha' muslimin yang sedia mengambil Hadith daripada beliau, bahkan merekalah orang pertama menolak dan menyanggahnya. Ini kerana pembesar-pembesar ulama dahulu bukanlah seperti sebahagian ulama zaman mutakhir ini yang begitu mudah menggadai kemurnian agama semata-mata kerana nama dan sesuap nasi.

Berdasarkan kepada tuduhan-tuduhan tidak berasas ini jelas menunjukkan bahawa pihak penentang kerajaan cuba mewujudkan beberapa sifat peribadi yang dirasakan buruk, kemudian dikaitkan dengan pegawai-pegawai kerajaan pimpinan Khalifah Uthman r.a. Memang telah dirancang bahawa pegawai-pegawai yang dikaitkan dengan sifat-sifat itu dipilih daripada individu-individu yang ada hubungan kekeluargaan dengan khalifah. Dengan itu akan tercapailah tujuan mereka iaitu bagi menarik perhatian orang ramai untuk mengatakan betapa buruknya pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a., kerana tidak mengambil kisah peribadi dan keimanan seseorang pegawai yang akan dipilih, tetapi yang penting pegawai itu mestilah ada hubungan kekeluargaan dengan beliau.

PERLANTIKAN PEGAWAI DAN KAUM KELUARGA

Banyak buku sejarah Islam memberi sebab kemarahan dan tentangan rakyat terhadap politik Khalifah Uthman r.a. merujuk kepada cara beliau memilih pegawai yang terdiri dari kaum keluarganya semata-mata. Dikatakan bahawa Uthman bin Affan membiarkan pegawai-pegawai pada zaman Umar bin al-Khattab r.a. yang lalu bertugas hanya setahun kemudian memecat mereka seorang demi seorang. [310] Kemudian beliau melantik para pegawai yang terdiri dari Bani Umaiyah sebagai ganti mereka, mereka pula terlalu muda dan berperibadi buruk. [311] Tindakan ini menimbulkan dua permasalahan:

---

[309] Ibid., hlm. 89.
[310] Dr. Ali Ibrahim Hassan, al-Tarikh al-Islami al-'Am, Kaherah, 1972, hlm. 250.
[311] Ibid.

1. Apakah benar-benar menjadi satu kesalahan menurut Islam jika seorang Khalifah memilih pegawai daripada keluarga sendiri ?
2. Apakah hanya Saiyidina Uthman r.a. sahaja yang melantik kaum keluarganya mengisi jawatan-jawatan penting kerajaan pimpinannya ?

Persoalan Pertama

Merujuk kepada persoalan pertama bahawa kuasa melantik dan memecat seseorang pegawai di dalam kerajaan merupakan ijtihad dari khalifah. [312] Ini kerana seorang khalifah mempunyai autoriti tersendiri dalam perkara ini. Ini merujuk kepada syarat-syarat kelayakan yang dimiliki oleh seseorang sehingga memungkinkan ia dipilih menjadi khalifah atau ketua negara. Terdapat dua syarat utama yang meletakkan seseorang khalifah ke tahap autoriti berkenaan, iaitu:

1. Keadilan yang menyeluruh bagi semua syaratnya.
2. Memiliki ilmu yang memungkinkan seseorang khalifah itu berijtihad pada semua permasalahan dan hukum. [313] Ini bermakna soal perlantikan dan perlucutan jawatan seseorang pegawai kerajaan adalah tertakluk dalam bidang kuasa dan autoriti seseorang khalifah. Inilah yang berlaku ketika pemerintahan Khulafa al-Rasyidin, Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali r.a. Khalifah Abu Bakar al-Siddiq tidak mengekalkan semua pegawai kerajaan zaman pemerintahan Nabi s.a.w. Ada yang dikekal dan ada yang dipecat. [314] Begitu juga halnya dengan pemerintah Umar bin al-Khattab r.a., pengekalan dan pemecatan juga berlaku. [315] Mungkin ada orang menimbulkan persoalan pada zaman pemerintahan khalifah Uthman bukan perkara perlantikan dan pemecatan sahaja, tetapi soalnya Khalifah Uthman r.a. memilih keluarganya, sedangkan Umar r.a. umpamanya, tidak berbuat demikian. Di sinilah duduknya peranan ijtihad khalifah. Setiap khalifah arif tentang anggota keluarganya. Khalifah Uthman r.a. tahu kebolehan anggota keluarganya dari Bani Umaiyah dalam pentadbiran dan politik, hinggakan pemerintahan Rasulullah s.a.w. sendiri menggunakan 3/4 pegawai kerajaan daripada Bani Umaiyah [316] dan tidak daripada Bani Adi[*] dan bukan juga daripada Bani Taiyim.[**] Bahkan ketika pemerintahan Khalifah Abu Bakar dan Umar sendiri, ramai pegawai utama termasuk gabenor yang dipilih daripada Bani Umaiyah, seperti Yazid bin Abu Sufyan, Mu'awiyah bin Abi Sufyan, Attab bin Usaid, Uthman bin Abi al-As dan lain-lain. Tentu ada orang yang mempersoalkan, apa kurangnya anakanda Umar bin al-Khattab yang bernama Abdullah bin Umar r.a. dari segi ilmu dan kezuhudannya, tetapi Umar tidak memilihnya. Sebenarnya, Khalifah Umar r.a. tahu siapa mereka, berilmu dan zahid, tetapi bagaimana dengan pentadbiran dan politik ? Itulah sebabnya apabila Khalifah Umar r.a. ditikam dan hampir menemui ajal, ada orang mencadangkan supaya khalifah melantik anakandanya Abdullah bin Umar menjadi penggantinya. Khalifah Umar

---

[312] Ibnu Arabi, al-Awasim, hlm. 87.
[313] Al-Mawardi, al-Ahkam al-Sultaniyah, Kaherah. Cet.II, 1966/1386, hlm. 6. Lihat juga Saadi Abu Habib, dalam Dirasah fi Minhaj al-Islam al-Siyasi, Beirut, 1985, hlm. 201, 202, 203.
[314] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. III, hlm. 147, 427.
[315] Ibid., jil.IV, hlm. 241.
[316] Ibid.
[*] Bani 'Adi ialah suku kaum keturunan Umar bin al-Khattab r.a.
[**] Bani Taiyim ialah suku kaum keturunan Abu Bakar al-Siddiq r.a.

menengking "Allah menghancurkan kamu! Demi Allah aku tidak mahu begitu, celaka! Bagaimanakah aku akan memilih orang itu, sedangkan untuk menceraikan isterinya pun dia tidak mampu!"? [317]

Persoalan Kedua

Kalau diteliti sumber-sumber yang menyalahkan Khalifah Uthman bin Affan r.a. kerana mengutamakan orang-orang daripada Bani Umaiyah menduduki jawatan-jawatan penting negara seperti gabernor wilayah (wali), pemungut cukai daerah dan sebagainya, maka akan ditemui sesuatu yang cukup aneh, kerana kebanyakan sumber itu datangnya daripada golongan syi'ah, khususnya Syi'ah Imamiyah, yang berpegang bahawa Saiyidina Ali dan keturunannya sahaja yang berhak menjawat jawatan Khalifah itu. Malahan menurut mereka, Saiyidina Ali r.a., lebih berhak daripada Abu Bakar, Umar dan Uthman r.a. Ini kerana menurut mereka Nabi Muhammad s.a.w. telah menentukan jawatan tersebut kepada bakal-bakal imam khalifah yang akan menjawat jawatan tersebut selepas baginda. [318] Apabila isu itu timbul, maka golongan-golongan oportunis dalam Islam seperti Saba'iyah pasti mengambil kesempatan membesar-besarkannya. Apa yang dikatakan aneh itu ialah kerana kalangan yang menyokong Saiyidina Ali atau Syi'ah begitu lantang menentang perlantikan kaum keluarga oleh Saiyidina Uthman r.a., sedangkan mereka lupa atau pura-pura lupa kepada tindakan ketua mereka Saiyidina Ali r.a. ketika memerintah negara atau khalifah. Apakah yang beliau lakukan ? Saiyidina Ali r.a. juga bertindak seperti Saiyidina Uthman r.a. Kalau tindakannya itu salah di sisi agama, sudah tentu Saiyidina Ali r.a., seorang sahabat besar Rasulullah s.a.w., tidak melakukannya. Cuba lihat para gabenor (wali) dan pegawai utama negara pada zaman pemerintahan Saiyidina Ali bin Abi Talib r.a. seperti yang tercatat dalam sejarah:

1. Abaidillah bin Abbas menjadi gabenor Yaman.
2. Qutham bin al-Abbas menjadi gabenor Makkah dan juga Taif.
3. Sahl bin Hunaif atau sesetengah sejarawan mengatakan Thumamah bin al-Abbas menjadi gabenor Madinah.
4. Abdullah bin Abbas dilantik menjadi gabenor Basrah.
5. Muhammad bin Abu Bakar anak tiri beliau sendiri menjadi gabenor Mesir (Ali mengahwini ibunya setelah ayahnya Abu Bakar r.a. meninggal waktu itu Muhammad masih kecil).[319] Ini tidak termasuk pegawai-pegawai pemungut zakat dan cukai di serata pelosok negara. Rara-rata mereka terdiri daripada kaum keluarganya yang terdekat sama ada dari sebelah pihak ibunya ataupun bapanya. Malahan lebih jauh daripada itu, golongan Syi'ah mendakwa Saiyidina Ali r.a. telah menentukan jawatan khalifah itu disandang oleh anak cucunya sahaja, mereka menjawatnya seorang demi seorang. Maka yang anehnya ialah, kalau melantik kaum keluarga memegang jawatan biasa kerajaan sudah dianggap satu kesalahan atau mungkar, maka melantik mereka secara penentuan menjawat jawatan khalifah atau Ketua Negara, tentulah lebih dahsyat, atau lebih besar mungkarnya. Akan tetapi apabila pihak mereka sendiri yang melakukan, tidak pula dianggap salah. Jadi, di sinilah titik penilaiannya, segala kesalahan yang dibebankan ke atas Khalifah Uthman bin Affan r.a. itu benar-benar satu kesalahan agama atau semata-mata satu sandiwara! Akhirnya sama-sama mengutuk dan menyalahkan

---

[317] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 228.
[318] Ahmad Amin, Fajar al-Islam, hlm. 267, 271.
[319] Ibn Taimiyah, Minhaj al-Sunnah, jil. III, hlm. 173-175.

Khalifah Uthman r.a. sebagai pemerintah yang tidak adil, diskriminasi, menyeleweng dan sebagainya.

Isu Kesepuluh: Memecat Abu Musa al-Asy'ari daripada Jawatan Gabernor

Abu Musa al-Asy'ari seorang sahabat utama Rasulullah s.a.w.* yang berkhidmat dalam pentadbiran Rasulullah s.a.w., Abu Bakar al-Siddiq r.a., dan juga Umar bin al-Khattab r.a. [320] Oleh sebab rekod pentadbirannya cemerlang, maka Khalifah Uthman bin Affan r.a. terus mengekalkannya menjadi gabernor mentadbir wilayah Basrah. Setelah kira-kira enam bulan bertugas, ada riwayat mengatakan tiga bulan, beliau telah dipecat. Walau bagaimanapun pemecatannya telah dijadikan isu oleh kumpulan penentang kerajaan, seolah-olah Khalifah Uthman r.a. bertindak menzalimi seorang sahabat Nabi s.a.w. yang berpengalaman. Rata-rata buku sejarah Islam, hanya memberi maklumat separuh jalan, iaitu sekadar menyebut Khalifah Uthman r.a. bertindak memecat Abu Musa al-Asy'ari, [321] tetapi tidak menjelaskan sebab-musabab mengapakah ia dipecat. Oleh itu, pembaca yang kurang teliti akan mudah terasa, bahawa Abu Musa r.a. dipecat secara tidak adil atau dipecat tanpa sebab yang munasabah. Lalu dengan sendirinya membuat kesimpulan bahawa Uthman bin Affan r.a. seorang khalifah yang zalim.

Sebenarnya menurut catatan al-Thabari dan lain-lain, pada tahun ketiga perlantikan Uthman r.a. menjadi khalifah, penduduk Izaj dan Akrad (Kurdi) telah murtad. Abu Musa al-Asy'ari sebagai orang yang bertanggung jawab telah mengarah seluruh penduduk wilayahnya supaya keluar berjihad menentang suku-suku yang murtad itu. Sebagai gabernor beliau juga mendorong mereka supaya berjihad dengan berjalan kaki sambil menerangkan kelebihan-kelebihan tertentu sekiranya berjihad dengan berjalan kaki. Orang ramai menjadi cukup bersemangat, sehingga yang ada kenderaan membuang kenderaannya. Semuanya sepakat untuk berjalan kaki ke medan perang. Akan tetapi ada sebahagian penduduk yang berpendapat tidak perlu keluar dahulu, sebaliknya menunggu gabernor keluar dahulu. Kalau beliau berjalan kaki, maka kita juga jalan kaki. Apabila tiba hari yang dijanjikan, Abu Musa r.a. keluar menunggang kuda diiringi empat puluh ekor baghal** lalu mereka menyerbu kenderaannya, dan memekik: "Beginikah cara temberang kamu, hanya kami disuruh berjalan kaki!". Maka beliau menerangkan mereka sesuatu dan mereka pun meninggalkannya. Orang ramai itu datang menghadap khalifah Uthman r.a. meminta supaya beliau disingkirkan. Beliau digantikan oleh Abdullah bin Amir.[322] Walaupun perkara ini kelihatan kecil, namun bagi seseorang ketua pentadbir wilayah Islam, sikap tidak mengerjakan apa dikata adalah sesuatu yang cukup menjejaskan. Sebab itu ia layak dipecat, kerana terang-terangan dimurkai Allah s.w.t.[323]

---

* Abu Musa bernama Abdullah bin Qais bin Salim dilahirkan di Zubaid tahun 602 M. Salah seorang yang berhijrah ke Habsyah. Sepulangnya dari Habsyah, Rasulullah s.a.w. melantiknya mentadbir sebahagian daerah Yaman. Pada tahun 17 H., Khalifah Umar bin al-Khattab r.a. melantiknya menjadi gabernor Basrah. Ia juga salah seorang hakim dalam peristiwa al-Tahkim. (Lihat Ahmad Atiyaitillah, dlm. al-Qamus al-Islami, jil. I, 1963, hlm. 117.)

[320] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. III, hlm. 427, jil. IV, hlm. 2541.

[321] Dr. Ali Ibrahim Hassan, al-Tarikh al-Islami, hlm. 250.

** Baghal ialah haiwan kacukan antara kuda dan kaldai.

[322] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 265.

[323] Ibid.

Wahai orang-orang yang beriman, mengapakah kamu berkata perkara yang kamu tidak laksanakan. Besarlah kemurkaan di sisi Allah bahawa kamu cuma berkata sedangkan kamu tidak laksanakan.

Tambahan pula Khalifah Uthman r.a. cukup faham, sekiranya beliau tidak memecat Abu Musa, bererti beliau sengaja mempertahankan kemungkaran. Ini sudah pasti akan menimbulkan huru-hara, kerana orang ramai mahukan Abu Musa dipecat. Akan tetapi bagi orang yang berniat menyalahkan khalifah, walaupun ia melaksanakan kebenaran dengan memecat pegawai yang melakukan kesalahan, mereka memutar-belitkan kenyataan yang benar itu dengan menghebohkan bahawa khalifah menzalimi sahabat Nabi s.a.w. Jadi ada-ada saja yang tidak kena.

Isu Kesebelas: Menyerahkan 1/5 Rampasan Afrika kepada Abdullah bin Abi al-Sarh

Ketika pemerintahan Saiyidina Uthman r.a. juga, penduduk-penduduk Mesir, Kufah dan Basrah heboh memperkatakan tentang diskriminasi Khalifah Uthman r.a., kerana memberi 1/5 hasil rampasan Benua Afrika kepada pegawainya Abdullah bin Saad bin Abi Sarh, gabernor Mesir. Sebenarnya perkara yang dihebohkan itu tidaklah benar, malahan ia sengaja diputarbelitkan. Kedudukan yang sebenar ialah Khalifah Uthman r.a. memberikan kepada panglima Abdullah itu hanya 1/5 dari 1/5 bagian yang diperuntukkan, sebagai ganjaran kepada baktinya berjihad di Afrika. [324] Perkara ini dilaporkan oleh al-Tabari seperti berikut: Khalifah Uthman r.a. memerintahkan Abdullah bin Saad: “Sekiranya Allah memberi kejayaan kepada kamu membebaskan Afrika esok, maka kamu mendapat ganjaran 1/5 dari 1/5 daripada harta rampasan yang dikurniakan oleh Allah. Maka Abdullah mara bersama-sama tenteranya merentasi tanah Mesir, dan mengharungi bumi Afrika dengan membebaskan daratan dan gunung-ganangnya. Apabila selesai Abdullah mengagih-agihkan rampasan perang kepada semua tentera mengikut yang diperuntukkan, ia sendiri mengambil 1/5 dari 1/5, dan 4/5 lagi dihantar pulang kepada khalifah. [325]

Walaupun kuasa khalifah boleh menentukan bahagian-bahagian seperti itu kepada panglima-panglima yang berjasa dalam urusan jihad tetap bertitik-tolak daripada niat yang baik, Khalifah Uthman r.a. masih bertanyakan pandangan tentera-tentera yang terlibat, sekiranya mereka bersetuju ia akan meneruskan pemberian itu, kalau tidak aka ditarik balik. Apabila didapati mereka tidak bersetuju, lalu ia menarik balik pemberian tersebut. [326] Walau bagaimanapun orang-orang yang di luar kota Islam, masih terus menghebohkan tentang pemberian khalifah tersebut. Persoalannya disini, adakah menjadi satu kesalahan khalifah memberi peruntukkan 1/5 daripada harta rampasan perang kepada tokoh-tokoh yang difikirkan munasabah ? Atau adakah Khalifah Uthman r.a. sahaja pada zaman awal pemerintahan Islam yang mereka-reka perkara itu ? Al-Imam Amir bin Syarahil al-Sya’abi berkata: “Sesungguhnya pemberian-pemberian dalam bentuk percuma, adalah diambil 1/5 dari fai’ (rampasan perang)”; Ia juga berkata: “Khalifah Umar r.a. telah memperuntukkan pemberian kepada Talhah, Jarir bin Abdullah dan al-Ribbil bin Amru. Umar bin Khattab juga telah

---

[324] Dr. Mustafa Hilmi, Nizam al-Khilafah, hlm. 86. Lihat juga Ibn Arabi, al-Awasim, hlm. 100.
[325] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, Jil. II, hlm. 253, 254.
[326] Ibid., hlm. 254.

menghadiahkan sebidang tanah di Basrah kepada Nafi' saudara Ziad, dan Abi Bakrah untuk kegunaan kuda dan untanya." [327]

Manakala pemerintah-pemerintah yang lain, al-Qadi Abu Yusuf menjelaskan: "Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah memperuntukkan hadiah kepada beberapa kaum, terutamanya yang baru berjinak-jinak dengan Islam. Begitu juga khalifah-khalifah selepasnya memberi pemberian sekiranya difikirkan ada kebaikannya.[328] Satu penilaian yang dibuat oleh al-Imam al-Sya'abi agak menarik, ketika mengulas beberapa pemberian yang dibuat oleh Khalifah Uthman r.a., beliau berkata: "Khalifah telah menghadiahkan kepada al-Zubair, Khabbab,[*] Abdullah bin Mas'ud, Ammar bin Yasir, dan Ibn Habbar. Maka sekiranya Uthman r.a. dianggap bersalah kerana mengeluarkan hadiah, maka orang-orang yang menerima hadiah yang salah itu juga lebih bersalah lagi, dan melalui orang-orang inilah kita menerima agama ini (Islam)."[329] Begitu juga Ali bin Abi Talib, beliau telah memberi hadiah sekeping tanah kepada Kardus bin Hani' al-Kardusiyah, dan juga kepada Suaid bin Ghafalah. Jadi jelaslah bahawa bukanlah langkah atau tindakan itu yang salah atau mahu dipersalahkan, tetapi Khalifah Uthman itu sendiri yang sengaja mahu dipersalah dan disingkirkan. Malahan jika sekiranya Khalifah Uthman bertindak berpuluh kali ganda lebih baik daripada Khalifah Abu Bakar, Umar dan Ali r.a. sekalipun umpamanya, beliau tetap dianggap salah.

Isu Kedua Belas: Mengguna Harta Benda Negara sebagai Hadiah dan Ganjaran kepada Kaum Keluarga Sendiri

Isu ini adalah lanjutan daripada isu sebelumnya, dan merupakan salah satu bahan yang menjadi kegemaran sebahagian penulis sejarah Islam untuk membesar-besarkannya. Malahan ada yang sampai menggambarkannya sebagai isu yang menyebabkan jatuhnya pemerintahan Khalifah Uthman dan juga menjadi sebab kematiannya. Kemuncak isu ini begitu diperkatakan di wilayah-wilayah yang berjauhan dari ibu kota Madinah seperti Kufah, Basrah dan Mesir. Ini bererti maklumat yang sebenar lambat tiba ke wilayah-wilayah yang berkenaan, dan inilah yang menjadi faktor yang memberi banyak ruang kepada penentang Islam untuk meracuni pemikiran orang ramai terhadap pemerintah. Saiyidina Uthman bin Affan r.a. memang terkenal banyak memberi hadiah, pemberian dan sagu hati, khususnya kepada kaum kerabatnya. Sebenarnya, ini bukan perkara baru bagi Uthman r.a. malahan semenjak sebelum menjadi khalifah lagi. Ini kerana beliau seorang yang kaya, usahawan dan saudagar yang terkenal pemurah, dihormati dan dikasihi oleh kaumnya kerana sifat-sifat yang terpuji sekalipun beliau seorang hartawan. [330] Cuma punca kekeliruan masalah ini ialah orang jarang-jarang bertanya dan jarang-jarang mendedahkan dalam buku-buku sejarah atau sebagainya persoalan umpamanya, harta benda dan barang-barang yang dijadikan bahan hadiah atau pemberian itu milik siapa ? Adakah milik negara yang Saiyidina Uthman r.a. menjadi pemerintahnya, atau milik pribadi ? Inilah antara persoalan yang amat jarang-jarang diketengahkan, apa lagi dicari jawapannya. Memanglah kalau dilihat secara mendatar, waktu beliau

---

[327] Ibn al-Arabi, al-Awasim, hlm. 101. Petikan daripada huraian tentang biografi Napi' dlm. al-Isabah..

[328] Al-Qadhi Abu Yusuf, Kitab al-Kharaj.

[*] Khabbab bin al-Aratt, salah seorang sahabat besar Rasulullah s.a.w. la banyak menyertai peperangan jihad bersama-sama Rasulullah s.a.w. seperti: Badar , Uhud, Khandak dan lain-lain. (lihat: Ibn Saad dalam al-Tabaqat al-Kubra. jil. III, hlm. 117.)

[329] Ibn al-Arabi, al-Awasim, hlm. 101

[330] Rafiq al-Azm, Asyhar Masyahir, hlm. 625.

menjadi ketua negara dan dalam masa yang sama memberikan hadiah dan pemberian tentulah orang cepat menganggap bahawa itu semua merupakan harta negara, lebih-lebih lagi bagi mereka yang tinggal di kawasan yang jauh dan menerima maklumat secara perkhabaran semata-mata. Pada hal persoalan-persoalan begini akan terjawab sendiri sekiranya seseorang itu dapat meneliti biografi dan tindakan-tindakan Uthman bin Affan r.a. sebelum menjadi khalifah lagi, seperti antaranya:

1. Sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi Saiyidina Uthman merupakan tokoh yang paling banyak menyumbangkan harta kekayaan peribadi ke jalan Allah jika dibandingkan dengan orang lain, sekalipun jika dibandingkan dengan Abu Bakar dan Umar r.a. [331]
2. Tokoh paling mulia pada pandangan Allah dan Rasul-Nya, sehingga para malaikat dilaporkan segan dan malu kepadanya. [332]
3. Seorang yang terlalu berani, kerana ikhlas dan yakinnya kepada Islam, mengatasi keberanian Umar bin al-Khattab r.a.[333] Satu-satunya makhluk di dunia ini yang diberi penghormatan dan kepercayaan oleh Allah dan Rasul-Nya, mengahwini, memiliki dan menjaga dua orang puteri seorang Nabi.[334]

Berdasarkan fakta-fakta ini, ia memperlihatkan tahap iman dan taqwa seorang sahabat Nabi s.a.w. yang terdiri dengan naluri Islam tulen, itulah yang mengawal dirinya sepanjang masa, sama ada ketika menjadi rakyat biasa maupun ketika menjadi pemerintah. Ini semua dapat menjelaskan siapakah sebenarnya Saiyidina Uthman r.a. Apakah orang seperti ini sanggup menyalahgunakan kuasa dengan memanjangkan tangan mengambil harta negara dan muslimin, semata-mata kerana ingin berbudi kepada sanak saudara? Bagi lebih menjelaskan isu yang kabur ini, huraian sejarawan al-Tabari perlu diikuti, antaranya:[335]

[*] "..Dan mereka mendakwa: Bahawa aku kasihkan keluargaku dan aku berikan mereka sesuatu. Maka sesungguhnya kasihku pada mereka, tidaklah sampai menyeret mereka ke arah durjana. Bahkan sekadar aku tunaikan hak ke atas mereka sahaja. Dan adapun pemberian yang dimaksudkan itu, maka sesungguhnya aku berikan mereka dari harta milikku sendiri. Dan aku sekali-kali tidak menghalalkan (menggunakan) segala harta muslimin bagi tujuan peribadiku; dan tidak juga bagi seseorang manusia lain. Dan sesungguhnya, aku pernah mengeluarkan pemberian-pemberian yang meluas daripada inti pati harta milikku sendiri pada zaman-zaman Rasulullah, Abu Bakar dan Umar r.a. dahulu; sedangkan kalau dibandingkan keadaanku pada waktu itu, masih dikirakan kurang berada. Adakah patut ketika aku berada di atas gigi kaum keluargaku (maksudnya sebagai ketua keluarga), dan umurku kian meningkat dan lalu aku serahkan apa-apa yang aku miliki pada kaum keluargaku, tiba-tiba golongan mulhid (penentang) itu terus mendakwa apa yang telah mereka dakwakan itu...!"

[331] Al-Syaukani, Dar al-Sahabah, hlm. 180.
[332] Muslim, Sahih Muslim, jil. VII, hlm. 116-117.
[333] Jalal Mazhar, Muhammad Rasulullah, hlm. 282.
[334] Al-Sayuti, Tarikh al-Khulafa, hlm. 153.
[335] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 347, 348.
[*] Penjelasan ini dibuat oleh Khalifah Uthman bin Affan di hadapan para sahabat Nabi s.a.w. yang dijemput khas untuk menyelesaikan tohmahan golongan penentang terhadap Khalifah Uthman r.a. Semua kandungan penjelasan ini diterima oleh para sahabat, hanya golongan penentang yang terdiri dari Saba'iyah yang munafiq dan sekutunya sahaja yang terus tidak mempedulikannya.

Selain itu, satu perkara lagi yang perlu diberi perhatian ialah, dalam konteks negara Islam, harta negara, sama ada yang berbentuk wang ringgit maupun harta benda ditempatkan di perbendaharaan negara dan dikenali dengan Bait al-Mal. Seorang yang cukup amanah ditugaskan untuk menguruskannya dan ia bergelar Amin Bait al-Mal. Pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman r.a., pengurus besar Bait al-Mal ialah Zaid bin Thabit r.a., malahan setiap kali khalifah keluar mengerjakan haji ke Makkah, Zaid bin Thabitlah yang memangku jawatan khalifah. [336] Ini bererti khalifah sendiri tidak boleh sewenang-wenang keluar masuk, atau mengambil dan memunggah harta benda Bait al-Mal itu sesuka hati. Sebarang urusan mesti melalui pengurus besarnya. Manakala Zaid bin Thabit r.a. memang terkenal dengan amanahnya, malahan kalau sekiranya khalifah bertindak bermaharajalela mengambil dan mengeluarkan harta Bait al-Mal itu, sudah tentu, sebelum orang lain menentangnya, maka pengurus besamya Zaid bin Thabit akan menentangnya terlebih dahulu. Akan tetapi di sepanjang perjalanan Bait al-Mal pada zaman Khalifah Uthman r.a., tidak terdapat pun laporan atau tindakan pecah amanah atau sebagainya yang melibatkan khalifah dengan pihak Bait al-Mal.

Isu Ketiga Belas: Merancang Strategi Membunuh Penentang-Penentang Kerajaan

Isu-isu yang dicetuskan di wilayah-wilayah Islam itu sudah sampai ke tahap yang tidak dapat dibendung lagi. Kemuncaknya, mereka begitu nekad untuk menentang Khalifah Uthman r.a. dengan tiga matlamat:

1. Mereka tidak akan berundur melainkan setelah Uthman dipecat; atau
2. Mereka membunuh Uthman, atau
3. Mereka bersedia menggadainya kepada Allah dan sekiranya terdapat pengikut-pengikut Uthman yang cuba menghalang, mereka sedia berperang habis-habisan.[337]

Atas dasar itu, para penentang, mulai bergerak menuju sasaran, iaitu Madinah. Kumpulan dari Mesir disertai oleh kira-kira 600 orang, begitu juga dari Kufah dan Basrah. Kumpulan-kumpulan penentang ini berkumpul di suatu kawasan berhampiran Madinah, dan mulai berdialog dengan khalifah. Saiyidina Ali r.a. menjadi juru cakap dan orang tengah di antara kedua-dua belah pihak. Dalam dialog itu, khalifah tidak dapat memenuhi tuntutan para penentang supaya memecat para wali atau gabenor dan mengembalikan harta-harta tertentu. Khalifah juga terus bertegas tidak akan rneletakkan jawatan.[338]

Orang ramai di Madinah menyangka bahawa konflik tersebut telah berjaya diselesaikan dengan memenuhi segala tuntutan penentang. Ini kerana mereka melihat para penentang sudah mulai bergerak pulang ke tempat masing-masing. Akan tetapi pada hari berikutnya seluruh penentang tiba-tiba berpatah balik menyerang Madinah dan menggunakan cara kekerasan. [339] Mereka berpatah balik kerana kononnya penentang-penentang dari Mesir dapat mengesan seorang pemuda penunggang unta pos (barid), mengekori mereka dengan cara mencurigakan. Apabila pemuda tersebut ditangkap, didapati ia ada membawa surat bercop mohor khalifah yang mengarahkan

[336] Ahmad Atialaillah, al-Qamus al-Islami, jil. III, hlm. 152.
[337] Ibn al-Athir, al-Kamil fi al-Tarikh, Dar Sadir, Beirut, 1977, jil. III, hlm. 169.
[338] Dr. Ali Ibrahim Hassan, al-Tarikh al-Islami al-Am, hlm. 256, 257
[339] Ibid., hlm. 257.

kepada gabernornya Abdullah bin Sa'ad bin Abi Sarh supaya membunuh pembesar-pembesar penentang itu apabila mereka tiba di Mesir kelak. [340] Berita tentang pembawa surat arahan bunuh itu agak mengelirukan. Ada yang mengatakan surat itu dibawa oleh budak gembala unta-unta milik kerajaan atau sadaqah. [341] Ada yang mengatakan budak itu bernama Warasy, salah seorang khadam khalifah Uthman r.a. [342] dan ada yang menyebut secara umum, iaitu seorang pembawa surat (posman). [343]

Walau siapa pun yang membawa surat itu, pokoknya mereka mendakwa kononnya ia membawa surat khalifah dengan arahan bunuh. Jadi, tentu surat itu surat Khalifah Uthman r.a., sebab itu ia berhak dihukum sebelum mereka dihukum. Lalu atas dasar itu kononnya mereka bersetuju berpatah balik dan mengepong kediaman khalifah Uthman r.a. [344] Peristiwa ini menimbulkan beberapa persoalan iaitu:

1. Apakah benar surat itu surat arahan daripada khalifah Uthman r.a. ? Benarkah cop mohor itu kepunyaan negara ?
2. Mengapakah Khalifah Uthman tidak meletakkan jawatan seperti yang dituntut oleh para penentang, sedangkan keadaan waktu itu cukup kritikal ?
3. Mengapakah Khalifah Uthman tidak menyerahkan sahaja Mawan bin al-Hakam kepada para penentang yang menuduhnya sebagai pembuat surat berkenaan ?

Sekiranya persoalan-persoalan seperti ini tidak dapat diberi penjelasan yang benar dan wajar sudah tentulah Khalifah Uthman r.a. terlibat dan bertanggungjawab dalam perkara itu. Oleh itu beliau memang wajar dihukum. Ibn al-Athir mencatatkan butir-butir terperinci tentang kegiatan saat-saat kritikal ini. 'Ali bin Abi Talib dan Muhammad bin Maslamah masuk menghadap Uthman r.a. dan memohon izin membenarkan perwakilan Mesir masuk menghadap. Bersama-sama Uthman r.a. ialah Marwan. Kata Marwan: "Biar saya yang bercakap dengan mereka ". Uthman r.a. memotong: "Diam, kamu tidak ada kena-mengena dengan perkara ini! Sila keluar"! Ali dan Muhammad memberitahu Uthman r.a. tentang dakwaan orang-orang Mesir. Uthman bersumpah dengan nama Allah, bahawa dia tidak menulis surat itu, dan tidak tahu menahu tentang perkara itu. Lalu Muhammad berkata: "Benar! Ini adalah kerja Marwan.[345] Orang Mesir masuk tanpa memberi salam, semua orang faham, itu buruk. Selepas berdialog, Uthman r.a. bersumpah bahawa beliau tidak menulis surat itu, tidak mengarahkan sesiapa menulis dan tidak tahu-menahu tentang perkara itu. Akhirnya, mereka memaksa beliau meletak jawatan. Uthman menjawab: "Aku tidak akan menanggalkan pakaian yang dipakaikan oleh Allah ini".[346] Sebenarnya jawapan Saiyidina Uthman ini dirujuk kepada arahan Rasulullah s.a.w. sendiri yang pernah bersabda kepada Uthman ketika hayat Baginda dahulu:[347]

Hadith dikeluarkan oleh Ahmad dalam Musnad, al-Tarmizi dan al-Hakim dalam al-Mustadrak, daripada Hadith riwayat Aisyah r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Wahai Uthman! Sesungguhnya Allah s.w.t. akan memakaikan kamu bahu (bermaksud kekuasaan tertinggi) maka jika ada orang-orang munafiqin yang cuba

[340] Ibid.
[341] Ibn al-Arabi, al-Awasim, hlm. 109.
[342] Al-Mas'udi, Muruj al-Zahab, jil. I. Hlm. 552.
[343] Dr. Mahmoud Ali Syahatah, al-Hiqbah al-Mihaliah, Kaherah, 1966/1385, hlm. 368.
[344] Dr. Ali Ibrahim Hassan, al-Tarikh al-Islami al-Am, hlm. 257. Lihat juga Ab. Khaliq Abu Rabiah, dalam Maa al-Khulafa al-Rasyidin, hlm. 105.
[345] Ibn al-Athir, al-Kamil fi al-Tarikh, jil. III, hlm. 169.
[346] Ibid.
[347] Al-Syaukani, Dar al-Sahabah, hlm. 182.

menanggalkannya, maka janganlah kamu menanggalkannya (ada riwayat) hingga kamu temui Aku.”

Berdasarkan perintah Rasulullah s.a.w. itu, Khalifah Uthman r.a. dengan tegas menolak tuntutan para penentang itu. Dari aspek yang lain pula, Hadith Nabi s.a.w. ini juga menjelaskan bahawa kumpulan-kumpulan yang cuba menentang dan melucutkan jawatan khalifah yang dipegang oleh Uthman bin Affan r.a. itu benar-benar jahat, memusuhi Islam dan mereka sebenarnya ialah orang-orang munafiq. Jika mereka benar-benar berjuang di atas prinsip kebenaran dan keadilan Islam, sudah tentu mereka tidak memilih jalan fitnah, putar belit dan memerangkap seorang khalifah seperti Uthman bin Affan r.a. itu. Sebaliknya, pihak Uthman r.a. yang mempertahankan kebenaran, sekalipun dipaksa menggadai nyawanya sendiri. Itulah yang dinilaikan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai syahid. Dalam kitab Sahih al-Bukhari, perkara Fadail al-Sahabah menyebut: [348]

Hadith Abu Musa al-Asyari, ia berkata bahawa Nabi s.a.w. telah masuk ke kebunnya dan menyuruh aku menjaga pintu berkenaan. Maka datang seseorang memohon izin untuk masuk. Maka kata Nabi s.a.w. “Benarkanlah ia masuk dan beritahunya berita gembira bahawa dia ahli syurga. Maka rupa-rupanya Abu Bakar al-Siddiq, kemudian seorang lagi datang juga memohon izin mahu masuk. Nabi s.a.w. berkata: "Benarkan dia masuk, dan beritahunya juga bahawa dia ahli syurga". Maka rupa-rupanya Umar al-Khattab. Maka datang lagi seorang juga memohon izin mahu masuk, maka Nabi s.a.w. terdiam sejenak kemudian memberitahu: "Benarkan dia masuk, dan beritahunya berita gembira, bahawa dia ahli syurga disebabkan bencana yang akan menimpanya ..." Maka rupa-rupanya Uthman bin Affan.

Oleh itu, tidak syak lagi bahawa bencana yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. itu adalah pembunuhan Khalifah Uthman r.a. oleh para penentang, setelah mereka gagal memaksa beliau meletak jawatan. Ini bererti sekiranya cara Khalifah Uthman r.a. memerintah negara itu salah, dan menyeleweng daripada kebenaran kemudian berkeras tidak mahu meletakkan jawatan, itu satu kesalahan lagi, maka sudah tentu kematiannya dikira sia-sia. Akan tetapi yang berlaku adalah sebaliknya. Orang yang menentangnya dianggap oleh Nabi s.a.w. sebagai jahat dan munafiq. Manakala kematian Uthman r.a. itu pula adalah syahid, lalu ia berhak menjadi penghuni syurga Allah.

Berbalik kepada surat arahan membunuh itu, beberapa perkara perlu dinilai kembali, antaranya:

Saiyidina Ali bin Talib sendiri meragui surat itu dibuat dan dikirim oleh pihak Khalifah Uthman r.a. Ini disebut dalam laporan al-Tabari: setelah satu hari penentang-penentang itu pulang ke wilayah masing-masing, tiba-tiba mereka berpatah balik ke Madinah secara serentak, mengepung kediaman dan mahu membunuh Khalifah Uthman. Orang ramai diketuai oleh Saiyidina Ali r.a. berhimpun mendapatkan mereka. Ali r.a. bertanya kepada orang-orang Mesir: "Apakah yang membuatkan kamu semua datang semula, setelah kamu pergi dari sini dan kemudian mengubah fikiran dan balik ke sini ? Mereka menjawab: "Kami telah dapat menangkap pembawa surat arahan membunuh kami.” Talhah bertanya kepada orang-orang Basrah, jawapannya sama juga. Manakala al-Zubair bertanya kepada orang-orang Kufah, juga jawapan yang sama: "Kami mahu menolong saudara-saudara kami

---

[348] Al-Syaikhan (al-Bukhari dan Muslim), al-Lu’lu’ wa al-Marjan, himpunan Muhammad Fuad Abd. Al-Baqi, jil. III, hlm. 130.

dari Mesir dan mempertahankan mereka "! Mereka seolah-olah telah membuat satu pakatan. Lalu Ali r.a. bertanya lagi: "Bagaimana kamu dapat tahu wahai orang Kufah dan wahai orang Basrah apa yang telah ditemui oleh orang-orang Mesir, padahal kamu semua telah berpisah dan berjalan sudah jauh, * kemudian secara tiba-tiba, serentak kamu berpatah balik ke arah kami disini ? Ini demi Allah! Satu perkara yang telah dirancang dan diputuskan di Madinah ini sendiri". [349] Apabila mereka gagal menjawab persoalan Saiyidina Ali r.a. itu, seolah-olah mereka sudah terperangkap dengan tipu helah mereka sendiri, dan hampir-hampir pecah tembelangnya, mereka terus berkata dengan angkuh: "Letakkan sahaja orang itu (Uthman r.a.) di mana kamu suka. Kami tak memerlukannya lagi, yang penting, dia nyah dari kamu"! [350] Ini bermakna Saiyidina Ali dan penduduk-penduduk Madinah sendiri sudah merasakan ada sesuatu yang tidak kena dengan gerak-geri para penentang itu. Apabila mereka sampai di Madinah untuk mengajak orang Madinah turut sama memaksa Khalifah Uthman r.a. meletak jawatan atau disingkirkan saja, mereka tidak dilayan lalu memikirkan sesuatu bagi memperlihatkan bahawa Khalifah Uthman r.a. itu benar-benar kejam dan zalim. Dengan itu membolehkan mereka bertindak. Tidak ada jalan lain, kecuali bersandiwara dan mereka-reka perkara yang tidak ada, antaranya:

1. Memalsukan surat arahan bunuh.
2. Menggunakan cap mohor palsu, betul-betul seperti milik khalifah (hal ini berlaku dimana-mana sampai kini).
3. Merasuah budak suruhan atau budak gembala berlagak seperti pembawa surat, dengan arahan, seperti diminta mengekori kumpulan penentang yang sedang pulang ke Mesir itu, dengan cara sekejap mendekatkan diri dan sekejap menjauhkan, dengan cara itu boleh menimbulkan syak kepada orang ramai dan lalu budak itu dikejar dan ditangkap.

Membuat surat-surat palsu dan mengupah pembawanya serta diisytiharkan di khalayak ramai bagi menaikkan darah orang-ramai, bukan perkara baru bagi masyarakat zaman Uthman bin Affan r.a. Al-Syaikh Sadiq Urjun mendedahkan bahawa Muhammad bin Abi Huzaifah, anak didik Uthman sendiri yang telah lari ke Mesir waktu itu menggerakkan orang ramai supaya menentang Uthman r.a. dan memalsukan surat-surat atas nama isteri-isteri Nabi s.a.w. Beliau menggunakan orang-orang yang dijemur di anjung-anjung rumah di kawasan terpencil Fustat dengan mendedahkan muka mereka ke panas matahari, supaya terbakar kehitaman betul-betul seperti pengembara yang datang dari jauh. Kemudian mengarahkan mereka pura-pura datang dari arah jalan Hijaz ke Mesir. Kemudian mengupah utusan-utusan memberitahu orang ramai tentang ketibaan mereka dan menyambut mereka. Apabila ditanya, wakil itu lantas menjawab, mereka membawa surat-surat penting dari isteri-isteri Nabi s.a.w. yang mengadu dan mengkritik pemerintahan Uthman bin Affan. Akhirnya surat-surat itu dibaca di Masjid Amru bin al-As di Fustat secara terbuka. Semuanya bohong dan palsu. Pembawanya ialah orang-orang dari Mesir sendiri yang tidak pergi ke Hijaz pun.

---

* Perjalanan dari Madinah ke Mesir menghala ke barat, dan untuk ke Kufah menghala ke timur laut, begitu juga untuk ke Basrah menghala ke arah timur. Jarak antara ketiga-tiga destinasi tersebut beribu-ribu kilometer terutama Kufah, Basrah dengan Mesir. Perhubungan cepat dan moden belum wujud pada zaman itu, tiada radio, teleks, mahupun telepon, yang ada cuman kuda dan unta.

[349] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 351.

[350] Ibid.

Bagi menambahkan bukti kebenaran tentang perkara yang ditanggapi oleh orang-orang Madinah yang diketuai oleh Ali bin Abi Talib r.a., bahawa peristiwa yang berlaku itu telah dirancang dan diada-adakan supaya semua orang turut membenci khalifah Uthman r.a., ialah:

1. Telah thabit bahawa dua orang tokoh penentang iaitu al-Asytar dan Hukaim bin Jabalah terus tinggal di Madinah sepeninggalan para penentang. Maka di sanalah mereka berdua mentadbirkan penulisan dan menugaskan pembawanya sebagai satu cara mengeruhkan suasana, dan memulangkan para penentang yang pura-pura berundur pulang itu.
2. Kalau surat itu datang dari pihak Uthman r.a. adalah sangat tidak lojik. Ini kerana apabila memuncaknya penentangan, Khalifah Uthman mengarahkan semua gabenor wilayah termasuk gabenor Mesir, Abdullah bin Sa'ad bin Abi Sarh, supaya segera datang ke ibu kota Madinah untuk perbincangan lanjut.[351] Oleh itu, apa ertinya khalifah menghantar surat dengan perintah bunuh sedangkan ia tahu bahawa gabernor Abdullah bin Sa'ad bin Abi Sarh sedang dalam perjalanan menuju ke Madinah dan tidak ada lagi di Mesir.
3. Melalui pemikiran yang rasional akan terasa sesuatu yang cukup aneh, iaitu kalau sekiranya benar surat itu datang dari istana khalifah, mengapa hanya ditujukan kepada gabernor Mesir sahaja supaya membunuh ketua-ketua dari Mesir, dan tidak kepada semua ketua wilayah yang lain yang terang-terang terlibat iaitu Kufah dan Basrah.
4. Kalaulah surat itu betul-betul datang dari istana khalifah, ditujukan hanya untuk orang Mesir sahaja, maka secara serentak turut hadir sama gerombolan Kufah dan Basrah setelah mereka seua dikatakan pulang sudah begitu jauh meninggalkan Madinah (Marahil), adalah bukti bahawa itu ialah satu helah yang memang dirancang terlebih dahulu di antara mereka semua, sebab kalau orang-orang Mesir hendak memberitahu tentang surat itu kepada puak Basrah dan Kufah, mereka mesti tiba ke Madinah dahulu sebelum meneruskan perjalanan mengejar puak-puak Basrah dan Kufah yang sudah begitu jauh bergerak ke hadapan, kerana tidak ada jalan lain waktu itu selain melewati Madinah terlebih dahulu. Tetapi ini tidak berlaku. Keadaan inilah yang menguatkan jangkaan Saiyidina Ali r.a. bahawa perkara itu tidak syak lagi dirancang di Madinah.[352]

Berhubung dengan desakan para penentang supaya Marwan diserahkan kepada mereka, Ibn al-Arabi membuat kesimpulan bahawa sekiranya Khalifah Uthman r.a. menyerahkannya kepada mereka, sudah tentu Khalifah Uthman zalim. [353] Kata Ibn Taimiyah, sekiranya Khalifah Uthman r.a. diminta menjatuhkan hukuman bunuh ke atas Muhammad bin Abu Bakar, adalah lebih layak ditunaikan daripada meminta hukuman ke atas Marwan. Ini kerana Uthman r.a. ialah khalifah yang waras, ia wajib mengatur politik rakyatnya, dan menjatuhkan hukuman bunuh ke atas sesiapa yang tidak ada jalan lain untuk membendung kejahatannya melainkan dengan membunuh, sedangkan yang meminta hukum bunuh ke atas Marwan itu adalah puak Khawarij pelampau yang merosakkan bumi. Marwan bukanlah pembuat huru-hara seperti Muhammad bin Abu Bakar, dan Muhammad tidak pula terkenal dengan memiliki ilmu agama lebih daripada Marwan.[354]

---

[351] Mahmud Ali Syahatah, al-Hiqbah al-Mithaliyah fi al-Islam. hlm. 362.
[352] Ibid., hlm. 368.
[353] Ibn al-Arabi, al-Awasim min al-Qawasim, hlm. 110.
[354] Ibn Taimiyah, Minhaj al-Sunnah, jil. III, hlm. 189.

KEEMPAT: KONTROVERSI DALAM PEMERINTAHAN ALI BIN ABI TALIB R.A.

Pemerintahan Khalifah Ali bin Abi Talib r.a. berlangsung kira-kira lima tahun sahaja (35H - 40H/650 – 661M).[355] Berbagai-bagai kadar masa yang terperinci telah dicatat antaranya:

(a) Empat tahun sembilan bulan, lapan hari.
(b) Empat tahun sembilan bulan kurang sehari.
(c) Lima tahun tiga bulan, tujuh malam.[356]

Pemerintahannya agak singkat, kerana pada 17 Ramadhan tahun 40H, beliau dibunuh oleh salah seorang puak Khawarij bernama Ab. Rahman bin Muljam, selepas sembahyang Subuh di Masjid Kufah.[357] Sepanjang pemerintahan yang agak singkat itu terdapat dua tragedi berdarah yang akhirnya menjadi isu yang kontroversi di kalangan pemikir dan penulis-penulis sejarah. Kontroversi itu bertambah kompleks apabila ia dipengaruhi pula oleh sentimen puak seperti Syi'ah dan Sunni atau sebagainya.

Dua isu kontroversi yang dimaksudkan itu ialah:

1. Peperangan Jamal (unta) di antara pasukan Ali bin Abi Talib r.a. dengan pasukan Ummu al-Mukminin Aisyah r.a. pada tahun 37H.[358]
2. Peperangan Siffin di antara Ali r.a. dengan Mu'awiyah bin Abu Sufyan pada bulan Zulhijah, tahun 36H.[359]

KONTROVERSI PERANG JAMAL

Daripada catatan sejarah menunjukkan bahawa Saiyidina Ali bin Abi Talib r.a. dilantik menjadi khalifah oleh kaum Muslimin selepas Khalifah Uthman bin Affan r.a. dibunuh dengan kejam oleh para penentang, khususnya yang menyerbu datang dari wilayah Mesir, Kufah dan Basrah. Perlantikan Ali bin Abi Talib r.a. dalam suasana yang begitu kritikal tidak mendapat restu daripada keseluruhan umat Islam, kerana terdapat beberapa golongan yang tidak menyerahkan bai'ah atau tanda setia.[360] Sesiapa juga yang memikul tugas pimpinan dalam suasana negara yang amat mencabar itu, pasti menghadapi banyak kesulitan. Saiyidina Ali r.a. sendiri sebenarnya tidak bersedia menerima jawatan itu dalam keadaan sedemikian. Akan tetapi, beliau seolah-olah terpaksa berbuat demikian setelah diminta oleh para sahabat supaya

[355] Dr. Ali Ibrahim Hassan, al-Tarikh al-Islami, hlm. 260.
[356] Al-Mas'udi, Muruj al-Zahab, Jil. I, hlm. 557.
[357] Dr. Hassan Ibrahim Hassan, Tarikh al-Islam, Jil. I, hlm. 274.
[358] Al-Mas'udi, Muruj al-Zahab, Jil. I, hlm. 558.
[359] Dr. Mahmud Ali Syahatah, Al-Hiqbah, hlm. 394.
[360] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 430, 431.

menimbangkannya dengan serius berdasarkan keadaan kacau-bilau yang sedang dihadapi oleh umat Islam. Gambaran ketidaksediaan Ali r.a. itu dicatat oleh al-Tabari:[361]

Jelas Ali: "Biarkan aku sendirian! Carilah orang lain. Kita sebenarnya sedang berhadapan dengan satu keadaan yang mempunyai berbagai-bagai wajah, dan berbagai-bagai warna, segala hati tidak mampu membetulkannya dan segala akal fikiran juga tidak mampu membetulkannya dan segala akal fikiran juga tidak mampu menenangkannya lagi! "

Apa yang lebih menambahkan keadaan genting ini ialah selepas membunuh Khalifah Uthman r.a., para penentang itu tidak terus pulang ke tempat masing-masing, sebaliknya mereka bermaharajalela di kota Madinah itu. Mereka menguasai Madinah, malahan ketua kumpulan Mesir iaitu al-Ghafiqi[*] terus bertindak sebagai imam sembahyang di masjid Nabi. Selain kumpulan ini, terdapat individu-individu lain yang berperan untuk menjatuhkan dan memusnahkan Khalifah Uthman r.a. seperti Malik bin al-Harith, al-Asytar al-Nakhayi dan Hukaim bin Jabalah yang akhirnya berjaya pula menempatkan diri dalam barisan penyokong Saiyidina Ali bin Abi Talib r.a. Inilah yang menjadi titik hitam dalam sejarah keagungan Saiyidina Ali yang kemudiannya memberikan ruang kepada para penentangnya sebagai alasan yang nyata ketika meletus Perang Jamal dan Perang Siffin bahawa Saiyidina Ali juga turut dikaitkan dengan isu pembunuhan Khalifah Uthman, atau sekurang-kurangnya beliau dianggap sebagai melindungi orang-orang yang terlibat dengan pembunuhan itu. Ini kerana selepas tragedi ngeri itu, kumpulan berkenaan berada dalam barisan Saiyidina Ali r.a. pula. Barangkali inilah juga puncanya apabila penentang-penentang Ali dari kumpulan Mu'awiyah di Syam diminta supaya memberi bai'ah ketaatan kepada Ali r.a. Mereka menjelaskan: "Kami tidak akan membai'ah orang yang melindungi pembunuh Uthman r.a." Dalam pengucapan yang lain, mereka dikatakan berkata: "Kami tidak membai'ahnya, kecuali ia menghukum bunuh pembunuh-pembunuh Uthman r.a. atau ia serahkan mereka kepada kami."[362] Ketika utusan khalifah datang bertanya Ummu al-Mukminin, Aisyah r.a. dan sahabat-sahabat Nabi s.a.w. yang bersamanya sebelum Perang Jamal meletus, mengapakah mereka mara ke Basrah. Beliau menjawab: "Kami mahu menuntut pembelaan ke atas darah Uthman! Ali tidak boleh terlepas begitu sahaja, kecuali dia menyelesaikan perkara kita dengan para pembunuh Uthman itu"! [363]

Di sinilah, dalam tragedi Perang Jamal di antara kumpulan Khalifah Ali r.a. dengan kumpulan pimpinan Ummu al-Mukminin, Aisyah r.a. yang dibantu oleh sahabat-sahabat besar seperti Talhah bin Ubaidillah r.a., al-Zubair bin al-Awwam r.a. dan lain-lain lagi, timbul banyak masalah-masalah yang kabur dan kurang jelas. Masalah-masalah ini pula menyukarkan generasi kini seperti kita memikirkannya: Bagaimana boleh terjadi peperangan di antara dua orang yang terdekat dengan Rasulullah s.a.w. ini? Adakah mereka berperang kerana berebutkan kuasa? Adakah

---

[361] Ibid., hlm. 434.

[*] Al-Ghafaqi bin Harb al-Akki anak orang kenamaan dari kabilah Yaman yang berpindah ke Mesir dalam pembebasan Makkah. Ketika Abdullah bin Saba' berpura-pura menjadi Syi'ah Ali, tidak mendapat tempat di Kufah mahupun Basrah lalu memilih untuk tinggal di Fustat Mesir, maka al-Ghafiqi berjaya dipikat menjadi orang kanannya. Beliaulah merupakan ketua umum ketika menyerang Madinah.

[362] Ibn Arabi, al-Awasim, hlm. 162.

[363] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, Jil. IV, hlm. 462.

benar matlamat Aisyah r.a. itu semata-mata mahu menentang kekuasaan Ali r.a. atau bagaimana ?

Sekiranya penyelesaian isu seperti ini tidak cuba dibuat berdasarkan orientasi Islam atau dengan keimanan, maka ia amat mudah diserapi pelbagai anasir yang tidak sihat, dan mudah terdedah kepada pentafsiran yang begitu jauh daripada apa yang sepatutnya. ada pada diri orang-orang yang terdekat dengan Rasulullah s.a.w. itu. Pentafsiran-pentafsiran seperti itu akhirnya hanya akan melahirkan sikap bongkak, sombong, iri hati, tamak dan dendam oleh semua pihak yang terlibat. Sedangkan sifat-sifat buruk ini sama sekali tidak sesuai dengan tokoh-tokoh Islam yang agung seperti itu sebagaimana yang Allah firmankan: [364]

"Dan orang-orang yang terdahulu itulah orang-orang terdahulu (ke syurga). Merekalah orang-orang yang dihampiri (Allah); di dalam syurga-syurga Naim."

Mentafsirkan peristiwa pahit di kalangan sahabat Nabi s.a.w. seperti Perang Jamal itu secara terpisah daripada semangat kemurnian Islam, dapat memudahkan para penulis sejarah Islam, untuk merumuskan faktor-faktor atau sebab-sebab terjadinya Perang Jamal yang tragik itu. Sebagai contoh, antara faktor yang disebutkan ialah:

1. Dendam lama Ummu al-Mukminin, Aisyah, r.a. terhadap Saiyidina Ali r.a. iaitu merujuk kepada peristiwa al-Ifk,[*] ketika Ali ditanya pendapatnya oleh Rasulullah s.a.w. tentang Aisyah, lalu jawabnya: “Wahai Rasulullah ramai lagi perempuan lain, apa yang nak dirisaukan.”[365] Sejak itulah bertambah dendam Aisyah r.a. terhadap Ali r.a.
2. Rasa tidak puas hati para sahabat serta orang ramai terhadap perlantikan Saiyidina Ali sebagai khalifah. [**]
3. Hubungan Saiyidatina Aisyah dengan Fatimah binti Rasulullah s.a.w. sememangnya tidak baik, kerana hubungan di antara anak tiri dengan ibu tiri, Aisyah ialah ibu tiri kepada Fatimah al-Zahra.[***]
4. Ummu al-Mukminin r.a. berusaha menentang khalifah Ali r.a. kerana mahu memberi jalan kepada anak saudaranya, Abdullah bin al-Zubair menjadi khalifah.
5. Aisyah r.a. terus mendendami dan marahkan Ali bin Abi Talib r.a. bermula sejak perhimpunan di Saqifah Bani Saidah hingga Abu Bakar r.a. dilantik menjadi khalifah. Ia memarahi Ali yang memprotes dan tidak membai’ah ayahandanya Abu Bakar kerana mendakwa jawatan itu merupakan haknya.

Inilah antara faktor yang dikatakan oleh kebanyakan ahli sejarah, sebagai motif yang membawa kepada peperangan di antara Saiyidina Ali r.a. dengan Ummu al-Mukminin, Aisyah r.a. Secara umumnya, motif itu lebih memperlihatkan sifat-sifat mazmumah seperti dendam, iri hati, tamakkan kuasa, mementingkan diri, hasad

---

[364] Al-Qur'an surah al-Waqi'ah: 10, 11, 12.

[*] Ifk: Peristiwa orang-orang munafiq melemparkan fitnah terhadap kesucian Ummu al-Mukminin, Aisyah yang dituduh curang ketika perang Bani Mustaliq (tahun ke-6H), menyebabkan Rasulullah s.a.w. dan semua umat Islam berdukacita buat seketika, sehinggalah Allah menurunkan Surah al-Nur, menghapuskan segala keraguan itu, dan mendedahkan niat jahat puak munafiq itu, serta mengembalikan kejernihan dalam rumahtangga Rasulullah s.a.w.

[365] Hj. Ab. Aziz Umar, Hj. Ishak Abbas, Asas Pendidikan Islam III, hlm. 162.

[**] Jalal Mazhar, Muhammad Rasululla, hlm. 27.

[***] Fatimah al-Zahra ialah anakanda Rasulullah s.a.w. dengan isterinya Saiyadatina Khadijah binti Khuwalid r.a.

dengki, tidak ikhlas kepada Allah dan Rasul-Nya dan sebagainya. Semuanya terdapat pada kedua-dua pihak sahabat Nabi s.a.w. itu, iaitu Ali bin Abu Talib r.a. dan Aisyah, Ummu al-Mukminin r.a., Talhah bin Ubaidillah r.a. dan lain-lain.

Sekiranya pandangan ahli-ahli sejarah yang merumuskan faktor-faktor itu benar, maka soalnya, apakah pandangan itu boleh mengatasi kebenaran Hadith-hadith Nabi s.a.w. tentang sikap individu-individu tersebut, umpamanya:[366]

"al-Hakim dalam al-Mustadrak daripada Hadith Asaad bin Zurarah berkata: "Rasulullah s.a.w. bersabda: Diwahyukan kepadaku tentang Ali tiga perkara: Sesungguhnya dia merupakan penghulu seluruh orang mukmin, dan imam seluruh Muttaqin, dan ketua seluruh ghur Muhajjalin (panglima pilihan gagah perkasa)." [367]

"Daripada Hadith Ummu Salamah, beliau berkata: Aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Ali sentiasa bersama al-Qur'an dan al-Qur'an bersama Ali, kedua-duanya tidak akan berpisah sehingga berakhir hayat kedua-duanya. "[368]

Daripada Abu Musa ia berkata: "Sekiranya kami (sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w.) menghadapi apa-apa masalah Hadith, maka kami bertanyakan Aisyah, melainkan kami pasti juga mendapat daripadanya ilmu."[369]

Daripada Ibnu Umar, bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Ya Talhah! Jibril sampaikan salam kepadamu, dan ia beritahu kau, bahawa aku bersamamu dalam menghadapi huru-hara kiamat sehingga Aku menyelamatkan kamu daripadanya."[370]

Daripada Urwah, ia berkata: "al-Zubair telah memeluk Islam, dan berhijrah ke Habsyah kedua-dua kalinya. Dan ia tidak pernah tertinggal menyertai Rasulullah s.a.w. dalam peperangan yang dipimpinnya."

Daripada firman Allah dan perakuan nyata daripada Rasulullah s.a.w. terhadap setiap individu ini, cukup untuk membuktikan bahawa mereka bukanlah manusia biasa yang bergelumang dengan dosa-dosa keji dan sifat-sifat mazmumah yang biasanya terdapat pada orang-orang yang kurang iman. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bererti mereka tidak pernah melakukan kesilapan kerana mereka bukanlah maksum.* Manakala kesilapan-kesilapan ini pula hanyalah kesilapan-kesilapan kecil yang tidak sampai menjejaskan autoriti mereka sebagai sahabat-sahabat utama Rasulullah s.a.w.

Oleh itu, segala andaian sejarawan terhadap sikap para sahabat Rasulullah s.a.w. yang dianggap sebagai faktor tercetusnya peperangan Jamal di antara Saiyidina Ali r.a. dengan Saiyidatina Aisyah r.a. itu ialah sesuatu yang tidak benar dan tidak bersesuaian dengan taraf mereka. Alasannya adalah seperti yang berikut:

1. Sememangnya sebagai satu faktor sejarah, pergeseran kecil berlaku di antara Saiyidatina Aisyah r.a. dengan Saiyidina Ali r.a. dalam peristiwa sedih yang

---

[366] Al-Hakim, Al-Mustadrak, jil. III, hlm. 137, 138.
[367] Ibid., hlm, 124.
[368] Al-Tirmizi, al-Sunan, jil. X, hlm. 380.
[369] Al-Tabarani, al-Kabir, jil. I, hlm. 75.
[370] Al-Hakim, al-Mustadrak, jil. III, hlm. 360.
* Maksum ialah sifat bersih daripada sebarang dosa, iaitu sifat para Nabi dan Rasul sahaja. Selain mereka, manusia ada melakukannya cuma bezanya hanyalah kecil atau besar, sedikit atau banyak.

menimpa keluarga Rasulullah s.a.w. disebabkan perbuatan golongan munafiq yang mengambil kesempatan daripada peristiwa Ifik itu.[371] Puncanya ialah kerana reaksi Saiyidina Ali r.a. yang masih begitu muda pada waktu itu terhadap pandangan yang diminta oleh Rasulullah s.a.w. tentang bualan orang ramai terhadap fitnah golongan munafiq ke atas Ummu al-Mukminin, dikira agak kasar dan kononnya mengguris perasaan Ummu al-Mukminin yang sedang berduka ketika itu. Walaupun tidak terdapat catatan sejarah nyata tentang perkataan yang keluar dari mulut Saiyidatina Aisyah r.a. sebagai membalas kata-kata Saiyidina Ali r.a. waktu itu iaitu: "Wahai Rasulullah! Apa yang perlu dirunsingkan, ramai lagi perempuan lain!"[372] Beberapa sejarawan hanyalah mengandaikan bahawa Ummu al-Mukminin berkecil hati, dan terus menanti dengan dendamnya itu, sehinggalah tiba saatnya Saiyidina Ali r.a. dilantik menjadi khalifah selepas Saiyidina Uthman terbunuh. Dengan ini kononnya juga untuk membalas dendam tersebut iaitu dengan mengumpul para pengikut lalu menentang Saiyidina Ali r.a. dalam Perang Jamal itu. Jika inilah hati dan sifat Saiyidatina Aisyah r.a., yang hidupnya dipenuhi dengan perasaan dendam dan hasad, maka sudah tentulah manusia jenis ini tidak akan dipilih oleh Allah s.w.t. sebagai Ummu al-Mukminin, sahabat dan isteri kesayangan seorang Nabi akhir zaman, Rasulullah s.a.w. Pada hal Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepada Aisyah:[373]

Nabi s.a.w. bersabda: "Kamu diperlihatkan kepadaku dalam tidur (mimpi) sebanyak dua kali. Aku lihat engkau dilitupi kain sutera berwarna putih, dan ia (Malaikat) berkata: "Inilah isterimu, maka bukalah litupan itu. Maka rupanya-rupanya kamu. Maka aku berkata: "Sekiranya ini datang daripada Allah, aku akan meneruskannya."

Begitu juga dengan Hadith riwayat Syaikhan Bukhari dan Muslim dan lain-lain.[374]

Daripada Amru bin al-As berkata, bahawa Nabi s.a.w. bersabda:"Sekasih-kasih manusia kepadaku ialah Aisyah dan dari kalangan lelaki ialah bapanya.:

Berdasarkan fakta-fakta yang lalu, adalah mustahil bagi Allah s.w.t. tidak mengetahui siapa sebenarnya Aisyah. Bagaimana hati dan perasaannya ? Adakah Allah akan menjodohkan seorang Nabi besar dengan seorang perempuan seperti Aisyah itu sekiranya beliau seorang yang bersifat mazmumah ? Sedangkan pula Aisyah ialah wanita yang diangkat menjadi Ummu al-Mukminin. Dalam hidupnya pula, beliau dianggap sebagai guru kepada para sahabat Nabi s.a.w. Sabda Rasulullah s.a.w.:[375]

Ambillah separuh daripada pengetahuan agama kamu itu daripada si putih merah ini. Aisyah r.a., berkulit putih merah.

---

[371] Ibn Hisyam, Sirah, Bhg. II, hlm. 289-302.
[372] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. II, hlm. 615. Lihat juga Muhammad Ali Qutb, dlm. Aisyah: Muallimah al-Rijal wa al-Ajyal. Kaherah, 1986, hlm. 36.
[373] Al-Saiykhan, Al-Lu'lu' wa al-Marjan, jil. III, hlm. 140.
[374] Ibn. Hajar, Fath al-Bari, Jil. IV, hlm. 61.
[375] Al-Hafiz Syamsuddin Abi al-Khair Muhammad bin Ab. Rahman 1979. Al-Maqasid al-Hasanah fi Bayan Kathir min al-Ahadith al-Musyytahirah ala al-Alsinah. Dar al-Kutub al-Ilmiyah. Beirut, hlm. 198.

2. Daripada perakuan Allah dan Rasul-Nya tentang pemilihan dan kurniaan kelebihan kepada Saiyidatina Aisyah r.a., maka sangat diyakini ia adalah wanita terbaik, dadanya bersih dari sebarang sifat-sifat mazmumah seperti dengki, hasad dendam, sombong dan sebagainya kalau tidak masakan ia layak dicadangkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai sumber rujukan bagi para sahabat tentang ajaran agama Islam yang maha suci ini.[376]
3. Tidaklah benar sama sekali dikatakan Perang Jamal itu disebabkan oleh dendam Aisyah r.a. terhadap Ali r.a. kerana ketika Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin berduka di atas apa yang dihebohkan tentang isterinya Aisyah r.a. dan tiada sebarang penyelesaian dibuat, maka tibalah penyelesaian muktamad dari Allah s.w.t. dengan menurunkan wahyu khusus menyentuh konflik itu, melalui Surah al-Nur:[377]

   Sesungguhnya orang-orang yang membawa fitnah itu, adalah segolongan dari kamu, jangan kamu sangka itu satu kejahatan buat kamu; bahkan ia satu kebaikan juga buat kamu. Tiap-tiap seorang dari mereka akan menerima balasan dosa yang telah dikerjakan itu; sedangkan orang yang mengendalikan kerja jahat itu di antara mereka adalah baginya azab yang besar. Di waktu kamu dengar fitnah itu, mengapakah mukminin dan mukminat yang menyangka baik akan diri mereka sendiri, dan berkata: Ini adalah satu pembohongan yang nyata.

   Apabila wahyu ini diterima oleh Rasulullah s.a.w., baginda terus menghebah dan memperdengarkannya kepada seluruh Muslimin, khususnya sahabat-sahabat terdekat seperti Saiyidina Ali r.a. sendiri. Dan memang diketahui umum para sahabat terkanan Rasulullah s.a.w. adalah orang-orang yang pertama memahami, mempercayai dan mengamalkan kandungan ayat itu. Oleh itu, rasionalnya apabila ayat Surah al-Nur menerangkan tentang kedudukan sebenar cerita palsu yang dikaitkan kepada Saiyadatina Aisyah itu disebarkan, bererti: Itulah satu penyelesaian muktamad, di mana Aisyah r.a. adalah bersih. Dan ini dipegang oleh Saiyidina Ali, Aisyah dan lain-lainnya, kerana itu adalah keputusan Allah s.w.t. Bermakna sejak dari situlah terkikisnya segala prasangka terhadap Saiyadatina Aisyah r.a., dan pihak Aisyah pun sejak itulah juga tidak ada lagi rasa kurang senang di hatinya terhadap sesiapa, kerana semua pihak bermain dengan keputusan Allah melalui surah al-Nur itu. Kalau mana-mana pihak masih menyimpan apa-apa perasaan kurang senang terhadap suatu yang sudah selesai itu, bermakna ia masih tidak beriman dengan keputusan yang dibuat oleh al-Qur'an itu. Iaitu satu realiti yang sangat jauh dari peribadi Ummu al-Mukminin Aisyah r.a. Berita Allah s.w.t. mengakui Saiyadatina Aisyah itu bersih dari sebarang tohmahan, disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. kepada Aisyah r.a., seperti Hadith dari al-Bukhari dan Muslim:[378]

   Sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda di dalam Hadith mengenai fitnah itu: Bergembiralah wahai Aisyah sebenarnya Allah telah membersihkan kamu.

4. Satu peristiwa yang seharusnya diambil kira sebagai bukti Peperangan Jamal itu tidak ada kena-mengena dengan dendam lama atau baru, ialah apakah yang mendorong Saiyidaitina Aisyah r.a. menjelaskan kepada seluruh Muslimin sebaik

---

[376] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, Jil. III, hlm. 617.
[377] Al-Qur'an, surah al-Nur: 11, 12.
[378] Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, jil. IX, hlm. 250. Lihat juga Muslim, dalam bab mengenai 'al-ifk' (fitnah), jil. II, hlm. 266.

sahaja tamat perang dan ketika bersiap-siap meninggalkan medan perang dengan dihantar sendiri oleh Saiyidina Ali r.a., katanya:[379]

Aisyah berkata: Orang ramai sekalian, demi Allah, tidak terdapat apa-apa pun di antara aku dan Ali ini, walaupun sejak dahulu, melainkan satu perkara yang biasa berlaku di antara seorang perempuan dengan ahli keluarganya sahaja (perselisihan kecil dalam rumahtangga boleh hilang begitu saja, bukan sampai bertumpah darah), dan sesungguhnya Ali ini padaku, walaupun pernah aku terkilan, tetapi ia tetap merupakan orang yang terpilih (terbaik). Lalu Ali menjawab: Orang ramai sekalian! Demi Allah, benar dan tepatlah kata-katanya itu. Tidak terdapat apa pun di antara aku dan dia, cuma itu sahaja. Sesungguhnya dia adalah isteri Nabi kamu s.a.w. di dunia dan akhirat.

Kata-kata pada akhir peperangan itu seolah-olah sengaja diucapkan secara terbuka oleh Aisyah dan Ali, bagi melahirkan apa yang tersirat di dalam hati kedua-duanya, agar jangan disalahtafsirkan oleh orang-orang kemudian bahawa peperangan itu ada kaitan dengan peristiwa lama, iaitu fitnah (al-Ifk) dalam tahun ke-6 H.[380] Sedangkan Perang Jamal terjadi tiga puluh tahun kemudian (36 H).[381] Sekiranya peperangan berlaku kerana kemarahan lama, maka sudah tentu sama ada selepas perang itu mereka terus berpisah dengan masam muka, tanpa sebarang kata-kata penjelasan dari kedua-dua belah pihak, atau masing-masing akan mengeluarkan kata-kata dalam bentuk yang lain sama sekali.

5. Adalah tidak benar apa yang dikatakan hubungan di antara Fatimah al-Zahra r.a. – isteri Ali dengan Saiyadatina Aisyah itu tidak baik, apa lagi kalau dikatakan Saiyidina Ali juga turut tidak baik dengan Aisyah r.a. semata-mata kerana isterinya (Fatimah) tidak baik perhubungannya; kerana ini melambangkan betapa lemah Saiyidina Ali r.a. itu; dan itu bukanlah sifat Saiyidina Ali yang terkenal berani walaupun bersendirian dalam keadaan genting seperti dalam peristiwa hijrah yang bersedia memikul tugas beberapa ketika di Makkah sepeninggalan Rasulullah s.a.w.[382] Malahan orang ini yang sering ditugaskan oleh Rasulullah s.a.w. menjulang panji-panjinya di dalam peperangan Badar dan peperangan-peperangan lain yang disertainya.[383]

   Sebaliknya terdapat fakta yang membuktikan hubungan Fatimah dan Ali dengan Ummu al-Mukminin Aisyah r.a. adalah terlalu baik, terutamanya selepas terjadi kekeruhan pada zaman Rasulullah s.a.w., iaitu seperti maksud Hadith yang dikeluarkan oleh Abu Ya'ala dan al-Bazzar, daripada Aisyah, berkata: Suatu hari Rasulullah s.a.w. masuk ke kamarku, aku sedang menangis, ia bertanya: Apakah yang menyebabkan kamu menangis ? Jawabku: Fatimah bercakap kasar padaku. Lalu ia s.a.w. memanggil Fatimah dan bersabda: Wahai Fatimah! Adakah kamu berkasar dengan Aisyah ? Jawabnya: Ya ! Wahai Rasulullah. Lalu ia s.a.w. bertanya lagi: Adakah engkau tidak sayangkan orang yang aku sayang ? Jawabnya: Ya! Ia s.a.w. terus bertanya: Apakah engkau membenci orang yang aku benci ? Jawabnya: Ya! Langsung Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya Aku sendiri sayang Aisyah, maka engkau juga hendaklah sayangkannya. Maka kata

[379] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 544.
[380] Ibn al-Athir, al-Kamil fi al-Tarikh, jil. III, hlm. 130-131.
[381] Dr. Ali Syahatah, al-Hiqbah al-Mithaliyah, hlm. 391.
[382] Ibn Saad, Tabaqat al-Kubra, jil. III, hlm. 14.
[383] Ibid.

Fatimah: Sejak hari itu aku tidak pernah lagi menyinggung perasaan Aisyah buat selama-lamanya.[384] Oleh itu tidak timbul soal ibu tiri atau anak tiri, kesemuanya saling sayang-menyayangi, lagi pun kalau dikatakan hubungan anak tiri dengan ibu tiri biasanya tidak baik, maka perlulah dipersoalkan, mengapa Fatimah al-Zahrah r.a. hanya tidak baik dengan ibu tirinya Aisyah r.a. sahaja, sedangkan ramai lagi Ummahat al-Mukminin yang lain seperti Ummu Salamah, Ummu Habibah, Hafsah dan sebagainya, juga adalah ibu tirinya?

6. Adalah tidak benar juga dikatakan kononnya Aisyah menentang Ali, kerana mahu memberi jalan kepada anak saudaranya Abdullah bin al-Zubair. Iaitu anak kepada kakaknya Asma' binti Abu Bakar r.a. yang dianggap sebagai anak sendiri, kerana dibesarkan di rumahnya, seolah-olah anak kandungnya, sehingga ia sendiri dipanggil Ummu Abdullah. Perlantikan Ali r.a. menjadi khalifah adalah penghalang kepada hasrat ini.[385] Dimana tidak munasabah sama sekali Aisyah r.a. sebagai seorang wanita kenamaan yang gigih mengikut perkembangan politik sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi tidak menyedari keadaan yang wujud di dalam negara, kerana tidaklah munasabah ia berhasrat untuk menonjolkan anak saudaranya, Abdullah menjadi khalifah, walaupun andainya di sana tidak wujud Ali bin Abi Talib r.a., kerana masakan ia sudah lupa kepada bapa Abdullah sendiri iaitu al-Zubair bin al-Awwam r.a. yang masih berwibawa, kerana ia adalah salah seorang daripada enam orang calon menjadi khalifah yang ditunjukkan oleh Khalifah Umar bin al-Khattab r.a. dahulu.[386] Lagipun Abdullah waktu itu masih terlalu muda. Masakan masyarakat boleh menerima si anak yang masih mentah, sedangkan si bapa yang masih kuat, dan berwibawa, serta pernah menjadi calon, kerana cukup syarat untuk dipilih masih ada. Tentulah faktor-faktor seperti itu menjadi pertimbangan dan perhitungan Aisyah r.a. sekiranya ia mempunya hasrat sedemikian.
7. Begitu juga tidak benar sama sekali dikatakan Aisyah r.a. ingin membalas dendam akan sikap Ali r.a. yang tidak segera memberi bai'ah kepada ayahandanya dahulu, iaitu membalas dengan cara yang serupa. Apa perlunya Aisyah bersegera membai'ah (taat setia) kepada Ali ?[387] Di sini terdapat dua perkara yang perlu dilihat kembali, iaitu:
    1) Berhubung dengan sikap Ali r.a. tentang perlantikan Abu Bakar r.a. menjadi khalifah telah dibahas panjang lebar dalam bahagian yang kedua lalu. Ia hanya berkisar pada dua kesimpulan:
        (a) Sayidina Ali r.a. sejak awal-awal lagi segera memberi bai'ah seperti orang lain juga.
        (b) Ia turut memberi bai'ah, tetapi agak lewat, kerana menumpang marah, sebab isterinya agak marah kepada Abu Bakar r.a. Bukan berpunca dari soal politik pemerintahan, tetapi kerana gagal mendapat harta pesaka peninggalan ayahandanya Rasulullah s.a.w., waktu itu di bawah jagaan Khalifah Abu Bakar r.a.[388]
    2) Sumber yang menjelaskan Saiyina Ali r.a. turut membai'ah sejak awal-awal ternyata lebih banyak daripada sumber yang menjelaskan sebaliknya. Dan

[384] Al-Syaukani, Darr al-Sahabah, hlm. 320-321 petikan dari: Majma' al-Zawaid, jil. IX, hlm. 241.
[385] Dr. Ahmad Syalabi, al-Tarikh al-Islami wa al-Hadharah al-Islamiyah, jil. I, cet. 5, Kaherah, 1910. hlm. 339.
[386] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 227.
[387] Dr. Ahmad Syalabi, al-Tarikh, Jil. I, hlm. 338.
[388] Ibid., hlm. 207, 208.

kalau didakwa bahawa Saiyadatina Aisyah r.a. bertujuan membalas dengan kadar yang sama, pun tidaklah tepat, kerana tidak terdapat dalam mana-mana sumber sejarah menyatakan penentangan Saiyadatina Ali terhadap Abu Bakar hingga ke tahap mengangkat senjata, sedangkan apa yang terjadi di antara Aiysah dan Ali itu adalah terlalu dahsyat, dimanakah yang dikatakan sama ?

Oleh sebab itu, jelas sekali pertempuran yang berlaku dalam Perang Jamal itu bukanlah disebabkan permusuhan lama atau dendam membara daripada Aisyah r.a. terhadap Ali r.a. Mohammad Ali Qutb dalam karyanya: Aisyah, menulis bahawa Aisyah r.a. – ketika dibuat penelitian – ternyata menerima kecaman daripada Hassan bin Thabit lebih keras daripada kata-kata Saiyidina Ali r.a. sendiri. Di mana Hassan adalah antara yang bersuara di dalam isu fitnah al-Ifk itu ... Walaupun demikian Aisyah r.a. sama sekali tidak mendendami Hassan, ini kerana hatinya cukup murni, dan akhlaknya yang amat tinggi.[389] Bahkan ia sangat melarang sesiapa saja daripada mencemuh atau bersikap menyakiti Hassan. Riwayat daripada Urwah bin al- Zubair r.a.[390]

Bahawa Urwah berkata: “Aku telah mencemuh Hassan di hadapan Aisyah, maka ia lalu melarang; jangan mencemuhnya, maka sesungguhnya dia telah mempertahankan Rasulullah s.a.w.”

Oleh yang demikian tidaklah munasabah Saiyidatina Aisyah r.a. dikatakan begitu sekali marah dan mendendami Saiyidina Ali r.a. yang terkasar cakap di dalam peristiwa Ifk itu, sedangkan dalam hal yang sama ia jelas bersikap amat baik terhadap Hassan bin Thabit yang ternyata begitu keras dan tajam mengutuk Aisyah dan orang-orang yang terlibat seperti Safwan bin al-Mu'attal yang sampai menghunus pedang untuk bertindak, disebabkan syair-syair Hassan pada peristiwa itu.[391] Keluhuran hati dan budi Saiyidatina Aisyah r.a. khusus terhadap Saiyidina Ali r.a. begitu ketara, di mana banyak sekali ia meriwayatkan Hadith-hadith tentang kelebihan dan keistimewaan Ali bin Abi Talib r.a. Menurut al-Tirmizi, pernah ditanya kepadanya, siapakah orang yang paling dikasihi oleh Rasulullah s.a.w.? Jawab Aisyah: “Fatimah". Ditanya lagi: Kalangan lelaki?, jawabnya, “Suaminya ... yang aku tahu dia itu amat kuat berpuasa dan dirikan solat.”[392] Apa yang disebutkan di sini, orang-orang yang seperti Ali r.a. Aisyah Ummu al-Mukminin itu, bukanlah boleh diukur iman dan hati budi mereka dengan orang-orang biasa. Satu-satunya cara untuk melihat dan menilai kebaikan mereka ialah merujuk secara langsung kepada firman-firman Allah dan penjelasan-penjelasan dari Hadith-hadith Rasulullah s.a.w., kerana mereka adalah individu-individu yang kerap dikaitkan dalam Hadith-hadith Nabi s.a.w.

8. Suatu realiti yang perlu diambil kira, bagi menentukan sama ada Ummu al-Mukminin Aisyah benar-benar bertujuan menentang Khalifah Ali r.a. atau tidak, ialah merujuk kepada lokasi dimana masing-masing pihak berada sebelum tercetus Perang Jamal itu. Menurut al-Tabari, Khalifah Ali bin Abi Talib r.a. di ibu negara Madinah bersiap untuk memerangi pihak berkuasa Syam iaitu Mu’awiyah bin Abi Sufyan; dan dari sanalah ia mendapat tahu bahawa Ummu al-Mukminin Aisyah,

---

[389] Mohammad Ali Qutb, Aisyah, hlm. 60.
[390] Ibid., hadis dari riwayat al-Bukhari.
[391] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. II, hlm. 618. Lihat juga Dr. Ibrahim Syawat dan Dr. Mahmood Ziadah dalam al-Hiqbah al-Mithaliyyah, hlm. 127.
[392] Mohammad Ali Qutb, Aisyah, hlm. 60.

Talhah dan Zubair yang berada di Makkah juga sedang bersiap menuju ke Basrah. Saiyidina Ali r.a. terus melantik Tammam bin Abbas bagi menggantikannya kerana ia akan segera bertolak untuk menghalang pemergian mereka ke Basrah.[393]

1) Basrah menjadi salah satu antara tiga daerah di mana datangnya puak penentang yang menyerbu Madinah, dan membunuh Khalifah Uthman r.a. Keran objektif pergerakan Aisyah r.a. ialah menuntut pembalasan di atas tumpahan darah Khalifah Uthman dan memerangi suku sakat golongan Saba'iyah yang mencetuskan penentangan itu.[394]
2) Bekas gabernor Basrah yang dipecat, Abdullah bin Amir yang waktu itu berada di Makkah menyertai pergerakan Ummu al-Mukminin Aisyah, meyakinkan semua pihak bahawa mereka pasti akan mendapat kerajasama daripada sebahagian penduduknya yang tidak terlibat dengan pembunuhan Khalifah Uthman yang lalu. Dan mereka merupakan penyokong kuat gabenor tersebut.[395]

Maka melihat jarak di antara Makkah dan Madinah yang sememangnya lebih dekat jika dibandingkan di antara Makkah dan Basrah yang menjadi sasaran kumpulan Ummu al-Mukminin itu; maka keadaan ini, memperlihatkan hasrat sebenar kumpulan Ummu al-Mukminin itu ialah mencari orang-orang yang terlibat langsung dengan pembunuhan Khalifah Uthman r.a., kemudian bergabung tenaga dengan kekuatan Khalifah Ali r.a. di Madinah untuk terus mengesan saki-baki para pembunuh itu yang terdapat di mana-mana saja waktu itu. Dan bukan bertujuan menentang Saiyidina Ali r.a. seperti yang dikatakan oleh kebanyakan sejarawan sebelum ini. Tujuan baik kumpulan Ummu al-Mukminin inilah amat jarang diketengahkan. Al-Hafiz Ibn Hajar memetik daripada kitab Akhbar al-Basrah karangan Umar bin Syubbah dari perkataan al-Mahlab: Bahawa tidak terdapat seorang pun di kalangan ulama yang berautoriti menyebut bahawa Aisyah dan orang-orang yang bersamanya menentang Ali disebabkan kekhalifahan itu, dan tidak pula berusaha melantik orang lain ke jawatan itu.[396] Seperti yang disebutkan terdahulu kedatangan mereka ke Basrah ialah untuk bertindak ke atas pembunuh-pembunuh Khalifah Uthman yang hingga ke saat itu belum ada lagi mana-mana pihak berusaha ke arah itu -- sekalipun Khalifah Ali yang berkuasa dan seterusnya bermufakat dengan pihak Saiyidatina Aisyah r.a. untuk tindakan selanjutnya ke atas saki-baki pembunuh yang rata-rata terdiri daripada golongan Saba'iyah. Bagaimanapun pertempuran dengan pengawal Basrah tercetus sebelum Peperangan Jamal lagi. Banyak mengorbankan jiwa terutama di pihak Basrah. Segala usaha damai gagal kerana di kalangan anggota perwakilan Basrah terdapat orang-orang Saba'iyah yang terlibat dengan pembunuhan Uthman r.a., seperti Hukaim bin Jabalah,[*] al-Asytar Malik bin Harith, Adi bin Hatim dan lain-lain.[397] Sedangkan hasrat damai dan keamanan begitu ketara di pihak Aisyah r.a. Ini ternyata dari huraian panjang lebar di dalam Tarikh al-Tabari dan lain-lain.[398] Dari

---

[393] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, Jil. IV, hlm. 455.
[394] Saif bin Umar al-Dhabi al-Asadi, al-Fitnah wa Waqah al-Jamal, himpunan dan saringan Ahmad Tatob Armus. Beirut, cet. II, 1397H/1977, hlm. 116.
[395] Dr. Ibrahim Syawak, dan Dr. Mahmood Ziadah, al-Hiqbah al-Mithaliyah, hlm. 386.
[396] Ibn Hajar, Fath al-Bari, jil. 13, hlm. 41-42.
[*] Salah seorang penentang yang terus berada di Madinah ketika penentang-penentang khalifah Uthman yang lain pura-pura pulang ke tempat masing-masing. Di Madinah ia merancang surat palsu, kononnya dari Uthman kepada Gabenor Mesir, bagi membunuh para penentang.
[397] Saif bin Umar, al-Fitnah, hlm. 144. Lihat juga al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 488.
[398] Ibid., hlm. 488, 489, 490, 491 dan 492.

kegagalan usaha-usaha damai inilah juga akhirnya membawa kepada tercetusnya Peperangan Jamal yang sangat ngeri di antara kumpulan Khalifah Ali bin Abi Talib, dengan kumpulan Aisyah, Talhah dan al-Zubair r.a. Berasaskan sumber-sumber bacaan seperti al-Tabari, al-Bidayah wal al-Nihayah, al-Kamil fi al-Tarikh, al-Fitnah wa Waqah al-Jamal dan seumpamanya, ternyata sekali bukanlah pihak khalifah Ali r.a. dan pihak Ummu al-Mukminin Aisyah benar-benar mahu berperang, tetapi sebenarnya terdapat di antara dua pihak itu ada lagi satu pihak yang sangat-sangat memerlukan tercetusnya perang. Iaitu kumpulan Saba'iyah yang terlibat langsung dengan kes pembunuhan Khalifah Uthman r.a. yang lalu. Bermakna sekiranya usaha-usaha damai diperolehi di antara pihak Ali dan Aisyah r.a., di Basrah itu, maka mereka akan sama-sama bersatu dan bersepakat untuk berusaha mengesan semua pembunuh dan orang-orang yang terlibat dengan pembunuhan ketua negara itu, seterusnya dihukum. Apabila ini terjadi, maka mereka dari golongan Saba'iyah inilah yang akan menerima padahnya. Atas dasar inilah ketua-ketua Saba'iyah itu bersidang pada malam sebelum Perang Jamal itu, supaya sama-sama melakukan apa cara jua asalkan boleh menyebabkan perang antara dua pihak itu; laporan sejarah:[399]

Dan Ibn al-Sauda' pun mengarahkan, katanya: Wahai kaumku (Saba'iyah), sesungguhnya peluang kejayaan kamu terdapat pada kesibukan orang ramai itu. Maka tipulah/perangkaplah mereka. Dan apabila orang ramai bercampur-baur esok hari, maka segeralah cetuskan pergaduhan dan usah berikan mereka peluang berfikir. Maka jangan ada antara kamu yang teragak-agak; pasti Allah merunsingkan Ali, Talhah, Zubair dan orang-orang yang sependapat dengan mereka mengenai apa yang kamu sendiri tidak suka (iaitu perdamaian). Maka berwaspadalah; dan berpecah-pecahlah masuk kebarisan mereka, sedangkan orang ramai tidak menyedarinya.

Demikian kumpulan jahat Saba'iyah ini bertindak merosakkan usaha damai. Dalam usahasama yang sebegitu genting, kedua-dua belah pihak yang masih belum yakin dengan kejujuran sebelah pihak lagi tentulah hanya dengan sedikit pergaduhan kecil, walaupun hanya pura-pura, adalah sudah cukup bagi mencetuskan peperangan terbuka; kerana masing-masing mempunyai senjata di tangan. Apabila sudah bermula, maka amatlah sukar untuk menghentikannya. Demikian keadaan sebenar yang menyebabkan Perang Jamal itu. Kerana buat kaum Saba'iyah, sekiranya tidak berlaku perang, bererti keselamatan mereka terancam, tetapi kalau berlaku, maka bermakna pemerintah dan orang-orang Islam pada waktu itu, akan beransur-ansur melupakan isu yang terawal, iaitu membela dan mengesan para pembunuh Khalifah Uthman bin Affan r.a., sebaliknya akan berpaling pula kepada membincang dan memikirkan isu yang baru dan lebih rumit, iaitu peperangan dan pembunuhan sesama Islam; kerana tidak kurang daripada 10 000 orang sahabat-sahabat besar gugur dalam peperangan itu.[400]

Golongan Saba'iyah inilah sebenarnya yang berperanan memporak-perandakan barisan Islam, dan melaga-lagakan sesama Islam, bermula secara serius sejak pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a., sehingga membawa kepada pembunuhan Khalifah Uthman, seterusnya mencetuskan Perang Jamal, kerana selain daripada merosakkan kemuliaan Islam, melalui peperangan itu juga dapat menutup segala langkah jenayah mereka hingga mengorbankan nyawa Khalifah Uthman r.a., hasilnya mereka terselamat daripada hukuman oleh pemerintah-pemerintah

[399] al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 494. Lihat juga Saif al-Dhabi, al-Fitnah, hlm. 149.
[400] Ibn Ab. Rabbih, al-Iqd al-Farid, jil. III Kaherah, 1927, hlm. 103.

kebelakangan. Oleh sebab terlalu celaru dan kontroversi keadaan negara pada hari-hari akhir pemerintahan Khalifah Uthman r.a., implikasi dari pergerakan golongan Saba'iyah itu, menyebabkan begitu sukar bagi orang-orang yang jujur untuk menilai keadaan mana yang sebenar dan mana yang palsu, maka keadaan ini membuatkan ramai dari kalangan sahabat-sahabat Nabi s.a.w. yang terkenal seperti Sa'ad bin Abi Waqas r.a., al-Zubair bin al-Awwam r.a., dan lain-lain mengambil sikap semacam berkecuali.[401] Ini juga membuktikan tidak benar apa yang dikatakan oleh setengah-setengah sejarawan bahawa peperangan Jamal disebabkan oleh perasaan tamak beberapa individu tertentu seperti Abdullah bin al-Zubair, yang kononnya menghasut ibu saudaranya Saiyadatina Aisyah r.a. supaya bangun menentang Ali r.a.[402] Dan juga disebabkan oleh kebencian peribadi dan dendam membara dari pihak Aisyah. [403] Bahkan dikatakan Talhah dan al-Zubair juga bertanggung jawab, kerana menghasut orang ramai.[404] Kalau inilah yang diterima maka bererti penghuni-penghuni syurga Allah itu, ramai terdiri daripada orang-orang berpekerti buruk dan lemah iman, kerana inilah di antara individu-individu yang disebut Rasulullah s.a.w. sebagai penghuni-penghuni syurga.[405]

Rasulullah s.a.w. bersabda: Abu Bakar di dalam syurga, dan Umar di dalam syurga, dan Uthman di dalam syurga, dan Ali di dalam syurga dan Talhah di dalam syurga dan al-Zubair di dalam syurga dan Sa'ad bin Malik (Abi Waqqas) di dalam syurga; dan Abd. Rahman bin Auf di dalam syurga dan Said bin Zaid di dalam syurga.

Satu bukti bahawa Peperangan Jamal bukanlah rancangan Ali mahupun Aisyah, tetapi hasil tindakan jahat kaum Saba'iyah, di mana tujuan Ali dan Aisyah ialah perdamaian dan sama-sama mengesan pembunuh sebenar Saiyidina Uthman bin Affan r.a. ialah Saiyidina Ali r.a. sendiri tidak menghukum para pejuang dari pihak Aisyah r.a. yang gugur di medan itu sebagai musuh yang jahat. Bahkan dengan perasaan yang amat sedih ia memeriksa semua orang yang terkorban itu, sama ada dari pihaknya atau pihak Aisyah r.a. Dan untuk kedua-dua belah pihak ia berucap dengan tegas:[406]

Sesungguhnya sesiapa yang berjuang, maka ia terbunuh, sedangkan ia tidak bertujuan dengan perjuangannya itu kecuali mempertahankan kebenaran (al-Haq), dan tidak menghendaki melainkan keredaan Allah, maka ia adalah mati syahid.

la juga melarang keras tenteranya daripada memperlakukan pihak sebelah lagi sebagai perlakuan musuh, tidak membunuh yang luka parah, tidak menceroboh kediaman, tidak membahagi-bahagikan harta rampasan, semuanya diserah kepada waris masing-masing dan kalau tidak berwaris dimasukkan ke Bait al-Mal, dan ia sendiri menyembahyangkan semua jenazah kedua-dua belah pihak.[407] Sehubungan dengan hal ini, satu persoalan perlu ditimbulkan. Mengapakah beberapa orang sahabat besar Rasulullah s.a.w. seperti Talhah, al-Zubair, Aisyah dan lain-lain bangun bertindak sendirian, seolah-seolah membelakangkan kuasa Saiyidina Ali bin Abi Talib

---

[401] Saif bin Umar, al-Fitnah, hlm. 92.
[402] Dr. Ahmad Syalabi, al-Tarikh al-Islami, jil. I, hlm. 346.
[403] Ibid.
[404] Ibid.
[405] Al-Tirmizi, al-Sunan, jil. X, hlm. 258. Lihat juga Ibn Majah (Muqadimah) jil. I, hlm. 61 danjuga Kanz al-Ummal, jil. XI, hlm. 638.
[406] Ibn al-Athir, al-Kamil fi al-Tarikh, jil. III, hlm. 105-135. Lihat al-lqd al-Farid. jil. III. hlm.98-106.
[407] Ibld.

r.a. yang baru dilantik menjadi khalifah ? Apakah mereka sengaja mencabar kuasa Ali r.a. ?

Kalau dikaji dengan teliti, para sahabat Rasulullah s.a.w. ini sekali-kali tidak berniat membelakangkan kuasa Saiyidina Ali r.a., jauh sekali mencabarnya. Cuma mereka sebagai sahabat besar, merasa bertanggungjawab di atas pembunuhan Khalifah Uthman r.a., sehingga ke saat itu belum ada usaha-usaha pihak berkuasa untuk sekurang-kurangnya mengesan kemudian menghukum para penjenayah itu dengan setimpal. Tidak patut kematian seorang ketua negara dibiar sepi tanpa pembelaan. Kemungkinan mereka ini agak kecewa dengan sikap Khalifah Ali r.a. yang baru. Maka didorong oleh rasa tanggungjawab itulah mereka berusaha sampai ke tahap meletakkan syarat supaya Khalifah Ali menyelesaikan dulu soal hukuman hudud ke atas penjenayah, barulah mereka akan menyerahkan bai'ah atau ketaatan kepadanya. Walau bagaimanapun setelah khalifah Ali r.a. sendiri menyatakan tidak berupaya dan tidak mampu menyelesaikannya, barulah mereka mula bertindak sendiri, malangnya kesempatan yang murni diputarkan oleh petualang-petualang dalaman Saba'iyah, hingga menjadikan para sahabat besar itu semacam menentang Khalifah Ali pula. Maklumat di atas diterangkan oleh al-Tabari seperti yang berikut:[408]

Dan beberapa kalangan sahabat Nabi telah berhimpun di penghadapan Ali r.a., iaitu setelah Talhah dan al-Zubair juga termasuk sama. Maka mereka semua berkata: Wahai Ali! Sesungguhnya kami telah meletakkan syarat kepadamu supaya melaksanakan hudud terlebih dahulu, dan sebenarnya puak itulah Saba'iyah yang telah sama-sama menumpahkan darah lelaki ini (Uthman bin Affan), dan meletakkan diri mereka sebebas-bebasnya. Maka Ali menjawab: Wahai saudaraku semua, sesungguhnya bukanlah aku tidak tahu apa yang kamu semua tahu itu, tetapi aku sendiri, bagaimanakah aku mahu lakukan terhadap puak itu yang jelas mereka sedang menguasai kita, sedangkan kita tidak menguasai mereka ...

Jadi di sini jelas sekali Saiyidina Ali r.a. sebagai khalifah yang bertanggungjawab terang-terang menyatakan ketidaksanggupannya mengatasi masalah pembunuhan Uthman bin Affan itu. Oleh itu, barangkali, inilah alasan mengapa sahabat-sahabat Nabi seperti, Talhah, al-Zubair, Abdullah bin Amir, Said bin al-As, Yaala bin Umaiyah, Abdullah bin al-Zubair dan Ummu al-Mukminin Aisyah r.a. sendiri serta lain-lainnya bangun bertindak sendiri bagi menghukum sebahagian pembunuh Uthman bin Affan itu; dan kemudian cuba berdamai dan bersatu tenaga dengan kekuatan Khalifah Ali r.a., untuk meneruskan usaha mengesan saki baki musuh-musuh yang sememangnya berada di dalam lipatan selimut itu.

KONTROVERSI PERANG SIFFIN (SAFAR 36H)

Keadaan di Basrah pulih seperti sediakala setelah tamat Perang Jamal, Khalifah Ali bin Abi Talib r.a. melantik gabenor baru Abdullah bin Abbas r.a. mentadbir Basrah. Kemudian ia memilih bandar Kufah menjadi ibu negara Islam yang baru dan pusat pemerintahnya.[409] Seperti yang termaklum, konflik di antara Saiyidina Ali r.a. dan Mu'awiyah bin Abi Sufyan bekas gabenor Syam yang dipecat menjadi bertambah tegang setelah Mu'awiyah dan pengikut-pengikut setia yang terdiri dari penduduk

[408] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 437.
[409] Dr. Ibrahim Sya'wat, Dr. Mahmood Ziadah, al-Hiqbah al-Mitaliyah, hlm. 393.

Syam enggan menyatakan kesetiaan atau bai'ah mereka kepada Khalifah Ali r.a. yang baru dilantik.[410]

Sebenarnya konflik ini memuncak adalah merujuk kepada beberapa perkara yang menyentuh sikap Khalifah Ali bin Abi Talib dan sikap Mu'awiyah bin Abi Sufyan sendiri. Iaitu yang dapat dirumuskan dalam beberapa perkara:

1. Tindakan Saiyidina Ali r.a. sebaik saja dilantik menjadi khalifah seperti negatif terhadap permasalahan paling utama yang dihadapi oleh negara iaitu isu pembunuhan Khalifah Uthman r.a. yang lalu. Sebaliknya begitu drastik dalam soal memecat para pegawai kanan negara semasa pemerintahan Uthman bin Affan r.a. dahulu, terutamanya para gabenor wilayah.[411]

2. Mu'awiyah bin Abi Sufyan yang diberi mandat oleh tiga orang khalifah sebelumnya, iaitu Abu Bakar, Umar dan Uthman, mentadbir wilayah Syam lebih dari dua puluh tahun turut dipecat tanpa sebarang alasan. Ini menimbulkan huru-hara. Orang-orang yang jauh tinjauan politiknya, seperti al-Mughirah bin Syu'bah turut menasihatkan agar jangan dipecat dulu orang seperti Mu'awiyah itu, tetapi tidak diendahkan oleh khalifah; begitu juga nasihat daripada Abdullah bin Abbas r.a., tidak juga dipedulikan, sebaliknya menjawab dengan tegas:[412]

   Demi Allah, aku tidak akan berikan kepadanya kecuali pedang .

   Mendengar jawapan khalifah Ali r.a. yang begitu tegas, seolah-olah membelakangkan segala kepentingan dan pertimbangan-pertimbangan lain yang biasanya diambil kira oleh seseorang ketua negara yang berkaliber, Ibn Abbas lalu membuat komentar ke atas sikap Saiyidina Ali r.a. itu, katanya: "Wahai Amir al-Mukminin! Tuan adalah seorang lelaki yang amat berani, cuma tuan bukanlah seorang pakar dalam pertempuran. Apakah tuan tidak mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Peperangan itu adalah satu tipu helah (taktik)," jawab Ali: "Yalah!"[413]

3. Mu'awiyah yang sudah terkilan dengan pemecatan itu juga mengambil sikap seperti Talhah dan al-Zubair sebelumnya, iaitu sedia memberi ketaatan dengan syarat pembunuh Uthman bin Affan dihukum terlebih dahulu. Sebenarnya sikap Mu'awiyah itu diambil, hasil daripada satu perjumpaannya dengan beberapa orang sahabat Nabi s.a.w., ketua-ketua tentera dan pembesar-pembesar Syam yang sebulat suara berkata: "Kita tidak akan membai'ahnya, sehingga dia menghukum pembunuh Uthman r.a., atau menyerahkan mereka kepada kita. "[414]

4. Mu'awiyah bin Abi Sufyan dan orang-orang Syam menganggap Khalifah Ali r.a. terlibat melindungi penyokong-penyokong gerakan Ibn Saba' (Saba'iyah) yang melakukan jenayah ke atas Khalifah Uthman r.a., sedangkan orang ramai pada waktu itu menuntut pembelaan ke atas darah Uthman r.a.[415] Dikatakan juga,

---

[410] Dr. Hassan Ibrahim Hassan, Tarikh al-Islam, jil. I, hlm. 368.

[411] Dr. Ibrahim Ahmad al-Adawi, al-Tarikh al-Islami, Afaquhu al-Siasiyah wa Abdahulu al-Hadhariyah, Mesir. 1396H/1976M, hlm. 209. Llhat juga Dr. Ahmad Syalabi, dlm. al-Tarikh al-Islamiy, Jil. I, hlm. 335.

[412] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, Jil. IV , hlm. 441.

[413] Ibid

[414] Ibn al-Arabi, al-Awasim min al-Qawasim, hlm. 162.

[415] Dr. Hassan Ibrahim Hassan, Tarikh al-Islam, jil. I, hlm. 367.

Mu'awiyah bin Abi Sufyan pada waktu itu adalah orang yang paling kanan dalam keluarga Bani Umaiyah, di mana Khalifah Uthman adalah sepupunya, maka dialah yang paling berhak menuntut pembelaan atas kematian Khalifah Uthman itu, diatas dasar ia menjadi walinya. Dikatakan Mu'awiyah berpegang dengan firman Allah:[416]

Dan sesiapa yang dibunuh secara aniaya, maka kami (Allah) jadikan bagi pihak walinya kuasa (menuntut pembelaannya).

Kemungkinan atas dasar sebagai ketua keluarga inilah, Mu'awiyah meminta Ali r.a. sebagai khalifah supaya menyelesaikan dahulu masalah penganiayaan ke atas anggota keluarganya iaitu Uthman bin Affan, sebelum pihaknya dan keluarganya menyampaikan ketaatannya pula. Ataupun atas dasar dan niat yang lain dari yang tersebut itu, Allah Maha Mengetahui.

Walau bagaimanapun ini merupakan hanya satu kontroversi yang kecil, menyebabkan berlaku pertempuran di antara kekuatan Saiyidina Ali r.a. sebagai khalifah yang sah dengan kekuatan Syam pimpinan Mu'awiyah bin Abi Sufyan bekas gabenornya yang dipecat. Pertempuran berlaku pada bulan Safar tahun 37H di sekitar lembah Siffin[*].[417] Ada juga pendapat yang menyebut pertempuran bermula pada bulan Zulhijah tahun 36H, dan berakhir pada bulan Muharam 37H.[418] Kontroversi yang lebih rumit ialah selepas perang itu dihentikan, iaitu ketika penghakiman dan urusan damai berkekalan bagi kedua-dua belah pihak cuba diusahakan, iaitu yang dikenali di dalam sejarah Islam sebagai al-Tahkim. Perwakilan Ali bin Talib r.a. diketuai oleh Abu Musa al-Asyari r.a., manakala perwakilan Mu'awiyah bin Abi Sufyan r.a. diketuai oleh Amru bin al-As r.a.[419] Banyak sekali sumber-sumber sejarah Islam kebelakangan membentangkan dengan cara yang cukup menarik berlaku perangkap memerangkap, dan tipu menipu di antara kedua-dua ketua perwakilan itu, dari mula hingga ke akhirnya. Dari aspek yang lain, peristiwa itu memperlihatkan sikap yang amat berbeza di antara kedua-dua orang ketua perwakilan itu. Abu Musa al-As'yari dengan ketaqwaan dan kezuhudannya malahan disebut sebagai pelupa, sedangkan Amru bin al-As dengan kebijaksanaan dan kelicinan putar belitnya.[420]

Kedua-dua ketua perwakilan bertemu di sekitar kawasan perang iaitu setelah perang dihentikan pada bulan Rabiulawal 38 H.[421] Iaitu bagi menulis perjanjian al-Tahkim yang dipersetujui bersama. Kandungan lengkap perjanjian itu dilaporkan oleh al-Tabari. [422] Secara umumnya kedua-dua pengadil Abu Musa dan Amru bersetuju dan berjanji untuk kembali kepada al-Qur'an bagi mendapat penyelesaian masalah yang dihadapi oleh kedua-dua belah pihak. Sekiranya tidak didapati di dalam al-Qur'an, maka Sunnah hendaklah dirujuk. Perang hendaklah dihentikan. Orang ramai dijamin keselamatan diri, keluarga dan harta benda sehingga diputuskan oleh kedua-dua pengadil secara muktamad. Kedua-dua pengadil boleh menyertakan seberapa ramai

---

[416] Al-Qur'an surah al-Isra': 33. Lihat juga Dr. Mustafa Hilmi, Nizam al-Khilafa.
[*] Siffin letaknya di antara bandar Riqqah dan Halab iaitu kira-kira 100 batu dari Riqqah.
[417] Dr. Ibrahim Sa'wat dan Dr. Mahmoud Ziadah, al-Hiqbah al-Mithaliyah, hlm. 394.
[418] Ibn Arabi, al-Awasim, hlm. 163 dalam nota kaki.
[419] Dr. Ahmad Syalabi, al-Tarikh al-Islami, jil. I, hlm. 352.
[420] Ibn Tabataba, Tarikh al-Dual al-Islamiyah, hlm. 91. Lihat juga al-Yaakubi, Tarikh al-Yaakubi, jil. II, hlm. 189.
[421] Ibid., hlm. 190.
[422] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. V, hlm. Lihat Ibn Qutaibah, al-Imamah, jil. I, hlm. 118.

saksi yang dikehendaki. Kemudian menulis persetujuan mereka di atas kertas perjanjian ini. Kedua-dua pengadil bersetuju berkumpul semula di Dumah al-Jandal pada bulan Ramadan tahun berkenaan. Tiap-tiap pihak diwakili oleh kira-kira 400 orang untuk menyaksikan setiap kandungan yang telah dipersetujui itu.[423]

KONTROVERSI YANG MENGELIRUKAN

Mulai dari sinilah terjadi kontroversi-kontroversi yang amat mengelirukan di kalangan penulis-penulis sejarah Islam; dengan laporan yang bercanggah di antara satu sama lain. Kekeliruan begitu kadang-kadang menjadikan yang benar itu salah, dan yang salah itu benar. Malahan yang sering berlaku, kekeliruan itu kerap sekali menutup kebenaran. Ini juga terjadi pada perjumpaan di Dumah al-Jandal itu. Satu usaha penelitian yang mendalam dengan kesedaran yang menyeluruh sahaja akan dapat menyingkap hakikat yang sebenarnya apa yang terjadi pada perjumpaan itu. Kepelbagaian riwayat sejarah tentang perkara itu, antaranya seperti yang berikut:

> Pada bulan Ramadhan seperti yang dijanjikan, kedua-dua ketua perwakilan atau pengadil dengan ditemani oleh kira-kira 400 orang bagi setiap pihak bertemu di Dumah al-Jandal. Dalam perjumpaan itu, kata Amru bin al-As (perwakilan Mu'awiyah) kepada Abu Musa al-Asy'ari (perwakilan Ali): "Wahai Abu Musa, adakah tuan tidak tahu bahawa Uthman bin Affan itu dibunuh secara teraniaya"? Jawab Abu Musa: "Bahkan." Kata Amru lagi: "Adakah tuan tidak tahu bahawa Mu'awiyah dan keluarganya adalah wali-walinya?" Jawab Abu Musa: "Yalah!" Maka kata Amru lagi: "Oleh itu apa yang menghalang kamu dari menerimanya? Keturunannya dari Quraisy juga? Seperti yang kamu tahu? Kalau kamu takut orang lain kata, dia itu bukan dari orang terawal menerima Islam, maka katakan saja: Aku dapati sifatnya sebagai wali Uthman, khalifah yang dizalimi, dan yang menuntut pembelaan darahnya adalah orang yang baik politik dan pentadbirannya. Dan dia juga adik kepada Ummu Habibah isteri Rasulullah s.a.w., dan penulis serta sahabatnya."[424] Amru juga menawarkan sesuatu jawatan kepada Abu Musa asalkan Abu Musa bersedia memberikan Mu'awiyah sesuatu. Abu Musa menolak sambil berkata: "Dijauhkan Allah, bahawa aku melantik Mu'awiyah, dan aku menerima sesuatu keputusan Allah secara rasuah ..."[425]
>
> Setelah berbincang panjang dan tawar-menawar dan setelah tidak ada sebarang persetujuan dicapai, maka kata Amru: "Wahai Abu Musa, apa fikiran kamu"? Jawab Abu Musa: "Pandanganku, kita lucutkan saja Ali dan Mu'awiyah dari perkara ini dan dengan itu kita dapat meredakan semua orang dari fitnah ini dan kemudian kita serahkan kepada Majlis Syura, semua Muslim memilih siapa yang mereka persetujui. Kata Amru: "Fikiranmu itu paling baik, dan aku bersamamu."[426] Akhirnya Amru persilakan Abu Musa tampil terlebih dahulu mengisytiharkan (secara ucapan). Alasan Amru kerana Abu Musa sahabat Rasulullah s.a.w. dan lebih tua darinya.[427] Dengan itu Abu Musa

[423] Dr. Ibrahim Sa'awat dan Dr. Mahmoud Ziadah, al-Hiqbah al-Mithaliyah, hlm, 397.
[424] Ibrahim al-Ibyari, Muawiah, Wizarah al-Thaqafah wa al-Irsyad al-Qaumi, Mesir, tanpa tarikh, hlm. 213.
[425] Ibn Tabataba, Tarikh al-Dual al-Islamiyah, hlm. 92.
[426] Ibid., hlm. 92.
[427] Ibid.

mengisytiharkan: “Saudara sekalian, kami telah bincang perkara yang menyentuh umat ini, maka kami dapati tidak ada yang lebih baik, dan tidak ada yang dapat menyatupadukan perpecahannya, melainkan apa yang aku dan Amru putuskan, iaitu kita lucutkan Ali dan Mu’awiyah, kemudian semua orang melantik sesiapa yang mereka suka. Sesungguhnya aku dengan ini memecat Ali dan Mu’awiyah, maka terimalah tanggungjawab kamu semua, dan lantiklah sesiapa yang kamu semua rasa berkeahlian."[428]

Kemudian Amru bangun dan berkata; "Orang ini (Abu Musa) telah berkata apa yang kamu semua dengar tadi, ia telah memecat tuannya Ali dan aku juga turut memecat tuannya seperti dia memecatnya, tetapi aku mengekalkan tuanku Mu'awiyah! Sesungguhnya dia adalah wali Uthman bin Affan r.a. dan juga menuntut pembelaan darahnya; dan paling berhak di tempatnya. “Abu Musa amat marah, lalu bertempik: "Apa kamu ini? Allah tidak merestuimu. Engkau penipu dan pembelot. Engkau tak ubah seperti anjing, sekiranya dilayan ia menjelir lidahnya atau dibiar pun ia tetap menjelir lidahnya juga!” Amru senyum dengan tenang sambil menjawab: "Engkau pula umpama kaldai yang hanya tahu membawa surat yang bertimbun-timbun.” Orang ramai menjadi kelam-kabut. Sesungguhnya Amru telah menipu Abu Musa dengan satu penipuan yang terkutuk, lalu semua orang beredar begitu sahaja seolah-olah tidak ada sebarang perhimpunan.[429]

Ibn Tabataba pula mencatatkan: Kata Abu Musa: "Sesungguhnya aku telah memecat Ali dan Mu'awyiah daripada "khalifah” seperti dicabutkan cindn dari jari ini.” Amru tampil dan berkata: "Kamu semua telah dengar katanya dia telah memecat tuannya, dan aku juga begitu turut memecatnya, cuma aku mengekalkan tuanku Mu'awiyah. Abu Musa menolak dan berkata: "Dia telah menipu dan berbohong, bukan ini yang kami persetujukan.” Tetapi tidak diendahkan oleh Amru, dan orang ramai pun bersurai.[430] Al-Yaakubi pula mencatatkan: Abu Musa menaiki mimbar dan memecat Ali, kemudian naik pula Amru bin al-As, dan berkata: "Sesungguhnya, aku mengekalkan Mu'awiyah seperti cincinku ini kekal di jariku.” Maka Abu Musa bertempik: Engkau menipu wahai munafiq!" Engkau tak ubah seperti kaldai, yang membawa bertimbun-timbun surat.” Orang ramai riuh melaungkan. Demi Allah kedua-dua pengadil ini telah menghukum di luar dari kitab Allah; sedangkan syarat yang diletakkan bukan itu. Lalu orang ramai berbalas-balas pukulan dengan tongkat; dan terpisah. Orang-orang Khawarij* melaung: "Kedua-dua pengadil itu telah kafir.” Tidak ada pengadilan hanya untuk Allah.[431]

Al-Tabari, mencatatkan catatan yang lebih kurang sama dengan Ibn Tabataba dan lain-lain iaitu Abu Musa mengisytiharkan pemecatan Ali dan Mu’awiyah sama-sama, dan menyerahkan urusan melantik khalifah yang baru kepada orang ramai. Amru pula mengisytiharkan pemecatan Ali sahaja tetapi mengekalkan Mu’awiyah. Abu Musa amat marah; lalu berkata: “Allah tidak restui kamu, engkau pembohong dan penipu. Engkau tak ubah seperti anjing, kalau dilayan ia menjelir lidahnya dan kalau

---

[428] Ab. Khaliq Abu Rabiah, Ma’a al-Khulafa' al-Rasyiden, hlm. 150, 151. Lihat juga Ibrahim al-Ibyari, Muawiah, hlm. 216. Lihat juga Ibn Qutaibah, al-Imamah wa al-Siasah Kaherah, 1967, Jil.I, hlm. 118.
[429] Ibid., hlm. 151.
[430] Ibn Tabataba, Tarikh al-Dual al-Islamiyah, hlm. 93.
* Khawarij ialah pengikut Ali bin Abu Talib yang berpaling tadah selepas perang Siffin dan Tahkim itu membawa konsep bahawa Ali dan Muawiah kedua-duanya telah kafir, boleh dibunuh.
[431] Al-Yaakubi, Tarikh, jil. II, hlm. 190.

dibiarkan pun ia menjelir lidahnya juga." Amru menjawab: "Engkau pula macam kaldai membawa buku-buku." Lantas Syuraih bin Hani membelasah Amru dan dibalas oleh anak Amru.[432]

Akhir sekali al-Mas'udi dalam satu catatannya pula menjelaskan tiga maklumat yang berbeza iaitu:

1. Seperti catatan lain sebelum ini, di mana kedua-dua bersetuju menulis persetujuan itu melalui penulis yang ditugaskan khas, kemudian mengiklankan di hadapan khalayak ramai, secara putar-belit, antaranya kata Abu Musa: "Kami berdua telah berbincang panjang lebar, di mana apa yang kami nampak, jalan yang paling hampir kepada mencapai keamanan dan kebaikan serta menyatukan semula segala perpecahan, juga memelihara dari pertumpahan darah ialah kami memecat Ali dan juga Mu'awiyah. Sesungguhnya aku memecat Ali seperti aku memecat serbanku ini (sambil mencapai serban di kepalanya dan mencabutnya). Dan kami melantik seorang lelaki yang pernah bersahabat dengan Rasulullah s.a.w. dan bapanya juga sahabat Nabi s.a.w., maka ia jelas mendahului di dalam Islam, iaitu Abdullah bin Umar r.a.;" sambil memuji-mujinya serta mengajak orang ramai menyetujuinya, lalu ia pun turun. Giliran Amru pula berucap: "Sesungguhnya Abu Musa Abdullah bin Qais telah memecat Ali dan mengeluarkannya daripada urusan ini yang dituntutnya. Sedangkan dia pun tahu. Apakah tidak aku juga telah memecat Ali bersama-samanya, dan mengekalkan Mu'awiyah ke atasku dan ke atas kamu. Dan Abu Musa telah menulis di dalam surat perjanjian, bahawa Uthman yang telah dibunuh secara zalim itu syahid. Dan walinya diberi kuasa menuntut pembelaan darahnya di mana jua. Dan Mu'awiyah telah pernah bersahabat dengan Rasulullah s.a.w., dan bapanya juga sahabat Nabi s.a.w. Lalu ia juga memuji-mujinya serta mengajak orang ramai menyetujuinya. Katanya: Dia (Mu'awiyah) adalah khalifah ke atas kita, dan berhak ditaati, serta ketaatan kita itu berdasarkan tuntutan ke atas darah Uthman." Abu Musa memotong: "Amru berbohong, tetapi kami memecat Mu'awiyah dan Ali sama-sama. Lalu jawab Amru: "Bahkan Abdullah bin Qaislah yang berbohong. Dia telah pecat Ali, tetapi aku tidak pecat Mu'awiyah."
2. Al-Mas'udi menjelaskan: Aku dapati satu sumber lain menyebut, bahawa kedua-duanya telah bersetuju memecat Ali dan Mu'awiyah, dan kedua-duanya juga bersetuju selepas itu menyerahkan perkara itu kepada 'syura'. Orang ramai akan memilih lelaki yang sesuai dengan mereka semua.[433]
3. Al-Mas'udi juga mencatatkan: bahawa tidak kedapatan di antara Abu Musa dan Amru bin al-As selain daripada apa yang mereka tuliskan di dalam perjanjian bertulis itu sahaja, dan pengakuan Abu Musa bahawa Uthman itu dibunuh secara aniaya, dan termasuk catatan-catatan lain yang disebutkan dahulu. Kedua-duanya sama sekali tidak berucap mengisytiharkan sesuatu.[434] Cuma yang ada selepas itu ialah Amru bin al-As berkata pada Abu Musa: "Sebutlah siapa yang kamu nampak untuk dicalonkan, nanti aku pula menimbangnya." Maka Abu Musa menamakan: Ibn Umar, sambil berkata pada Amru: "Aku telah menamakan seseorang, maka engkau pula sebutlah" kata Amru: "Ya! Aku akan menamakan orang paling gagah di kalangan umat ini, paling pintar dan paling luas ilmu politiknya, iaitu Mu'awiyah bin Abu Sufyan." Abu Musa membantah: "Tidak! Demi Allah, dia bukan ahlinya." Kata Amru: "Baiklah" Abdullah 'Amru bin al-As." Apabila disebut sahaja begitu, Abu Musa pun fahamlah, bahawa Amru hanya mempermainkannya sahaja; lalu

---

[432] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. V, hlm. 70, 71.
[433] Ibid.
[434] Ibid., hlm. 597.

katanya: "Perbuatanmu itu dilaknati Allah!" Maka mereka berdua berbalas-balas maki hamun, kamudian Abu Musa terus berlepas ke Makkah. Amru bin al-As pula pulang ke rumahnya.[435]

Bertitik tolak daripada sumber sejarah yang dibentangkan itu, sama ada oleh Mahmoud al-Aqqad, Ibrahim al-Ibyari, Ab. Khaliq Abu Rabiah, al-Yaakubi, Ibn Qutaibah, al-Mas'udi mahupun al-Tabari, terdapat beberapa percanggahan tertentu yang memberi keyakinan bahawa mungkin ada sesuatu yang tidak kena, atau direka-reka orang, lalu diserapkannya ke dalam fakta sejarah al-Tahkim itu, hingga terasa ia semacam sesuatu fakta yang benar. Bila terdapat percanggahan-percanggahan seperti itu, kajian yang teliti perlu diadakan. Di antara maklumat-maklumat dari sumber-sumber itu, dapat disimpulkan dalam tiga pendapat yang besar, iaitu:

1. Al-Yaakubi, Ibn Tabataba, dan sumber-sumber yang serupa dengannya, menyatakan bahawa kedua-dua orang pengadil, Abu Musa dari Amru bersetuju memecat kedua-dua pihak yang bertikai, Ali dan Mu'awiyah, dan menyerahkan perkara itu kepada semua orang Islam. Kemudian semua keputusan yang dipersetujui itu ditulis pada wathiqah, yang kemudiannya diiklankan atau diisytiharkan kepada orang ramai di perhimpunan Dumah al-Jandal itu. Melalui perisytiharan itulah berlaku tipu-menipu atau perangkap-memerangkap di antara kedua-dua orang pengadil.
2. Al-Tabari pula menerangkan kedua-dua pengadil berbincang dan bersetuju memecat kedua-dua yang bertikai, tetapi tidak sekata tentang calon pengganti, kemudian tanpa menulis apa-apa catatan, lalu mengisytiharkan keputusan itu, di situ juga berlaku tipu-menipu.
3. Al-Mas'udi dalam catatannya yang pertama dan kedua, kandungannya lebih kurang sama dengan catatan yang lalu, tetapi catatannya yang ketiga agak menarik, dan berlainan, iaitu tidak ada sebarang perisytiharan berlaku, kecuali perjanjian yang ditulis itu sahaja lalu dengan itu tidaklah terjadi apa-apa tipu-menipu atau perangkap-memerangkap kerana tidak ada sebarang ucapan atau perisytiharan dibuat.

Dari ketiga-tiga pandangan induk ini, satu penilaian yang ilmiah dan setimpal harus diberikan bagi menjelaskan kedudukan sebenar kontroversi al-Tahkim itu; atau sekurang-kurangnya menghapuskan kekeliruan tanda-tanya apakah benar berlaku tipu-menipu di antara dua orang tokoh Islam yang terkenal di dalam sejarah iaitu Abu Musa dan Amru bin al-As. ..? Kalau berlaku tipu-menipu, apakah hanya berakhir begitu sahaja? Dan sebagainya. Ditinjau kepada keseluruhan aspek, seperti suasana kemasyarakatan, kekuatan beragama, keluhuran-budi dan sebagainya, khususnya bagi tokoh-tokoh yang banyak berbakti kepada Islam dan Nabinya s.a.w. Abu Musa al-Asyari dan Amru bin al-As itu, adalah dirasakan bahawa pendapat dan catatan al-Mas'udi yang ketiga itu, lebih munasabah dan releven dengan semua suasana yang wujud. Dalam hal ini pandangan Dr. Ibrahim Sawat, Dr. Mahmoud Ziadah dan Dr. Hassan Ibrahim Hassan adalah lebih akur dengan suasana keislaman dan peristiwa yang berlaku, antaranya: Kami berpendapat bahawa riwayat al-Mas'udi adalah lebih hampir kepada rasional. Sebab ia satu-satunya yang munasabah dengan perjalanan peristiwa tersebut dan bersesuaian pula dengan peribadi seorang sahabat besar Nabi s.a.w. yang mulia seperti Abu Musa al-Asy'ari itu. Di mana ia terkenal sebagai pengasas beberapa institusi Fiqh terkemuka di dalam Islam. Tidak boleh menuduhnya sebagai bodoh, alpa dan cetek fikiran. Dan oleh sebab riwayat al-Tabari umpamanya,

---

[435] Ibid.

menyebut hanya yang dibuat perisytiharan sahaja, dan penipuan itu dilakukan ke atas Abu Musa. Maka kalau itu benar, apa untungnya pada Mu'awiyah ? Kerana penetapan Mu'awiyah, cuma hukuman sahaja. Lagipun perkara apa yang ditetapkan ? Sebab yang diperlukan oleh umat waktu itu ialah perjanjian bertulis, bukan semata-mata ucapan. Bahkan kalau betul apa yang dikatakan oleh al-Tabari dan yang seumpama dengannya, nescaya apabila orang ramai, terutama yang mengiringi Abu Musa -- tidak kurang daripada 400 orang -- sedar mereka ditipu, atau diperdayakan, sedangkan pedang-pedang mereka baru dua bulan berlumuran darah -- sudah tentu bukan sekadar berbalas pukulan tongkat sahaja -- tetapi akan meletus pertumpahan darah yang lebih ngeri di antara dua kumpulan itu.[436] Tetapi ini semua tidak terjadi, dan hanya masing-masing bersurai seperti tidak ada apa-apa perkara kritikal berlaku. Bagi dua kumpulan yang sedang tegang bermusuhan, keadaan seperti ini tidak dapat diterima akal.

PENILAIAN TERHADAP KESELURUHAN PROBLEM

Sekiranya tujuan untuk mencari sesuatu kebenaran pada keseluruhan permasalahan yang timbul daripada kontroversi al-Tahkim ini cuba diusahakan, maka sekurang-kurangnya tiga aspek penelitian harus diutamakan, iaitu:

1. Berhubung dengan perkara sebenar titik perselisihan di antara Ali bin Abi Talib dengan Mu'awiyah bin Abi Sufyan.
2. Tentang kedudukan tugas rasmi atau jawatan semasa bagi kedua-dua individu.
3. Pendedahan khusus tentang latar diri atau biografi Abu Musa al-Asy.ari.

PERSELISIHAN ANTARA ALI DAN MU'AWIYAH

Merujuk kepada sumber-sumber sejarah Islam, ternyata bahawa perselisihan yang berlaku di antara Khalifah Ali bin Abi Talib dengan bekas gabenor Syam yang dipecatnya, adalah dari faktor yang sama dengan permusuhan yang berlaku di antara Khalifah Ali r.a. dengan tokoh-tokoh di dalam peperangan Jamal (unta); iaitu berpunca daripada pembunuhan Khalifah Uthman r.a. tanpa inisiatif pembelaan khusus dari pihak yang berwajib. Setelah Ali bin Abi Talib r.a. dilantik menjadi khalifah yang baru, penumpuan orang ramai, sebelum melihat program pembangunan, dan polisi pemerintahan khalifah yang baru ini, tentulah tertumpu kepada apakah penyelesaian muktamad terhadap isu pembunuhan kejam itu. Kerana buat masa itu, ia adalah isu negara paling utama. Apabila keadaan berlalu begitu, sebahagian daripada sahabat besar Rasulullah s.a.w. seperti Talhah, al-Zubair, Ummu al-Mukminin Aisyah r.a., beranggapan bahawa Khalifah Ali r.a. sengaja tidak menunaikan tanggungjawab bagi menjalankan qisas ke atas penjenayah-penjenayah yang membunuh Khalifah Uthman r.a. Kedudukan suasana semasa memudahkan orang menuduh Khalifah Ali r.a. terlibat. Kerana sebenarnya pembunuh-pembunuh Uthman r.a. terdiri dari pelbagai kabilah yang bercampur-aduk dengan penyokong dan pengikut setia Ali r.a., dan Ali r.a. tidak boleh menafikannya.[437]

Di antara yang menambahkan kontroversi ini lagi ialah pengakuan dari kalangan yang berada di pihak Khalifah Ali sendiri, contohnya; Mu'awiyah mengirim

---

[436] Dr. Ibrahim Sawat dan Dr. Mahmood Ziadah, al-Hiqbah al-Mithaliyah, hlm. 399, Lihat juga Dr. Hassan Ibrahim Hassan.

[437] Mohd. Kurd Ali, al-Islam wa al-Hadarah, jil. II, hlm. 380.

sepucuk surat kepada Ali bin Abi Talib r.a. melalui Abu Muslim al-Khaulani, antara kandungannya:

...Engkau disyaki melindungi pembunuh-pembunuhnya (Uthman). Orang-orang itu penyokong, kakitangan, penolong dan pengikut setiamu...

Apabila Ali r.a. menerima surat itu, ia bercadang untuk menjawabnya esok hari. Ketika Abu Muslim al-Khaulani masuk menghadap Ali r.a. di masjid, perkarangannya dipenuhi manusia, didapati kira-kira sepuluh ribu lelaki yang lengkap bersenjata, mereka melaungkan serentak. Kami semua adalah pembunuh Uthman ! Maka atas dasar itulah menyebabkan Mu'awiyah enggan membai'ah Ali r.a.; dan enggan melaksanakan arahannya di wilayah Syam itu, bahkan ia berpendapat perkara pertama yang mesti diselesaikan ialah qisas, kemudian barulah menyelesaikan soal ketaatan (bai'ah). Sedangkan Khalifah Ali r.a. pula berpegang bahawa perlantikannya sudah selesai dan sempuma dengan kerelaan orang-orang muslimin yang berada di Madinah, oleh itu seluruh muslimin yang lain di seluruh pelosok negara Islam, mestilah menyertai bai'ah kesetiaan itu tanpa sebarang soal. Di sinilah letaknya perbezaan pendapat dan sikap di antara Khalifah Ali r.a. dan Mu'awiyah. Sebenarnya Mu'awiyah sendiri tidaklah menafikan kelebihan Ali r.a. dan kewajarannya menjadi khalifah; tetapi ijtihadnya (Mu'awiyah juga seorang mujtahid) membawanya kepada berpendapat, mesti mengambil tindakan ke atas para pembunuh Uthman sebelum urusan bai'ah. Ia juga berpendapat tidak ada orang lain yang berhak menuntut pembelaan darah Uthman selain dirinya sendiri, kerana status kekeluargaannya dengan Uthman.

Selain alasan-alasan yang lalu kemungkinan juga Mu'awiyah berpendapat, bahawa hingga ke tahap itu, kepimpinan Saiyidina Ali r.a. boleh dipertikaikan, kerana belum benar-benar memenuhi syarat utama kekhalifahan seperti yang digariskan oleh para ulama, iaitu: Keadilan (al-'Adalah) dan keberanian serta kesediaan bertindak (al-Syaja'ah wa al-Najidah).[438] Bagi Mu'awiyah di mana keadilannya, sekiranya seseorang ketua negara membelakangkan kewajipan menjalankan qisas terhadap pembunuh ketua negara sebelumnya; bahkan terdapat pula bukti yang menunjukkan ramai di antara penjenayah itu merupakan pengikut dan penyokong ketua negara itu sendiri. Dan tidak ada penafian tentang perkara ini. Lebih dari itu, Mu'awiyah terus berpendapat Saiyidina Ali r.a. juga belum dapat memenuhi syarat sebagai seorang yang berani dan sedia bertindak yang dikira penting sebagai ketua negara dalam Islam. Kelemahan ini dinyatakan sendiri oleh Khalifah Ali r.a. di hadapan serombongan sahabat Nabi s.a.w. -- tidak termasuk Mu'awiyah -- yang mengharapkan langkah-langkah segera diambil bagi menghukum para penjenayah yang sedang bermaharajalela di Madinah Rasulullah s.a.w. itu.[439] Bahkan bagi setengah-setengah ahli fikir terkenal seperti Ibn Khaldun, ada menambah beberapa syarat lagi bagi kelayakan seseorang khalifah, antaranya (al-Kafayah) iaitu berwibawa dalam semua perkara dan keadaan. Sekiranya dirujuk kepada syarat ini dari kaca mata Mu'awiyah yang melihat keadaan Ali r.a. waktu itu tentulah syarat 'wibawa' ini masih begitu jauh. Dalam konteks ini segala-galanya akan terpenuh sekiranya Saiyidina Ali r.a. dapat membuktikan ia telah berjaya dengan kuasa yang ada padanya melaksanakan qisas dan mengembalikan keamanan; dan barulah orang-orang seperti Mu'awiyah akan segera menyerahkan bai'ah kesetiaan mereka.

[438] Al-Mawardi, al-Ahkam al-Sultaniyah, hlm. 6. Lihat Dr. Mustafa al-Rafie, Hadarah al-Arab, Beirut, 1968, 6. 106.
[439] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 347.

Bagi Ali r.a. pula sikap keras Mu'awiyah dan orang-orangnya di Syam sudah boleh dikategorikan sebagai Bughah,* kerana dia adalah ketua negara sejak dibai'ahkan menjadi khalifah. Oleh sebab sikap melampau itu, menyebabkan mereka berada di luar jemaah Islam, maka Khalifah Ali r.a. memutuskan untuk memulangkan mereka ke dalam jemaah. Ali r.a. juga berpendapat keengganan mereka menyerahkan taat setia, bererti mencabar kekuasaannya yang sah; dan sudah terkeluar daripada keputusan muktamad yang dibuat oleh penduduk Madinah. Kesemua anasir ini sudah cukup membuktikan bahawa Mu'awiyah dan orang-orangnya adalah pelampau atau bughah yang boleh dilaksanakan hukuman bughah, sehingga ke peringkat menggunakan kekuatan senjata, iaitu mengikut peruntukan al-Qur'an.[440]

“Maka perangilah puak yang melampaui batas itu, hingga mereka kembali kepada perintah Allah. "

Oleh itu sekiranya diikuti perkembangan pertikaian di antara Ali dan Mu'awiyah dari awalnya, akan membantu memperjelaskan kedudukan kisah-kisah sejarah tentang pengadilan atau tahkim itu, di mana kedua-dua pengadil atau hakim dalam peristiwa itu semata-mata ditugaskan untuk mengadili perkara perselisihan pandangan dan sikap di antara Ali dan Mu'awiyah sahaja, dan tidak ditugaskan sama sekali mengadili perkara-perkara lain. Kerana isu yang berlaku bukanlah pertikaian di sekitar jawatan khalifah, atau siapa yang berhak dengan jawatan itu. Lagipun Mu'awiyah hingga ke tarikh itu tidak pernah mendakwa menjadi khalifah, hingga Amru bin al-As perlu memecatnya.[441] Malahan kedua-dua orang pengadil atau hakim itu sedar perselisihan itu ialah di sekitar sejauh mana wajib memberi bai'ah kepada Ali r.a. sebelum ia menjalankan hukum qisas ke atas pembunuh Uthman. Maka sekiranya kedua-dua pengadil membuat hukuman ke atas satu perkara lain yang bukan ditugaskan ke atas mereka, maka bermakna mereka telah tidak menjalankan tugas, dan segala yang mereka lakukan atau hukumkan selepas itu adalah dikira sia-sia dan seolah-olah mereka tidak melakukan apa-apa. Menghukum pun tidak dan menipu pun tidak. Jadi dari mana datang rasionalnya, sejarah yang mencatatkan berlaku tipu-menipu atau sebagainya.

KEDUDUKAN TUGAS SEMASA BAGI MU'AWIYAH

Mu'awiyah sebagai seorang pentadbir yang baik telah mendapat kepercayaan ketiga-tiga orang khalifah sebelum Ali bin Abi Talib r.a. Dalam pemerintahan Abu Bakar al-Siddiq r.a. ia berkongsi pentadbiran dengan abangnya Yazid bin Abu Sufyan di Syam dengan beberapa tugas Jihad. Pada zaman pemerintahan Umar bin al-Khattab r.a. ia menjadi gabenor seluruh wilayah Syam. Ia kekal dengan jawatan itu sehingga Umar r.a. meninggal dunia. Kemudian Khalifah Uthman bin Affan r.a. terus mengekalkan jawatannya sebagai gabenor Syam,[442] berterusan sehingga Uthman r.a. dibunuh. Apabila Ali bin Abi Talib dilantik menjadi khalifah, ia tidak memanjangkan khidmat Mu'awiyah, tetapi terus memecatnya, tanpa sebarang alasan. Tindakan itu memeranjatkan Mu'awiyah dan menggemparkan penduduk Syam sendiri. Al-Mughirah bin Syu'bah yang terkenal dengan kepintaran dan jauh pandangan itu cuba memberi

---

* Bughah kata jamak baghi iaitu orang-orang yang bersikap zalim dan melampau, kerana menentang pemerlntah yang sah, dalam konteks pernerlntahan Islam.

[440] Al-Hujurat:9.

[441] Ibn al-Arabi, al-Awasim min al-Qawasim, hlm. 174-175.

[442] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, hlm. 421.

fikiran kepada Ali, supaya terus memanjangkan khidmat Mu'awiyah di Syam itu. Kerana itu sahaja yang boleh menjamin ketaatan Mu'awiyah. Katanya: Sesungguhnya penduduk Syam benar-benar mengenali dan hidup selesa di bawah pentadbirannya, kerana menjadi gabenor mereka selama sudah dua puluh tahun, tidak ada sebarang sungutan mahupun aduan; baik tentang kehormatan mahupun harta benda. Jawab Ali: "Demi Allah, kalau ia minta padaku sebuah kampung kecil sekalipun, tidak akan kuberikan!" Lalu al-Mughirah mencelah: "Kalau demikian, aku rasa ia akan menguasai semua bumi dan kampung-kampung ini kelak!" Apa yang terjadi kemudian, benar-benar seperti telahan al-Mughirah.[443] Sebenarnya Saiyidina Ali r.a. menerusi ketajaman fikirannya dan kepelbagaian ilmunya masih tidak dapat menilai kekuatan musuhnya, lalu merendah-rendahkannya. Ia berpendapat kefahaman agamanyalah yang menghalangnya dari terus mengekalkan Mu'awiyah. Ia menyangka bahawa dengan mengekalkan Mu'awiyah, akan membahayakan dirinya dan juga jemaah.[444]

Walau bagaimanapun dengan pemecatan Mu'awiyah itu, bererti hilanglah kedudukan Mu'awiyah sebagai gabenor dari segi undang-undang atau dari segi rasminya, tetapi dari segi realiti dan moralitinya Mu'awiyah masih menjadi pemimpin seluruh masyarakat Syam. Bahkan tindakan Saiyidina Ali r.a. memecat Mu'awiyah tanpa sebarang sebab yang munasabah dan ketika ia berada di kemuncak kecemerlangan pentadbiran dan pimpinannya, menyebabkan simpati dan sokongan masyarakat Syam terhadap Mu'awiyah menjadi lebih padu dan menyeluruh. Kata Ibn Taimiyah: "Sejarah latar diri Mu'awiyah bersama masyarakat Syam adalah seunggul-unggul sejarah gabenor atau wali. Rakyat amat menyayanginya." Sesuatu yang jelas dari al-Bukhari dan Muslim, bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Sebaik-baik imam kamu ialah yang kamu kasih, dan ia pula mengasihi kamu. Seburuk-buruk imam itu ialah yang kamu benci, dan ia membenci kamu. Dan ia melaknat kamu dan kamu pula melaknatinya.”[445] Maka keadaan Mu'awiyah yang sudah tidak mempunyai sebarang jawatan di dalam pemerintahan Khalifah Ali r.a. yang baru itu, memang berada di dalam pengetahuan kedua-dua pengadil, Abu Musa dan Amru. Oleh yang demikian apa yang dikatakan oleh sejarah, keputusan kedua-dua pengadil memecat Ali dan Mu’awiyah dari jawatan masing-masing, adalah sesuatu yang amat palsu, kerana pemecatan itu ke atas Ali r.a. memang kena pada tempatnya, sebab ia berjawatan khalifah, tetapi bagi Mu’awiyah, apa yang dipecat daripadanya? Kerana waktu itu Mu’awiyah bukan seorang khalifah dan bukan pula seorang gabenor. Jawatan gabenornya sudah lama dipecat oleh Khalifah Ali r.a. Bahkan yang lebih palsu lagi, apa yang dikatakan kononnya Amru menipu Abu Musa dengan mengekalkannya. Soalnya, apakah yang dikekalkan oleh Amru itu? Jawatan sebagai khalifah atau sebagai gabenor? Kedua-dua jawatan itu, tidak berhak dikekalkan, kerana ia sememangnya tidak ada pada Mu’awiyah. Cuma yang masih ada pada Mu’awiyah ialah pengaruh dan daya pimpinannya ke atas masyarakat Syam, serta sifatnya sebagai ketua pemberontak dari Syam. Jadi adakah pernah berlaku dalam mana-mana sejarah, pengadil atau hakim negara menjatuhkan hukuman melucutkan pengaruh dan daya pimpinan seseorang dari kumpulan pimpinannya, atau melucutkan seorang ketua pemberontak dari mengetuai pemberontak-pemberontak yang lain ? ...Adalah sesuatu yang tidak dapat diterima oleh akal yang waras. Oleh itu ternyatalah dari aspek ini bahawa gambaran sesetengah sejarawan tentang kisah pengadilan dan perisytiharan keputusan serta berlakunya tipu-menipu di antara dua orang sahabat Rasulullah s.a.w. itu adalah semata-mata suatu penambahan, dan satu pembohongan belaka.

---

[443] Mohd. Kurd Ali, al-Islam wa al-Hadarah, hlm. 386.
[444] Ibid.
[445] Ibn Taimiyah, Minhaj al-Sunnah, jil. III, hlm. 189.

Bagi mengukuhkan bukti bahawa kisah-kisah begini hanya palsu dan semata-mata diada-adakan ialah kajian teliti terhadap keperibadian tokoh seperti Abu Musa al-As'yari r.a. dan seumpamanya, apakah manusia berperibadi seperti itu boleh diperangkap dan ditipu begitu mudah ?

LATAR DIRI ABU MUSA AL-ASYARI R.A.

Sebagaimana yang disebut dahulu, kononnya di dalam peristiwa al-Tahkim itu, Abu Musa menjadi korban penipuan yang diatur oleh wakil Mu'awiyah iaitu Amru bin al-As. Soalnya, apakah memang sebenarnya Abu Musa itu sepanjang sejarahnya dikenali sebagai seorang yang lemah daya pemikiran, dungu, dan pelupa dan sebagainya sehingga bertitik-tolak dari sifat-sifat kelemahan ini membolehkan Amru bin al-As dengan mudah sekali memerangkap dan menipunya.

Bahkan jika diteliti sejarah Islam di peringkat awal, ternyata Abu Musa adalah seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang banyak berbakti dan berjihad ke jalan Allah. salah satu di antaranya dari riwayat al-Bukhari tentang Perang Taif.

Hadith Abu Musa r.a., berkata: selepas peperangan Hunain Rasulullah s.a.w. mengutuskan Abu Amir kepada Awtas.* Di sana ia bertemu Duraid bin Sammah (musuh), lalu dibunuhnya dan Allah mengalahkan para pengikutnya. Abu Musa berkata: selepas itu Nabi s.a.w. menghantar pula aku bersama-sama Abu Amir, kali ini seorang musuh dari bani Jusyam melontar sebatang lembing lalu terpacak di lutut Abu Amir. Aku segera mendapatkannya dan bertanya: Pak cik, siapa menikammu? Lalu ditunjukkan ke arah orang yang melakukannya. Maka aku pun terus mengejamya, ia cabut lari. Aku terus mengejar sambil berteriak: Tidakkah kamu malu? Mengapa tidak tunggu di situ? Maka ia juga berhenti, dan kami berbalas tikaman pedang, di mana akhirnya dia terbunuh.[446] Dalam pemerintahan Khalifah Uthman r.a. ia terus menjadi gabenor Basrah kemudian Kufah sebelum dipecat.[447] Ada riwayat mengatakan ia terus menjadi gabenor sehingga akhir hayat Uthman r.a.[448] Bahkan Abu Musa al-Asy'ari termasuk di antara sahabat Nabi s.a.w. yang banyak meriwayat Hadith-hadith Rasulullah s.a.w., dan mengeluarkan fatwa-fatwa yang baik dalam hukum-hakam Islam. Menurut al-Sayuti pula, Abu Musa adalah di antara orang-orang yang telah menghafaz keseluruhan al-Qur'an ketika zaman Nabi s.a.w. lagi dan mengetuai institusi pengajiannya.[449] sebagai salah seorang sahabat yang terkanan pada dekad pertama Islam itu, mana-mana bahagian al-Qur'an yang disampaikan, kemudian dihafaz, lalu ia menjadi teras kehidupan harian mereka. Ia lebih jauh keadaannya dari orang zaman kebelakangan ini.

Kalau diketahui sumber kehidupan orang-orang pada dekad itu, baik ketika aman mahupun ketika perang, segala-galanya tegak di atas kefahaman al-Qur'an dan Sunnah, dan kalau juga diketahui status Abu Musa yang menjadi anggota zaman itu, sehingga Khalifah Umar bin al-Khattab secara khusus menyerahkan kepadanya dokumen kehakiman dan politik yang terkenal itu, maka bagaimana kita boleh bayangkan orang seperti ini mengalami lemah ingatan, atau bodoh atau sebagainya sehingga tidak mampu memahami kedudukan pertikaian yang diserahkan kepadanya supaya membuat keputusan, sehingga mengeluarkan satu keputusan yang begitu

---

* Awtas ialah satu kawasan lembah di daerah Hawazin.

446 Ibid, jil.IV, hlm.241.

447 Ibid., hlm. 264-265.

448 Ibn al-Athir, Usdu al-Ghabah fi Ma'rifah al-Sahabah, jll. III, Kaherah, hlm. 368.

449 Al-Sayuti, al-Itqan fi Ulum al-Qur'an, jil. 1, Kaherah 1951 , hlm. 72.

jauh lari daripada landasan sebenar (memecat orang yang memang tidak berjawatan) dan berlaku ketika sedang mengiklan dan selepasnya.[450]

Oleh itu berdasarkan penilaian yang lalu, dapat dijelaskan bahawa mana-mana riwayat sejarah yang menyentuh perkara tahkim dan penipuan-penipuannya adalah palsu dan bohong semata-mata. Ia sengaja ditokok-tambah kepada fakta asal oleh pihak-pihak yang berkepentingan pada dekad itu.

Bagi mengukuhkan alasan bahawa kisah-kisah sejarah seperti itu adalah rekaan semata-mata, dan tidak sah dibuat pegangan, ialah bahawa para ulama yang berautoriti yang mengasaskan sebarang riwayat atau jalan cerita di atas metod sanad,[*] iaitu ulama Hadith atau sunnah, adalah tidak pernah meriwayatkan perkara itu melalui karangan-karangan mereka, kecuali hanya buku-buku sejarah biasa yang tiada bersanad sama sekali dan tiada membezakan apakah berita benar atau palsu.[451] Malahan apa yang dilaporkan oleh ulama-ulama sunnah yang kuat berpegang kepada kebersihan sesuatu cerita itu, membuktikan ia bercanggah sekali dengan laporan cerita sejarah tanpa memastikan kebersihan sesuatu cerita. Contohnya al-Daruqutni yang bersanadkan kisah tersebut kepada Hudhain bin al-Munzir, menyebut bahawa kedua-dua orang pengadil bersetuju membuat keputusan menyerahkan "perkara" itu, kepada orang-orang yang Rasulullah s.a.w. rela dengan mereka sehingga ia wafat. Apa yang dimaksudkan dengan "perkara" itu jelaslah perkara perselisihan di antara Ali dan Mu'awiyah, ekoran keengganan Mu'awiyah dan pengikut-pengikutnya membai'ah Saiyidina Ali r.a. Iaitu perselisihan di sekitar sejauh mana wajib membai'ah Ali, sebelum ia menjatuhkan hukuman qisas ke atas pembunuh-pembunuh Uthman r.a. atau sebaliknya. Adapun perselisihan di sekitar jawatan khalifah pada waktu itu sebenarnya tidak timbul kerana Mu'awiyah sendiri hingga ke saat itu tidak pernah mendakwa menjadi khalifah; dan ia tidak pula membantah keahlian Ali r.a. dalam hal itu. Cuma ia enggan membai'ah Ali dan melaksanakan arahannya di Syam ialah kerana ia benar-benar masih berkuasa di Syam dari segi praktikalnya, bukan dari segi undang-undang. Iaitu berdasarkan kepada ketaatan menyeluruh masyarakat Syam kepadanya hingga ke saat itu. Dan mereka tidak menerima selain Mu'awiyah sebagai pentadbir Syam, buktinya apabila gabenor baru Sahl bin Hunaif mula berangkat menuju Syam dan tiba di Tabuk ia terserempak dengan sekumpulan orang berkuda, mereka bertanya: "Anda siapa?" Jawabnya: "Gabenor." Tanya mereka lagi: Untuk wilayah mana? Jawabnya: Syam. Mereka menjelaskan: "Kalau Uthman r.a. yang menghantar anda, maka silakan; tetapi kalau lainnya, maka pulanglah segera." Sahl bertanya lagi: "Apakah kamu semua tidak mendengar apa yang telah terjadi?" Jawab mereka: "Ya!", Lalu ia pulang mendapatkan Ali.

Ini bererti apa yang dibincangkan oleh kedua-dua orang wakil ialah perkara yang menjadi perselisihan itu, bukan perkara jawatan dan bersetuju menyerahkan kepada ummah untuk menyelesaikannya. Dan inilah yang dijelaskan oleh al-Allamah Ab. Razak Ibn Hammam al-Sa'ani, bahawa kedua-dua hakim telah bersetuju untuk memulangkan perkara perselisihan itu kepada ummah.[452] Walau bagaimanapun keputusan kedua-dua hakim itu tidak dilaksanakan, malahan peristiwa tahkim itu sendiri secara langsung, menjadi faktor perpecahan muslimin, di mana akhirnya

---

[450] Dr. Mohd. Salim al-Iwa, fi al-Nizam al-Siasi, hlm. 66.

[*] Sanad ialah asas laporan atau pembawa sesuatu berita atau maklumat. Iaitu menjelaskan secara terperinci siri orang-orang yang membawa sesuatu maklumat itu. Dengan itu dapat dinilai orang-orang berkenaan, sama ada amanah atau tidak.

[451] Ibid.

[452] Ibn al-Hammam. al-Musannaf; jil. V. Tahqiq al-Sayikh Habib al-Rahman al-Azami, Beirut, 1972, hlm. 465.

membawa kepada kemunculan puak-puak dan parti-parti politik dalam Islam.[453] Kesimpulannya, kedua-dua orang hakim telah berbincang selepas peperangan itu, cuma perbincangan adalah di sekitar tajuk perselisihan kedua-dua orang tokoh, dan bukan menyentuh perkara jawatan khalifah, kerana Saiyidina Ali r.a. sudah rasmi di Bai'ah oleh orang-orang Madinah menjadi khalifah dan tidak boleh dipertikaikan iagi. Malahan perkara 'perselisihan' itu diputuskan untuk diserahkan kepada Muslimin, khususnya sahabat-sahabat Nabi s.a.w. yang masih ada supaya dicari jalan penyelesaian. Kesemua keputusan itu pula ditulis di watikah dan tidak diisytihar atau diiklankan secara lisan. Segala kisah perangkap-memerangkap dan tipu-menipu seperti yang diketengahkan oleh sebahagian kitab-kitab sejarah itu, ternyata ia satu kisah palsu dan tidak berasas.

KESIMPULAN

Khilafah Islamiyah dari semua aspek melambangkan kesempumaan dan keunggulan institusi pentadbiran dan politik Islam yang mula diasaskan oleh Nabi besar Muhammad s.a.w. di Madinah. laitu dalam jangka masa kira-kira 10 tahun lamanya. Walaupun kemurnian institusi khilafah itu begitu terserlah jika dibandingkan dengan institusi kenegaraan dan politik lain yang dikenali oleh sejarah manusia, namun dalam masa yang sama ia sentiasa menjadi sasaran kepada musuh-musuh Islam, sama ada dari luar Islam, mahupun dari dalam Islam sendiri. Di antara musuh-musuh dari luar Islam yang terkenal seperti gerakan Zionisme dan Kristianisme antarabangsa dan lain-lainnya. Musuh-musuh dari dalam Islam sendiri pula seperti golongan munafiqin bagi dekad-dekad awal Islam, dan bagi zaman moden dan mutkahir pula sering diwakili oleh golongan sekular dengan faham pemisahan agama dari politik dan sebagainya. Dalam pemerintahan khulafa al-Rasyidin, khasnya pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a., penentangan golongan munafiqin, secara totalnya diterajui oleh gerakan Saba'iyah pimpinan Abdullah bin Saba'.

Keunggulan sistem khilafah terpancar dari prinsip dan amalan sepadu di antara agama dan politik, tiada pemisahan sama sekali. Kuasa paling tinggi bagi sistem Khilafah ialah Allah s.w.t., khalifah hanya berperanan sebagai petugas yang diamanahkan bagi menjalankan perintah Allah. la tidak memiliki kuasa individu mutlak. Dan tidak juga memiliki kuasa mengampun dosa-dosa rakyat, kerana kuasa pengampun satu-satunya ialah Allah s.w .t.

Walaupun dalam Islam terdapat berbagai-bagai kelompok dan mazhab dengan berbagai-bagai fahaman dan ideologi politik, tetapi keseluruhannya sekata bahawa Nabi Muhammad s.a.w. ialah Rasul pembawa risalah yang mencakup urusan agama dan pemerintahan secara sepadu. Di mana interpritasi dari kedua-dua bai'ah Aqabah, pertama dan kedua, sudah cukup membuktikan aspirasi politiknya, kerana ia adalah asas kepada penubuhan "Negara Islam" yang pertama di Madinah.

Kekuasaan Islam dalam metod ini diteruskan oleh pengganti-penggantinya bergelar 'khalifah' melalui institusi yang dikenali dengan nama 'khilafah'. Walaupun kelompok-kelompok mazhab-mazhab Islam tidak bertikai dalam soal wajib menegakkan institusi khilafah, tetapi yang dipertikaikan dengan begitu hangat ialah siapakah sepatutnya menjadi khalifah, terutama selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Dua golongan besar menerajui ketegangan ini, Syi'ah dan Sunnah. Bagi Syi'ah, Ali bin Abu Talib r.a., bukan sahaja yang paling layak, tetapi ia sudah diwasiat dan dinaskan oleh Rasulullah s.a.w.; cuma Abu Bakar al-Siddiq r.a. dan penyokong-penyokong

---

[453] Dr. M.S. al-Iwa, fi al-Nizam al-Siasi, hlm. 67

yang bertindak merampas hak itu. Bagi golongan sunnah pula Abu Bakar al-Siddiq r.a. yang paling layak dengan jawatan pimpinan itu, kerana itu ia dipilih oleh keseluruhan umat, mengikut metod syura yang dikanunkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Qur'an:[454]

". ..Dan urusan mereka (orang-orang Islam) dijalankan secara syura (musyawarah) di antara mereka. "

Di samping mengikut sunnah yang dipraktiskan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. dalam banyak peristiwa seperti pada Peperangan Uhud,[455] Peperangan Badar,[456] dan lain-lainnya. Pihak-pihak yang mendakwa bahawa Ali bin Abu Talib berhak menggantikan tugas Nabi s.a.w. dalam pimpinan kerana ada wasiat, sebenarnya sandaran-sandaran yang dipegang tidak mantap, lagipun bercampur-aduk dengan nas-nas palsu yang digiatkan oleh golongan pemusnah Islam seperti Saba'iyah dan sebagainya. Sedangkan bukti kelayakan Abu Bakar dan prioritinya dari pandangan semua pihak termasuk Rasulullah s.a.w. sendiri cukup banyak lagi jitu.

Ada juga kalangan-yang menggunakan Hadith-hadith sahih dengan interpretasi tertentu, dijadikan bahan bukti bahawa sepatutnya Rasulullah s.a.w. mewasiatkan kepada umum, bahawa baginda s.a.w. mahukan Saiyidina Ali r.a. menggantinya menjadi khalifah, tetapi sikap rakus beberapa orang penyokong Abu Bakar r.a. seperti Umar bin al-Khattab, telah menggagalkan tujuan itu.[457] Di antara yang mereka pegang sebagai bukti ialah Hadith riwayat al-Bukhari Muslim:

Daripada Ibn Adi berkata ia: Ketika Nabi gering, ia bersabda: Bawakan aku buku aku mahu tulis sesuatu, kelak kamu tidak akan sesat. Umar bin Khattab menjelaskan, sesungguhnya Nabi sedang sakit, kita sudah ada kitab Allah (al-Qur'an), cukuplah. Maka lalu berlaku kecoh dan bising. Nabi terus mengarahkan : Keluarlah kamu! Tidak perlu berbalah di sisiku.

Golongan yang terlalu fanatik dengan Saiyidina Ali cuba menggunakan Hadith ini, sebagai hujah yang menunjukkan bahawa hak Saiyidina Ali r.a. itu telah dirampas melalui langkah Umar bin al-Khattab yang telah memotong hasrat Rasulullah s.a.w. yang hendak menyampaikan wasiat yang amat penting itu; iaitu supaya Saiyidina Ali r.a. dilantik menjadi penggantinya.

Bagi kita yang tidak fanatik menyokong mana-mana pihak berdasarkan Hadith ini ingin membuat beberapa ulasan, antaranya:

1. Hadith ini terlalu umum, tidak dapat dipastikan, perkara apa yang hendak diwasiatkan oleh Rasulullah s.a.w. itu? Mungkin soal cadangan penggantinya dan mungkin soal lain. Kerana tidak ada qarinah yang membuktikan bahawa perkara yang hendak diwasiatkan ialah pengganti atau khalifahnya.
2. Sekiranya benar topik wasiat yang hendak disampaikan itu, perkara pengganti atau khalifah, maka ia juga terlalu umum, tidak ada bukti menunjukkan bahawa Ali bin Abu Talib r.a. ialah satu-satunya orang yang akan diwasiatkan. Bahkan mungkin Umar, mungkin Abu Bakar, mungkin Ali sendiri dan mungkin orang lain langsung, siapa tahu?

[454] Al-Qur'an, Surah al-Syura: 38.
[455] Al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. II, hlm. 503.
[456] Ibid., hlm. 572-573.
[457] 0. Hashim, Saqifah, hlm. 146.

3. Kalaulah benar perkara yang hendak diwasiatkan itu soal pengganti pimpinan, maka itu adalah perkara prinsip dan amat penting, kerana menyentuh urusan negara dan ummah. Oleh itu dalam soal-soal prinsip begini, ia bukanlah keinginan dari Rasulullah s.a.w. sendiri, tetapi ia adalah wahyu Allah s.w.t., kerana Rasulullah s.a.w. tidak menuturkan sesuatu hal (wasiat perkara amat penting), melainkan ia adalah wahyu dari Allah belaka (lihat Al-Quran surah al-Najm: 3)

   Bererti kalau sudah Allah s.w.t. wahyukan kepada Nabi s.a.w. supaya berwasiat, maka sudah pasti wasiat itu terlaksana juga. Tidak ada sesiapa di antara makhluk di dunia ini yang mampu menghalang penetapan wahyu Allah s.w.t. itu, sekalipun dibawa seribu orang Umar bin al-Khattab dengan segala keturunannya untuk menghalang atau menggagalkan wahyu itu; nescaya tidak akan berjaya. Dan kalau Allah telah menetapkan Ali bin Abi Talib r.a. menjadi khalifah pertama menggantikan Rasulullah s.a.w., kerana itu sudah penetapan dari Allah. Maka bagi kita orang-orang zaman kebelakangan ini sebenarnya terlalu mudah untuk menyelesaikan permasalahan seperti itu, kerana ia sudah pun berlaku dengan kehendak Allah jua, dan Ali bin Abi Talib r.a. menjadi khalifah keempat atas penetapan dan kehendak Allah juga. Itulah yang dinamakan qada dan qadar. Mengapa masih ada golongan atau orang-orang yang mempertikaikan urusan qada' dan qadar Allah seperti itu ...?

   Apakah dalam perkara-perkara lain mereka beriman dengan qada' dan qadar Allah, tetapi dalam isu ini mereka tidak ...? Usahlah ditonjolkan Hadith itu dan ini, kononnya dari Rasulullah s.a.w., membuktikan yang sepatutnya Ali r.a. menjadi khalifah, kerana kalau benar Hadith-hadith itu dari Rasulullah s.a.w. bererti ia dari Allah jua dan ketentuan Allah. Apabila Allah mahu Ali r.a. atau sesiapa saja menjadi khalifah pertama, maka pasti berhasil dan berlaku:[458]

   "Apabila ia (Allah) menghendaki sesuatu, tidak lain melainkan la hanya berfirman kepadanya: Jadi! Lantas jadi ia. "

Oleh itu, masakan orang-orang yang beriman boleh berkata, bahawa Abu Bakar, Umar bin al-Khattab dan Abu Ubaidah, dengan kepintaran, pakatan dan putar belit mereka telah berjaya merebut jawatan khilafah itu. Dan mengenepikan Saiyidina Ali r.a. yang telah pun diputus dan ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya supaya menjadi khalifah yang pertama. Bererti mereka berjaya melawan keputusan dan kehendak Allah s.w.t. (Wal'iazubillah min Zalik).

Sebenarnya Saiyidina Ali bin Abi Talib r.a. sendiri terang-terang mengaku bahawa Abu Bakar al-Siddiq r.a. satu-satunya manusia yang paling layak memegang teraju pimpinan selepas Rasulullah s.a.w. la juga mengaku seandainya ada nas dari Rasulullah s.a.w. menyebut bahawa dia (Ali) telah ditentukan menjadi pemimpin selepas Rasulullah s.a.w. nescaya dia tidak akan teragak-agak menghalang jalan Abu Quhafah (Abu Bakar) dan anak al-Khattab (Umar) itu, sekalipun dengan kekuatan senjata. Apa yang anehnya, realiti dari laporan tindak-tanduk Saiyidina Ali r.a. sendiri tidak menampakkan sikap protes atau menentang kenaikan Abu Bakar al-Siddiq r.a. menjadi khalifah, tetapi sebaliknya orang-orang zaman kebelakangan yang mendakwa kononnya menjadi pengikut dan penyokong kuat Saiyidina Ali itulah yang beria-ia benar mempersoalkan itu dan ini, mengkritik itu dan ini. Di sana salah, dan di sini tidak kena dan sebagainya, tidak ubah seperti kata orang, lebih sudu dari kuah.

---

[458] Al-Qur'an, surah Yasin 36:92.

Bahkan menurut al-Bukhari dan Ibn Hisyam, bahawa Saiyidina Ali r.a. sendiri pun tidak pernah tahu-menahu wasiat atau nas-nas itu, malahan ia sendiri tidak cuba ambil tahu perkara itu, buktinya ketika Rasulullah s.a.w. mulai tenat, al-Abbas cuba mengajak Saiyidina Ali r.a. masuk bertanyakan Nabi s.a.w., siapakah agaknya yang akan memegang pucuk pimpinan sekiranya Rasulullah s.a.w. sudah tiada? Saiyidina Ali r.a. menolak ajakan itu, katanya: "Demi Allah, sekiranya kita bertanya Rasulullah s.a.w. tentang perkara itu, maka kalaulah Nabi s.a.w. melarang kita misalnya nescaya selepas itu orang ramai tidak akan memberikannya pada kita lagi buat selama-lamanya. Oleh itu demi Allah, aku sekali-kali tidak akan bertanyakan Rasulullah."[459]

Bermakna kalau sudah ada nas atau wasiat mengapa perlu lagi al-Abbas cuba mendesak Saiyidina Ali r.a. supaya memberanikan diri, bertanyakan hal itu dan juga membuktikan Saiyidina Ali r.a. sendiri berasa curiga, kalaulah ia bertanya, tiba-tiba Rasulullah s.a.w. melarangnya dari jawatan itu, umpamanya, maka ini menyebabkan seluruh Muslim faham, bahawa Rasulullah s.a.w. telah tidak merestui Ali r.a. pada jawatan itu, dan juga anak cucu keturunannya buat selama-lamanya. Kalau perkara itu berlaku, maka hilanglah hak keturunan Ali r.a., oleh itu lebih baik jangan bertanya.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan r.a. musuh-musuh Islam yang terdiri dari berbagai-bagai golongan seperti bersatu meningkatkan pergerakan di bawah kumpulan yang paling aktif iaitu Saba'iyah pimpinan Abdullah bin Saba', seorang Yahudi memeluk Islam pada zaman pemerintahan Uthman bin Affan r.a. Pergerakan ini tidak mendapat ruang bergerak dalam pemerintahan Umar bin al-Khattab r.a., kerana sikap khalifah yang tersangat tegas, serta kawalan masyarakat yang amat rapi. Tetapi kumpulan-kumpulan seperti ini bernafas lega dalam pemerintahan Khalifah Uthman r.a. yang mengamalkan polisi terbuka dan tolak ansur. Mereka menjadi subur, banyak ruang menabur fitnah terhadap pegawai-pegawai kanan negara sedangkan objektifnya ialah khalifah sendiri, hingga sampai kepada memaksa khalifah meletak jawatan. Apabila ia berkeras tidak mahu tunduk kepada tekanan kumpulan-kumpulan penentang ini, kerana tiada kesalahan syar'i yang melayakkan ia meletakkan jawatan, maka lalu ia dibunuh dengan kejam.

Antara isu utama yang kerap ditonjolkan sebagai kesalahan besar Khalifah Uthman bin Affan r.a., ialah amalan mengutamakan kaum keluarga dalam pengisian sesuatu jawatan penting dalam pemerintah seperti jawatan gabenor dan sebagainya. Lalu menyebabkan rata-rata jawatan penting dipenuhi dengan kaum keluarganya dari keturunan Bani Umaiyah. Apa yang menghairankan d sini, para penentang kerajaan Uthman r.a. termasuk juga sebahagian dari golongan Syi'ah begitu sekali lantang menyalahkan pentadbiran Uthman r.a. tentang isu ini, sedangkan mereka lupa dua perkara penting, iaitu:

1. Pelanti dan pemecatan pegawai negara adalah hak khalifah, kerana ia termasuk dalam ruang lingkup "ijtihad"nya.[460] Ini menjad amalan semua khalifah sebelum dan selepas Uthman r.a.
2. Golong Syi'ah yang terlalu menyalahkan khalifah Uthman dalam isu ini, seperti lupa keadaan ketika Saiyidina Ali r.a. memerintah selepas Uthman r.a. itu. Langkah pertama yang diambil ialah memecat para pegawai kerajaan Khalifah Uthman r.a., terutama gabenor-gabenor wilayah, kemudian mengisikan jawatan-jawatan penting yang dikosongkan itu dengan kaum keluarga, sanak saudaranya, jauh dan dekat. Apabila Khalifah Ali r.a. yang melakukannya, tidak pula dipersalahkan. Lebih aneh dari itu lagi Khalifah Uthman dan penyokong-

---

[459] Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, jil. III, hlm. 67.
[460] Ibn al-Arabi, al-Awasim.

penyokongnya tidak sampai meletakkan peraturan bahawa jawatan khalifah hendaklah dipegang oleh anak cucu Uthman bin Affan r.a., tetapi bagi Syi'ah yang kononnya menyokong Saiyidina Ali r.a. mendakwa memang sudah ditetapkan bahawa jawatan khalifah itu mestilah menjadi hak mutlak Saiyidina Ali dan keturunannya dari Saiyadatina Fatimah binti Rasulullah s.a.w. Kalau tidak, orang-orang yang menjawat jawatan itu dikira sebagai perampas.

Selain isu ini, permasalahan hadiah, sagu hati dan ganjaran-ganjaran yang banyak dikeluarkan oleh Khalifah Uthman r.a. kepada sanak saudara dan kaum kerabatnya juga dieksploitasi dengan begitu hangat sekali, dan berjaya membakar semangat rakyat jelata, terutama bagi penduduk yang kawasan tempat tinggal mereka berjauhan dari ibu kota Madinah, seperti Kufah, Basrah dan Mesir. Kesannya menimbulkan kemarahan dan bantahan rakyat di sana sini. Pihak kerajaan tidak dapat membendung keadaan itu, antaranya disebabkan masalah perhubungan dan komunikasi. Seperti masalah-masalah lain juga, isu ini pun telah dibuat penyelesaian dengan menjelaskan kepada wakil-wakil penentang yang dijemput khas ke Madinah dengan kehadiran bersama sahabat-sahabat Nabi s.a.w. yang masih ada. Di mana sahabat-sahabat ini sendiri berpuas hati dengan penjelasan terperinci khalifah itu. Antaranya, Uthman r.a. sebagai seorang yang berada memang menjadi cara hidupnya sejak zaman Rasulullah s.a.w. dahulu lagi hingga ke zaman ia menjadi khalifah sentiasa pemurah dengan derma, pemberian hadiah dan sebagainya, terutama kepada anak buah sendiri. Dan hadiah-hadiah itu diambil dari milik peribadinya sendiri, bukan milik negara, lihat huraian lanjut oleh al-Tabari.

Apa yang disebutkan di sini, kebanyakan buku-buku sejarah Islam yang menjadi bahan bacaan generasi kini, memuatkan maklumat separuh jalan, dan tidak cuba mendedahkan keseluruhan maklumat yang bersangkutan hingga ke akhirnya. Ini menyebabkan gambaran yang dihasilkan oleh maklumat separuh jalan itu begitu kabur, buruk dan amat bercanggah dengan kemurnian peribadi tokoh-tokoh yang berkenaan. Ini ditambah lagi dengan maklumat-maklumat rekaan yang dibuat dengan tujuan tertentu. Contoh maklumat separuh jalan:

1. Khalifah Uthman r.a. banyak mengeluarkan hadiah dan ganjaran. Tidak dijelas selanjutnya. Harta siapa yang dikeluarkan itu ...? Adakah semestinya apabila seseorang itu menjadi ketua negara, semua penggunaannya diambil dari harta negara ...? Tidak adakah langsung milik peribadi ...? Bagaimana sejarah dermawan Uthman bin Affan r.a. , sebelum menjadi khalifah dan ketika menjadi khalifah ... ? Adakah Bait al-Mal negara dikawal seorang diri oleh Khalifah Uthman ...? Tidak adakah langsung usaha-usaha khalifah untuk menjelaskan perkara sebenar sebagai penyelesaian kepada masalah seperti ini ...?
2. Abu Zar al-Ghifari mengkritik kerajaan, akhirnya dia berkampung di al-Ribzah. Tidak pernah dijelaskan maklumat selanjutnya; Bagaimanakah prinsip hidup Abu Zar itu? Bagaimana kisah sebenarnya dia berpindah ke kawasan baru al-Ribzah ...? Adakah dia dipaksa ke sana atau dia memilih sendiri...? Mengapa demikian ...?

Segala maklumat bagi jawapan kepada persoalan-persoalan seperti di atas, amat jarang-jarang diketengahkan, bahkan hampir-hampir tiada kedapatan dalam bahan-bahan bacaan sejarah Islam kini. Pada hal masih banyak maklumat-maklumat lanjut dan terperinci. Di dalam sumber-sumber utama sejarah Islam peringkat awal seperti 'Tarikh al-Tabari' [461], al-Bidayah wa al-Nihayah, Tarikh Ibn Asakir dan

---

[461] Lihat al-Tabari, Tarikh al-Rusul, jil. IV, catatan peristiwa tahun Hijrah 24, 22, 26, 27, 29, 30, 34.

sebagainya; termasuk sumber-sumber Hadith, sastera dan sebagainya yang banyak memuatkan bahan-bahan berbentuk sejarah, terutama sejarah tokoh-tokoh di peringkat awal Islam. Maka disebabkan oleh maklumat yang bersifat separuh jalan seperti itulah, menyebabkan kebanyakan ulasan sejarah Islam di peringkat awal itu, lebih jelas mempersalahkan tokoh-tokoh Islam yang ternama seperti Khalifah Uthman bin Affan r.a., Saiyidatina Aisyah r.a., Saiyidina Ali bin Abu Talib r.a. dan sebagainya.

Dalam banyak aspek, Khalifah Uthman r.a. paling hebat dikecam. Salah satu faktor yang menyebabkan demikian, kerana beliau dari keturunan Bani Umaiyah yang menjadi sasaran kepada penulis-penulis yang gemar membangkitkan semangat kesukuan Arab. Keadaan begitu lebih parah lagi apabila Mu’awiyah bin Abu Sufyan berkeras tidak menyerahkan tanda setia kepada Khalifah Ali bin Abu Talib r.a., dan menentangnya dalam peperangan Siffin. Lalu sejak itu segala huraian tentang kerajaan Bani Umaiyah yang diasaskan oleh Mu’awiyah, semuanya buruk, kejam dan jahat. Sebaliknya pula para penentangnya, terutama golongan Syi’ah adalah terlalu baik, adil, dan saksama. Menurut Dr. Mahmood Muhammad Ziadah, keadaan begini boleh terjadi disebabkan banyak perkara diantaranya:

1. Umumnya Bani Umaiyah banyak dicatatkan sebagai menentang Bani Hasyim, buktinya, Mu'awiyah menentang Ali, dan mencatat kemenangan. Yazid menentang Hussain di Karbala begitu juga Zaid bin Ali bin Hassain dan anaknya Yahya ditentang oleh tentera Bani Umaiyah dalam banyak peperangan. Peristiwa begini mempengaruhi pena para penulis.
2. Penulis-penulis Syi'ah terang-terang bersikap membenci Bani Umaiyah, dan menggambarkan mereka semua sebagai bengis, liar, bahkan ada yang sampai menyifatkan mereka sebagai kafir.
3. Kerajaan Bani Umaiyah jatuh sebelum zaman aktiviti penulisan dan digantikan oleh kerajaan Abbasiyah yang memusuhinya. Dengan itu segala keagungan dan kemurnian kerajaan Bani Umaiyah dilenyapkan dan yang ditonjolkan ialah aspek-aspek kezaliman dan keburukannya. Bererti sejarah Bani Umaiyah ditulis pada zaman musuhnya.
4. Terdapat ramai pula sejarawan yang fanatik kepada kerajaan Abbasiyah dengan bersikap menentang Bani Umaiyah, antaranya fanatik Syi'ah seperti al-Mas'udi, al-Dinawari, dan al-Yaakubi. Antaranya, fanatik Khawarij seperti al-Mubarrad, setengahnya pula fanatik suku seperti bangsa Parsi.[462] Apa yang terjadi ialah selepas zaman sejarawan yang tersebut muncul sejarawan-sejarawan baru, mereka mengambil apa saja yang telah ditulis itu, sebagai satu fakta yang benar, kemudian diterima pula oleh penulis-penulis sejarah berikutnya, sama ada Muslimin atau Orientalis atau seumpamanya.

SARANAN

Menyedari betapa gambaran yang diberikan oleh sejarah kepada periode dan tokoh-tokoh Islam zaman awal begitu lesu dan negatif sangat tidak selari dengan peranan dan sumbangan yang mereka berikan kepada pengembangan Islam, maka diyakini ada sesuatu yang tidak kena pada penulisan dan pentafsiran sejarah bagi periode yang tersebut. Sebagai salah satu usaha ke arah menjernihkan kembali kekeruhan dan kecelaruan yang berlaku itu, maka inilah disarankan beberapa perkara, seperti yang berikut:

---

[462] Dr. Mahmoud Muhammad Ziadah, Al-Daulah al-Umawiyah, cet. II, Mesir 1969, hlm. 7, 8, 9.

Pertama

Kedudukan pengajian sejarah Islam, khasnya bagi peringkat awal Islam, perlu diteliti semula, dan perlu diberi pentafsiran yang serasi dengan kedudukan generasi abad pertama Islam yang mendapat perakuan istimewa daripada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. sebagai generasi terbaik dari kalangan umat ini. Sekiranya ditemui fakta-fakta buruk yang menjejaskan imej-generasi berkenaan, maka perlu dikaji secara teliti kerana kemungkinan fakta itu bukan suatu realiti dan tidak berpijak di bumi nyata.

Kedua

Pengajian sejarah Islam mestilah dirujuk kepada sumber-sumber asalnya, dengan bantuan sumber-sumber asal pengajian Islam yang lain seperti ilmu Hadith, tafsir, falsafah Islam, syariah, hukum-hukum al-Qur'an, Tauhid dan sebagainya. Bahan-bahan bacaan sejarah biasa, terutamanya yang dikarang oleh pengarang Muslim yang tidak iltizam atau oleh kalangan Orientalis yang terkenal dengan niat serongnya perlu dibaca dengan penuh awas dan pertimbangan. Elakkan dari menimba maklumat secara membuta-tuli atau menganggap semua maklumat yang ditemui dalam buku-buku sejarah itu, tepat, betul dan benar.

Ketiga

Peminat dan individu-individu yang berhasrat menceburi bidang sejarah Islam bagi peringkat awal Islam perlu mengambil kira bahawa usaha mendalami bidang ini adalah baik dan diberi ganjaran tetapi bagaimana akan dianggap baik dan layak diberi ganjaran pahala oleh Allah s.w.t. sekiranya tulisan dan huraian yang dibuat melibatkan tokoh-tokoh sahabat Nabi s.a.w. itu dipenuhi cacian, kutukan, pembohongan dan pemalsuan. Sebab bukan sahaja personaliti tokoh-tokoh itu yang akan terjejas, tetapi risalah Islam yang mereka bawa itu sendiri yang akan turut terjejas. Walau bagaimanapun ini tidaklah bermaksud supaya digambarkan tokoh-tokoh sahabat ini hingga, ke tahap “maksum" (tidak melakukan kesilapan langsung), kerana yang maksum hanyalah para Rasul dan Nabi s.a.w. semata-mata.

Keempat

Pengajian Sejarah Islam sangat perlu dijelaskan objektifnya secara nyata. Tidak hanya sekadar mendapat maklumat jatuh bangun sesebuah pemerintahan, pasang surut sesebuah organisasi politik, menang kalah sesebuah kuasa dalam menghadapi peperangan atau baik buruk seseorang khalifah itu memerintah, tetapi apa yang perlu ialah mengaitkan semua ciri-ciri yang tersebut itu dengan matlamat keimanan dan penyebaran Islam menurut metod yang digariskan oleh Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. Perkara ini ditimbulkan kerana kerap kali penulisan sejarah Islam dilakukan secara terpisah daripada objektifnya yang sebenar. Kedudukannya disetarafkan dengan sejarah-sejarah umum lain yang bukan bermatlamatkan keredaan Allah s.w.t.

BIBLIOGRAFI

A. Syarifuddin al-Musawi, 1983. Dialog Sunnah Syi'ah. Terj. al-Baqir. Cetakan Kedua. Bandung: Mizan.

Abd. Hamid Bakhit, Dr. 1967. Asral-Khulafa' al-Rasyidin. Cetakan Kedua. Kaherah: Dar al-Maarif.

Abd. Khaliq Abu Rabiah 1973. Maa al-Khulafa' al-Rasyidin. Kaherah: Matabie al-Ahram al-Tijariyyah.

Aboe Bakar Atjeh, 1980. Siri Perbandingan Mazhab Shiah, Rasionalisme dalam Islam. Kota Bharu, Kelantan: Pustaka Aman Press.

Abu al-Hasan Ali al-Husni al-Nadwi, 1397 H./1977 M. al-Sirah al-Naba- wiyah. Jeddah: Dar al-Syura. Cetakan Pertama.

Abu Bakar Ibn al-Arabi al-Qadhi. Al-A wasim min al-Qawasim, fi Tahqiq Mawaqif a/-Sahabah baad Waah al-Nabi s.a. w. Tahqiq dan Ulasan Muhibuddin al-Khatib, Lujnah al-Shabab al-Muslim. Al-Jazair 1347 H.

Ahmad Amin, 1968. Fajr al-Islam, Cetakan kesepuluh. Kaherah: Lujnah al- Ta'lifwa al-Tarjamah wa al-Nasyr.

Ahmad Atiyatillah, 1966. Al-Qamus al-Islami. Kaherah: Al-Nahdhah al- Misriyah.

Ahmad Shalabi, Dr. 1982. Sejarah dan Kebudayaan Islam. Terj. Muhammad Labib Ahmad. Singapore: Pustaka Nasional.

Al-Adawi, Ahmad Ibrahim, Dr. 1396 H./1972 M. Al-Nuzum al-Islamiyyah, Muqawwimatuha al-Fikriyah wa Muassasatuha al-Tanfiziyah fi Sadr al- Islam wa al-Asr al-Amawiy. Kaherah.

Al-Adawi, Dr. 1396 H./1976 M. Al-Tarikh al-Islami, Afaquhu al-Siasiyah wa Abaduhu al-Hadhariyyah. Kaherah: al-Anglo al-Misriyah.

Al-Ahadith al-Nabawiyah.

Al-Aqqad, Abbas Mahmoud, 1970. Abqariyah al-Imam Ali. Cetakan Pertama. Kaherah: Dar al-Hilal.

Al-Aqqad, Dr. 1966. Al-Tarikh al-Islami wa al-Hadharah al-Islamiyah. Cetakan Kedua. Mesir: Maktabah al-Nahdhah.

Al-Asadi, Siyf bin Umar al-Dhabi, 1397 H./ 1977 M. Al-Fitnah wa Waqah al-Jamal. Himpunan Ahmad Ratib Atmusty. Cetakah Ketiga. Beirut: Dar al-Nafais.

Al-Asqalani, Ibn Hajar Syihab al-Din bin Ali, 1923. Al-Isabah fi Tamyiz al- Sahabah. Kaherah.

Al-Asyari, Abu al-Hasan al-Arabi. Maqalat al-Islamiyin, wa Ikhtilaf al-Muslimin. Tahqiq Mahammad Mahyuddin Abd. Hamid. Kaherah: Al- Nahdhah al-Misriyah.

Al-Baghdadi, Abd. Mu'min bin Abdulhaq, 1954. Marasid al-Ittila fi al-Amkinah wa al-Biqaa. Tahqiq Ali Muhammad al-Bijawi. Kaherah: Dar al-Ihya al-Kutub.

Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad bin Ismail 256 H. Al-Jamie al-Sahih.

Al-Ibyariy, Ibrahim 1962. Muawiah. Kaherah: AI-Muassasah al-Misriyah al- Amah.

Al-Kandahlawi, Muhammad Yusuf, 1972. Hayat al-Sahabah. Halab Syria: Dar al-Wai.

Al-Masudiy, Abu al-Hasan Ali bin al-Hussain bin Ali al-Mawardiy (346 H.) 1386 H./1966- M. Muruj al-Zahab wa Maadin al-Jawar. Tahqiq Muhammad Mahyuddin Abd. Hamid. Kaherah: Kitab al-Tahrir.

Al-Maududiy, Abu al-Aala' 1977. Al-Hukumah al-Islamiyah. Terj. Ahmad Idris. Kaherah: al-Mukhtar al-Islami.

Al-Mawardiy, Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin Habib al-Baghdadiy 1386H./1966M. Al-Ahkam al-Sultaniyah, wa al-Wilayat al-Diniyah. Cetakan Kedua. Kaherah: Matbaah Mustafa al-Halabi.

Al-Naisaburiy, Abu al-Hasan Ali bin Ahmad al-Wahidi (468 H.) 1387 H./ 1968 M. Asbab al-Nuzul. Cetakan Kedua. Mustafa al-Halabi. Kaherah.

Al-Qur'an al-Karim.

Al-Sanani, Abd. Razak al-Himyari (211) 1972. AJ-Musannaf, Tahqiq al-Aazami. Beirut.

Al-Sayuti, al-Hafiz Jalaluddin Abd. Rahman bin Abu Bakar (911 H.} 1389 H./ 1969 M. Tarikh aJ-KhuJafa'. Tahqiq Muhammad Mahyuddin Abd. Hamid. Cetakan Keempat. Kaherah: Matbaah al-Fajjalah al-Jadidah.

Al-Suwaidi, al-Saiyyid Abdullah bin al-Husain al-Abbasi, 1973. Muktamar al-Najat: Mesir: Al-Sultaniyah.

Al-Syahrastani, Abu al-Fath, Muhammad bin Abd. Karim, 1317 H/1899 M. Al-Milal wa al-Nihal (Ala Hamisy al-Fasl). Kaherah.

Al-Syahrastani, Abu al-Fath, Muhammad bin Abd. Karim, 1948. Al-Milal wa al-Nihal. Kaherah: Maktabah al-Husain al- Tijariyyah.

Al-Syaukani, Muhammad bin Ali, 1404 H./1984 M. Dar al-Sahabah fi Manaqib al-Qarabah wa al-Sahabah. Tahqiq Dr. Husain bin Abdullah al-Umari. Damsyiq, Syria: Dar al-Fikr.

Al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad bin Jarir al-Tabari, (224-310 H.) 1969. Tarikh al-Rusul wa al-Muluk. Cetakan Kedua. Tahqiq Muhammad Abu al-Fadhl Ibrahim. Mesir: Dar al-Maarif.

Al-Tiqtaqa, Muhammad Ali bin Tabataba 1308 H./1'969 M. Tarikh al-Dual al-Islamjyah. Dar Sadir, Dar Beirut.

Al-Yaakubi, Ahmad bin Abu Yaakub bin Jaafar bin Wahab 1379 H./1060 M. Tarikh al-Yaakub. Dar Sadir, Dar Beirut.

Al-Zarkasyi, al-Imam Badruddin, 1939. Al-Ijabah li Iradi Mastadra Kathu al-Saiyidah Aisyah ala al-Sahabah. Damsyiq.

Ali Abd. Raziq, 1966. Al-Islam wa Usul al-Hukmi. Beirut: Dar al-Fikr.

Ali Hosni al-Kharboutli, Dr. 1975. Al-Hadharah al-Arabiyah al-Islamiyah. Cetakan Kedua. Kaherah: Maktabah al-Khanji.

Ali Ibrahim Hasan, Dr. 1972. Al-Tarikh al-Islami al-Am. Cetakan Pertama, Kaherah: Maktabah al-Nahhdhah al-Misriyah.

Ali Ali Mansur (Musytasyar) 1384 H./1964 M. Nuzum al-Hukmi wa al-Idarah fi al-Syariah al-Islamiyah. Cetakan Kedua. Beirut: Dar al-Fath li al-libaah wa al-Nasyr.

Anwar al-Rifaie 1302 H./1982 M. Al-Islam fi Hadharatihi wa Nuzumihi, al-Idariyyah wa al-Siasiyah wa al-Adabiyah wa al-Ilmiyah wa al-Ijtimaiyah wa al-Iqtisadiyah wa al-Fanniyyah. Cetakan Kedua. Kaherah: Dar al- Fikr.

Hasan Ibrahim Hasan, Dr. 1964. Tarikh al-Islam al-Siasiy wa al-Dini wa al-Thaqafi wa al-Ijtimai, al-Nahdah al-Misriyah. Cetakan Ketujuh. Kaherah.

Hassan Mallarji 1393 H./1973 M. Al-Rasul al-Azam wa Ahlu Baitihi al-Athar. Cetakan Kedua. Beirut: Muassasah al-Aalami li al-Matbuat.

Ibn Abd. al-Bar, Yusuf bin Abdullah al-Qurtubi, 1974, Al-Istiaab fi Marifat al-Ashab. Tahqiq al-Bijawi. Kaherah.

Ibn al-Athir, Abu al-Hasan Izuddin Ali bin Muhammad 1303 H./1805 M. Al-Kamil fi al-Tarikh. Kaherah: Matbaah Zat al-Tahrir.

Ibn al-Ibriy, 1890. Tarikh Mukhtasar al-Dual. Beirut: Al-Maktabah al-Katholikiyyah.

Ibn Hajar, Dr. 1969. Zu al-Nurain Uthman bin Affan. Cetakan Pertama. Beirut: Dar al-Hilal.

Ibn Hazm, Ali bin Ahmad bin Said bin Hazm al-Zahiriy (456 H.) 1320 H./ 1902 M. Al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal. Kaherah.

Ibn Khaldun. Abd. Rahman bin Muhammad. Muqaddimah min Kitab al-Ibar wa Diwan al-Mubtada wa al-Khabar. Kaherah: Al-Maktabah al- lijaniyah al-Kubra.

Ibn Saad, Muhammad bin Saad, Katib al-Waqidi 1965. Al-Tabaqat al-Kubra. Kaherah: Dar al- Tahrir.

Ibn Taimiyah, Abu al-Abbas Ahmad bin Abd. Halim bin Abd. Salam bin Syihab al-Din bin Taimiyyah. Minhaj al-Sunnah fi Naqd Kalam al-Syiah wa al-Qadiriyah. Kaherah, Mesir .

IbnTaimiyah, Dr. 1301 H. Fathual-Bari bi Syarhal-Bukhari, Bulaq. Kaherah.

Ibn Taimiyah, Dr. 1379 H/1960 M. Al-Sarim al-Maslul ‘ala Syatim al-Rasul. Tahqiq Muhammad Mahyuddin Abd.Hamid: Kaherah.

Ibrahim Ali Syawat, Dr. Mahmoud Muhammad Ziadah, 1386 H./1984 M. Ziadah, al-Hiqbah al-Mithaliyah fi al-Islam. Mesir: Matbaah al-Jamiah al-Azhariyah.

Ihsan Ilahi Zahir. 1984. Al-Syiah wa al-Tasyayyu, Firaq wa Tarikh. Cetakan Ketiga. Pakistan: Jawid Riadh Lahore.

Jalal Mazhar 1970. Muhammad Rasulullah, Siratuhu wa Atharuhu fi al-Hadharah. Mesir: Maktabah al-Khanji.

Jurji Zaidan. Tarikh al-Tamaddun al-Islami. Kaherah: Matbaah al-Hilal.

Mac Donald. D.B.. 1930. Development of Muslim, Theology, Jurisprudence and Constitutional Theory. New York.

Muhammad ar-Sidiqiy, Dr. 1969. Ali wa al-Hakimun. Beirut: Muassasah al- Aalamiy li al-Matbuat.

Muhammad al-Tijani al-Samawi. 1987. Laakuna maa al-Sadiqin. Cetakan Ketiga. Paris: Al-Busyra.

Muhammad Ali Qutb. 1986. Aisyah Mualimah al-Rijal wa al-Ajyal. Kaherah: Maktabah al-Qur’an.

Muhammad Dhiauddin, al-Rais, 1960. al-Nazariyat al-Siasiyah al-Islamiy yah. Cetakan Ketiga. Cairo: The Anglo Egyption Bookshop.

Muhammad Fuad Abd. Baqiy 1407 H./1987 M. Al-Lu’lu' wa al-Marjan fi ma Ittafaqa alaihi al-Syaikhan. Kaherah: Dar al-Hadith.

Muhammad Hamidullah. 1958. Al-Wathaiq al-Siasiyah li al-Ahd al-Nabawi wa al-Khilafah al-Rasyidah. Cetakan Kedua. Kaherah.

Muhammad Husain Haikal. 1972. Al-Faruq Umar. Cetakan Kelima. Mesir: Dar al-Maarif.

Muhammad Hussain al-Zain. Syikh, 1979. al-Syiah fi al-Tarikh. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.

Muhammad Jawad Mughniah. 1979. Al-Syiah fi al-Mizan. Beirut: DarTaarif li al-Maktabah al-Qur’an.

Muhammad Kurd Ali. 1968. Al-Islam wa al-Hadharah al-Arabiyyah. Cetakan Kedua. Kaherah: Lujnah al-Ta'lifwa al-Tanjanah wa al-Nashr.

Muhammad Salim al-Iwa, Dr. 1975. Fi al-Nizam al-Siasi li al-Daulah al-Islamiyah. Cetakan Pertama. Kaherah: Matabie al-Ahram al-Tijariyyah.

Muhammad Taha Badawi, Dr. 1974. Furudh Ilmiyah fi Tafsir Alaqat al-Harb wa al-Salam. University of Beirut.

Muhammad Tahir bin Asyur 1968. Naqd Ilmi li Kitab al-Islam wa Usul al-Hukm. Kaherah.

Muhibuddin al-Khatib, 1393 H. Al-Khutut al-Aridhah li al-Usus Allati Alaiha din al-Syiah al-Imamiyah. Mesir: Maktabah al-Salafiyah.

Muhsin al-Amin. 1960. Aayan al-Syiah. Beirut: Matbaah al-Insaf.

Mustafa al-Rafiey. Dr. .1968. Hadharah al-Arab fi al-Usur al-Islamiyah al- Zahirah. Cetakan Kedua. Beirut: Dar Kitab Lubani.

Mustafa Hilmi, Dr. 1977. Nizam al-Khilafah fi al-Fikr al-Islami. Cetakan Pertama. Kaherah: Dar al-Ansor

0. Hashem 1987. Saqifah: Awal Perselisihan Ummat. Cetakan Pertama. Padang Lampung/Sumatera: YAPI.

Rafiq al-Azm 1387 H./1968 M. Asyhar Masyahir al-Islam, fi al-Hurub wa al-siasah. Cetakan Kedua. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.

Sadi Abu Habib 1406 H./1985 M. Dirasah fi Manhaj al-Islam al-siasi. Cetakan Pertama. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Subhiy al-Salih 1388 H./1968 M. Al-Nuzum al-Islamiyah, Nasyatuha wa Tatawwuruha. Cetakan Kedua. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.

Syiekh Asas Haidar, 1987. Al-Sahabah Menurut Perspektif Islam. Republik Singapore: Pustaka al-Ikhwan.

The Encyclopaedia of Islam, jil. IV.

The Encyclopaedia of Sciences, jil. VIII.

Thomes Arnold, Sir., 1924. The Caliphate. Oxford.

Umar Farrukh, Dr. 1984. Tarikh al-Jahiliyah. Cetakan Kedua. Beirut.